


SEJARAH AWAL PULAU PINANG

SEJARAH AWAL PULAU PINANG



**Noriah Mohamed
Muhammad Haji Salleh
Mahani Musa
Mokhtar Saidin
Ahmad Jelani Halimi
Mohd Isa Othman
Sohaimi Abd. Aziz**

**Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang**

November 2006

**Laporan Hasil Penyelidikan
Geran Penyelidikan Jangka Pendek
Universiti Sains Malaysia
1 April 2004 – 31 Disember 2006**

PENGHARGAAN

Bahan di dalam laporan ini merupakan hasil kajian yang bertajuk *Sejarah Awal Pulau Pinang* yang telah dilaksanakan dari 1 April 2004 hingga November 2006 menggunakan dana sumbangan Geran Jangka Pendek, Universiti Sains Malaysia berjumlah RM23,000.00 (304/PHUMANITI/635063). Sehubungan itu, semua pengkaji ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jawatankuasa Penyelidikan, Universiti Sains Malaysia kerana telah memberi kepercayaan kepada semua pengkaji untuk menjalankan kajian ini.

Semua pengkaji juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak dengan kajian ini. Secara khusus, ucapan penghargaan ditujukan khas kepada semua penyelidik dan pembentang kertas kerja lain yang telah sudi bekerjasama menjayakan dua seminar yang berkaitan dengan kajian ini, iaitu *Kolokium Kebangsaan Melayu Pulau Pinang* dan *Kolokium Pulau Pinang Ke-2: Seberang Perai Ke Mana Hala Tuju?* Bahan untuk *Kolokium Melayu Pulau Pinang* telah dibukukan dengan tajuk *Melayu Pulau Pinang, Himpunan Kertas Kerja Kolokium Kebangsaan Melayu Pulau Pinang* pada tahun 2005. Sebahagian bahan Seminar Seberang Perai yang relevan dengan kajian ini juga sedang diusahakan untuk tujuan yang sama.

**NORIAH MOHAMED DAN RAKAN-RAKAN
NOVEMBER 2006**

KANDUNGAN

HALAMAN TAJUK	i
PENGHARGAAN	iii
KANDUNGAN	iv
PRAKATA	

BAB 1 ARKEOLOGI: PENEMPATAN AWAL DI PULAU PINANG

1.1	Pengenalan	1
1.2	Paleoalam Pulau Pinang	2
1.3	Pulau Pinang dalam arkeologi Malaysia	3
	1.3.1 Bukti arkeologi di Pulau Pinang	4
	1.3.2 Siapakah penghuni awal di Pulau Pinang?	6
1.4	Rumusan	7

BAB 2 ARKEOLOGI: PENEMPATAN AWAL DI SEBERANG PERAI

2.1	Pengenalan	9
2.2	Seberang Perai dalam arkeologi Malaysia	9
2.3	Sekitaran kuno Seberang Perai	10
2.4	Tamadun Lembah Bujang, Kedah	11
2.5	Protosejarah Kuala Selinsing Perak	11
2.6	Zaman prasejarah Seberang Perai	12
2.7	Kebudayaan dan pentarikhkan Guar Kepah	14
2.8	Manusia awal Guar Kepah	15
2.9	Inskripsi Cherok Tok Kun	17
2.10	Inskripsi Buddhagupta	17
2.11	Rumusan	18

BAB 3 SEJARAH AWAL: PULAU PINANG SEBELUM 1786

3.1	Pengenalan	19
3.2	Pemisahan Pulau Pinang daripada ketuanan Melayu Kedah	19
3.3	Siapakah yang membuka Pulau Pinang?	24
3.4	Haji Mohamad Salleh (Nakhoda Intan), Datok Janatun dan Batu Uban	30
3.5	Penerokaan tanah oleh orang Melayu semasa Francis Light	38
3.6	Rumusan	41

BAB 4 SEJARAH AWAL SEBERANG PERAI

4.1	Pengenalan	42
4.2	Seberang Perai sebelum 1800	43
4.3	“Selagi ada matahari dan bulan” – Seberang Perai milik mutlak Inggeris?	45

4.4	Seberang Perai dan peristiwa serangan Siam 1821	53
4.5	Seberang Perai selepas 1842	59
4.6	Aspek kepimpinan dan kemasyarakatan	59
4.7	Suasana sosioekonomi	65
4.8	Rumusan	68
BAB 5	SEJARAH AWAL BAHASA DAN KERAGAMAN BAHASA MELAYU DI PULAU PINANG	
5.1	Pengenalan	70
5.2	Penduduk dan profil sosiolinguistik di Pulau Pinang sebelum dan selepas kedatangan Francis Light	71
5.2.1	Bahasa Melayu tinggi	78
5.2.2	Bahasa Melayu tulen (dialek Melayu Pulau Pinang)	88
5.1.3	Bahasa Melayu basahan Negeri-negeri Selat	100
5.4	Rumusan	110
BAB 6	SENI MUZIK AWAL: GHAZAL PARTI SEBAGAI SENI MUZIK MELAYU TRADISIONAL PULAU PINANG	
6.1	Pengenalan	112
6.2	Asal-usul ghazal	112
6.3	Ghazal Melayu	114
6.4	Ghazal Melayu Johor	116
6.5	Ghazal parti	117
6.6	Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas	126
6.7	Kumpulan-kumpulan ghazal parti	127
6.8	Pemuzik	130
6.9	Peralatan muzik	132
6.10	Penyanyi dan lagu	132
6.11	Penari	135
6.12	Pelawak	140
6.13	Persembahan ghazal parti	140
6.14	Rumusan	144
BAB 7	PULAU PINANG SEBAGI PUSAT ILMU DAN PERKEMBANGAN INTELEKTUAL	
7.1	Pengenalan	146
7.2	Sastera awal	149
7.2.1	Persuratkhabaran dan majalah	152
7.2.2	Penerbit	159
7.2.3	Sastera	161
7.2.4	Sistem pelajaran tradisional	170
7.2.5	Perkembangan ilmu melalui USM	173
7.3	Rumusan	178

PRAKATA

Pulau Pinang mempunyai sejarah yang unik dan tersendiri. Sebagai negeri Melayu yang pertama diambil alih oleh pihak Inggeris, Pulau Pinang terus membuka jalan kepada perkembangan imperialisme Inggeris seterusnya di negeri-negeri Melayu sehinggalah Inggeris menakluki secara rasmi Tanah Melayu pada tahun 1874 menerusi Perjanjian Pangkor. Penaklukan ini membawa perubahan bukan sahaja dalam aspek sosioekonomi dan politik malah juga aspek pensejarahan. Pengaruh eurosentrik mula menguasai penulisan sehingga sejarah tempatan menjadi kabur dan tidak bermakna. Dalam konteks ini, sejarah Pulau Pinang mengalami nasib yang sama. Kehadiran dan sumbangan Inggeris serta masyarakat lain yang dilihat oleh penjajah sebagai penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi negeri itu diberi perhatian utama dalam kajian dan tulisan-tulisan awal. Keadaan ini membawa implikasi besar kepada Pulau Pinang yang dahulunya merupakan sebahagian kawasan milik kesultanan Kedah. Sejarah awal negeri itu mula dikaburkan lantas tidak dapat bersaing dengan historiografi yang dicipta pihak penjajah.

Berdasarkan kelemahan dan kesedaran untuk mengembalikan jati diri sejarah Pulau Pinang sebagai sebahagian daripada kawasan milik kesultanan tertua dan hebat dalam sejarah alam Melayu, projek Sejarah Awal Pulau Pinang mula digerakkan dan hasilnya beberapa penemuan dalam aspek arkeologi, sejarah, bahasa, dan sastera berjaya dikumpulkan. Dalam aspek arkeologi, misalnya, Pulau Pinang ternyata mempunyai bukti prasejarah yang penting. Penemuan tapak prasejarah di Guar Kepah, Seberang Perai pada tahun 1860-an oleh G. W. Earl bukan sahaja meninggalkan timbunan cengkerang kepah dan kerang dalam rangka manusia yang membuktikan wujudnya tamadun penempatan awal di kawasan tersebut malah lebih penting menuntut satu usaha tegas oleh pihak kerajaan untuk mempertahankan kawasan warisan daripada dimusnahkan oleh kerakusan pembangunan. Selain

Guar Kepah, kawasan lain yang menuntut perhatian pihak berkuasa tempatan dan pihak yang terlibat dalam soal warisan ialah tapak KOMTAR, Sungai Ara, dan Muka Head berikutan penemuan batu nisan Aceh pada tahun 2000, inskripsi Cerok Tok Kun, dan Inskripsi Buddhagupta juga di Seberang Perai. Penemuan ini membuktikan Pulau Pinang dan Seberang Perai tidak pernah terpisah daripada tamadun awal Melayu yang berpusat di Srivijaya dan Kedah Tua.

Memasuki era sejarah, Pulau Pinang dan Seberang Perai terus penting dalam sejarah petempatan dan pembentukan budaya Melayu serantau. Kajian yang dijalankan terhadap aspek ini mendapati kawasan petempatan orang Melayu dari Nusantara, khususnya Minangkabau dan Aceh telah kelihatan di beberapa kawasan di bahagian pulau, iaitu di sekitar Batu Uban, Dato Keramat, dan lain-lain lagi lama sebelum Francis Light tiba dan memacakkan bendera Union Jack pada tahun 1786. Sejarah awal petempatan Melayu ini diakui sendiri oleh sumber-sumber Inggeris meskipun kebanyakan tulisan ini menafikan wujud masyarakat menetap dan kerajaan formal orang Melayu pada waktu itu. Penemuan kubur dan sumber-sumber lisan daripada generasi keturunan orang Melayu yang awal ini mengesahkan hakikat tersebut. Nama Nakhoda Kecil, Nakhoda Intan, dan Datok Janatun dilihat sebagai pemimpin Melayu awal yang bertanggungjawab memajukan pulau itu sebelum kedatangan Inggeris. Kukuhnya ikatan pengikut-pertuanan Melayu Kedah ini terbukti dengan sokongan padu yang diberikan penduduk Melayu di Pulau Pinang dan Seberang Perai dalam menentang Siam ekoran penaklukan Siam ke atas Kedah pada tahun 1821. Malah dikatakan meskipun berada sepenuhnya di bawah penguasaan Sharikat Hindia Timur Inggeris sejak 1786, sejarah Pulau Pinang khususnya Seberang Perai sebelum kesultanan Kedah dipulihkan kembali oleh Siam pada tahun 1842 merupakan sejarah Kedah.

Sifat kosmopolitan Pulau Pinang yang terbentuk selepas 1786 bukan sahaja kelihatan dalam aspek ekonomi dan politik malah juga dalam aspek sosiobudaya dan bahasa. Kajian yang dijalankan menunjukkan sejak abad ke-18 terdapat pelbagai ragam bahasa Melayu yang wujud di Pulau Pinang. Migrasi penduduk luar (dari negara luar) dan kawasan lain di Malaysia merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kewujudan pelbagai ragam bahasa Melayu di negeri itu. Bauran bahasa ini diperkukuh menerusi perkahwinan campur yang akhirnya bukan sahaja mewujudkan toleransi dalam berbahasa malah juga dalam soal budaya dan sastera malah tercatat dalam sejarah sebagai pusat ilmu dan perkembangan intelektual.

Pulau Pinang (termasuk Seberang Perai) mempunyai signifikan tersendiri dalam sejarah perkembangan ekonomi, sosiobudaya, kesusasteraan dan keintelektualan Melayu. Kepentingan ini terbentuk sejak sebelum kehadiran Francis Light, kemudiannya diadun, disesuaikan, dan bersaing dengan sifat masyarakat kosmopolitan yang dibentuk oleh pihak penjajah. Sumbangan dan kepentingan ini tidak pernah kalah namun sering kali dipinggirkan dalam penulisan dan kajian. Dengan kajian-kajian yang dihasilkan oleh para penyelidik yang terlibat dalam projek Sejarah Awal Pulau Pinang ini, diharap lebih banyak kajian berwibawa tentang orang Melayu Pulau Pinang dapat dihasilkan dan diterbitkan untuk rujukan dan panduan penyelidik.

BAB 1

ARKEOLOGI: PENEMPATAN AWAL DI PULAU PINANG

1.1 Pengenalan

Bab 1 dan Bab 2 laporan ini akan memerikan aspek arkeologi Pulau Pinang dan Seberang Perai. Arkeologi dalam konteks laporan ini bermaksud kajian saintifik mengenai sesuatu kebudayaan (terutama kebudayaan prasejarah) dengan cara penggalian dan penghuraian kesan-kesan tinggalan (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005: 78).

Dari segi sejarah, pada 17 Julai 1786, iaitu sekitar 217 tahun yang lalu, Francis Light dan kumpulannya dikatakan telah memulakan penempatan di Pulau Pinang. Hampir semua rekod penulisan sejarah tentang ketibaan Sharikat Hindia Timur ini mendedahkan bahawa telah ada beberapa perkampungan Melayu, seperti di Sungai Pinang, Teluk Kumbar, Sungai Gelugor dan Tanjung Tokong yang wujud di pulau itu. Walau bagaimanapun, tidak ada kajian terperinci dan data yang holistik untuk membuktikan kewujudan masyarakat Melayu awal ini. Dari segi arkeologi, bukti pertama prasejarah negara ditemui di Guar Kepah, Seberang Perai pada tahun 1860 oleh Earl, G.W. Guar Kepah mendedahkan timbunan cangkerang kepah dan kerang yang di dalamnya ditemui rangka manusia, alat batu, sisa makanan, manik, dan pecahan tembikar. Earl tidak melaporkan sebarang pentarikan bagi tapak tersebut. Walau bagaimanapun, apabila dibandingkan artifak yang ditemui di Guar Kepah dengan tapak prasejarah lain, dijangka bahawa tapak di Guar Kepah ini berusia sekurang-kurangnya sekitar 3,000 – 4,000 tahun dahulu atau mungkin lebih tua. Selain Guar Kepah, laporan penemuan alat batu beliung di Pulau Pinang, seperti di tapak pembinaan Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), Kampung Gelugor dan

Sungai Ara menunjukkan bukti Neolitik, iaitu bukti dari era pertanian awal yang dijangkakan berusia sekurang-kurangnya 5,000 tahun dahulu, juga ada di Pulau Pinang. Kajian terbaru juga menemui perkuburan yang batu nisannya bercirikan batu nisan Aceh di Muka Head. Berdasarkan bentuknya, batu nisan ini dijangka mewakili era awal 1700. Semua bukti arkeologi dan sejarah di atas menunjukkan bahawa telah ada penduduk di Pulau Pinang jauh lebih awal sebelum 17 Julai 1786.

1.2 Paleoalam Pulau Pinang

Sebelum membincangkan tentang bukti arkeologi di Pulau Pinang, kajian paleoalam ataupun sekitaran kunonya akan dibincangkan terlebih dahulu. Kajian paleoalam Pulau Pinang yang dibincangkan ialah dari aspek perubahan aras laut yang berlaku yang memberikan kesan kepada pergerakan manusia di negeri ini. Peta 1.1 (di dalam Lampiran 1) menunjukkan bahawa hanya sekitar selepas 7,000 B.P. baharulah bahagian pulau terpisah daripada tanah daratan Seberang Perai. Ini bermakna sebelum 7,000 B.P. manusia awal boleh terus bergerak ke bahagian pulau melalui daratan. Contohnya, pada 9,000 B.P. kedudukan tepi laut adalah sekitar 50 meter dari tepi laut sekarang, iaitu –30 meter lebih rendah daripada aras laut purata semasa.

Secara amnya, sebelum 6,000 B.P., aras laut di Semenanjung Malaysia didapati sama dengan bahagian lain bumi, iaitu meningkat dari kedudukan terendah (antara –100 meter dan –130 meter) sekitar 18,000 B.P. ke aras laut purata semasa. Aras laut terus meningkat dan mencapai ketinggian maksimum (+5 meter) pada sekitar 5,000 B.P.

Selepas 5,000 B.P., Tjia et al. (1972) mencadangkan aras laut penghujung Holosen menurun dan beberapa kali naik turun, yakni pernah turun di bawah aras purata

semasa dan pernah setengah meter lebih tinggi pada beberapa ratus tahun yang lalu. Kelakuan aras laut Semenanjung Malaysia berlaku dalam tempoh 2,000 tahun dengan amplitud 2 meter. Berdasarkan kelakuan aras laut ini, kedudukan minimum hingga -2 meter lebih rendah terjadi sekitar 1,200 B.P., dan kemudiannya aras laut meningkat ke aras laut purata semasa.

Pendek kata, sebelum sekitar 7,000 B.P. tiada masalah untuk manusia awal ke bahagian pulau kerana semuanya daratan, manakala selepas sekitar 7,000 B.P. manusia awal memerlukan pengangkutan laut untuk sampai ke bahagian pulau.

1.3 Pulau Pinang dalam arkeologi Malaysia

Berdasarkan bukti paleoalam di atas dan bukti arkeologi di sekitarnya, didapati Pulau Pinang berpotensi untuk mempunyai data manusia awal, iaitu jauh lebih awal sebelum kedatangan penjajah pada tahun 1786. Di bahagian utara Pulau Pinang, jelas mendedahkan bukti tamadun Lembah Bujang (lihat Peta 1.1 di dalam Lampiran 1) yang berlangsung seawal 1,500 tahun dahulu (Nik Hassan and Othman, 1990). Tamadun Lembah Bujang meliputi kawasan utara Sungai Muda yang menjadi sempadan Kedah dan Pulau Pinang sehingga ke Gunung Jerai. Sebab itulah beberapa bukti jumpaan, seperti inskripsi di Pulau Pinang, iaitu di Cherok Tok Kun dan Seberang Perai dikaitkan dengan tamadun ini (Mohd Supian, 2002). Maka, dijangka sekurang-kurangnya kawasan Seberang Perai mempunyai perkaitan dengan tamadun Lembah Bujang.

Di bahagian selatan Pulau Pinang terdapat bukti prasejarah di Kampung Kalumpang, Kuala Selinsing, Perak (rujuk Peta 1.1 di dalam Lampiran 1). Kawasan ini merupakan penempatan manusia awal protosejarah sekitar 2,000 tahun dahulu (Nik Hassan, 1999). Kedua-dua tapak, Lembah Bujang dan Selinsing mendedahkan banyak bukti

adanya sistem perniagaan (pertukaran) barangan, seperti penemuan seramik asing, manik dan lain-lain yang menggambarkan sibuknya kawasan ini pada masa 2,000 tahun dahulu. Laluan ini juga melibatkan Pulau Pinang. Maka, secara geografi Pulau Pinang dijangka memainkan peranan penting dalam laluan perniagaan ini.

1.3.1 Bukti Arkeologi di Pulau Pinang

Sungguhpun bukti pertama prasejarah negara datanganya dari Pulau Pinang, namun sejarah kajian dan bukti arkeologi di negeri ini sangat terhad berbanding dengan negeri lain. Hal ini ketara berlaku, terutamanya di bahagian pulau, Pulau Pinang. Jadual 1.1 menunjukkan beberapa kajian yang dilaksanakan dan penemuan arkeologi yang dilaporkan di negeri ini.

Guar Kepah yang terletak di Seberang Perai merupakan satu-satunya tapak prasejarah di Pulau Pinang yang telah dijalankan ekskavasi. Tapak ini mendedahkan artifak alat batu, beberapa bahagian rangka manusia dan sisa makanan. Tidak ada pentarikan kronometrik yang diberikan untuk tapak ini. Berdasarkan perbandingan alat batu di Guar Kepah dengan alat batu di Lembah Lenggong, Perak, dan di Thailand dijangka alat batu di Guar Kepah ini berusia sekitar pertengahan Holosen, iaitu lebih kurang 5,000 tahun dahulu. Ini bermakna telah ada manusia awal di Seberang Perai selewat-lewatnya sekitar 5,000 tahun dahulu.

Jadual 1.1
Bukti arkeologi di Pulau Pinang

Tahun	Tapak	Jumpan	Pengkaji
1851	Guar Kepah	Sebahagian rangka manusia dalam timbunan cangkerang	Earl (1861)
1863	Guar Kepah	Analisis rangka manusia	Huxley (1863)
1930	Guar Kepah	Laporan lokasi dan keadaan tapak	Evans (1930)
1935	Guar Kepah	Laporan kebudayaan Australomelanesoid	Callenfels (1935)
1938	Guar Kepah	Laporan ekskavasi	Callenfels (1938)
1940	Guar Kepah	Analisis rangka manusia	Mijsberg (1940)
1947	Guar Kepah	Laporan penemuan stupa	Quaritch Wales, D. C. dan Quaritch Wales, H. C. (1947)
1840-an	Cherok Tok Kun	Inskripsi Cherok Tok Kun	Braddell (1980)
1840-an	Seberang Perai	Inskripsi Buddhagupta	Braddell (1980)
1983	Tapak KOMTAR	Alat beliung	Adi (1983)
1983	Kampung Gelugor	Alat beliung	Adi (1983)
1989	Sungai Ara	Alat beliung	
2000	Muka Head	Nisan Acheh	

Rangka manusia yang ditemui oleh pengkaji awal di Guar Kepah digolongkan ke dalam kumpulan Australomelanesoid, iaitu manusia yang rupanya mirip masyarakat Asli Australia, Melanesia, dan penduduk New Guinea sekarang.

Selain di Guar Kepah, beberapa beliung Neolitik telah ditemui di bahagian pulau Pulau Pinang, seperti di tapak KOMTAR, Gelugor, dan Sungai Ara. Di kawasan kebun sayur di Sungai Ara, tiga alat beliung telah ditemui oleh tuan tanah yang kemudiannya melaporkan penemuan tersebut ke Pusat Penyelidikan Arkeologi,

Universiti Sains Malaysia. Malangnya, kajian lanjutan tidak dapat dijalankan kerana semua jumpaan tersebut berupa jumpaan permukaan, yakni keseluruhan tanah telah diganggu. Alat beliung ialah alat batu pada zaman Neolitik yang digunakan untuk aktiviti pertanian dan tugas seharian yang lain. Perbandingan dengan tapak arkeologi lain di seluruh negara di mana terdapatnya juga alat beliung ini, menunjukkan bahawa alat ini bertarikh seawal sekitar 5,000 tahun dahulu.

Dalam survei awalan di Muka Head untuk projek pembangunan Muka Head sebagai Taman Negeri, telah ditemui enam pasang batu nisan di Teluk Duyung (rujuk Peta 1.2 di dalam Lampiran 2). Batu nisan ini menunjukkan ciri-ciri batu nisan Aceh. Perbandingan secara morfologi dengan kajian Othman (1988) menunjukkan bahawa batu nisan tersebut berkemungkinan mewakili era batu nisan Aceh di penghujung 1500 sehingga pertengahan 1700. Ini bermakna berkemungkinan telah ada masyarakat Melayu Aceh di Muka Head seawal tahun 1600. Sebab itulah jika dilihat di dalam peta topografi, kawasan ini banyak dikaitkan dengan Aceh, contohnya Kampung Pantai Aceh. Malah survei mendapati kebanyakan penduduk di Teluk Bahang mengakui berketurunan Aceh. Ada generasi tua yang memberikan maklumat bahawa terdapat lebih 300 batu nisan Aceh di Teluk Duyung tetapi nisan tersebut telah musnah akibat pertumbuhan pokok hutan di kawasan tersebut. Sekiranya hal ini benar, maka secara jelas kawasan ini mempunyai penduduk Melayu Aceh yang ramai dan mungkin telah tersebar luas kebahagian lain Pulau Pinang.

1.3.2 Siapakah Penghuni Awal Pulau Pinang?

Secara jelas daripada bukti arkeologi, misalnya bukti di Guar Kepah dan alat batu beliung di bahagian pulau, dapat dikatakan bahawa telah ada penempatan awal di Pulau Pinang sekurang-kurangnya sejak 5,000 tahun dahulu. Tetapi siapakah

penghuni di petempatan awal ini? Soalan ini hanya boleh dijawab berdasarkan penemuan bukti di Guar Kepah dan batu nisan Aceh.

Rangka manusia di tapak Guar Kepah yang dijangka berusia sekurang-kurangnya sekitar 5,000 tahun dahulu dikatakan rangka manusia daripada kumpulan Australomelanesoid (Earl, 1861; Callenfels, 1935). Manusia Australomelanesoid ialah penghuni rantau Asia Tenggara semasa Pleistosen dan awal Holosen. Kumpulan ini bukan sahaja duduk di tepi pantai, malah di daratan sebagaimana Manusia Perak yang ditemui rangkanya di Lenggong, Hulu Perak. Manusia Perak yang menghuni Lenggong sekitar 10,000 tahun dahulu mempunyai ketinggian sekitar 158 sentimeter dan didapati sudah mempunyai masyarakat yang bersistem, hidup sebagai pemburu dan pemungut, menghormati mayat, dan mempunyai adat istiadat pengebumian. Dijangka bahawa mereka yang tinggal di Guar Kepah 5,000 tahun kemudian juga mempunyai sistem hidup yang sama.

Bukti batu nisan Aceh yang dijangka mewakili penempatan sekitar tahun 1600 secara jelas menunjukkan memang telah ada masyarakat Melayu Aceh di kawasan Muka Head pada masa tersebut.

1.4 Rumusan

Berdasarkan perbincangan, didapati jelas bahawa memang telah ada masyarakat awal di Pulau Pinang jauh lebih awal sebelum kedatangan Francis Light pada tahun 1786. Namun, pembangunan yang pesat di Pulau Pinang telah memusnahkan banyak bukti penting arkeologi yang berkaitan dengan masyarakat awal berkenaan. Kajian terperinci di Muka Head perlu dijalankan untuk mendapatkan data yang lebih jelas tentang masyarakat awal Aceh di kawasan tersebut. Tapak Guar Kepah kini didapati telah musnah seratus peratus dan hal ini tidak membolehkan kajian

terperinci dijalankan, terutamanya bagi mendapatkan pentarikan tapak yang sangat penting dalam menentukan waktu sesuatu tempat dihuni. Begitu juga dengan tapak penemuan alat batu beliung. Bukti-bukti arkeologi yang dibincangkan ini bukan sahaja penting kepada sejarah awal Pulau Pinang, malah signifikannya juga terserlah apabila membincangkan sejarah petempatan di Seberang Perai sebagaimana yang dipaparkan di dalam bab berikut.

BAB 2

ARKEOLOGI: PENEMPATAN AWAL DI SEBERANG PERAI

2.1 Pengenalan

Arkeologi Seberang Perai mendedahkan bahawa manusia awal mula sampai ke kawasan ini sekitar 5,000 hingga 6,000 tahun dahulu. Mereka hidup di sekitaran laut, menjalankan aktiviti memungut siput dan kerang laut, memungut bahan tumbuhan, memburu binatang liar, dan mempunyai adat istiadat pengebumian. Mereka menggunakan alat batu jenis pebel unifas dan bifas dan juga tembikar. Bukti ini telah dimasukkan ke dalam peta arkeologi dunia pada tahun 1861 oleh seorang British, George Windsor Earl yang merupakan orang pertama yang telah menjalankan kajian arkeologi di Seberang Perai, atau dahulunya dikenali sebagai Province Wellesley. Sejak itu, beberapa kajian lanjutan telah dijalankan di tapak ini. Selain bukti prasejarah ini, lokasi Seberang Perai yang terletak di antara kawasan tamadun Lembah Bujang, Kedah di utara dan kawasan protosejarah Selinsing, Perak di selatan, menjadikannya kawasan penting dari segi pergerakan manusia awal. Penemuan bukti tulisan pada inskripsi di Seberang Perai mendedahkan adanya bukti tamadun telah berlangsung di kawasan ini. Berikut dibincangkan arkeologi Seberang Perai bermula dari zaman prasejarah sehinggalah penghasilan inskripsi. Sebelum itu, Seberang Perai dalam arkeologi Malaysia akan dibincangkan terlebih dahulu untuk memberikan gambaran yang lebih holistik tentang kawasan ini.

2.2 Seberang Perai dalam arkeologi Malaysia

Seberang Perai berkedudukan memanjang utara-selatan, bahagian barat menghadap laut Selat Melaka ke bahagian pulau Pulau Pinang, bahagian utara dan timur

bersempadankan Kedah dan bahagian selatan bersempadankan Kedah dan Perak, berkeluasan sekitar 1000km² (Peta 2.1 di dalam Lampiran 3). Topografinya jelas didominasi oleh lembah dataran pesisir dengan beberapa permatang pantai terutamanya di bahagian utara dan bersempadankan tanah tinggi di seluruh bahagian timur. Beberapa sungai mengalir keluar ke laut melalui Seberang Perai, seperti Sungai Muda yang menjadi sempadan Seberang Perai dan Kedah. Kedudukan ini mempengaruhi Seberang Perai untuk dipilih oleh masyarakat awal sebagai kawasan penempatan mereka. Di sini tiada gua dan tiada endapan kelikir batu seperti tapak prasejarah di Lenggong, Perak. Pendek kata, masyarakat awal prasejarah yang memilih Seberang Perai sebagai kawasan penempatan mestilah mereka yang boleh hidup di sekitaran laut, sungai, kawasan terbuka, dan mencari kelikir batu dari kawasan lain untuk dijadikan bahan mentah peralatan.

2.3 Sekitaran kuno Seberang Perai

Memandangkan kedudukannya di tepi laut, maka Seberang Perai mengalami kesan terus dari naik-turun paras laut. Peta 2.1 juga menunjukkan sempadan Seberang Perai yang berubah-ubah beberapa kali mengikut perubahan aras laut (Tjia 1991). Contohnya, pada sekitar 5,000 tahun dahulu, aras laut telah meningkat +5m daripada aras laut sekarang. Ini bermakna, daratan Seberang Perai mengecil kepada hanya berkeluasan 500km², sebaliknya ketika 7,000 tahun dahulu, aras laut menurun -5m, Seberang Perai mencapai keluasan sekitar 1350km². Semasa 9,000 tahun dahulu, aras laut terlalu rendah hingga mencapai -30m daripada aras laut sekarang, ketika Seberang Perai masih bercantum dengan bahagian pulau Pulau Pinang.

Selepas 5,000 tahun dahulu, Tjia et al. (1972) mencadangkan aras laut penghujung Holosen menurun dengan beberapa fluktuasi, pernah turun di bawah aras purata semasa dan pernah setengah meter lebih tinggi pada beberapa ratus tahun yang

lalu. Kedudukan aras laut Semenanjung Malaysia mempunyai tempoh 2,000 tahun dengan amplitud 2m. Berdasarkan kelakuan aras laut ini, kedudukan minimum hingga -2m lebih rendah terjadi sekitar 1,200 tahun dahulu, dan kemudian meningkat ke aras laut purata semasa.

Turun naik aras laut ini memberikan impak secara langsung kepada kebudayaan manusia awal di Seberang Perai. Kenaikan aras laut semasa 5,000 tahun dahulu telah menyebabkan hanya kawasan agak tinggi yang dihuni, seperti di Permatang Pasir Guar Kepah. Memandangkan kedudukan Seberang Perai berada di antara dua lokasi penting arkeologi negara, iaitu tamadun Lembah Bujang di utara dan prosejarah Selinsing di selatan maka berikut diberikan gambaran am tapak tersebut untuk melihat potensi dan sumbangan Seberang Perai ketika itu.

2.4 Tamadun Lembah Bujang, Kedah

Di bahagian utara Seberang Perai (Peta 2.1), jelas mendedahkan bukti Tamadun Lembah Bujang yang berlangsung seawal 1500 tahun dahulu (Nik Hassan Shuhaimi dan Othman 1990). Tamadun ini mendedahkan banyak bukti di bahagian utara Sungai Muda yang menjadi sempadan Kedah dan Pulau Pinang, sehingga ke Gunung Jerai. Oleh sebab itu beberapa jumpaan, seperti inskripsi di Cherok Tok Kun dikaitkan dengan tamadun ini (Mohd Supian 2002).

2.5 Protosejarah Kuala Selinsing Perak

Di bahagian selatan Seberang Perai (Peta 2.1 di dalam Lampiran 3) terdapat bukti protosejarah di Kampung Kalumpang, Kuala Selinsing, Perak. Kawasan ini mendedahkan penempatan manusia awal protosejarah sekitar 2,000 tahun dahulu (Nik Hassan Shuhaimi 1999). Antara artifak yang ditemui di Selinsing ialah tembikar,

alat logam, alat batu, manik, dan pengkebumian. Kehadiran manik dan bahan mentahnya yang begitu banyak mencadangkan kawasan ini telah digunakan sebagai tempat pembuatan manik ketika itu.

Kedua-dua tapak, Lembah Bujang dan Selinsing mendedahkan banyak bukti adanya sistem perniagaan (pertukaran) barangan seperti penemuan seramik asing, manik, dan lain-lain yang menggambarkan kesibukan kawasan ini pada ketika itu. Disebabkan laluan ini melibatkan Seberang Perai, maka secara geografi, Seberang Perai dijangka memainkan peranan penting dalam laluan perniagaan ini. Selain itu, bukti di Lembah Bujang (1,500 tahun dahulu) dan Selinsing (2,000 tahun dahulu) lebih muda daripada bukti Guar Kepah (5,000 tahun dahulu) di Seberang Perai. Maka, berkemungkinan ada hubungan antara masyarakat Neolitik Guar Kepah dengan masyarakat protosejarah Selinsing dan juga masyarakat tamadun Lembah Bujang. Mungkinkah mereka ini yang bergerak ke Selinsing dan Lembah Bujang? Sekiranya ini benar, maka asal usul manusia di kedua-dua tapak dapat diketahui.

2.6 Zaman prasejarah Seberang Perai

Sehingga kini, bukti zaman prasejarah di Seberang Perai hanya ditemui di Guar Kepah. Guar Kepah terletak di bahagian utara Seberang Perai, di sempadan Pulau Pinang, dan Kedah, sekitar enam kilometer jauhnya dari pantai dan selatan Sungai Muda. Tapak Guar Kepah terdiri daripada timbunan cengkerang di atas permatang pasir, yang memberikan nama Guar 'Bukit' Kepah ataupun Bukit Kerang. Kajian arkeologi di Guar Kepah sejak 1851 melibatkan tiga lokasi, iaitu Bukit Kerang A, B dan C (Peta 2.1).

Tapak Guar Kepah merupakan tapak arkeologi yang pertama di negara ini yang dijalankan ekskavasi. Seorang rakyat British, George Windsor Earl ialah orang

pertama yang telah menemui bukti prasejarah di Guar Kepah pada tahun 1851 (Earl 1861). Beliau telah menjalankan ekskavasi ke atas sebuah bukit kerang yang berketinggian enam meter tinggi. Beliau telah menemui bukti rangka manusia di dalam timbunan cengkerang, yang kemudiannya dihantar kepada FW Huxley untuk pemeriksaan lanjut, dan Huxley (1863) menyatakan rangka manusia tersebut mewakili kumpulan Melanesia. Selain rangka manusia dan sisa makanan yang kebanyakannya kerang laut, dilaporkan juga penemuan alat batu jenis 'sumatralit', tembikar, dan sisa makanan yang lain seperti tulang rusa.

Selepas lebih 70 tahun kemudiannya, Evans (1930) menjalankan kajian lanjutan di Guar Kepah. Ketika itu, Evans ialah seorang pegawai etnologi dan arkeologi di Muzium Taiping, Perak yang bertugas di bawah *Federated Malay States Museums*. Ekskavasi di ketiga-tiga lokasi Guar Kepah kemudiannya dijalankan oleh tiga tokoh arkeologi terkenal, Callenfels, Tweedie, dan Collings pada tahun 1934 di bawah Muzium Raffles di Singapura (Callenfels 1935, 1938). Hasil temuan rangka manusia daripada kajian ini telah dilaporkan oleh Mijsberg (1940).

Ahmad Hakimi (1994) telah membuat tinjauan ke Guar Kepah dan melaporkan keseluruhan tapak Guar Kepah telah terganggu. Tiada lagi Bukit Kerang yang dapat dilihat. Bukit Kerang A (latitud $5^{\circ}33'33.4''$ Utara dan longitud $100^{\circ}25'34.5''$ Timur) telah rata sepenuhnya berada di belakang rumah Encik Jamil. Bukit Kerang B (latitud $5^{\circ}33'31.1''$ Utara dan longitud $100^{\circ}25'38.8''$ Timur) pula dilaporkan kini berada di bawah jalan raya Guar Kepah manakala Bukit Kerang C (latitud $5^{\circ}33'29.2''$ Utara dan longitud $100^{\circ}25'32.3''$ Timur) kini terletak di bawah rumah Encik Hoh Ah Kaw.

Dalam usaha Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia menghasilkan buku *The Perak Man and Other Prehistoric Skeletons of Malaysia* pada tahun 2005, satu tajuk telah disediakan untuk membincangkan bukti rangka manusia prasejarah yang ditemui di

Guar Kepah. David Bullbeck dari *Australian National University* telah menulis sebuah artikel *The Guar Kepah Human Remains* di dalam buku tersebut. Penyelidikan ini mendapati bukti rangka manusia prasejarah Guar Kepah kini berada di *National Natuurhistorisch Museum* di Leiden, Belanda.

2.7 Kebudayaan dan pentarikan Guar Kepah

Berdasarkan kehadiran artifak tembikar, secara jelas tapak Guar Kepah mewakili kebudayaan Neolitik. Dari segi teori, kebudayaan Neolitik mewakili satu kumpulan manusia yang mengamalkan pertanian dan penternakan. Walau bagaimanapun, tidak ditemui alat batu beliung yang merupakan alat khas zaman pertanian, malah yang dijumpai ialah alat batu pebel unifas dan bifas 'sumatralit'. Kehadiran alat batu pebel unifas dan bifas ini menunjukkan kebudayaan Neolitik di Guar Kepah mewakili kebudayaan Neolitik Awal. Masyarakat Neolitik Awal Guar Kepah memungut kerang dan hidup pada adaptasi laut. Antara famili kerang yang ditemui ialah *Arctiidae*, *Arcidae*, *Naticidae*, *Turritellidae* dan *Struthiolariidae*.

Tidak ada pentarikan mutlak bagi tapak Guar Kepah. Walau bagaimanapun, berdasarkan bukti Awal Neolitik di atas maka dijangka usia tapak Guar Kepah ialah sekitar 5,000 hingga 6,000 tahun dahulu. Bullbeck (2003) juga mencadangkan tarikh yang sama untuk Guar Kepah berdasarkan paras air laut ketika itu dan kehadiran tembikar. Ketika 5,000 tahun dahulu, lokasi Guar Kepah adalah sangat strategik untuk dihuni kerana berada di tepi Sungai Muda dan di tepi pantai di atas permatang pasir, banyak fauna dan flora untuk dijadikan makanan.

Jika dibandingkan dengan tapak lain yang ada bukti 5,000 tahun dahulu di Semenanjung Malaysia, kesemuanya di bahagian pendalaman, seperti di Gua Harimau, Lenggong, Perak dan Gua Cha, Kelantan. Di kedua-dua tapak ini juga

mendedahkan banyak alat pebel unifas dan bifas, tembikar, cangkerang tetapi cangkerang sungai seperti siput sedut *Brotia costula* dan *Brotia spinosa*, bukti fauna buruan seperti khinzir, rusa dan pengebumian, tetapi mewakili ras Mongoloid (Chia dan Zolkurnian 2005).

2.8 Manusia awal Guar Kepah

Jacob (1967) merekodkan bukti rangka manusia yang ditemui di Guar Kepah mewakili sekurang-kurangnya 37 individu, manakala Callenfels (1935) merekodkan 88 individu. Pemeriksaan di Leiden oleh Bullbeck (2005) menemui 41 individu- satu daripada tapak A, 31 daripada B dan 9 daripada tapak C. Individu termuda yang ditemui ialah 18 tahun, secara jelas individu lelaki seramai 12 dan perempuan 10. Hanya satu sahaja pengebumian primer (di Bukit Kerang A) manakala yang lainnya majoriti (lebih 80 peratus) pengebumian sekunder.

Daripada 178 batang gigi yang dianalisis, 93 peratus (166 batang) mendedahkan warna kemerahan akibat mengunyah pinang. Data ini menunjukkan masyarakat awal Guar Kepah mempunyai minat dan kecenderungan yang tinggi dalam kehidupan seharian mereka dengan mengunyah pinang sebagaimana yang pernah kita lihat generasi tua kita dahulu.

Sebanyak 20 peratus (lapan individu) daripada bukti rangka manusia mendedahkan bahawa rangka disapu dengan hematite, iaitu sejenis mineral yang menghasilkan warna kemerahan. Tradisi ini juga dikesan di beberapa tapak Neolitik lain seperti Gua Peraling di Kelantan. Ini menunjukkan sudah ada satu tradisi pengebumian menyapu bahan hematite kepada pengebumian sekunder dalam kalangan masyarakat Neolitik Guar Kepah.

Berdasarkan panjang dan saiz tulang panjang, iaitu tulang kaki dan tangan mencadangkan ketinggian purata lelaki Guar Kepah ialah 168 sentimeter (5 kaki 6 inci) dan purata perempuan 153 sentimeter (5 kaki). Purata ketinggian ini menunjukkan lelaki masyarakat Neolitik Guar Kepah secara amnya lebih tinggi berbanding bukti Neolitik Gua Harimau, di Lenggong, Perak dan masyarakat Zaman Besi di Selinsing, Perak yang berada pada ketinggian 157-165 sentimeter. Masyarakat Guar Kepah juga didapati lebih tinggi berbanding masyarakat orang Asli (5-10 sentimeter lebih rendah).

Analisis ke atas morfologi, saiz, dan bentuk gigi serta tulang tengkorak manusia awal Guar Kepah mencadangkan mereka mewakili kesamaan dengan penduduk yang kini menguasai kepulauan Melanesia di lautan Pasifik. Mereka ini mempunyai rambut agak kerinting dan berkulit hitam, iaitu ras Australoid.

Penemuan bukti seperti di Guar Kepah banyak dijumpai di pulau Sumatera, Indonesia, terutamanya di Sumatera Utara. Kajian di sana juga mendedahkan bukti pengebumian di dalam bukit kerang, yang ditemui bersama dengan alat batu 'sumatralit', tembikar, sisa makanan, selain kerang seperti tulang gajah, badak, beruang, rusa, dan khinzir (Ratna 1994; Wiradnyana 1998; Soekmono 1988). Tarikh yang diberikan juga sama, iaitu sekitar 5,000 ke 6,000 tahun dahulu. Menurut Jacob (2002), selain isi kerang dijadikan makanan, kulitnya turut digunakan sebagai aksesori, sebagai peralatan, dan juga sebagai bahan pertukaran barang.

Maka, secara amnya, masyarakat Neolitik Guar Kepah ialah satu masyarakat yang bersistem, mempunyai adat istiadat pengebumian, suka mengunyah pinang, mengutip siput dan kerang, memburu binatang, menggunakan tembikar, hidup pada sekitaran laut, dan mendapatkan air tawar dari Sungai Muda. Inilah satu-satunya bukti prasejarah yang terdapat di Seberang Perai, dan bukti ini merupakan bukti

penting masyarakat Neolitik yang beradaptasi marina untuk negara ini. Selain bukti prasejarah, bukti arkeologi Seberang Perai juga ditemui dalam bentuk inskripsi seperti yang dibincangkan di bawah.

2.9 Inskripsi CheroK Tok Kun

Inskripsi CheroK Tok Kun dipahat atas batu granit, dijumpai oleh Kolonel James Low pada sekitar 1840-an. Mengikut Braddell (1980) usia inskripsi adalah tidak lewat daripada kurun keempat Masihi. Ada pengkaji mengatakan inskripsi mewakili bahasa Sanskrit dengan huruf Pali, akan tetapi ada juga mengatakan huruf Pallava (India Selatan). Nik Hassan Shuhaimi (1998:64) ada merekodkan sepotong perkataan daripada inskripsi tersebut yang berbunyi *prathame vayasi 'in the time of youth'*.

2.10 Inskripsi Buddhagupta

Inskripsi Buddhagupta dipahat atas batu serpih, juga ditemui oleh Kolonel James Low pada sekitar 1840an. Braddell (1980:36) memberikan tarikh inskripsi ini tidak lewat daripada kurun kelima Masihi. Inskripsi ini mengandungi teks ajaran Buddha, terdapat gambar stupa dengan tujuh cattras. Di bahagian kanan cattras tertulis '*Nac- ciyate karma janmanah karma karana...*', ditulis dalam bahasa Sanskrit dengan huruf Pallava-Grantha. Wheatley (1961:274) merekodkan sebahagian lagi maksud inskripsi, iaitu rasa syukur atas kejayaan pelayaran yang telah dilakukan oleh seorang nakhoda yang bernama Buddhagupta dari Raktampittika.

Kedua-dua inskripsi mendedahkan bahawa pengaruh agama Buddha telah sampai ke Seberang Perai seawal abad ke empat Masihi lagi. Mohd Suppian (2002) melaporkan perkaitan inskripsi ini dengan inskripsi lain yang ditemui mewakili tamadun Lembah Bujang. Ini bermakna, pada masa tersebut, terdapat sekumpulan

masyarakat Buddha India yang sampai ke Seberang Perai- mungkin dalam pelayaran perniagaan dan mengembangkan agama ini. Bukti ini menunjukkan peranan Seberang Perai dalam menyokong aktiviti tamadun Lembah Bujang.

2.11 Rumusan

Pendek kata, bukti arkeologi Seberang Perai memainkan peranan penting baik semasa prasejarah dan juga ketika tamadun awal. Tapak Guar Kepah mendedahkan bukti kehidupan masyarakat Neolitik Awal sekitar 5,000 tahun dahulu. Mereka hidup di sekitaran laut, yang ketika itu aras laut lebih tinggi +5m berbanding aras sekarang. Mereka mengutip siput dan kerang laut, memburu binatang, mengutip tumbuhan seperti pinang, menggunakan tembikar, dan hidup di sekitaran air tawar Sungai Muda dan anak-anak sungainya.

Kesemua ini ialah antara bukti terawal masyarakat yang hidup di tepi laut di negara ini, dan tapak Guar Kepah ialah tapak yang pertama diekskavasi di negara ini. Maka, atas kepentingannya, dicadangkan supaya di bina Muzium Arkeologi Guar Kepah di tapak Kampung Guar Kepah yang akan dapat mempamerkan bukti manusia awal Seberang Perai. Juga, disyorkan agar semua rangka manusia awal Guar Kepah di Leiden, Belanda di bawa pulang dan ditempatkan di muzium ini.

BAB 3

SEJARAH AWAL: PULAU PINANG SEBELUM 1786

3.1 Pengenalan

Bab 3 dan Bab 4 laporan ini akan memerikan aspek sejarah Pulau Pinang dan Seberang Perai. Sejarah dalam konteks laporan ini bermaksud peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005: 1411).

Pengambilan Pulau Pinang oleh Francis Light pada 11 Ogos 1786 merupakan titik penting dalam catatan sejarah negara ini kerana pengambilan ini menandakan bermulanya kemasukan kuasa Inggeris ke negeri-negeri Melayu. Sejak itu Pulau Pinang terpisah daripada ketuanan Melayu Kedah dan mula mencipta identiti sebagai sebuah koloni Inggeris. Ironinya pula, meskipun cara pengambilan ini penuh dengan penipuan dan dikecam oleh pentadbir kolonial sendiri namun tidak banyak yang dilakukan oleh orang tempatan untuk membetulkan ketidakwajaran dalam gambaran sebenar tentang peristiwa dan kesan pengambilan tersebut. Inggeris terus diiktiraf sebagai pembuka negeri sementara yang terpinggir ialah kisah masyarakat yang lebih awal muncul di negeri itu. Justeru kajian ini cuba meninjau sejarah Pulau Pinang sebelum 1786 agar kisah masyarakat yang tersingkir dalam aliran dan catatan sejarah kebangsaan dapat dikembalikan ke tempatnya.

3.2 Pemisahan Pulau Pinang daripada ketuanan Melayu Kedah

Pulau Pinang bukanlah nama yang penting sebelum 1786 sehinggalah Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Muazzam Shah II mula menawarkan kawasan di perairan Kuala Kedah hingga ke Pulau Pinang kepada Sharikat Hindia Timur Inggeris pada November 1771

dengan syarat diberikan bantuan ketenteraan untuk ekspedisi menyerang Bugis di Selangor. Sejak itu nama Pulau Pinang sering terseret dalam perbincangan antara Kedah dengan Sharikat Hindia Timur Inggeris sehinggalah negeri tersebut diambil alih pada 1786. Hakikatnya sebelum pengambilalihan itu, Pulau Pinang hanyalah sebuah pulau milik Kesultanan Kedah yang sering digambarkan dalam catatan pelawat Inggeris yang awal sebagai tempat persinggahan nakhoda kapal-kapal kecil dari Sumatera dan kapal pedagang Inggeris yang berulang alik dalam ekspedisi perdagangan ke Asia Tenggara. Antara pedagang berbangsa Inggeris yang paling awal menemui Pulau Pinang ialah Kapten James Lancaster. Kapal *The Edward Bonaventure* milik Kapten Lancaster ialah antara tiga kapal yang dihantar oleh Britain dalam misi perdagangan ke Hindia Timur pada tahun 1591. Berdasarkan catatan pelayaran kapten tersebut, beliau menemui Pulau Pinang selepas singgah di pelabuhan Pulau Rimau yang terletak ke arah selatan Pulau Pinang pada Jun 1593. Akibat serangan penyakit seriwawan usus yang mengorbankan ramai anak kapal, Kapten Lancaster tinggal beberapa bulan di Pulau Rimau. Setelah meninggalkan pulau itu, beliau menemui pula Pulau Pinang yang pada waktu itu didapati tidak berpenghuni (Cullin and Zehnder, 1905: 1).

Pengambilan Pulau Pinang berkait rapat bukan sahaja dengan personaliti dan keghairahan Francis Light, seorang peniaga dan bekas pegawai angkatan tentera laut tetapi juga keghairahan Sultan-Sultan Kedah sendiri untuk mengukuhkan kedudukan mereka dalam negeri dan mempertahankan kemerdekaan Kedah. Keperluan untuk menjaga perdagangan dengan China mendesak Inggeris mencari kawasan yang sesuai di Asia Tenggara untuk dijadikan pangkalan bagi mendapatkan bekalan yang dapat membantu perdagangan dengan China. Dalam pencarian ini pihak Inggeris telah menetapkan tiga kriteria yang perlu dipenuhi, iaitu tempat itu mestilah jauh dari kawasan pengaruh Belanda di Jawa untuk mengekalkan persahabatan dengan Belanda demi perimbangan kuasa di Eropah, pangkalan baru itu mestilah membantu dalam perdagangan dengan China, dan akhir sekali tempat itu mestilah selamat atau dalam erti

kata lain, suasana politiknya stabil. Francis Light, yang pada waktu itu seorang *country trader*, bercita-cita memenuhi impian Sharikat Hindia Timur Inggeris dan kerajaan di Britain dengan berusaha mencari pangkalan yang strategik untuk perdagangan dengan China yang secara tidak langsung bakal menguntungkan beliau sendiri (Tregonning, 1964: 70-72). Sementara itu pihak Sultan Kedah pula berpendapat Kedah perlu mewujudkan hubungan dengan pihak yang dilihat kuat pada waktu itu dalam usaha menjauhkan ancaman musuh tradisi yang amat digeruni, Siam dan Burma.

Sejarah membuktikan bahawa pengambilan Pulau Pinang oleh Francis Light pada 1786 tidak mengikut lunas-lunas yang sah. Pengambilan secara tipu helah ini telah didedahkan buat pertama kalinya oleh Bonney dalam satu kajian tesis Sarjana yang diterbitkan pada 1971 bertajuk *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*. Berdasarkan kajian ini, Francis Light mula muncul dalam sejarah Kedah sejak zaman Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Muazzam Shah II (1710-1778). Sultan berkenaan begitu tertarik dengan kekuatan Sharikat Hindia Timur Inggeris yang memang telah diketahui kejayaan ketenteraannya di India. Sultan Kedah itu berhasrat untuk menjadikan Sharikat Hindia Timur Inggeris sebagai pelindung Kedah. Paling penting, operasi perdagangan Sharikat itu di Aceh turut dijalankan atas dasar *trade in return for protection* (Bonney 1971: 32). Waktu itu Sultan Muhammad bukan sahaja berhadapan dengan Siam malah kaum kerabatnya sendiri yang belot dan mendapatkan bantuan Bugis kerana tidak berpuas hati apabila baginda menyerahkan pemerintahan seluruh negeri Kedah kepada Tunku Abdullah. Justeru beliau memerlukan bantuan ketenteraan daripada kuasa luar yang tentu tidak akan melibatkan diri dalam hal ehwal dalaman negeri itu dan secara tidak langsung turut mengukuhkan kedudukan dan kekuasaan baginda.

Dalam satu tindakan untuk mendapatkan bantuan Sharikat Hindia Timur Inggeris, Sultan Muhammad Jiwa telah menghantar utusan ke Aceh yang diketuai oleh seorang wanita. Utusan wanita ini kembali semula ke Kedah dengan membawa bersama-sama Francis

Light dan pada April 1771 termeterailah perjanjian yang dilihat sebagai *the first defensive agreement* yang pernah ditandatangani oleh kerajaan negeri Melayu dengan Inggeris. Dalam perjanjian ini, selain ketetapan dari segi hak ke atas keuntungan perdagangan Sharikat Hindia Timur Inggeris di Kedah, Francis Light berjanji akan memberikan 100 orang sepoi untuk menghalau musuh yang mengancam Kedah. Sultan Muhammad Jiwa yang sebelum itu sempat pula menawarkan kawasan di sepanjang perairan Kuala Kedah hingga ke Pulau Pinang akhirnya menyedari Sharikat Hindia Timur Inggeris tidak pernah berhasrat untuk memberikan bantuan, khususnya berhubung tuntutan baginda agar Sharikat membantu ekspedisi ke Selangor untuk merampas semula kapal, senjata dan harta benda yang dirampas oleh Bugis di Kedah.

Pada tahun 1785, iaitu sewaktu pemerintahan Sultan Abdullah Mukarram Shah, tawaran memajakkan Pulau Pinang kepada Sharikat Hindia Timur Inggeris dibaharui. Motif di sebalik tawaran itu sama, iaitu mendapatkan bantuan ketenteraan untuk menjamin kemerdekaan Kedah, terutamanya daripada ancaman Siam dan Burma. Rundingan ini dibuat melalui Francis Light yang begitu dipercayai baginda. Bonney percaya kerana terpengaruh dengan janji Light bahawa Sharikat dan kerajaan Inggeris akan memberi bantuan ketenteraan, Sultan Abdullah bersetuju memajakkan Pulau Pinang dengan beberapa syarat, termasuk bayaran ganti rugi di atas penyerahan hak monopoli Sultan berjumlah \$30,000 dolar Sepanyol setiap tahun. Hal yang tidak diketahui baginda ialah kerajaan di India sebenarnya tidak pernah memberikan persetujuan menghulurkan bantuan ketenteraan. Justeru dalam surat balas Gabenor Jeneral di Madras kepada Sultan Abdullah Mukarram Shah, aspek perlindungan menjadi begitu kabur.

Berdasarkan perkembangan rundingan yang tidak jelas itu, pendudukan Francis Light di Pulau Pinang sebenarnya bersifat sementara. Sultan Abdullah membenarkan beliau berada di situ sementara menunggu jawapan daripada Sharikat Hindia Timur Inggeris di India berhubung tawaran tersebut. Tiada sebarang perjanjian rasmi dibuat berhubung

pendudukan sementara itu. Pendudukan di Pulau Pinang pada 11 Ogos 1786 di atas nama Raja England, King George III disifatkan oleh Bonney bukan sahaja mengkhianati undang-undang antarabangsa malah menipu Sultan Abdullah. Sultan Abdullah masih tidak berputus asa dan benar-benar berharap Sharikat bersetuju dengan syarat tawaran tersebut, terutamanya berikutan tekanan daripada Siam pada tahun 1787 dan 1788 yang mendesak Kedah menghantar bantuan tentera untuk memerangi Burma.

Pada bulan Jun 1788, buat pertama kalinya Sultan Abdullah menyedari Sharikat Hindia Timur Inggeris tidak pernah berhasrat untuk memberikan bantuan ketenteraan. Malah bayaran ganti rugi yang dituntut sebanyak \$30,000 dolar Sepanyol itu dengan sewenang-wenangnya diturunkan kepada \$10,000 dalam tempoh lapan tahun sahaja. Perkembangan ini dan sikap Sharikat Hindia Timur Inggeris yang terus mendiamkan diri akhirnya mengubah hubungan baik Kedah dengan Sharikat tersebut selama ini. Sultan Abdullah mula bertindak mengenakan sekatan ekonomi dengan memberhentikan semua perahu daripada berurusan dengan Pulau Pinang dan kemudiannya melancarkan perang di Sungai Perai tetapi tewas. Kekalahan ini menjerat Kedah. Walaupun Sultan Abdullah menafikan beliau terlibat dalam serangan tersebut namun surat arahan baginda untuk serangan itu telah jatuh ke tangan Francis Light (Low, 1849: 613). Sultan Abdullah tidak mempunyai pilihan lain melainkan berbaik-baik semula dengan Francis Light. Perjanjian damai yang ditandatangani pada 1 Mei 1791 akhirnya menamatkan tuntutan ganti rugi Sultan Abdullah yang kini terpaksa menerima \$6,000 dolar Sepanyol, iaitu jauh lebih rendah daripada tawaran \$10,000 sebelumnya. Sultan Kedah tidak boleh mengenakan sekatan atau cukai ke atas barang-barang yang diperlukan oleh Pulau Pinang, angkatan laut Inggeris dan kapal-kapal Sharikat Hindia Timur Inggeris yang berlabuh di situ. Perjanjian ini menetapkan syarat kuasa Eropah lain tidak dibenarkan membuat penempatan perdagangan di Kedah. Perjanjian ini juga secara rasminya mengiktiraf pendudukan Sharikat Hindia Timur Inggeris di Pulau Pinang namun aspek bantuan dan perlindungan tetap tidak jelas meskipun ada frasa yang menyebut Kedah dan Pulau

Pinang kini menjadi satu yang bermaksud ada sikap tolong menolong pada waktu memerlukan. Hakikatnya Kedah tidak pernah dibantu oleh rakan mereka itu. Buktinya penaklukan Siam ke atas Kedah pada tahun 1821 tidak cuba dihalang oleh Inggeris malah Inggeris turut menghalang percubaan orang Melayu Kedah merampas kembali negeri mereka dalam beberapa siri penentangan sejak tahun 1821 hingga Kesultanan Kedah dipulihkan kembali oleh Siam pada tahun 1843.

3.3 Siapakah yang membuka Pulau Pinang?

Pemisahan Pulau Pinang daripada Kesultanan Melayu Kedah mempunyai signifikan tertentu kepada aspek pensejarahan negara ini. Pulau Pinang kini menjadi koloni Inggeris. Pengambilan pada tahun 1786 itu juga dilihat sebagai permulaan sejarah negeri itu. Kepentingan yang diletakkan kepada Pulau Pinang dengan sendirinya menjadikan sejarah negeri itu sebelum pengambilan Inggeris menjadi tidak penting. Pengkaji Barat seperti Mills, menjadikan pendudukan Francis Light di Pulau Pinang pada tahun 1786 itu sebagai permulaan sejarah negeri itu. Menurut Mills, sewaktu Francis Light mendarat, Pulau Pinang hanyalah merupakan kawasan berhutan yang tidak berpenghuni. Francis Light kemudiannya memusatkan sepenuh perhatiannya untuk membangunkan tempat itu hingga menjadi petempatan yang berkembang pesat dalam masa beberapa bulan selepas pendudukannya.¹ Selepas itu bermulalah sejarah Pulau Pinang yang perkembangannya sehingga pentadbiran Negeri-Negeri Selat dipindahkan dari India ke Pejabat Tanah Jajahan di London pada tahun 1867, dibahagikan kepada beberapa fasa (Mills, 1961: 37-38).

Tidak dapat dinafikan bahawa Francis Light bertanggungjawab membuka pelabuhan Pulau Pinang dan memajukan negeri itu melalui dasar-dasar ekonomi bebasnya.

¹ Hasil pengenalan dasar pemberian tanah yang liberal, penduduk di Pulau Pinang meningkat dengan cepat selepas beberapa tahun pembukaannya. Pada tahun 1816, penduduk Pulau Pinang berjumlah 23,418 orang dan pada tahun 1830, bilangannya meningkat kepada 33,959 orang. Untuk maklumat lanjut, lihat Braddell, T. (1861: Jadual 1).

waktu itu (Dickens, 1805)⁴. Pulau Pinang pada waktu itu tidak lebih sebagai tempat singgah perahu-perahu nelayan.

Benarkah Pulau Pinang hanya tempat singgah para nelayan dan tidak wujud masyarakat menetap sebelum Francis Light? Sebenarnya gambaran yang dilihat oleh orang Inggeris yang mula mendarat di Pulau Pinang pada tahun 1786 atau tidak lama selepas itu terhadap di kawasan bandar, iaitu sekitar kawasan pendaratan di Tanjung Penaga dan kawasan lain yang berdekatan yang dibangunkan tidak lama kemudiannya. Kutipan daripada naratif orang Melayu yang dikutip oleh orang Inggeris sendiri sejak abad ke-19 dan juga maklumat pelawat Inggeris yang awal tiba di Pulau Pinang pula menunjukkan Pulau Pinang telah pun didiami lama sebelum ketibaan Francis Light.

Orang Melayu mempunyai cerita tersendiri tentang pulau ini. Mereka, dan berkemungkinan besar merujuk kepada orang di sebelah Sumatera, mengenalinya sebagai Pulau Kesatu. Nama ini diberi oleh seorang pelayar terkenal dari tanah Lingga yang bernama Ragam yang sering belayar di antara Lingga dengan Kedah untuk tujuan berdagang. Ragam menamakan pulau itu sedemikian kerana inilah satu-satunya pulau yang ditemuinya sewaktu berulang alik di antara kedua-dua tempat itu. Bagi masyarakat yang mendiami Seberang Perai yang juga merupakan sebahagian daripada Kedah sebelum diambil alih oleh Sharikat Hindia Timur Inggeris pada tahun 1800, mereka mengenali tempat ini sebagai Tanjung Penaga bersempena dengan nama pokok penaga yang banyak terdapat di sekitar kawasan di mana Fort Cornwallis dibina. Justeru ada dua nama bagi dua kelompok yang berlainan, Pulau Kesatu bagi orang di sebelah Sumatera dan Tanjung Penaga bagi orang Melayu Kedah dan Seberang Perai sendiri. Berdasarkan kedua-dua nama ini, nama Tanjong Penaga lebih diketahui ramai, termasuk oleh Francis Light sendiri yang tentunya telah mendengar nama tersebut daripada pedagang Kedah yang berdagang dengan beliau. Malah nama ini terus kelihatan dalam semua geran

⁴ Di dalam Logan (ed.) (1851: 293).

tanah yang dikeluarkan oleh kerajaan sehingga tahun 1800 (Vaughan, 1857: 168). Sehingga kini sebutan Tanjung masih popular di kalangan orang Melayu Pulau Pinang apabila merujuk kepada bandar Georgetown.⁵

Catatan yang dibuat oleh Macalister, Kapten dan Komander Pasukan Meriam Bengal yang berpangkalan di Pulau Pinang pada awal abad ke-19, mengukuhkan hakikat bahawa orang Melayu merupakan pembuka negeri tersebut. Menurut Macalister, sewaktu pengambilan Pulau Pinang pada tahun 1786 itu, terdapat dua hingga tiga orang penduduk asal pulau itu yang menyara kehidupan dengan menjadi nelayan, mencari damar dan minyak kayu. Beliau sempat menemui salah seorang penduduk asal itu yang memberitahu bahawa lebih kurang 60 tahun yang lalu terdapat lebih daripada 2,000 orang mendiami pulau tersebut. Kebanyakan penduduk ini menyara kehidupan mereka dengan mencuri dan merompak kapal pedagang yang berulang alik ke Kedah. Apabila Sultan Kedah mendapat tahu kegiatan tersebut, baginda telah menghantar tentera untuk menghalau mereka keluar dari situ. Namun, langkah ini tidak mudah dilaksanakan malah sewaktu diambil alih oleh Sharikat Hindia Timur Inggeris, Pulau Pinang masih menjadi sarang perompak Melayu yang berkeliaran di Selat Melaka. Cerita penduduk asal ini dilihat oleh Macalister mempunyai kebenarannya berdasarkan penemuan tanah perkuburan seluas dua batu persegi di Pulau Pinang (Macalister, 1802: 23).

Gambaran yang sama diberikan oleh Sir George Leith yang menjadi Gabenor yang pertama di Pulau Pinang dari tahun 1800 hingga 1804. Selain menyebut tentang tanah perkuburan Melayu dan penduduk awal yang terdapat di negeri itu, Gabenor Leith turut menyebut tentang kewujudan satu laluan kapal yang baik hala ke selatan dari pelabuhan di Tanjung Penaga. Laluan ini dapat menampung kapal berat dan menjadi laluan kapal-kapal perdagangan China. Laluan kapal ini yang pertama kalinya dikesan oleh Sir Home

⁵ Sebagai contoh, di dalam ayat "saya nak pi Tanjung sat" (saya hendak pergi ke Tanjung sekejap) atau, "saya beli buku ni kat Tanjung" (saya beli buku ini di Tanjung), Tanjung yang dimaksudkan di dalam kedua-dua ayat ini ialah pekan atau bandar Georgetown.

Popham sebenarnya merujuk kepada kawasan Tanjung hingga ke Pulau Jerejak yang meliputi juga kawasan di Batu Uban (Leith, 1804: 18 dan 24). Meskipun catatan oleh Macalister dan Leith tidak menyebut nama kawasan tempat penduduk asal dan tanah perkuburan itu ditemui namun dalam satu catatan lain yang dibuat lebih terkemudian, didapati bahawa kedua-dua pegawai Inggeris itu berkemungkinan besar merujuk kepada kawasan di sekitar Sungai Pinang, Perak Road dan Datok Keramat. Stevens, di dalam satu rencana pada 1929, mengenal pasti beberapa kawasan yang telah lama dihuni sebelum kedatangan Francis Light berdasarkan penemuan kawasan perkampungan dan tanah perkuburan seluas 18 ekar di Datok Keramat. Perihal tanah perkampungan ini ada dicatat di dalam satu daftar lama bertarikh tahun 1795 yang menyebut tanah di Datok Keramat itu telah dihuni sejak 90 tahun yang lalu. Ini bermaksud Datok Keramat sudah pun dibuka untuk petempatan oleh orang Melayu sejak tahun 1705 (Stevens, 1929: 388). Kawasan penempatan itu disebut secara spesifik, iaitu di Perak Road hala ke selatan Sungai Pinang dan juga kawasan di antara Green Lane dan Perak Road. Ketiga-tiga kawasan itu kemudiannya lebih dikenali dengan nama Teluk Jelutong.⁶

Perkampungan Datok Keramat telah dibuka oleh seorang yang bernama Datok Keramat yang berasal dari Sumatera. Datok Keramat dikatakan berketurunan Aceh. Lama sebelum kedatangan Francis Light, orang Aceh telah pun hadir di bumi Pulau Pinang untuk menjual dagangan mereka di suatu kawasan terbuka di Teluk Jelutong (Abdullah Husain, 1984: 12). Datok Keramat dan adiknya, Haji Bayan, bertanggungjawab meneroka kawasan tersebut hingga menjadi sebuah perkampungan. Sewaktu kajian ke atas daerah Teluk Jelutong dijalankan pada tahun 1795, kawasan tanah perkuburan itu dikatakan menjadi milik Datok Maharaja Setia, pembesar Kuala Muda yang mewarisinya daripada Datok Keramat. Selain tanah perkuburan itu, Datok Maharaja Setia juga memiliki 50 ekar tanah lain di sekitarnya. Pembesar ini dikatakan mempunyai hubungan baik dengan

⁶ Sekarang Teluk Jelutong dikenali sebagai Kampung Pulau, Jalan Perak. Kawasan Teluk Jelutong meliputi Kampung Rauna (Jalan Counter Hall) dan Kebun Lama (Jalan Langkawi dan Jalan Lama).

Francis Light, malah pernah mengunjunginya dan menghadiahkan jala ikan kepadanya (Stevens, 1929: 388-389).

3.4 Haji Mohamad Salleh (Nakhoda Intan), Datok Janatun dan Batu Uban

Selain kawasan di sekitar Tanjung Penaga dan Datok Keramat, beberapa kawasan petempatan awal orang Melayu juga telah dikesan di luar kawasan tersebut. Kawasan Sungai Kluang misalnya menunjukkan tanda-tanda telah diduduki sebelum ketibaan Francis Light. Pada tahun 1795, didapati kawasan seluas 1,200 di Sungai Kluang telah diusahakan dan diduduki. Daripada nama orang Melayu yang tertera di dalam daftar lama pemilik tanah, tidak kurang 15 orang daripadanya dicatatkan sebagai penduduk asal pulau tersebut (Stevens, 1929: 387).

Di dalam satu lakaran peta Pulau Pinang yang dihasilkan oleh Kapten Walter Alves pada tahun 1763 pula, telah ditandakan dengan jelas kawasan pekan (ditanda *Town Area*) dan tempat sumber air yang dipercayai terletak di antara kawasan Batu Uban dan Datok Keramat (Zulkifli dan Badrol Hisham, 1994: 4). Ini membuktikan bahawa sudah wujud petempatan, terutamanya kawasan pekan di Pulau Pinang sejak atau sebelum tahun 1763 lagi. Lakaran ini menepati laporan yang dibuat oleh Popham (1805: 23) bagi Sharikat Hindia Timur Inggeris yang menyatakan bahawa kawasan di sepanjang timur laut pulau itu hingga ke Pulau Jerejak sebenarnya sesuai dijadikan pelabuhan.

Batu Uban merupakan pelabuhan yang paling awal dibuka di Pulau Pinang. Nama Batu Uban diperoleh daripada batu yang menyerupai kepala manusia yang beruban yang banyak terdapat di kawasan tersebut (Vaughan, 1857: 169). Batu Uban juga lebih maju berbanding kawasan lain pada pertengahan abad ke-18 sehinggalah pelabuhan baru dibina oleh Francis Light di Tanjung Penaga. Beberapa lama selepas Pulau Pinang diambil alih oleh Sharikat Hindia Timur Inggeris, Batu Uban masih lagi penting, malah

Major Macdonald yang berkhidmat semasa pentadbiran Gabenor George Leith begitu yakin dengan keupayaan Batu Uban sebagai kawasan petempatan penting. Kawasan itu dianggap sebagai *the future town* di Pulau Pinang oleh Macdonald walaupun akhirnya jangkaan ini tidak menjadi kenyataan. Kegagalan memindahkan kawasan petempatan bandar yang selama ini terletak di kawasan berpaya di sekitar Tanjung ke kawasan yang lebih tinggi, seperti Batu Uban ini adalah kerana masalah jalan pengangkutan darat yang sukar dibina di kawasan berbukit dan juga pemberian tanah yang berleluasa tanpa kawalan di kawasan tersebut (Stevens, 1929: 387).

Kawasan petempatan Batu Uban dibuka oleh orang Melayu dari Sumatera. Meskipun dalam tulisan yang berjudul *Katak Keluar Dari Bawah Tempurung*, Abdul Aziz Ishak, bekas Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan pada masa Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri, mendakwa bahawa Datok Janatun merupakan orang yang mula-mula datang merantau ke Pulau Pinang sebelum kedatangan Francis Light (Abdul Aziz, 1987), namun kajian lanjut mendapati Batu Uban telah dibuka oleh Haji Mohammad Salleh atau nama sebenarnya Raja Nan Intan Ibni Almarhum Tengku Pateh Sebatang. Di kalangan pengikut dan penduduk setempat di tanah asal, Haji Mohammad Salleh lebih dikenali dengan panggilan Nakhoda Intan. Beliau berasal dari Kampung Buadi, Paya Kumboh, Sumatera dan mempunyai hubungan darah dengan kerabat di raja Minangkabau. Setelah sekian lama berada di Pulau Pinang, Haji Mohammad Salleh bersama-sama adiknya, Nakhoda Kechil (yang ditemui Francis Light di tepi pantai selepas empat hari mendarat di Pulau Pinang) pergi menghadap Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Shah II (1710-1778) untuk memohon membuka kawasan perkampungan di pulau itu. Sultan Muhammad Jiwa memberi keizinan dan ekoran itu kawasan yang bermula di sebelah pantai Batu Uban mula diteroka untuk petempatan.

Tarikh sebenar kedatangan Haji Mohammad Salleh ke Pulau Pinang tidak dapat dipastikan namun dipercayai pembukaan Batu Uban berlaku antara tempoh tahun 1710

hingga 1734. Perpindahan ini berpunca daripada pertelingkahan yang berlaku di Pagar Ruyong antara puak yang berpegang teguh kepada adat Papatih dengan golongan yang ingin kembali kepada ajaran yang sebenar. Sebagai seorang yang alim yang ingin melihat agama Islam yang murni ditegakkan tanpa pengaruh adat, Haji Mohamad Salleh tidak senang hati dengan perkembangan ini lalu membuat keputusan untuk merantau keluar dari tanah asal. Setibanya di Batu Uban, beliau telah membina sebuah surau kecil untuk dijadikan tempat beribadat penduduk setempat. Surau yang kemudiannya diperbesar menjadi masjid ini dibina pada tahun 1734 berdasarkan catatan di papan tanda masjid jamik Batu Uban pada hari ini. Kubur Haji Mohammad Salleh terletak bersebelahan dengan kawasan masjid tersebut. Dengan adanya seorang ketua seperti Haji Mohammad Salleh yang terkenal dengan kealimannya, bilangan penduduk Batu Uban semakin meningkat berikutan perpindahan masuk lebih ramai orang Indonesia, termasuk kaum keluarga Haji Mohammad Salleh dari Minangkabau. Hubungan baik juga terjalin antara masyarakat Batu Uban dengan orang Kedah berikutan perkahwinan Haji Mohammad Salleh dengan seorang wanita dari Seberang Perai yang bernama Cik Aishah atau lebih dikenali dengan nama Cik Tunggal. Mengikut salasilah keturunan Haji Mohammad Salleh, beliau mempunyai seorang isteri bernama Suri Padi di Minangkabau dan pernah berkahwin dengan seorang wanita Deli bernama Cik Aminah. Namun tidak dapat dipastikan sama ada kedua-dua mereka dibawa bersama atau tidak oleh Haji Mohammad Salleh semasa merantau dan menetap di Batu Uban.⁷

Sehingga tahun 1734, kawasan yang dibangunkan oleh Haji Mohammad Salleh telah berkembang sehingga ke kawasan Tanjung.⁸ Oleh sebab Haji Mohammad Salleh

⁷ Lihat Lampiran 5 Teks 3.1, Salasilah Keturunan Haji Mohammad Salleh. Salasilah ini diperoleh daripada Tuan Haji Hussein Ibrahim, generasi kelima, keturunan Haji Mohammad Salleh sewaktu beliau dijemput menjadi panel "Bicara Sejarah Pembukaan Batu Uban" pada 24 Jun 2003 di Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi Budaya Utara, Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia. Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Tuan Haji Hussein kerana membenarkan salinan dibuat terhadap salasilah tersebut.

⁸ Zulkifli dan Badrol Hisham (1994: 8). Lihat juga "Batu Uban Mosque" di dalam *Historical Survey of the Mosques and Kramats on Penang Island* (1974). Disebut di dalam kajian ini bahawa masjid Batu Uban terkenal kerana air telaganya yang dianggap luar biasa (tidak masin walaupun berdekatan dengan laut). Kepercayaan ini menyebabkan ramai orang datang mandi-manda dan membuat kenduri-kendara di telaga dan masjid tersebut. Semasa zaman salah seorang cucu Haji Mohammad Salleh, perpecahan berlaku dalam

bertumpu di kawasan pantai Batu Uban, bahagian yang menghala ke Tanjong itu diuruskan oleh adiknya, Nakhoda Kechil. Justeru tidaklah menghairankan apabila Nakhoda Kechil menjadi orang yang mula-mula ditemui oleh Francis Light sewaktu mendarat di Pulau Pinang. Ini kerana Francis Light telah mendarat di kawasan milik nakhoda itu di sebelah pantai Tanjung Penaga. Namun oleh sebab akur bahawa Pulau Pinang telah diserahkan kepada Sharikat Hindia Timur Inggeris, Nakhoda Kechil meneruskan hubungan baik dengan Francis Light. Malah sebagai ketua masyarakat tempatan yang awal yang tentunya mahir dengan selok belok negeri tersebut, beliau telah diberi kepercayaan oleh Francis Light untuk mengawasi perairan pantai dan pasar-pasar kecil yang dibina oleh orang Kedah yang membawa masuk barangan mereka ke Pulau Pinang untuk diniagakan. Pulau Pinang sesungguhnya bergantung kepada barangan yang dibawa masuk dari Kedah, seperti beras, lembu dan ternakan lain untuk keperluan penduduk tempatan kerana sebagai tempat yang baru dibuka, tumpuan di peringkat awal masih kepada usaha membersihkan hutan belantara dan menggalakkan pertanian padi.

Nakhoda Kechil juga diberi tanggungjawab oleh Francis Light untuk menghalang orang Melayu yang bersenjata daripada mendarat di pulau itu. Beliau mengetuai angkatan laut yang terdiri daripada orang tempatan yang dibentuk oleh Francis Light. Tindakan Francis Light melantik orang tempatan ini bertujuan menampung masalah kekurangan kakitangan waktu itu. Tugas baru ini dengan sendirinya meletakkan Nakhoda Kechil sebagai orang bawahan Francis Light dan bukan lagi ketua masyarakat yang awal (Logan (ed.), 1850: 630-632). Walau bagaimanapun, hubungan baik ini tetap menguntungkan Nakhoda Kechil. Beliau berpeluang mendapat tanah dengan cepat, misalnya beliau berpeluang memiliki beberapa keping tanah di bandar Georgetown dan juga di luar bandar, iaitu di kawasan Jelutong yang gerannya diperoleh pada 1 Januari 1797. Tanah itu kemudiannya diwakafkan oleh Nakhoda Kechil kepada masjid Jelutong (Nabir, 1993).

masyarakat Melayu Batu Uban apabila seorang India Muslim bernama Kadar Meah membina sebuah masjid baru di kawasan tersebut. Pergaduhan pernah tercetus kerana masalah dua masjid ini sehingga pihak Inggeris terpaksa campur tangan untuk memulihkan semula keharmonian di kawasan tersebut.

Kedudukan Haji Mohammad Salleh sebagai pemimpin dan orang alim di Pulau Pinang pada tahun-tahun 1730-an itu ternyata merupakan satu tarikan kepada masyarakat luar. Batu Uban sering dikunjungi oleh Sultan Kedah dan juga para alim ulama Arab. Apabila sultan datang ke Batu Uban, penduduk setempat bergotong-royong menyediakan makan minum baginda dan pengikutnya yang biasanya tinggal beberapa hari di situ. Pendek kata, wujudnya hubungan baik antara Haji Mohammad Salleh dengan pihak Kesultanan Kedah kerana Haji Mohammad Salleh diiktiraf oleh sultan sebagai pemimpin orang Melayu di Pulau Pinang waktu itu. Orang Arab yang belayar untuk tujuan perdagangan dan mengembangkan syiar Islam pula berlabuh di Batu Uban setelah mendengar adanya pemimpin Melayu di kawasan itu.⁹ Kehadiran orang Arab memberi kesan tertentu kepada struktur kemasyarakatan di Batu Uban. Perkahwinan campur berlaku dengan wanita tempatan dan kesannya terbentuklah golongan Arab Peranakan di negeri itu. Salah seorang anak perempuan Haji Mohammad Salleh yang bernama Kalsom, misalnya, telah berkahwin dengan Sheikh Ahmad Makawi, seorang Arab yang alim yang kemudiannya menjadikan Batu Uban sebagai tempat untuk mengajar agama Islam.¹⁰ Nama Haji Mohammad Salleh dan Nakhoda Kechil (nama sebenarnya Ismail) pernah muncul di dalam satu surat penghargaan yang bertarikh 26 Disember 1803 yang dihantar kepada Gabenor George Leith yang akan menamatkan perkhidmatannya di Pulau Pinang.¹¹

Kebanyakan tanah yang diterokai oleh orang Melayu diusahakan untuk penanaman padi, tebu, kelapa, dan dusun buah-buahan. Dikatakan bahawa selepas empat tahun pembukaannya, beberapa kawasan penanaman padi telah dikesan di Sungai Kluang (780 ekar), kawasan di antara Sungai Pinang dan Sungai Kluang (260 ekar), di sekitar tebing barat Sungai Pinang (antara 650 hingga 780 ekar), dan di sekitar Tanjung Tokong. Sehingga 1792, kawasan penanaman padi yang diusahakan oleh orang Melayu di negeri

⁹ Temu ramah dengan Puan Siti Kalsom binti Wan Teh di perkarangan masjid jamik Batu Uban pada 13 Jun 2003. Puan Kalsom yang berusia 70 tahun merupakan generasi keenam keturunan Haji Mohammad Salleh.

¹⁰ Keterangan yang diberikan oleh Tuan Haji Hussein Ibrahim dalam "Bicara Sejarah Pembukaan Batu Uban" pada 24 Jun 2003 di Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi Budaya Utara, Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia.

¹¹ Lihat Lampiran 2.2. Surat Penghargaan Ketua-Ketua Melayu Pulau Pinang kepada Sir George Leith.

itu telah meningkat kepada 3,000 ekar.¹² Di samping penanaman padi yang semakin digiatkan oleh kerajaan, kawasan hutan terus ditebang untuk tujuan pertanian. Sehingga 1795, kawasan seluas 1,000 ekar telah dibuka oleh orang Melayu di Teluk Jelutong, 400 ekar di Batu Lanchang, 200 ekar di Sungai Gelugor, 300 ekar di Sungai Dua, dan 300 ekar di Sungai Nibong. Turut dilaporkan ialah 75 ekar tanah telah dibuka dan diusahakan di Batu Uban, sebahagian besarnya oleh seorang Melayu dari Minangkabau dengan menanam kelapa, pokok buah-buahan dan tebu (Stevens, 1929: 393). Meskipun laporan itu tidak menyebut nama orang Minangkabau tersebut namun dipercayai nama tersebut merujuk kepada Datok Janatun yang meneroka kawasan di sebelah bukit Batu Uban hingga ke Gelugor.¹³

Kisah penghijrahan Datok Janatun ke Pulau Pinang hampir sama dengan kisah Haji Mohammad Salleh. Pada tahun 1749, Datok Janatun, iaitu Menteri di istana Pagar Ruyong bersama-sama seorang saudaranya bernama Datok Setia dan 180 orang pengikut dan hamba dari kalangan orang Batak telah meninggalkan tanah air kerana berselisih pendapat tentang soal agama dan amalan adat.¹⁴ Kedua-dua mereka ialah saudara muda kepada Sultan Pagar Ruyong waktu itu. Semasa membawa diri, mereka membuang gelaran di raja dan seperti adat orang Minang jati, mereka memakai gelaran Datok atau panggilan hormat kepada penghulu atau ketua keluarga nasab ibu di tanah Minangkabau. Mereka menuju ke Kedah dengan dua buah kapal layar membawa bersama-sama beberapa buah al-Quran tulisan tangan untuk dijual di Kedah.

Di Kedah, Datok Janatun telah menghadiahkan sepuluh buah al-Quran tulisan tangan yang beliau bawa dari Minangkabau kepada Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin

¹² Lihat Logan (ed.) (1850: 654) dan Nabir (1993: 223).

¹³ Datok Janatun ialah moyang Abdul Aziz Ishak, bekas Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan pada masa pentadbiran Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri. Di dalam dua buah buku beliau, iaitu *Mencari Bako* dan *Katak Keluar Dari Bawah Tempurung*, Abdul Aziz menegaskan bahawa orang Melayu dari Sumatera tiba lebih awal daripada Francis Light dan bertanggungjawab membuka petempatan dan pelabuhan di Batu Uban.

¹⁴ Di dalam buku Abdul Aziz Ishak yang bertajuk *Mencari Bako*, disebutkan bahawa pengikut Datok Janatun yang merantau bersama-sama beliau hanya berjumlah 90 orang.

Muazzam Shah II.¹⁵ Sebagai balasan, sultan menganugerahkan 100 ekar tanah dari Batu Uban hingga ke Gelugor kepada Datok Janatun dan adiknya. Dikatakan bahawa Sultan Kedah tidak keberatan menganugerahkan tanah itu kepada orang Melayu dari Sumatera kerana ingin membalas jasa baik orang Pagar Ruyong yang pernah membantu Kedah menentang Siam (Zulkifli dan Badrol Hisham, 1994: 9). Pemberian tanah dari Batu Uban ke Gelugor oleh sultan tentu sekali didorong oleh kewujudan masyarakat dari Sumatera yang telah pun mendiami kawasan tersebut. Daripada jumlah ini, sebidang tanah telah diwakafkan oleh Datok Janatun untuk dijadikan tanah perkuburan keluarganya (Abdul Aziz, 1983: 14-15). Pembukaan petempatan di kawasan bukit Batu Uban ini berlaku pada tahun 1759, iaitu 15 tahun sebelum Francis Light membuka Pulau Pinang (Abdul Aziz, 1987: 7). Tanah pemberian Sultan Kedah kepada Datok Janatun dan Datok Setia itu dijadikan perkampungan dan dimajukan sebagai kawasan pertanian dengan mengusahakan penanaman. Hasil tanaman dari kawasan tersebut diangkut melalui Sungai Gelugor dan kemudian dibawa ke pelabuhan Batu Uban untuk didagangkan (Zulkifli dan Badrol Hisham, 1994: 9).

Selain pertanian, Datok Janatun dan Datok Setia juga gigih berniaga. Usaha ini memberikan kehidupan yang lebih baik kepada Datok Janatun dan kaum keluarganya serta mendapat penghormatan masyarakat. Nama baik dari segi keutuhan ekonomi dan ilmu agama menyebabkan keluarga beliau mula bersemenda dengan beberapa orang Syed dan Syeikh Arab di Pulau Pinang, Kedah dan negeri-negeri lain (Abdul Aziz, 1987:

¹⁵ Terdapat percanggahan di dalam kedua-dua tulisan Abdul Aziz Ishak mengenai Sultan Kedah yang memerintah sewaktu Datok Janatun mengadap dan memohon membuka tanah di Pulau Pinang. Di dalam bukunya *Katak Keluar dari Bawah Tempurung*, disebutkan bahawa sultan yang memerintah pada waktu itu ialah Sultan Ahmad Tajuddin II sementara di dalam bukunya *Mencari Bako* disebut sultan yang memerintah pada waktu itu ialah Sultan Mahmud Jiwa Zainal Abidin Shah II. Namun apabila dikatakan peristiwa itu berlaku pada tahun 1759 bermakna sultan yang memerintah waktu itu ialah Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Shah II (memerintah 1710-1778). Mengenai al-Quran tulisan tangan itu, Abdul Aziz Ishak menyebut satu naskhah daripadanya telah dihadiahkan kepada pemenang pertandingan membaca al-Quran peringkat kebangsaan pada 1960. Sebuah lagi naskhah bertulisan tangan itu pernah disimpan di masjid Permatang Damar Laut, Bayan Lepas. Naskhah ini diserahkan pada mulanya kepada salah seorang cucu menantu Datok Janatun yang bernama Haji Ghaffar (Abdul Aziz Ishak, 1983: 16).

7). Datok Janatun meninggal dunia pada tahun 1789 dan dikebumikan di Gelugor.¹⁶ Ada di kalangan kaum keluarganya masih lagi meneruskan pekerjaan nenek moyang mereka, iaitu berniaga. Semasa generasi ketiga keturunan Datok Janatun, cucunya yang bernama Ahmad (datuk kepada Abdul Aziz Ishak) lebih bertumpu kepada usaha pertanian. Oleh sebab tidak suka melihat keadaan masyarakat Pulau Pinang yang mula mementingkan kebendaan, Ahmad membuat keputusan merantau ke Perak. Pada tahun 1800, beliau bersama-sama adik bongsunya, Mohd. Fakir dan mertuanya, Sheikh Abdul Rahman al-Baghdadi menuju ke Terong yang terletak di daerah Larut dan Matang di timur laut Perak dan membuka tanah di situ. Sheikh Abdul Rahman al-Baghdadi merupakan seorang guru tasawuf. Daripada perkahwinan itu Ahmad dikurniakan lima orang anak lelaki, iaitu Elias, Harun, Mahmud, Ishak (bapa Abdul Aziz), Sulaiman dan dua orang anak perempuan (Abdul Aziz, 1983: 17-20). Pada masa generasi ketiga inilah tanah kurniaan Sultan Kedah di Batu Uban itu dicagarkan kepada David Brown, seorang saudagar Inggeris. Tanah itu dilelong oleh kerajaan pada tahun 1919 kerana cukai tanah tidak dibayar. David Brown akhirnya membeli tanah tersebut.

Berhubung dengan kedatangan orang Arab yang kemudiannya bersemenda dengan penduduk Melayu Minangkabau di Batu Uban, peristiwa tersebut berkait rapat dengan kepentingan Batu Uban sebagai tempat berlabuh kapal-kapal Arab yang singgah di Pulau Pinang. Apabila mendengar terdapat perkampungan orang Islam di kawasan tersebut dan kebetulan pula pemimpinnya, Haji Mohammad Salleh, terkenal sebagai seorang yang alim, orang Arab ini mula menjalin hubungan baik dengan penduduk setempat. Oleh sebab orang Arab ini datang tanpa membawa anak isteri, mereka akhirnya mengahwini wanita tempatan. Hasilnya wujud percampuran darah keturunan antara penduduk Minangkabau di Batu Uban dengan orang Arab sebagaimana yang kelihatan dalam keluarga Haji Mohammad Salleh dan Datok Janatun. Perkahwinan campur ini turut

¹⁶ Tarikh kematian ini tercatat di batu nisan Datok Janatun yang dikebumikan di Taman Sentosa, di belakang Minden Heights, Gelugor. Kubur ini sangat panjang dan bersebelahan dengannya terletak kubur Datok Setia dan beberapa orang pengikut.

mengukuhkan kedudukan sosioekonomi kedua-dua belah pihak. Meskipun orang Arab ini tidak menetap terus di Batu Uban sebaliknya meninggalkan anak isteri mereka di situ, namun mereka tetap menjadikan Batu Uban sebagai markas aktiviti ekonomi dan keagamaan mereka di Kepulauan Melayu. Malah sejak awal penubuhannya, masjid Batu Uban dikatakan mempunyai imam-imam yang terdiri daripada orang Arab.¹⁷

3.5 Penerokaan tanah oleh orang Melayu semasa Francis Light

Dalam soal membuka negeri, terputusnya hubungan Pulau Pinang dengan ketuanan Melayu menyebabkan segala urusan memohon tanah kini diajukan terus kepada Francis Light. Untuk menggalakkan penempatan di tempat baru itu, Francis Light mengamalkan pemberian tanah secara percuma di peringkat awalnya. Beliau turut memberi ganjaran wang untuk menggalakkan kewujudan masyarakat menetap di negeri itu. Sebagai contoh, pada tahun 1788, kerajaan membayar \$510 dolar Sepanyol kepada penduduk asal pulau itu sebagai galakan kepada mereka untuk terus menetap. Penduduk juga dibayar \$42 dolar Sepanyol untuk 68 ela persegi hutan yang ditebang dan dibersihkan untuk tujuan pertanian (Logan (ed.), 1850: 644).

Dengan dasar sedemikian, permintaan untuk membuka tanah terus diterima oleh orang Melayu dan bukan Melayu. Orang Melayu yang datang bersama-sama Francis Light dari Kedah diberikan tanah percuma di kawasan Datok Keramat, mungkin kerana pengaruh Datok Setia dari Kuala Muda yang memiliki tanah di kawasan tersebut sejak awal lagi. Kapten Scott diberikan kawasan di Gelugor dan membuka tanah untuk penanaman lada hitam di kawasan tersebut. Seorang saudagar Inggeris bernama Bacon membuka Ayer Itam. Beberapa orang Melayu juga disebut membuka beberapa kampung di bahagian barat daya. Pah Kechil dari Batu Bara (Indonesia) bersama-sama Jamaluddin dan

¹⁷ Omar Farouk Shaeik Ahmad (1978: 3). Al-Khayyat dan al-Baghdadi ialah antara orang Arab yang bersemenda dengan wanita Melayu di Batu Uban.

nakhoda Che Salleh dari Lingga membuka Permatang Damar Laut, Nakhoda Seedin dari Deli dan Panglima Long dari Setul membuka Teluk Kumbar, dan Lebai Tampak dari Deli membuka Balik Pulau (Vaughan, 1857: 174-175).

Kawasan Bayan Lepas yang merupakan kawasan petempatan orang Melayu yang utama pada hari ini turut diasaskan oleh orang Melayu. Kawasan tersebut dibuka oleh Haji Mohammad Salleh, atau dikenali sebagai Haji Brunei kerana beliau berasal dari Brunei, tidak lama selepas Francis Light mendarat di Pulau Pinang. Vaughan, sewaktu menjadi Penguasa Polis di Pulau Pinang di antara tahun 1851 hingga 1856 pernah menemuramah salah seorang anak Haji Brunei mengenai peristiwa pembukaan Pulau Pinang yang diceritakan sendiri oleh bapanya. Berdasarkan cerita anak Haji Brunei didapati bahawa lelaki berkenaan pernah bertemu Francis Light pada tahun 1786 sewaktu beliau (Haji Brunei) singgah di Kuala Perai sekembalinya dari Mekah. Tidak lama selepas Francis Light mendarat di Pulau Pinang, Haji Brunei tiba dan bekerja menebang hutan rimba dan membuka tanah di bawah pengawasan Nakhoda Kechil. Setelah pelabuhan siap dibina di Tanjung Penaga, Haji Brunei meminta kebenaran daripada Francis Light untuk membuka tanah di tempat lain. Dengan bantuan Nakhoda Kechil dan beberapa orang Melayu yang lain, kawasan perkampungan Jelutong dibuka untuk petempatan. Turut disebut dalam temu ramah ini ialah nama Nakhoda Intan yang membuka Batu Uban. Di antara tahun 1797 hingga 1798, iaitu selepas 11 tahun berada di Pulau Pinang, Haji Brunei bersama-sama seorang lagi yang bernama Long Syed telah berpindah untuk membuka tanah di Bayan Lepas. Kawasan tersebut dijadikan perkampungan dan diusahakan penanaman buah-buahan. Beliau meninggal dunia lebih kurang pada tahun 1837 (Vaughan, 1857: 174).

Kemunculan petempatan yang dibuka oleh Haji Brunei ini kemudiannya menjadi tarikan kepada hijrah masuk orang Brunei pada tahun-tahun yang terkemudian. Antara yang penting ialah kedatangan keluarga pembesar Brunei yang diketuai Pangeran Jaafar pada

sekitar pertengahan abad ke-19. Pangeran Jaafar bersama-sama lima orang adik beradiknya yang lain, iaitu Hajah Halimah, Haji Abd. Daim, Haji Muhammad, Khadijah, dan Salamah meninggalkan Brunei dengan menaiki kapal layar namun kemudian berpecah membawa haluan masing-masing.¹⁸ Perpindahannya ke Pulau Pinang berpunca daripada satu perselisihan besar berhubung pelantikan *Pemancha* yang baru di Brunei. Menurut *Silsilah Raja-Raja Brunei*, *Pemancha* merupakan pembesar kanan yang ketiga penting selepas *Pengeran Bendahara* dan *Pengeran Di Gadong* dalam sistem pemerintahan Kesultanan Brunei.¹⁹ Masalah timbul berhubung pelantikan jawatan *Pemancha* berikutan kematian Sultan Omar Ali Saifuddin II (1828-1852). Sultan Omar tidak melantik anaknya Hashim atau Muhammad Salleh sebaliknya menjadikan menantunya Abdul Mumin sebagai sultan bergelar Sultan Abdul Mumin (1852-1885). Muhammad Salleh kemudiannya dijadikan *Pemancha*. Apabila Muhammad Salleh meninggal dunia pada 1870, anaknya tidak dilantik menggantikannya, sebaliknya jawatan itu diserahkan kepada menantu beliau. Sejak itu anak Muhammad Salleh yang bernama Jaafar merajuk dan membawa diri meninggalkan Brunei untuk memulakan kehidupan di tempat lain.²⁰ Di percayai Pulau Pinang, khususnya Bayan Lepas, menjadi destinasi rombongan pembesar dari Brunei ini kerana sudah ada peneroka awal yang senegeri dengan mereka menetap di bahagian tersebut. Kesan sejarah yang penting berhubung penghijrahan masuk pembesar dan rakyat Brunei ini kekal utuh menerusi tinggalan kubur-kubur yang terdapat di kawasan tersebut.

¹⁸ Ada yang mendarat di Perlis dan ada yang menghala ke negeri Perak. Pengarang ingin merakamkan penghargaan kepada Puan Hajah Misbah Hanim kerana membenarkan satu salinan salasilah keturunan Pangeran Jaafar dibuat sewaktu temu ramah dijalankan pada 12 Jun 2003 bertempat di Rumah P. Ramlee, Pulau Pinang. Puan Misbah merupakan keturunan kelima Pangeran Jaafar. Nama Pangeran Jaafar dan Ahmad (Muhammad) pernah disebut di dalam sebuah syair negeri Brunei. Lihat, *Shaer Yang Di Pertuan (Sultan Mohammad Jamalul Alam)* (1979: 5 dan 25). Pengarang juga ingin merakamkan penghargaan kepada Tuan Haji Abu Bakar bin Jaafar atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Khan, tokoh boria di Pulau Pinang yang juga merupakan salah seorang keturunan Pangeran Brunei itu kerana membenarkan pengarang membuat salinan buku tersebut sewaktu temu ramah dijalankan di rumah beliau di No. 14, Jalan Datuk Haji Ahmad Badawi, Taman Haji Abdullah Fahim, Kepala Batas, Seberang Perai pada 3 April 2003.

¹⁹ Amin Sweeney (1968: 72). Tugas *Pemancha* disebut "*adalah pegangan Pemancha sekalian orang ahli mashawat; apa2 hal ehwal negeri dan bichara, melainkan kepadanya dahulu disembahkan, ialah mengetahui.*"

²⁰ Maklumat ini berdasarkan penerangan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato' Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil al-Sufri yang dijemput memberi syarahan untuk siri *Wacana Sejarah Awal Pulau Pinang: Pembukaan Bayan Lepas*, di Bilik Penyelidikan dan Dokumentasi Budaya Utara, Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia, pada 18 Ogos 2003.

3.6 Rumusan

Kawasan petempatan awal di Pulau Pinang sebenarnya dibuka oleh orang Melayu jauh lebih awal daripada kedatangan Francis Light pada 1786. Kewujudan masyarakat Melayu ini bukanlah bersifat sementara malah mereka merupakan masyarakat menetap yang mempunyai sistem pentadbiran tersendiri tetapi tunduk kepada pertuanan Kedah. Namun, apabila Kedah terpaksa menyerahkan Pulau Pinang kepada Francis Light, hubungan orang Melayu di Pulau Pinang dengan kesultanan Kedah terlerai. Sistem kemasyarakatan yang sedia ada kini terpaksa disesuaikan dengan kehendak pertuanan yang baru. Walaupun terbukti bahawa Sharikat Hindia Timur Inggeris tidak berminat untuk campur tangan dalam hal ehwal kemasyarakatan dan keagamaan orang Melayu namun yang jelas, dengan dasar-dasar ekonomi bebas yang diperkenalkan oleh Francis Light, masyarakat Melayu mula berdepan dengan cabaran besar dari segi sosioekonomi dan politik. Penghijrahan masuk masyarakat pelbagai kaum dan keturunan dari merata pelosok dunia menjadikan identiti petempatan awal orang Melayu, seperti Batu Uban semakin kurang penting. Kepentingan Batu Uban sebagai kawasan tumpuan kegiatan ekonomi dan keagamaan kini mula diambil alih oleh kawasan bandar apabila aktiviti ekonomi dikuasai oleh masyarakat Islam yang baru masuk ke negeri itu, khususnya masyarakat dari India, yang kebanyakannya menghuni kawasan bandar.

BAB 4

SEJARAH AWAL SEBERANG PERAI

4.1 Pengenalan

Kajian sejarah Seberang Perai, sama ada yang dilaksanakan oleh sejarawan pentadbir British yang awal mahupun sejarawan profesional yang muncul kemudiannya, amat kurang dilakukan jika dibandingkan dengan kajian sejarah Pulau Pinang. Tulisan awal pegawai Inggeris lebih kepada percubaan untuk meyakinkan kerajaan Inggeris tentang peluang yang dimiliki oleh Pulau Pinang untuk dijadikan pangkalan Inggeris.¹ Apabila tulisan sejarawan profesional mula mengambil tempat sejak pertengahan abad ke-20, cerita tentang Pulau Pinang terus diperkatakan namun tulisan tersebut tetap meminggirkan Seberang Perai sebagaimana sebelumnya.² Boleh dikatakan hanya mulai tahun 1980-an barulah sedikit sebanyak sejarah sosioekonomi Seberang Perai dikaji namun masih lagi dengan tumpuan-tumpuan tertentu yang sebenarnya tidak dapat dielakkan dalam kajian sejarah. Dengan tumpuan terpilih ini, isu pokok yang mendasari perkembangan sejarah Seberang Perai sekali lagi tersisih daripada aliran sejarah induknya, Pulau Pinang, dan sejarah kebangsaan. Akhirnya, yang diingati dan diulas oleh kebanyakan sejarawan profesional ialah kenyataan bahawa di pihak Sultan Kedah, Seberang Perai yang asalnya milik kesultanan itu disewakan kepada Sharikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) pada tahun 1800 untuk tujuan mendapatkan bayaran pencen yang lebih tinggi.

¹ Lihat, George Leith 1804. *A Short Account of the Settlement, Produce, and Commerce of the Prince of Wales Island in the Straits of Malacca*, London: J. Barfield; Home Popham 1804. *A Description of Prince of Wales Island in the Straits of Malacca: with its real and probable advantages and sources to recommend it as marine establishment*, London.

² Untuk satu tinjauan bibliografi kajian tentang Pulau Pinang dan Seberang Perai, lihat Joceline Tan Poh Choo 1991. *History of Penang: A Selected and Annotated Bibliography*, Pulau Pinang: Pengajian Pembangunan dan Perpustakaan Pulau Pinang.

Oleh hal yang demikian, beberapa fasa penting yang membentuk sejarah Seberang Perai sebelum abad ke-20 akan ditinjau kembali di dalam bab ini. Fasa-fasa tersebut ialah tahun-tahun sebelum Seberang Perai berpindah tangan kepada SHTI pada 1800; tahun-tahun selepas Kedah diserang oleh Siam pada tahun 1821 yang menyaksikan titik peralihan besar dalam aspek kependudukan dan kepimpinan Seberang Perai; dan suasana sosioekonomi dan kepimpinan Melayu di wilayah tersebut selepas kesultanan Kedah dipulihkan kembali oleh Siam pada tahun 1842. Tahap ini memperlihatkan Seberang Perai mula membentuk acuan sejarahnya yang tersendiri.

4.2 Seberang Perai sebelum 1800

Dari segi topografi, Seberang Perai merupakan satu jaluran sempit di tanah besar Semenanjung Tanah Melayu yang mengadap Pulau Pinang. Sehingga 1831, iaitu sebelum Perjanjian Inggeris-Siam yang menambahkan lagi keluasan kawasan itu, keluasan Seberang Perai ialah kira-kira 84 batu persegi atau 53,760 ekar. Selepas 1831, keluasan kawasan ini meningkat kepada 151,000 ekar. Kini keluasan Seberang Perai ialah 738.4 kilometer persegi dengan Sungai Muda dan Sungai Kerian kekal sebagai sempadan di sebelah utara dan selatan. Sungai utama ialah Sungai Perai yang mengadap bandar Pulau Pinang dan bersambung ke muara Sungai Muda di Kedah. Sungai Perai sejak zaman berzaman menjadi tumpuan orang Melayu mencari rezeki sebagai nelayan. Menghala ke pedalaman pula, kawasan penanaman padi menjadi ciri utama. Namun, dikatakan semasa SHTI mengambil Seberang Perai pada tahun 1800, kawasan itu sebahagian besarnya

masih dipenuhi hutan dengan penduduknya yang hanya kira-kira dua hingga tiga ribu orang.³

Sebagai kawasan yang berada di bawah kesultanan Melayu Kedah, Seberang Perai tunduk kepada sistem politik dan undang-undang tradisional negeri Kedah. Perkara ini pernah diulas oleh Thomas Braddell, Peguam Agung Negeri-negeri Selat pada tahun 1871 bahawa sebelum Piagam Keadilan⁴ dikurniakan oleh Ratu England pada tahun 1807, Undang-undang Kedah merupakan *de jure*, walaupun bukan *de facto* yang diguna pakai di Pulau Pinang (dan dijangkakan tentu sekali diguna pakai di Seberang Perai).⁵ Pengaruh sosiobudaya, kepimpinan, kemasyarakatan, dan ciri-ciri sosioekonomi Kedah ini terus kekal dalam masyarakat Melayu Seberang Perai sekurang-kurangnya sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua. Hubungan yang telah wujud zaman berzaman ini tidak mudah diputuskan meskipun Seberang Perai terletak jauh ke selatan dan sekali pun dari segi pentadbiran, kawasan ini telah bertukar tangan kepada pertuanan Sharikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) pada tahun 1800.

Keserasian hubungan Kedah dengan Seberang Perai ini dapat menjelaskan sebab ramai orang Kedah lari ke kawasan tersebut sewaktu Kedah diserang oleh Siam pada tahun 1821. Malah hubungan kekeluargaan dan paling penting semangat kesetiaan kepada institusi kesultanan tidak terputus selepas perpindahan pertuanan tersebut. Kampung-kampung Kedah terus wujud di Seberang Perai manakala kawasan itu sendiri membuka seluas-luas ruang terhadap perjuangan orang Kedah

³ G. W. Earl 1861. *Topography and Itinerary of Province Wellesley*, Penang: Penang Gazette Printing Office. Lihat juga, James Low 1850. "An Account of the Origin and Progress of the British Colonies in the Straits of Malacca," *JIA*, Vol. 4, hlm. 12.

⁴ Piagam ini membolehkan Mahkamah Judikator dibentuk di Pulau Pinang. Mahkamah ini mempunyai yuridiksi sebagaimana Mahkamah Tinggi di England.

⁵ Rolland Braddell and St. John 1915. *The Law of the Straits Settlements: A Commentary*, Singapore: Kelly & Walsh (reprinted by Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1982) dipetik daripada Nabir Haji Abdullah 1993. "Dasar Tanah Kerajaan di Pulau Pinang, 1786-1840-an," tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, hlm. 168.

merampas kembali negara tumpah darah mereka. Kawasan ini juga menjadi ruang tanpa sempadan bagi persembunyian penjenayah-penjenayah dari Kedah yang dipanggil “panglima penyamun.”⁶

4.3 “Selagi ada matahari dan bulan” - Seberang Perai milik mutlak Inggeris?

Peristiwa penyerahan Seberang Perai kepada SHTI pada tahun 1800 diulas ringkas dalam kebanyakan tulisan sejarah. Dalam *Salasilah atau Tarekh Kerajaan Kedah* yang dikarang oleh Wan Yahya Wan Mohammad Taib pada 1911, disebut “uleh Kerj-an Kedah itu beri kepada East India Company tanah di-tepi laut Kedah sebelah selatan iaitu Seberang Prye antara tebing Sungai Kyala Muda dengan tebing Sungai Krian dengan membayar pda setahun \$10,000 – di atas tanah Seberang Prye dengan Pulau Pinang itu supaya boleh East India Company jaga-kan perumpak-perumpak yang ada bersembunyi di-dalam Sungai Kuala Muda Sungai Prye Sungai Juru dan Sungai Krian.”⁷

Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah (1928) karya Muhammad Hassan To' Kerani Mohd. Arshad yang sering dilihat sebagai tulisan rasmi kerajaan Kedah juga mencatat mudah tentang peristiwa penting ini. Peristiwa penyerahan Seberang Perai ini dikatakan berlaku semasa pemerintahan Sultan Dhiauddin Mukarram Shah (m. 1798-1803) dan pihak SHTI diwakili oleh Gabenor Sir George Leith. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* menyebut:

⁶ Panglima penyamun dikatakan mempunyai persamaan dengan cerita Robin Hood dalam cerita rakyat di Eropah iaitu menyamun untuk membantu orang miskin. Lihat, Cheah Boon Kheng 1988. *The Peasant Robbers of Kedah 1900-1929: Historical and Folk Perceptions*, Singapore: Oxford University Press.

⁷ Wan Yahya Wan Mohamad Taib 1911. *Salasilah atau Tarekh Karja-an Kedah*, Alor Setar, hlm. 7.

"...Company itu mengaku akan membayar sa-banyak empat ribu ringgit (\$4,000.00) sa-tahun kepada Sultan Yang Maha Mulia. Sa-telah putus muafakat itu maka di-buatkan surat perjanjian yang kedua. Maka mengikut syarat2 di-dalam perjanjian itu Sultan hendaklah berikan tanah di-sabelah tepi laut Kedah ia-itu Seberang Perai dan Pulau Pinang itu kepada East India Company. Maka di-persatukan bayaran yang diterima mengikut surat perjanjian yang pertama dengan bayaran mengikut surat perjanjian yang kedua, menjadikan bayaran itu sa-puluh ribu ringgit (\$10,000.00) bagi sa-tahun, dan East India Company mengaku membayar sa-puluh ribu ringgit (\$10,000.00) itu bagi sa-tahun, hingga sampai kepada anak chuchu Sultan Abdullah Mukarram Shah Yang Maha Mulia, dan Company itu mengaku bersahabat dengan Sultan Kedah sa-lama2nya-nya sa-lagi ada matahari dan bulan."⁸

Demikian ringkasnya catatan dua orang pembesar Kedah; salah seorang daripadanya, Muhammad Hassan, merupakan penulis rasmi istana, terhadap peristiwa besar yang menyaksikan satu lagi kawasan milik Kedah jatuh ke tangan SHTI. Yang dicatat oleh Muhammad Hassan hanyalah berkisar soal permintaan SHTI kepada Sultan Kedah supaya "diberi" Seberang Perai dan tentang bayaran yang bakal diterima oleh Sultan Kedah. Tiada alasan pula diberi tentang sebab kawasan ini diserahkan kepada SHTI. Namun catatan sebegini bukanlah perkara luar biasa. Semasa Kedah kehilangan Pulau Pinang pada 1786, Muhammad Hassan juga hanya menurunkan catatan yang ringkas mengenai hal ini. Catatan sebegini, walau bagaimanapun, menimbulkan beberapa persoalan terutamanya berkait dengan pendirian sultan dan pembesar Kedah dalam soal kemerdekaan tanah air

⁸ Muhammad Hassan bin To' Kerani Mohd. Arshad 1968. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 137.

mereka sendiri. Adakah soal tarikan bayaran yang menyebabkan pemerintah Kedah bersedia menyerahkan satu lagi kawasan mereka dan tidak serik atau belajar daripada kesilapan lalu atau sebenarnya ada kepentingan lain yang menjadi pertimbangan Kedah?

Persoalan sebab Kedah menyerahkan Seberang Perai juga tidak mendapat perhatian sarjana-sarjana Barat yang lebih awal membuat kajian sejarah tentang Pulau Pinang. James Low, misalnya, lebih cenderung menyenaraikan sebab-sebab yang mendorong SHTI mengambil Seberang Perai. Beliau menyenaraikan lima faktor utama, iaitu untuk menghapuskan lanun; menghapuskan pergantungan kepada Kedah terutamanya dari segi bekalan makanan dengan menggalakkan pertanian di Seberang Perai; menjadikan Seberang Perai sebagai tempat perlindungan kepada orang-orang Melayu yang teraniaya dari negeri-negeri berdekatan; menghalang penjenayah atau banduan dari Pulau Pinang lari daripada pengadilan (melalui Seberang Perai); dan menghalang muncul mana-mana pelabuhan yang dapat memberi saingan kepada pelabuhan Pulau Pinang.⁹

Pandangan sarjana-sarjana terkemudian seperti Winstedt, Mills,¹⁰ dan Tregonning tidak jauh berbeza dengan pandangan yang dicatatkan oleh Low. Ketiga-tiga sarjana ini melihat pengambilan Seberang Perai dari sudut SHTI yang amat memerlukan satu kawasan luas untuk penanaman padi bagi menampung keperluan penduduk Pulau Pinang. Kepentingan ekonomi ini menyebabkan SHTI perlu menguasai Seberang Perai sepenuhnya. Hal ini sekali gus dapat menghentikan pergantungan Pulau Pinang kepada Kedah dari segi bekalan makanan. Walau

⁹ James Low 1850. "An Account of the Origin and Progress of the British Colonies in the Straits of Malacca", *JIA*, Vol. 4, hlm. 12.

¹⁰ Lihat L. A. Mills 1961. *British Malaya, 1824-67*, edited for reprinting, with bibliography of writings in English on British Malaya, 1786-1867 by C. M. Turnbull, and a new introductory chapter on European influence in the Malay Peninsula, 1511-1786, by D. K. Bassett, MBRAS, hlm. 50.

bagaimanapun, Winstedt dalam bukunya *A History of Malaya* turut menyebut mungkin sebab memerlukan wang, sultan Dhiauddin Mukarram Shah telah menyerahkan Seberang Perai yang kemudiannya dinamakan Province Wellesley sempena nama Marquess Wellesley (kemudiannya menjadi Governor General di India)¹¹ kepada SHTI. Disebut juga bahawa rundingan penyerahan ini tidak mendapat persetujuan menteri-menteri Kedah sehinggalah Caunter, iaitu utusan Leith mendapat gambaran bahawa menteri-menteri dan gundik-gundik raja menuntut hadiah. Sekiranya tuntutan ini tidak dipenuhi harapan untuk menduduki Seberang Perai tidak akan tercapai. Caunter kemudiannya menjanjikan \$2,000.00 kepada Menteri dan gundik-gundik tersebut dan barulah penyerahan Seberang Perai dapat dilaksanakan.¹²

Selain tujuan menjadikan Seberang Perai sebagai kawasan penanaman padi, Winstedt dan Tregonning turut mencatat isu lanun sebagai satu faktor yang mendesak SHTI mengambil kawasan tersebut. Lanun-lanun dikatakan mengganggu kapal dan perahu yang melalui kedua-dua belah pantai antara Pulau Pinang dan Seberang Perai.¹³ Dengan pengambilan ini mudahlah SHTI mengadakan langkah kawalan. Pelanuran sekali lagi menjadi alasan biasa campur tangan pihak Inggeris di negeri atau kawasan yang mereka minati. Isu ini memberi banyak ruang kepada pegawai-pegawai SHTI di Negeri-Negeri Selat untuk menyakinkan pihak atasan di India tentang perlunya campur tangan Inggeris bagi menjaga kepentingan perdagangan pemodal-pemodal mereka. Dalam kes penyerahan Seberang Perai kebanyakan tulisan sarjana Barat tidak menyatakan siapakah lanun-lanun tersebut

¹¹ R. Bonney mengatakan Winstedt membuat kesilapan kerana menganggap Sultan Dhiauddin itu ialah Sultan Abdullah, yakni sultan Kedah yang bertanggungjawab membenarkan Francis Light menduduki Pulau Pinang pada tahun 1786. R. Bonney, *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 109, fn 27.

¹² R. O. Winstedt 1986. *A History of Malaya* (first published as part 1, Vol. XIII, Mac 1933, *JMBRAS*), Kuala Lumpur: Marican and Sons, hlm. 169.

¹³ R. O. Winstedt, *A History of Malaya*, hlm. 169. K. G. Tregonning 1964. *A History of Modern Malaya*, Singapore: Eastern Universities Press, hlm. 85.

namun secara tersiratnya mungkin dilabelkan kepada pihak Kedah sendiri. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Bonney, sebelum kemangkatannya, Sultan Abdullah Mukarram Shah (m.1778-1798) yang bertanggungjawab dalam “penyerahan” Pulau Pinang kepada SHTI pada tahun 1786, cuba membangunkan Kuala Perai sebagai pelabuhan saingan kepada Pulau Pinang. Sultan Abdullah nampaknya enggan mengaku kalah meskipun sudah terlepas Pulau Pinang dan terpaksa pula membuat perjanjian persahabatan dengan SHTI pada 1791 ekoran kekalahan baginda dalam cubaan merampas kembali Pulau Pinang.

Tindakan memajukan Kuala Perai dilihat oleh Bonney sebagai satu usaha Sultan Abdullah untuk memulihkan semula kerugian ekonomi dan kewangan yang dihadapi oleh baginda ekoran tragedi yang berlaku pada tahun 1786 dan 1791.¹⁴ Nama Seberang Perai sebenarnya telah muncul sebelum perjanjian Perdamaian dan Persahabatan yang ditandatangani oleh pihak Kedah dengan Francis Light pada 1 Mei 1791. Isu ini timbul sewaktu Light dengan wakil-wakil Sultan Kedah berbincang tentang syarat-syarat perjanjian. Dalam perundingan ini, wakil-wakil sultan Kedah masih menuntut SHTI memberi perlindungan kepada Kedah walaupun mereka berada di pihak yang kalah.

Francis Light, walaupun sangat pasti kerajaan Bengal tidak akan meluluskan sebarang perlindungan kepada Kedah, telah memberi gambaran kepada wakil-wakil sultan Kedah seolah-olah perlindungan akan diberikan sekiranya Kedah

¹⁴ Lihat James Low 1849. “An Account of the Origin and Progress of the British Colonies in the Straits of Malacca, *JIA*, Vol. 3, hlm. 602. Pada tahun 1790, pendapatan Kedah adalah sebanyak 111,4000 Spanish dollars. Namun pada tahun 1790 iaitu selepas empat tahun pembukaan Pulau Pinang, pendapatan Kedah jatuh kepada 99,400 Spanish dollars. Oleh sebab tiada sebarang jawapan daripada Francis Light terhadap tuntutan Kedah diberi perlindungan oleh SHTI, Sultan merasa marah dan berusaha merampas balik Pulau Pinang daripada tangan Light. Serangan Sultan Abdullah daripada pelabuhan Perai ke atas Pulau Pinang pada 12 April 1791 gagal dan Sultan kini terpaksa menandatangani satu “perjanjian persahabatan” dengan Francis Light pada 1 Mei 1791 yang menyaksi tuntutan elau sultan Kedah yang pada asalnya sebanyak \$30,000 kemudian dikurangkan kepada \$10,000 kini dikurangkan lagi kepada \$6,000 setahun. Lihat R. Bonney 1971. *Kedah 1771-1821*, hlm 98-100 dan appendix 3(c), hlm. 181.

menyerahkan daerah Sungai Muda, Sungai Perai dan Sungai Kerian kepada SHTI sebagai balasan perlindungan itu.¹⁵ Oleh sebab wakil-wakil ini tidak mempunyai kuasa melepaskan mana-mana kawasan itu kepada SHTI, isu ini senyap begitu sahaja. Soal perlindungan SHTI juga akhirnya hilang daripada syarat-syarat perjanjian.

Sekali lagi pihak Kedah berkemungkinan salah faham tentang satu syarat di perenggan akhir perjanjian 1791 yang menyebut bahawa "*Kedah dan Pulau Pinang menjadi satu*". Syarat ini mungkin dilihat oleh pihak Kedah sebagai satu peruntukan yang membolehkan Kedah meminta bantuan SHTI semasa mereka memerlukannya (dalam konteks ini semasa menghadapi ancaman Siam). Namun yang pasti, Francis Light sedar kawasan-kawasan yang dituntut oleh beliau itu mampu memberi kemudahan kepada pihak Inggeris dari segi bekalan makanan. Malah kemajuan pesat Kuala Perai benar-benar membimbangkan SHTI di Pulau Pinang. Oleh hal yang demikian bagi Bonney, desakan utama menguasai Seberang Perai pada waktu itu bagi SHTI adalah untuk menghalang kemunculan Kuala Perai sebagai pelabuhan saingan kepada pelabuhan SHTI di Pulau Pinang. Kepentingan pelabuhan Pulau Pinang harus dikekalkan agar dapat mengawal perjalanan perdagangan dan mengenakan cukai. Menguasai Kuala Perai yang terletak berhadapan dengan pelabuhan Pulau Pinang menjadi satu kemestian, di samping faedah dari segi kawasan bekalan makanan dan jaminan keselamatan.¹⁶

Melihat kepada kesungguhan Sultan Abdullah mempertahankan hak Kedah (merujuk kepada Pulau Pinang) yang diambil oleh Francis Light tanpa restu baginda, tidaklah mudah untuk membuat andaian penyerahan Seberang Perai yang berlaku selepas itu disebabkan dorongan mendapatkan habuan kewangan semata-mata. Meskipun

¹⁵ R. Bonney, *Kedah 1771-1821*, hlm. 100.

¹⁶ R. Bonney *Kedah 1771-1821*, hlm. 105 fn. 15.

ada kemungkinan Sultan Dhiauddin cuba mengukuhkan kedudukannya di atas takhta dengan berbaik-baik dengan SHTI kerana baginda sendiri menghadapi saingan takhta di Kedah,¹⁷ namun tidak mungkin perjanjian ini termeterai tanpa sultan mengambil kira kepentingan negeri Kedah.

Seperti juga perundingan awal Sultan Abdullah dengan Francis Light mengenai penyerahan Pulau Pinang, isu perlindungan tentera SHTI merupakan satu perkara yang dijangkakan tidak pernah padam dalam setiap tuntutan sultan Kedah kepada SHTI.¹⁸ Frank Swettenham pernah membuat ulasan tentang hal ini dalam bukunya *British Malaya* (1906). Serangan Siam ke atas Kedah pada tahun 1821 dan kegagalan SHTI membantunya "sahabatnya" (Kedah) dilihat sebagai satu tindakan pengecut dan mencemar nama baik British dan melemahkan hubungan dan pengaruh British terhadap orang Melayu. Peristiwa ini menyebabkan orang Melayu hilang kepercayaan terhadap British.

Pada mulanya pihak atasan SHTI tidak menolak cadangan mengambil Pulau Pinang dan syarat-syarat yang diminta oleh Kedah, antaranya, bantuan SHTI untuk menentang musuh Kedah. Mungkin inilah juga alasan Francis Light berusaha keras mengambil Pulau Pinang. Namun selepas menyedari bahawa musuh Kedah itu ialah Siam, sikap pihak tertinggi SHTI di Bengal berubah. SHTI membuat keputusan bahawa mereka tidak boleh terlibat dalam perang dengan Siam. Akhirnya pada

¹⁷ Beliau naik takhta melangkaui seorang lagi calon takhta Kedah iaitu Tunku Pangeran (kemudiannya menjadi Sultan Ahmad Tajuddin, m. 1803-1845). Untuk keterangan lanjut tentang perebutan takhta ini lihat, Mohd. Isa Othman 1990. *Politik Tradisional Kedah, 1681-1942*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.24.

¹⁸ Walaupun dalam surat Sultan Kedah kepada SHTI di India bertarikh 24 Syawal 1199 antara lain menyebut bahawa baginda bersedia menyerahkan Pulau Pinang untuk dijadikan petempatan Inggeris untuk tujuan perdagangan dan membina kapal perang "so that if any enemies of ours from the East or the West should come and attack us, the Company would regard them as enemies also and fight them, and all the expenses of such wars should be borne by the Company" beserta beberapa syarat lain namun Kedah sebenarnya pada waktu itu amat berharap bantuan perlindungan pihak luar untuk menghadapi bukan sahaja musuh tradisi seperti Siam malah juga untuk mematahkan komplot dalam negeri. Lihat, Frank Swettenham 1906. *British Malaya*, London: John Lane The Bodley Head, hlm. 38.

tahun 1793, iaitu selepas tujuh tahun menduduki Pulau Pinang, pentadbiran tertinggi SHTI di Bengal menghantar satu jawapan yang muktamad bahawa "*no offensive and defensive alliance should be made with the Raja of Kedah*".¹⁹ Keadaan ini telah menyulitkan kedudukan Francis Light sendiri.

Dalam kes penyerahan Seberang Perai ini dijangkakan perkara yang sama dituntut oleh pihak Kedah. Diandaikan juga Sultan Dhiauddin seperti juga Sultan Abdullah Mukarram Shah yang menyerahkan Pulau Pinang kepada Francis Light, masih menaruh harapan bahawa SHTI akan menunaikan janjinya memberi perlindungan kepada Kedah sewaktu bersetuju menandatangani perjanjian tersebut. Harapan ini dapat dikesan dalam satu surat Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (m. 1804-1843) kepada Lord Minto, Gabenor-General di India bertarikh 24 Disember 1810. Dalam surat ini, Sultan Ahmad memohon SHTI menunaikan janjinya kepada ayahandanya (Sultan Abdullah) dan ayahanda saudaranya (Sultan Dhiauddin) dengan memberi bantuan perlindungan terhadap Kedah yang pada waktu itu sedang berhadapan dengan ancaman Siam. Tegas Sultan Ahmad Tajuddin lagi, pihak Kedah menyerahkan Pulau Pinang dan Seberang Perai kepada SHTI kerana yakin dengan semangat persahabatan yang ditunjukkan Inggeris selama ini dan yakin SHTI akan membantu "sahabatnya" (Kedah) dalam soal memberi perlindungan dan bantuan ketenteraan. Namun baginda kecewa kerana selepas dua perjanjian ditandatangani (Perjanjian 1791 dan Perjanjian 1800), tiada keputusan diterima oleh Kedah berkenaan aspek tersebut meskipun dicatat dalam perjanjian-perjanjian tersebut bahawa "Kedah dan Pulau Pinang jadi satu negeri".²⁰

¹⁹ Frank Swettenham, *British Malaya*, hlm. 45.

²⁰ Frank Swettenham, *British Malaya*, hlm. 47-52. Untuk tinjauan lanjut tentang isu "Kedah dan Pulau Pinang menjadi satu negeri", lihat R. Bonney, *Kedah 1771-1821*, Appendix 3 (c), dan Appendix 4 (c), hlm. 181-182, 186.

Bonney melihat perkembangan di atas sebagai salah faham di pihak Kedah. Harapan Kedah untuk mendapatkan perlindungan SHTI sebenarnya tinggal hanya harapan sebelah pihak kerana SHTI dalam fasal 2 perjanjian penyerahan Seberang Perai, SHTI hanya berjanji untuk menjaga keselamatan "Province Wellesley" (Seberang Perai sahaja) dan bukannya Kedah. Perjanjian Persahabatan 1800 antara George Leith dan Sultan Dhiauddin dengan sendirinya membatalkan perjanjian yang dibuat antara kedua-dua pihak sebelum ini (merujuk kepada perjanjian 1791). Namun menurut Bonney, perjanjian penyerahan Seberang Perai tidak sekali-kali bermaksud kawasan itu telah diserahkan sepenuhnya kepada SHTI. Fasal 1 menyebut:

"Kampeni Inggeris mahu bayar pada tiap-tiap tahun kepada Duli Raja Muda Perlis dan Kedah sepuluh ribu rial sa-lama Inggeris ada pegang dan dudok di-dalam Pulau Pinang dan Negeri yang di-seberang kemudian ada tersebut."²¹

Menurut Bonney, fasal 1 hanyalah merupakan satu rujukan terhadap "sewa" yang perlu dibayar kepada Sultan selama pendudukan SHTI di Seberang Perai.²²

4.4 Seberang Perai dan peristiwa serangan Siam 1821

Banyak kajian membuktikan sejarah Seberang Perai mengalami perubahan besar selepas peristiwa serangan Siam ke atas Kedah pada tahun 1821. Peristiwa ini turut

²¹ R. Bonney, *Kedah 1771-1821*, hlm. 186, appendiks 4 (c).

²² Fasal-fasal lain sebenarnya tidak jauh berbeza dengan fasal-fasal yang terkandung dalam Perjanjian Persahabatan yang ditandatangani Sultan Abdullah dan Francis Light pada tahun 1791. Kesemuanya terdapat 14 fasal dalam perjanjian persahabatan 1800. Antara fasal-fasal itu adalah tentang kebebasan berdagang antara kedua-dua pihak, penyerahan orang hamba, orang berhutang, orang yang mencuri, orang membunuh yang lari dari Kedah dan Perlis, Sultan Kedah tidak boleh membenarkan kuasa lain duduk di Kedah, SHTI bebas membeli barang makanan dari Kedah dan Perlis. Untuk tinjauan lanjut fasal-fasal ini, lihat R. Bonney, *Kedah 1771-1821*, hlm. 186, appendix 4 (c).

dikritik hebat oleh pegawai SHTI, masyarakat Negeri-Negeri Selat, dan mendapat liputan meluas akhbar utama waktu itu seperti *Penang Gazette*. Kritikan terhadap Siam bukan sahaja kerana kemusnahan dan penderitaan yang mereka bawa namun yang lebih penting kejadian ini turut menyebabkan rakyat Kedah kehilangan tanahair. Demi menyelamatkan diri dan keluarga, ramai daripada rakyat Kedah termasuk pembesar dan keluarga Sultan berpindah ke kawasan lain khususnya ke kawasan yang dahulunya milik kesultanan Kedah iaitu Seberang Perai dan Pulau Pinang sendiri.

Satu kesan yang ketara daripada peristiwa serangan Siam ke atas Kedah adalah peningkatan mendadak penduduk di Seberang Perai dan Pulau Pinang dan kemerosotan teruk penduduk di negeri Kedah sendiri. Menurut T. J. Newbold, penduduk Kedah seramai 100,000 orang kini hanya tinggal separuh sahaja selepas serangan Siam 1821.²³ Namun berbanding Pulau Pinang, Seberang Perai menerima masuk orang Kedah jauh lebih ramai sepertimana jadual berikut:

Jadual 4.1(a)
Bilangan penduduk Melayu, Cina, dan India di Pulau Pinang, 1786-1860

	Melayu	Cina	India
1786	100	-	-
1812	6,504	7,291	7,011
1820	8,681	8,270	8,198
1830	11,943	8,963	8,858
1842	18,442	9,715	9,681
1850	16,570	15,457	7,840
1860	18,887	28,018	10,618

²³ T. J. Newbold 1971. *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, with an introduction by C. M. Turnbull (terbit pertama kali pada 1831), London: Oxford University Press, hlm. 20.

Jadual 4.1(b)
Bilangan penduduk Melayu, Cina dan India di Seberang Perai, 1786-1860

	Melayu	Cina	India
1786	500	-	-
1812	3,350	267	72
1820	5,399	325	338
1827	7,805	951	654
1833	41,702	2,239	1,087
1844	44,271	4,107	1,815
1851	53,010	8,731	1,013
1860	52,836	8,204	3,514

Sumber: T. Braddell 1861. *Statistics of the British Possessions in the Straits of Malacca*, Penang: Penang Gazette

Berdasarkan jadual ini jelas menunjukkan penduduk Melayu di Seberang Perai telah meningkat seramai 12,400 orang antara tahun 1820 dan 1827. Jumlah ini meningkat kepada 23,897 orang pada tahun 1833. Sekiranya diukur pertambahan penduduk dari 1820 hingga 1833, pertambahan sebanyak 36,303 orang itu tidaklah boleh dianggap sebagai pertambahan yang disebabkan faktor kelahiran penduduk setempat atau kemasukan imigran biasa ke Seberang Perai. Jadual ini menunjukkan pertambahan penduduk yang mendadak ini mempunyai kaitan dengan perpindahan akibat perang Kedah-Siam 1821.

Kehadiran Sultan Ahmad Tajuddin dan kaum kerabatnya di Pulau Pinang tidak mampu menarik lebih ramai orang Kedah mengikut jejak baginda masuk ke negeri itu.²⁴ Sebilangan besar lebih selesa membuat petempatan di Seberang Perai termasuk kerabat-kerabat diraja dan pembesar Kedah. Kawasan yang menjadi tumpuan orang Melayu Kedah adalah kawasan ke selatan Sungai Muda yang bersempadan dengan Kedah dan Seberang Perai Utara. Antara kampung-kampung

²⁴ Kawasan tempat tinggal Sultan Kedah dan kaum kerabat serta pengikutnya pada awalnya ialah di sekitar George Town dan Telok Air Rajah. Tidak lama kemudian mereka berpindah ke kawasan luar bandar di sekitar di Telok Jelutong, Gelugor dan Sungai Kluang. Untuk tinjauan lanjut lihat, Nabir Abdullah 1993. "Dasar tanah kerajaan di Pulau Pinang, 1786-1840-an: perkembangan dan masalah pentadbirannya," tesis Ph.D (Sejarah), Universiti Sains Malaysia.

di utara Seberang Perai yang menjadi tumpuan pelarian dari Kedah adalah Bagan Ajam, Telok Ayer Tawar, Penaga, Bagan Jermal, Sungai Dua, Permatang Tok Jaya dan lain-lain.²⁵ Ada sumber mencatat bahawa sejak 1826, banyak tanah-tanah subur di Seberang Perai berpindah tangan kepada pengusaha-pengusaha kecil Melayu yang berasal dari Kedah. Hal ini tidak dapat dielakkan memandangkan kebanyakan pendatang Melayu Kedah ini rata-ratanya merupakan petani di tanah tumpah darah mereka. Justeru di tempat baru ini pekerjaan bertani dan bersawah padi masih menjadi tumpuan utama.²⁶

Tarikan utama perpindahan orang Melayu ke kawasan Seberang Perai ini bukanlah kerana kawasan ini berdekatan dengan Kedah. Pertimbangan utama adalah kerana Seberang Perai berada di bawah perlindungan Inggeris dan keduanya, kerana ada hubungan keluarga dengan orang Melayu di Seberang Perai.²⁷ Dengan bilangan yang ramai ini, kata sepakat dicapai untuk menjadikan Seberang Perai sebagai markas perjuangan merampas balik tanahair mereka daripada Siam. Oleh hal yang demikian sejak 1821 sehingga kesultanan Kedah dipulihkan semula pada tahun 1842, sejarah Seberang Perai turut mengambil bentuk baru dari segi kepimpinan politik. Perjuangan semangat kebangsaan begitu ketara dengan Islam menjadi tunjang perjuangan yang menyatukan orang-orang Melayu dari segenap pelusok Tanah Melayu. Perjuangan ini bukan lagi semata-mata perjuangan orang Kedah sebaliknya berkembang menjadi perjuangan orang Islam di Tanah Melayu menyokong rakan seIslam yang dianiyai oleh bangsa bukan Islam. Paling menarik, penduduk Eropah dan pedagang di Negeri-Negeri Selat sendiri amat bersimpati dengan nasib yang menimpa orang Melayu Kedah.

²⁵ Ramly Mat Zin 1980. "Bagan Jermal: Sejarah Ringkas", *Malaysia dari Segi Sejarah*, No. 9, hlm. 134.

²⁶ Zaharah Mahmud 1966. "Change in a Malay Sultanate: An historical geography of Kedah before 1939", MA thesis, University of Malaya, hlm. 15.

²⁷ Zaharah Mahmud, "Change in a Malay Sultanate", hlm. 15.

Buat kali pertama kekuatan SHTI diuji hebat apabila mereka gagal mengesan dan mengawal pakatan-pakatan sulit orang Melayu Kedah untuk menyerang Siam. Manakala Perjanjian Burney yang ditandatangani Siam-Inggeris pada 1826 benar-benar menuntut pihak Inggeris menunaikan salah satu syarat iaitu tidak membenarkan Sultan Kedah ataupun pengikutnya menyerang atau mengganggu dalam apa jua cara sekalipun jajahan Kedah atau sebarang jajahan takluk Siam. Justeru SHTI kini tersepit antara perjanjian dengan Sultan Kedah pada tahun 1800 yang menyebut bahawa "Perlis, Kedah dan Inggeris menjadi satu"²⁸ dengan janjinya kepada Siam dalam Perjanjian Burney 1826. Namun kebimbangan bahawa Siam akan menghentikan hubungan dagang khususnya menyekat bekalan makanan dibawa masuk dari Kedah ke Pulau Pinang menyebabkan SHTI berusaha menghalang setiap percubaan pihak Melayu di Seberang Perai menyerang Siam di Kedah. Langkah penting diambil oleh pihak SHTI pada 23 Februari 1829 apabila satu perisytiharan dikeluarkan yang mengharamkan mana-mana pihak membantu bekas sultan Kedah menyerang Siam di Kedah.²⁹

Perisytiharan tersebut nampaknya tidak berkesan malah beberapa siri penentangan orang Kedah terhadap Siam muncul selepas itu. Tiga siri serangan utama iaitu pada tahun 1831, 1836 dan yang paling besar serangan tahun 1838 membuktikan kekuatan semangat orang Kedah yang diketuai oleh kaum kerabat dan panglima-panglima perang Kedah tidak dapat ditamatkan dengan mudah oleh pihak SHTI. Perjuangan ini yang bergerak atas nama perjuangan jihad mendapat sokongan meluas melampaui sempadan. Pattani, Kelantan dan Terengganu adalah antara negeri yang banyak memberi sokongan kepada pihak Kedah. Dalam serangan tahun 1831, misalnya, Tunku Sulaiman berjaya mendapatkan bantuan ketua-ketua

²⁸ bermaksud Perlis (kerana Sultan memerintah/memegang kuasa di Perlis), Kedah dan Inggeris menjadi satu keluarga atau sahabat. Sekiranya pihak lain mengalami kesusahan, satu pihak lagi akan membantu.

²⁹ *The Burney Papers* 1912. Vol. 3, Pt. 1, hlm. 119.

Melayu Pattani yang kemudiannya menghimpunkan 3,000 orang Pattani untuk menentang Siam di Kedah.³⁰

Serangan pada tahun 1831 gagal namun muncul pula serangan berikutnya pada tahun 1836. Kali ini Sultan Ahmad Tajuddin sendiri turun padang menghimpunkan bala tentera. Sultan Ahmad yang dibenarkan Inggeris melawat Deli dikatakan telah melencong ke Beruas. Di Beruas, baginda mengambil peluang menghimpunkan penyokong untuk menyerang Siam di Kedah. Namun rancangan ini berjaya dikesan oleh Inggeris lalu Sultan dibawa semula ke Melaka dan pencen tahunannya sebanyak \$10,000 itu kini dikurangkan kepada \$6,000 sahaja.

Penawanan Sultan Ahmad Tajuddin tidak menghalang perancangan serangan yang telah dibuat di Beruas diteruskan. Pulau Langkawi dijadikan markas kepada sesiapa yang ingin melibatkan diri dalam perjuangan jihad ini. Hasilnya satu serangan besar dilancarkan pada tahun 1838. Serangan ini sekali lagi mendapat sokongan bukan sahaja orang Kedah di Seberang Perai dan Pulau Pinang malah orang Islam dari merata tempat, para ulama, dan pedagang Inggeris serta pedagang tempatan yang banyak menghulur bantuan senjata dan makanan.³¹

Serangan orang Melayu Kedah pada tahun 1838 hampir-hampir menamatkan kekuasaan Siam di Kedah. Serangan ini juga menyedarkan pihak Inggeris tentang kekuatan semangat orang Melayu yang tidak mampu dibendung oleh kekuatan tentera Inggeris. Pihak Inggeris tidak lagi melihat gerakan ini sebagai satu gerakan biasa malah gerakan ini dilihat merbahaya dan perlu dihapuskan sebelum ia bersatu

³⁰ *The Burney Papers 1912*, Vol. 3, Pt. 1, hlm. 210.

³¹ Untuk tinjauan lanjut tentang gerakan jihad orang Islam menentang Siam di Kedah dalam tempoh 1831-1836, lihat Mahani Musa 2003. *Kongsi Gelap Melayu di Negeri-Negeri Utara Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu, 1821-1940-an*, MBRAS, Monograph No. 36, hlm. 17-27; Abdullah Zakaria Ghazali 1996. "Kedah 1821-1842: Perjuangan Orang Melayu Menentang Siam", dalam Badriyah Haji Salleh dan Tan Liok Ee (peny.), *Alam Pensejarahan: Dari Pelbagai Perspektif*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 240-270.

dan muncul sebagai satu kebangkitan orang Melayu-Islam yang lebih besar. Apa yang paling membimbangkan pihak Inggeris di Pulau Pinang adalah persubahatan rakyat Inggeris di Negeri-Negeri Selat sendiri dalam serangan tersebut. Ekoran daripada itu satu lagi perisytiharan dibuat oleh Gabenor S. Bonham pada 6 Februari 1839 yang antara lain memberi amaran akan mengenakan hukuman atas kesalahan menentang kerajaan kepada mana-mana rakyat Inggeris yang tidak pulang selepas 10 hari perisytiharan itu dikeluarkan.³²

4.5 Seberang Perai selepas 1842

Pemulihan semula kesultanan Kedah pada tahun 1842 boleh disifatkan sebagai fasa kedua pembentukan sejarah Seberang Perai. Kedah mula kembali aman meskipun terpaksa berhadapan dengan cabaran memulihkan kembali struktur sosioekonomi, kemasyarakatan dan infrastruktur yang musnah akibat perang. Tempoh ini juga turut mencorakkan pembangunan sosioekonomi Seberang Perai. Fasa ini berkait dengan kemunculan masyarakat menetap di kawasan tersebut selepas perang Kedah-Siam tamat pada tahun 1842.

4.6 Aspek kepimpinan dan kemasyarakatan

Pemulihan kesultanan Kedah yang bererti pengunduran Siam dari negeri itu membawa kegembiraan kepada rakyat Kedah. Berdasarkan perpindahan masuk penduduk ke Seberang Perai dalam tempoh 1833 hingga 1844, didapati peningkatan penduduk di Seberang Perai hanyalah seramai 2,569 orang. Peningkatan kecil ini dikaitkan dengan penghijrahan keluar orang Melayu dari Seberang Perai, berkemungkinan merujuk kepada kepulangan orang Melayu Kedah ke negeri asal

³² *Burney Papers* 1912. Vol. 3, Pt. 2, hlm. 490.

mereka. Tanah-tanah di Seberang Perai mula dijual untuk membolehkan mereka kembali semula ke Kedah. Harga sewa tanah juga jatuh akibat fenomena ini.³³

Walaupun bagaimanapun, tidak semua rakyat Kedah yang lari ke Seberang Perai semasa serangan Siam kembali semula ke negeri asal mereka. J. R. Logan mencatat bahawa semasa kesultanan Kedah dipulihkan pada tahun 1842 ramai generasi tua mengikut jejak langkah menteri-menteri tua kembali semula ke Kedah. Namun bagi sebahagian besar penghijrah yang telah membuka tanah di Seberang Perai atau yang telah berpindah ke tempat lain yang lebih jauh, dan bagi mereka yang telah membesar di situ sepanjang penaklukan Siam, ramai yang lebih suka kekal di Seberang Perai.³⁴ Bagi generasi yang dibesarkan di sini, hasrat untuk kembali ke Kedah mungkin sudah luntur atau tidak sekuat generasi pertama apatah lagi memikirkan bencana perang yang menimpa kaum keluarga mereka selama 30 tahun. Malah daripada kelompok ini juga telah terbentuk generasi ketiga yang lahir dan dibesarkan di Seberang Perai yang tiada kena mengena langsung dengan apa yang berlaku di Kedah. Dalam bentuk masyarakat Melayu sebeginilah dan juga dengan kaum-kaum Cina dan India serta penghijrah dari Nusantara yang semakin meningkat bilangannya pembangunan sosioekonomi Seberang Perai menjadi semakin rancak.

Dari segi pentadbiran, Seberang Perai bergantung sepenuhnya kepada Pulau Pinang. Pentadbir tertinggi di kawasan tersebut hanyalah seorang Penguasa (Superintendent) yang mula dilantik pada tahun 1820. Penguasa turut memikul tugas sebagai polis majistret, pesuruhjaya mahkamah, Koroner dan Pemungut Cukai Tanah. Walaupun seluas 30 ekar tanah di Seberang Perai telah diusahakan untuk

³³ Zaharah Mahmud, "Change in a Malay Sultanate", hlm. 19.

³⁴ J. R. Logan 1851. "Notes on Pinang and Kidah, *JIA*, Vol. 5, hlm. 58.

pertanian atas galakan pemerintah di Pulau Pinang menjelang tahun 1850,³⁵ namun masih banyak kelemahan dalam pentadbiran tempatan yang perlu diatasi oleh pihak Inggeris di Pulau Pinang. Mentadbir kawasan ini bukan perkara mudah oleh sebab kekurangan kakitangan untuk mengawasi kawasan yang luas. Masalah sempadan terutamanya apa yang disifatkan sebagai "lawless zone" amat membimbangkan pihak Inggeris di Pulau Pinang. Oleh sebab kawasan di utara Seberang Perai yang bersempadan dengan daerah Muda tiada balai polis, panglima penyamun bebas keluar-masuk dari Kedah (melalui Sungai Muda) dan kawasan-kawasan lain.

Memandangkan Seberang Perai berdekatan dengan Pulau Pinang, pihak pentadbir di Pulau Pinang telah mengambil langkah untuk mengawal keselamatan dan mempertingkatkan kawalan dan undang-undang serta peraturan di kawasan bersempadan dengan selatan Kedah. Namun sehingga tahun 1880-an, tiada langkah daripada pihak Kedah untuk mengatasi masalah di sempadan Sungai Muda-utara Seberang Perai. Pihak Kedah hanya mula serius mengetatkan kawalan keselamatan di kawasan ini apabila tercetus Perang Kulim (pergaduhan kongsi gelap Cina) pada tahun 1889.³⁶ J. R. Logan yang memiliki tanah pertanian yang luas di daerah Muda telah mengemukakan cadangan membentuk pasukan polis sukarela di kawasan tersebut. Usul ini dihantar kepada kerajaan Pulau Pinang tahun 1867.³⁷ Terputusnya daripada pemerintahan elit tradisional dan tidak mendapat perhatian setimpal pula daripada pertuanan baru telah mendorong orang Melayu mencorakkan nasib dan masa depan mereka sendiri. Namun dalam banyak segi, ciri-ciri Kedah masih kuat berpengaruh dalam kehidupan masyarakat Melayu Seberang Perai. Dari

³⁵ James Low 1850, "An Account of the Origin and Progress of the British Colonies in the Straits of Malacca", *JIA*, Vol. 4, hlm. 114.

³⁶ Cheah Boon Kheng. *The Peasant Robbers of Kedah 1900-1929*, hlm. 13-14.

³⁷ J. R. Logan 1885. "Plan for a Volunteer Police in the Muda Districts, Province Wellesley", *JSBRAS*, December, No. 16. Lihat juga C. M. Turnbull 1972. *The Straits Settlements 1826-1867: Indian Presidency to Crown Colony*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 80. Kota Kuala Muda bukan sahaja menjadi tumpuan orang Melayu tetapi juga orang Cina. Pada abad ke-19, kawasan ini begitu terkenal sebagai pusat perjudian sehingga dikenali sebagai "a small Monte Carlo of the East".

segi kepimpinan, sebagaimana juga di Pulau Pinang, pihak Inggeris lebih senang menyerahkan tugas pengawasan kampung kepada penghulu. Setiap kampung mempunyai penghulu sendiri yang dipilih dari kalangan orang-orang yang berpengaruh dalam masyarakat.³⁸ Oleh sebab tanah dan pertanian menjadi ciri penting dalam kehidupan masyarakat Melayu di Seberang Perai, struktur sosial masyarakat Melayu di kawasan tersebut juga turut dipengaruhi oleh kumpulan sosial pemilik tanah dengan empat pembahagian utama seperti berikut:

- (1) golongan berdarah raja
- (2) golongan bergelaran seperti Syed dan Wan
- (3) golongan agama seperti haji, lebai, bilal, kadi
- (4) golongan rakyat biasa dan orang yang berpengaruh dalam kalangan rakyat seperti ketua kampung atau penghulu dan nakhoda

Golongan pentadbir kampung yang terdiri daripada penghulu, alim ulama dan orang bergelaran ini lebih dikenali sebagai "Orang Sepuluh". Ketua kampung atau penghulu menduduki tempat tertinggi dalam hirarki pentadbiran tradisional ini. Manakala golongan ulama pula mendapat penghormatan tinggi masyarakat setempat kerana pengetahuan agama yang mereka miliki. Bentuk kepimpinan ini dapat dikesan dalam masyarakat Melayu di Bagan Jermal yang merupakan antara kampung yang dibuka oleh pelarian politik Kedah semasa serangan Siam 1821. Tradisi "Orang Sepuluh" ini mengawal aspek sosial, agama dan kemasyarakatan

³⁸ G. W. Earl, *Topography & Itinerary of Province Wellesley*, hlm. 4-5.

kampung dan bagi kes Bagan Jermal, dikatakan diwarisi turun temurun daripada Penghulu Tok Idris, anaknya Ibrahim dan cicitnya. Ahmad bin Abdullah.³⁹

Sebenarnya jaringan hubungan yang wujud antara keempat-empat golongan utama dalam masyarakat Melayu Seberang Perai menjadikan golongan ini saling mengukuhkan kedudukan masing-masing dalam masyarakat. Apatah lagi pihak pentadbir Inggeris di Pulau Pinang membiarkan segala urusan hal ehwal orang Islam berada dalam tangan golongan yang berpengaruh dalam masyarakat Melayu seperti golongan alim ulama dan penghulu. Hubungan baik atau hubungan kekeluargaan antara golongan agama dengan penghulu memberi ruang kepada kedua-dua kelompok ini untuk muncul berkuasa dari segi kepimpinan dan ekonomi. Dikatakan antara tempoh 1822 hingga 1833, golongan agama paling ramai memiliki tanah di Seberang Perai⁴⁰ Pada tahun 1860-an pula Penghulu Telok Ayer Tawar telah melantik adiknya, Haji Ibrahim yang mengetuai sebuah jumaah terbesar di utara Seberang Perai untuk menggantikan kadi di daerah itu yang dipecat kerana cuai dalam tugas. Anak perempuan penghulu itu pula berkahwin dengan pembantu juru ukur tanah di Seberang Perai. Apabila bercerai, wanita itu berkahwin pula dengan Tunku Jusoh, adik pembesar daerah Muda.⁴¹ Perkahwinan ini dikatakan membentuk satu lingkungan kumpulan berpengaruh di Seberang Perai yakni dari kumpulan orang Melayu yang berpengaruh seperti alim ulama, kadi, dan penghulu dengan keluarga kerabat diraja Kedah. Hubungan ini sebenarnya bertimbal balik. Kadi Telok Ayer Tawar muncul berpengaruh di Seberang Perai antara tahun 1830-an hingga 1860-an hasil hubungan awal yang terbentuk dengan keluarga kerabat diraja yang

³⁹ Tok Idris dikatakan mengetuai "Orang Sepuluh" sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1877. Jawatan itu kemudiannya diambil alih oleh anaknya, Ibrahim yang meninggal dunia pada tahun 1917. Selepas itu anak Ibrahim yang bernama Ahmad pula mengetuai "Orang Sepuluh" sehinggalah ke akhir hayatnya pada tahun 1966. Untuk keterangan lanjut, lihat Ramly bin Mat Zin, "Bagan Jermal: Sejarah Ringkas", hlm. 36.

⁴⁰ R. D. Hill 1977. *Rice in Malaya: A Study in Historical Geograpghy*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 79-89.

⁴¹ J. R. Logan, "Plan for a Volunteer Police, hlm. 182

menetap di daerah itu sejak 1821. J. D. Vaughan, Penguasa Polis Pulau Pinang (1851-1856) melaporkan ramai haji membawa watikah daripada kadi ini untuk membuktikan kepada penduduk kampung dan penghulu bahawa mereka layak menjalankan arahan kadi.⁴²

Oleh sebab tiada peraturan yang jelas tentang fungsi dan tugas kadi, kekeliruan tentang had tugas dan adakalanya penyelewengan kuasa berlaku. Kadi di Pulau Pinang dan Seberang Perai sebenarnya bukan jawatan yang dilantik oleh kerajaan. Biasanya pelantikan kadi adalah atas pilihan penduduk kampung dan daerah yang kemudiannya diperakukan oleh kerajaan. Namun bidang kuasa kadi khususnya dalam hukuman jenayah dan agama juga tidak jelas meskipun ada kadi mendakwa mereka mendapat mandat dari kerajaan. Oleh hal yang demikian kerajaan Inggeris di Pulau Pinang sebenarnya mengalami kesulitan untuk mengawal kegiatan golongan ini. Kadi-kadi ini mengendalikan banyak kes rumahtangga di rumah atau di pondok berdekatan rumah mereka. J. R. Logan melaporkan dengan cara ini kadi sebenarnya mendapat peluang mengumpul kekayaan dan adakalanya mengambil peluang mengenakan bayaran yang mahal kepada pelanggan mereka.⁴³

Boleh dikatakan di peringkat pemulihan dan kewujudan masyarakat menetap yang masih baru ini, kepimpinan Melayu masih mencari-cari bentuk keserasian dengan suasana sosioekonomi yang semakin berkembang. Oleh kerana pihak Inggeris sendiri tidak mampu mengimbangi perkembangan ini pada peringkat awalnya, maka bentuk kepimpinan dan kemasyarakatan di tangan golongan yang berpengaruh

⁴² J. D. Vaughan 1858. "Notes on the Malays of Pinang and Province Wellesley", *JIA*, Vol. 2, hlm. 152-153. Vaughan tidak menyebut nama kadi tersebut.

⁴³ Logan melaporkan seorang lelaki Melayu yang menerima saman dari seorang haji yang mengaku dirinya kadi di daerah Kamlun dan mengendalikan kes isterinya lari dari rumah. Menurut lelaki tersebut, kadi tersebut bersetuju menyerahkan isterinya kembali dengan syarat lelaki itu membayar \$10.00 kepada beliau. Bayaran itu disifatkan oleh lelaki berkenaan sama banyak dengan mas kahwin yang beliau bayar kepada isterinya 20 tahun dahulu. Lihat, J. R. Logan, "Plan for a Volunteer Police", hlm. 193.

dalam masyarakat seperti ulama, kadi, ketua jumaah dan penghulu menjadi ciri yang biasa sebagaimana juga yang kelihatan dalam masyarakat Melayu di Pulau Pinang pada dekad yang sama.⁴⁴

4.7 Suasana sosioekonomi

Selain masyarakat Melayu yang merupakan kelompok penduduk yang paling ramai terutamanya di bahagian utara Seberang Perai, kawasan ini juga menerima kemasukan kaum lain sejak sebelum tahun 1800 lagi.⁴⁵ Orang Cina yang bertumpu di sebelah selatan Seberang Perai merupakan kelompok kedua terbesar diikuti dengan kaum India. Dengan kemasukan kaum-kaum lain, suasana sosioekonomi Seberang Perai menjadi pelbagai. Kaum Melayu terlibat sepenuhnya dalam kegiatan pertanian sementara kaum-kaum lain terlibat dalam perburuhan, pertanian komersil dan perdagangan. Namun hubungan antara kaum tetap wujud melalui pergantungan ekonomi.

Walaupun Seberang Perai diambil oleh Inggeris pada tahun 1800, tumpuan hanya diberikan kepada kawasan ini oleh Inggeris mulai tahun 1820 dengan pelantikan seorang Penguasa. Dalam perancangan Inggeris, Seberang Perai akan dimajukan sebagai kawasan pertanian padi untuk menampung bilangan penduduk yang semakin meningkat di Pulau Pinang dan Seberang Perai sendiri. Sebelum 1820-an,

⁴⁴ Untuk tinjauan lanjut tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat Melayu-Muslim di Seberang Perai dan Pulau Pinang pada pertengahan abad ke-19, lihat, Mahani Musa, *Kongsi Gelap Melayu di Negeri-Negeri Utara Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu, 1821-1940-an*, bab 2 dan 3.

⁴⁵ Walaupun statistik yang diberikan oleh Braddell menunjukkan sebelum tahun 1812, tiada orang Cina dan India di Seberang Perai namun tulisan James Low, T. J. Newbold dan juga artikel-artikel yang tersiar dalam *Journal of the Indian Archipelago* jelas menunjukkan semasa SHTI mengambil alih Seberang Perai, orang-orang Cina daripada dialek Tieuchiu sudahpun menanam tebu di kawasan itu manakala tanaman lain seperti lada hitam, buah pala dan bunga cengkih sudah ditanam di Seberang Perai dan juga Pulau Pinang menjelang tahun 1800. Lihat Jocelin Tan Poh Choo, *History of Penang: A Selected and Annotated Bibliography*, hlm. xi. Lihat juga Tan Kim Hong 1981. "Chinese Sugar Planting and Social Mobility in Nineteenth Century Province Wellesley", *Malaysia in History*, No. 24, hlm. 24-48.

hanya lebih kurang 1,000 relong tanah diterokai di Seberang Perai. Kebanyakan tanah ini terletak di antara Sungai Perai dan Sungai Muda yang merupakan kawasan pertanian padi yang utama pada waktu itu. Atas usaha Penguasa Seberang Perai waktu itu, Maingy, keluasan tanah pertanian yang diterokai pada tahun 1824 meningkat kepada 6,000 relong. Maingy juga yakin selepas dua atau tiga tahun, Seberang Perai akan menjadi pembekal beras utama kepada Pulau Pinang.

Namun jangkaan Maingy meleset kerana peningkatan kawasan yang ditanami padi di Seberang Perai sebenarnya dicatatkan pula dengan peningkatan mendadak penduduk di Seberang Perai berikutan serangan Siam ke atas Kedah pada tahun 1821. Malah dikatakan walaupun sehingga tahun 1860, sebanyak 30,000 relong (41,493 ekar) tanah pertanian telah dibuka, pertambahan ini hanya sekadar mencukupi untuk menampung keperluan Seberang Perai sahaja. Pulau Pinang akhirnya terpaksa bergantung kepada bekalan beras dari kawasan lain.⁴⁶

Selain pertambahan penduduk yang mendadak di Seberang Perai, sifat bukan penduduk menetap di kawasan itu juga turut menyumbang kepada kegagalan Seberang Perai menjadi pembekal utama beras kepada Pulau Pinang. Oleh sebab sebahagian besar penduduk di utara Seberang Perai ini merupakan pelarian dari Kedah, ramai yang pulang semula ke negeri asal mereka itu apabila keadaan mengizinkan. Tanah-tanah sawah akhirnya terbiar. Manakala kawasan yang tidak menjadi tumpuan masyarakat pelarian Kedah ini pula bermakna tidak banyak kawasan sawah dibuka meskipun tanah-tanah di kawasan itu subur untuk pertanian padi. Sebab-sebab lain terhadap kegagalan Seberang Perai dimajukan sebagai pembekal utama beras kepada Pulau Pinang juga dikatakan ada kaitan dengan dasar tanah yang diperkenalkan oleh kerajaan Inggeris sejak 1820-an. Dasar tanah tersebut menghadkan pembukaan tanah untuk pertanian kepada satu atau dua

⁴⁶ Nabir Abdullah, "Dasar tanah kerajaan di Pulau Pinang, 1786-1840-an, hlm. 282.

relong bagi seorang atau satu ketua keluarga. Sistem pajakan tanah yang diperkenalkan pada tahun 1826 pula semakin tidak menggalakkan pembukaan tanah sawah yang lebih luas. Tanah-tanah di bahagian tengah dan Selatan Seberang Perai yang sesuai untuk pertanian padi pula nampaknya telah diubahsuai oleh orang Cina pada tahun 1820-an dan orang Eropah pada tahun 1830-an kepada pertanian komersil. Masalah sistem pengairan yang tidak memadai serta sikap orang Melayu yang dikatakan tidak rajin bekerja juga dilihat sebagai punca mengapa tanah sawah tidak mengeluarkan hasil yang mencukupi.⁴⁷

Meskipun masalah-masalah yang disebutkan di atas mempunyai kaitan dengan orang Melayu khususnya kerana kelompok Melayu merupakan penanam padi yang utama namun ini tidak bermakna golongan ini tidak memberi sumbangan kepada pembangunan sosioekonomi Seberang Perai. Masyarakat Melayu dikatakan paling sedikit terlibat dalam pertanian komersil kerana masalah sikap tidak mahu berusaha dan masalah modal. Namun meneliti sejarah penduduk kampung tertentu mungkin memberi jawapan yang berbeza. Penduduk Melayu Bagan Jermal, misalnya, merupakan contoh kelompok masyarakat yang berpegang teguh kepada tradisi sosiobudaya Kedah, tetapi kemudiannya terpaksa menyesuaikan diri dan menyahut cabaran pembangunan.

Perjalanan ekonomi orang Melayu di Bagan Jermal yang pada mulanya berlangsung tanpa saingan akhirnya berubah corak akibat saingan bangsa Cina dan golongan pemodal India (ceti). Perubahan dan persaingan menyebabkan orang Melayu di kawasan itu bertindak balas dengan membentuk Syarikat Perniagaan Melayu yang pertama pada tahun 1880-an. Pada peringkat awal syarikat ini hanya memberi kemudahan mengedar bahan mentah untuk perusahaan daun rokok secara kredit. Pada akhir abad ke-19, syarikat ini mula membekalkan barang harian kepada orang

⁴⁷ Nabir Abdullah, "Dasar tanah kerajaan di Pulau Pinang, 1786-1840-an", hlm. 282.

kampung serta menjadi orang tengah dalam membeli dan menjual barang-barang keperluan kepada penduduk setempat.⁴⁸ Dari kesedaran ekonomi sehinggalah kepada kesedaran sosial menerusi penubuhan Persatuan Khairat Kematian Dermawan Muslimin pada tahun 1928 dan usaha meningkatkan kesedaran dalam aspek pendidikan, inilah manifestasi orang Melayu dalam membangunkan sejarah diri, keluarga, bangsa dan daerah tempat tinggal mereka.

4.8 Rumusan

Meskipun berada di bawah pentadbiran Inggeris sejak tahun 1800, sejarah Seberang Perai sebenarnya sangat berkait rapat dengan pergolakan yang berlaku di Kedah. Kehadiran pelarian Kedah ekoran serangan Siam ke atas negeri itu pada tahun 1821 mula mengubah corak kependudukan di kawasan tersebut. Seberang Perai pada ketika itu bukan sahaja terpaksa menerima masuk penduduk yang ramai malah turut menjadi markas kebangkitan orang Islam menyusun gerakan merampas kembali Kedah dari tangan Siam. Namun kewujudan masyarakat yang masih belum berhasrat untuk menetap ini juga telah menyebabkan hasrat Inggeris untuk menjadikan Seberang Perai sebagai kawasan pembekal utama beras turut tergendala. Seberang Perai mula mencorakkan hala tuju sejarahnya tersendiri setelah pulih dari perang dengan Siam pada tahun 1842.

Meskipun tidak lagi berada di bawah kepimpinan elit Melayu tradisional dan berada pula di bawah kuasa asing Inggeris, ciri Kedah termasuk dari segi kemasyarakatan dan kepimpinan masih ketara. Namun perkembangan-perkembangan seterusnya menyaksikan masyarakat Melayu tempatan terpaksa menyesuaikan diri antara keserasian berpegang teguh kepada tradisi dengan tuntutan mengubah nasib ekoran cabaran baru yang dibawa masuk oleh Inggeris seperti persaingan dengan bangsa-

⁴⁸ Ramly Mat Zin, "Bagan Jermal: Sejarah Ringkas", hlm 134-143.

bangsa lain yang lebih maju dari segi ekonomi. Proses penyesuaian ini boleh dilihat dalam sejarah masyarakat Bagan Jermal dan pasti banyak lagi sejarah seperti ini dapat dikesan sekiranya lebih banyak kajian sejarah tempatan dilakukan.

BAB 5

SEJARAH AWAL PENGGUNA DAN PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DI PULAU PINANG

5.1 Pengenalan

Bab 5 akan meninjau aspek bahasa yang dikaitkan dengan sejarah pengguna dan penggunaannya di Pulau Pinang pada zaman-aman awal pulau ini. Dari segi bahasa ini, sebagaimana aspek-aspek sosial lain, tidak banyak yang diketahui mengenai Pulau Pinang pada masa silam. Boleh dikatakan agak kurang catatan tentang bahasa di pulau ini secara khusus dan mendalam, sama ada sebelum kedatangan British atau sekarang ini. Setakat ini hanya terdapat tiga huraian ragam¹ atau dialek Melayu Pulau Pinang² sementara huraian lain tentang dialek ini dimasukkan dalam huraian dialek Kedah³. Kebanyakan kajian tentang dialek Melayu Pulau Pinang atau Kedah ini merupakan huraian (sinkronik) linguistik tulen, yakni huraian berbentuk kajian kata atau leksikal; fonetik dan fonologi atau sebutan; morfologi atau pembentukan kata; dan sintaksis atau pembentukan ayat. Huraian sosial (termasuk sejarah, fungsi, penutur, pola penggunaan, dan sebagainya) tentang dialek ini boleh dikatakan tiada dan jika ada pun bertaburan di sana sini dan memerlukan usaha yang lebih untuk mengumpulkannya. Dengan demikian bab ini akan cuba meninjau dan meneliti senario penggunaan ragam atau bahasa Melayu di Pulau Pinang dari segi profil sosiolinguistiknya, khususnya pada abad ke-18, semasa dan selepas pengambilalihan Pulau Pinang oleh Francis Light.

¹ Definisi dan huraian istilah ragam, dialek, variasi dan yang berkaitan akan dibuat dalam bahagian kedua bab ini (sila rujuk 3.2.1.2).

² Huraian yang dimaksudkan ialah huraian oleh Hamilton (1922), Noor Ein Muhammad Noor (1967), dan Noor Ein Muhammad Noor (1973). Huraian Hamilton (1922) berfokus kepada kosa kata/leksikal dan sebutan dialek ini, walau bagaimanapun, tiada bukti rakaman dicatatkan sebagaimana dua kajian yang lain. Ketiga-tiga karya ini tidak membincangkan pemetaan (kawasan pertuturan) dialek Melayu Pulau Pinang secara khusus.

³ Kajian-kajian tentang dialek Melayu Kedah juga agak terhad dan berfokus kepada huraian linguistik.

5.2 Penduduk dan profil sosiolinguistik di Pulau Pinang sebelum dan selepas kedatangan Francis Light

Profil sosiolinguistik⁴ (atau tipologi sosiolinguistik) bermaksud huraian bahasa dari segi jenis dan fungsinya dalam sesebuah masyarakat bahasa. Profil sosiolinguistik di sesebuah kawasan lazimnya dapat dihuraikan menerusi profil penduduk, (terutama jenis), yang terdapat di tempat berkenaan.

Berkaitan dengan profil penduduk awal Pulau Pinang, walaupun kewujudan pulau ini dirakamkan dalam catatan pelayaran⁵ Kapten Lancaster (Sir James Lancaster) seawal tahun 1592, catatan pedagang ini juga menunjukkan bahawa pulau ini tidak berpenghuni (*uninhabited*) (Cullin and Zehnder, 1905: 1; Wheeler, 1928: 83; Singam, 1940: 25) pada masa itu.

Walaupun Kapten Lancaster menemui pulau yang tidak berpenghuni, dipercayai bahawa lama sebelum itu Seberang Perai telah pernah dihuni oleh orang zaman Mesolitik (zaman batu pertengahan/zaman Hoabinhian) sekitar tahun 4,000 sebelum Masihi hingga 2,500 sebelum Masihi dan Pulau Pinang dihuni oleh orang zaman Neolitik (zaman batu baru) sekitar tahun 2,500 sebelum Masihi sehingga 1,500 sebelum Masihi. Penemuan peralatan zaman Mesolitik di Seberang Perai dan peralatan zaman Neolitik⁶ di Bukit Gambir, Gelugor pada tahun 1965 membuktikan

⁴ Ferguson (1966: 309) menyatakan bahawa profil sosiolinguistik ialah *a special summary description of the language situation based in part of on a series of indices and classifications*. Sebagai contoh huraian profil sosiolinguistik di Malaysia dapat dirujuk di dalam Noriah (2003: 39-66).

⁵ Kapal Kapten Lancaster *Edward Bonaventure* merupakan salah sebuah daripada tiga buah kapal yang dihantar dari England ke Timur untuk berdagang rempah. Ekspedisi ini sampai ke Zanzibar pada akhir tahun 1591, bertolak semula pada bulan Februari tahun berikutnya dan sampai ke pelabuhan Pulau Rimau di sebelah selatan Pulau Pinang pada bulan Jun. Kapten Lancaster dikatakan pedagang pertama yang menemui Pulau Pinang.

⁶ Contoh peralatan yang dimaksudkan boleh dirujuk di dalam Tweedie (1953: 21, 22, 25, 28, 34, dan 35).

bahawa kelompok manusia Mesolitik dan Neolitik telah pernah menghuni Pulau Pinang. Kedua-dua kelompok ini dipercayai manusia *Homo sapiens*⁷.

Kelompok manusia Mesolitik yang merupakan *Homo sapiens* awal disebut Australoid merupakan nenek moyang orang Asli Australia, Melanesia dan kelompok orang Asli Negrito (Senoi dan Semang⁸) di Malaysia. Kelompok manusia zaman Neolitik pula merupakan *Homo sapiens* moden disebut Austronesia/Melayu Polinesia yang menjadi nenek moyang orang Melayu Deutro, dan seterusnya menurunkan orang Melayu moden (Dartford, 1956: 6).

Bahasa yang digunakan oleh orang Melayu Deutro ialah bahasa Melayu purba, yakni bahasa yang digunakan sehingga sekitar abad ketujuh apabila empat batu bersurat awal berbahasa Melayu ditemui di Sumatera. Bahasa ini mungkin digunakan sebagai wahana komunikasi lisan kerana setakat ini belum ditemui bukti bertulis penggunaan bahasa ini di mana-mana tempat di Pulau Pinang, hatta di Nusantara. Disebabkan hal itu bentuk bahasa ini juga merupakan hasil rekonstruksi bahasa-bahasa Austronesia yang wujud sekarang ini.

Hal berkaitan penduduk awal Pulau Pinang sebelum kedatangan Light pula telah dibincangkan secara panjang lebar dalam tulisan yang lain.⁹ Menurut perbincangan berkenaan, orang Islam mungkin telah menetap di Pulau Pinang lama sebelum kedatangan Light dan peri hal kewujudan dan asal-usul mereka boleh diteliti daripada sumber-sumber sejarah, penceritaan di kalangan orang-orang tua tempatan dan catatan orang Inggeris sendiri.

⁷ Antara fosil manusia *Homo sapiens* yang ditemui di Malaysia ialah fosil Manusia Perak dan Manusia Niah. Jika berdasarkan hipotesis perpindahan orang Austronesia dari Asia Tengah, kelompok-kelompok ini mungkin merupakan manusia yang singgah (dan menetap) di tempat-tempat ini sewaktu penghijrahan dari kawasan asal di utara ke kawasan-kawasan selatan.

⁸ Penempatan terakhir orang Asli yang direkodkan pada tahun 1920 ialah penempatan di Kubang Semang, Province Wellesley (Ong, 2001: 2).

⁹ Lihat perbincangan oleh Mahani (2002).

Catatan orang Inggeris, misalnya catatan Macalister (1802: 23), menunjukkan bahawa sewaktu pengambilan Pulau Pinang terdapat dua tiga orang penduduk natif pulau itu yang menjadi nelayan dan mengutip damar serta minyak kayu (*wood-oil*). Menurutnyanya salah seorang penduduk natif tersebut, seorang lelaki yang sangat tua, memberitahunya bahawa lebih kurang enam puluh tahun sebelum itu pulau berkenaan pernah diduduki oleh tidak kurang daripada 2,000 penghuni. Disebabkan penduduk ini menjalankan aktiviti mencuri dan melanun kapal dagang yang belayar ke Kedah, maka Sultan Kedah telah menghantar tentera menghalau mereka dari pulau ini. Sewaktu pengambilan Pulau Pinang oleh Sharikat Hindia Timur Inggeris (*E.I.C.*), pulau itu masih menjadi sarang lanun yang banyak jumlahnya di Selat Melaka. Leith (1804: 24) juga menyatakan perkara yang sama. Menurutnyanya Pulau Pinang pernah dihuni oleh 3,000 orang penduduk yang kebanyakannya melanun, namun mereka telah diusir oleh salah seorang Sultan Kedah.

Catatan Cullin and Zehnder (1905: 5) pula menunjukkan bahawa sungguhpun Pulau Pinang dikatakan tidak berpenghuni, sewaktu Light mendarat beliau menemui 58 orang lelaki, wanita dan kanak-kanak di kaki bukit Datu Kramat yang meminta kebenaran Light untuk membina tempat kediaman di sana. Ukiran oleh Kapten Elisha Trapaud yang menghadiri majlis menaikkan bendera British pada 11 Ogos 1786 juga menunjukkan lukisan beberapa buah rumah gaya Melayu yang dikatakan merupakan rumah 58 orang penduduk yang disebut oleh Cullin and Zehnder (1905) (Hoyt, 1991: 5). Catatan lain pula menyatakan bahawa terdapat empat keluarga Melayu tinggal di pulau tersebut sewaktu pendudukan Inggeris (Maxwell, 1858)¹⁰. Menurut Farquhar (1804),¹¹ apabila pihak Inggeris menduduki Pulau Pinang terdapat empat keluarga nelayan berjumlah 23 orang, termasuk wanita dan kanak-kanak, dan

¹⁰ Di dalam Logan (ed.) (1859: 29).

¹¹ Di dalam Logan (ed.) (1851: 401).

keluarga ini dikatakan singgah sekali sekala di pulau itu. Dickens (1805)¹² bersetuju dengan pernyataan Farquhar (1804) bahawa memang terdapat 20 atau 30 orang nelayan di Pulau Pinang sewaktu Inggeris mengambil alih pulau itu, namun menurutnya nelayan tersebut mungkin singgah sekali sekala di pulau tersebut dan mereka inilah yang ditemui Light sewaktu beliau mendarat. Menurut pada waktu itu belum wujud satu bentuk pemerintahan yang sempurna di sana.

Semua catatan ini membuktikan bahawa Pulau Pinang telah dihuni sewaktu Light mengambil pulau tersebut. Penghunian ini mungkin bersifat kekal atau mungkin sementara sahaja. Walaupun penduduk awal ini kemungkinan besar orang Melayu, identiti ini tidak dapat dipastikan. Hal ini kerana orang Inggeris sering menyebut mereka sebagai penduduk natif. Light (1786)¹³ menggunakan istilah *inhabitans* apabila menyentuh tentang penduduk awal pulau ini. Menurut pada waktu rombongannya sampai ke sana *some of the inhabitans of the island, who dwell at the foot of the hills, paid me a visit and offered their service to assist me, I dismissed them with a present.*

Menurut Mahani (2002: 7-10, 14-15) kemungkinan besar penduduk awal tersebut merupakan orang Islam¹⁴ yang berasal dari Sumatera dan tempat-tempat lain di Nusantara. Sebagai contoh Haji Mohammad Salleh (yang dikenali sebagai Nakhoda Intan) bersama-sama adiknya Nakhoda Kechil yang datang dari Pagar Ruyong, Minangkabau dikatakan telah membuka Batu Uban (kawasan pantai) pada tahun 1734 selepas meminta izin daripada Sultan Kedah. Dua orang menteri di istana

¹² Di dalam Logan (ed.) (1851: 293).

¹³ Di dalam Logan (ed.) (1850: 629-630).

¹⁴ Sebagaimana istilah natif, istilah Islam juga agak kabur. Hal ini kerana tidak dapat dipastikan sama ada semua orang Melayu pada masa itu merupakan penganut agama Islam atau bukan. Malah menurut Low (1826: 273) *a considerable portion of the mahometan population of Keddah, since its conquest by the Siamese, has been reconverted to the Booddhist faith.* Di samping itu jika diteliti penghijrah Indonesia di Pulau Pinang pada abad ke-18, selain orang Melayu dari Sumatera (seperti Aceh), terdapat juga orang Jawa, Bugis, Batak, Nias, Boyan, Mandailing dan sebagainya yang jika dikelompokkan merupakan suku bangsa Austronesia bukan Melayu yang mungkin atau tidak beragama Islam (rujuk juga Abdur-Razzaq, 2001).

Pagar Ruyong, Minangkabau pula, iaitu Datok Janatun dan seorang saudaranya, telah belayar ke Kedah pada tahun 1749 dan Sultan Kedah telah menganugerahkan 100 ekar tanah di Batu Uban, Pulau Pinang kepada mereka. Dikatakan bahawa pembukaan Batu Uban (kawasan bukit) oleh Datok Janatun telah berlaku pada tahun 1759, iaitu 15 tahun sebelum Light menduduki pulau tersebut. Pah Kechil dari Batu Bara bersama-sama Jamaluddin dan Nakhoda Che Saleh dari Lingga pula dikatakan membuka Permatang Damar Laut, Nakhoda Seedin dari Deli dan Panglima Long dari Setol membuka Teluk Kumbang, dan Lebai Tampak dari Deli membuka Balik Pulau. Haji Mohammad Salleh atau Haji Brunei yang datang bersama-sama enam saudaranya pula telah membuka Bayan Lepas pada tahun 1789.

Jadi dapatlah dikatakan bahawa semua penduduk Melayu Pulau Pinang mungkin berasal dari luar pulau ini. Disebabkan kedudukan pulau ini berhampiran dengan Kedah maka kemungkinan besar kebanyakan mereka datang dari Kedah. Haji Mohammad Salleh, Datok Janatun dan pengikut mereka juga tidak terkecuali kerana mereka datang ke pulau ini menerusi Kedah dan mungkin telah menetap di Kedah dalam jangka masa tertentu sebelum berhijrah ke pulau ini. Ada juga orang Melayu dari Kedah yang mengikut rombongan Light sewaktu beliau mendarat di Pulau Pinang. Kedatangan beramai-ramai orang Melayu ke Pulau Pinang berlaku selepas Siam menyerang Kedah pada tahun 1821. Dalam tempoh 1818 hingga 1822 terdapat antara 9,000 hingga 13,000 orang Melayu Kedah yang berpindah ke Pulau Pinang. Mungkin sebab itulah maka dialek Melayu Pulau Pinang dikelaskan sebagai salah satu dialek Melayu Kedah sebab penduduk asal pulau ini kebanyakannya berasal dari Kedah. Dialek Melayu Kedah inilah juga yang telah mempengaruhi dan dipengaruhi oleh bahasa-bahasa pendatang yang mengungsi ke Pulau Pinang selepas pendudukan Light.

Ekologi bahasa di Pulau Pinang semakin beragam apabila imigran dari luar berhijrah ke pulau ini. Antara imigran yang dimaksudkan merangkumi orang Cina (3,000 orang), Chulia (1,000 orang), Siam dan Burma (100 orang), dan bangsa-bangsa lain seperti Melayu, Arab, Bugis, Armenia dan orang Eropah yang datang bersama-sama Light, termasuk paderi Perancis yang membuka penempatan di Pulo Tikus (Cullin and Zehnder, 1905: 5-10). Senario kepelbagaian penduduk Pulau Pinang dapat dilihat daripada banci penduduk di pulau tersebut dan di Province Wellesley sebagaimana yang dikemukakan oleh Newbold (1971: 54-55), yakni terdapat penduduk Eropah, Armenia, Melayu, Aceh, Batak¹⁵, Cina, Chulia, Benggali, Siam dan Burma, Arab, Parsi, dan lain-lain. Daripada semua penduduk, tiga kaum utama ialah Melayu, India dan Cina. Perkembangan jumlah ketiga-tiga kaum ini di Pulau Pinang dan Province Wellesley pada abad ke-18 dan ke-19 dipaparkan di dalam jadual berikut:-

Jadual 5.1(a)
Jumlah penduduk di Pulau Pinang mengikut tiga kaum utama

Tahun	Melayu	Cina	India
1786	100	-	-
1812	6,504	7,291	7,011
1820	8,681	8,270	8,198
1830	11,943	8,963	8,858
1842	18,442	9,715	9,681
1850	16,570	15,457	7,840
1860	18,887	28,018	10,618

¹⁵ Orang Asli yang terdapat di kawasan pedalaman Sumatera dan pulau-pulau berdekatan (Favre, 1848: 1).

Jadual 5.1(b)
Jumlah penduduk di Province Wellesley (Seberang Perai) mengikut tiga kaum utama

Tahun	Melayu	Cina	India
1786	500	-	-
1812	3,350	267	72
1820	5,399	325	338
1827	17,805	951	654
1833	41,702	2,239	1,087
1844	44,271	4,107	1,815
1851	53,010	8,731	1,013
1860	52,836	8,204	3,514

Sumber: Kedua-dua jadual dipetik dan diubah suai daripada Braddell, T., *Statistics of the British Possessions in the Straits of Malacca*, (1861), Jadual 1.

Keragaman penduduk di Pulau Pinang pada abad ke-18 dan ke-19 ini telah mempengaruhi ekologi bahasa Melayu pada waktu itu. Menurut Shellabear (1913) berdasarkan jenis penduduk terdapat tiga ragam bahasa Melayu yang dituturkan di Negeri-Negeri Selat (termasuk Pulau Pinang), iaitu:-

- (1) bahasa Melayu tinggi, yakni bahasa yang digunakan dalam penulisan dan kesusasteraan bertulis Melayu;
- (2) bahasa Melayu tulen atau dialek Melayu, yakni bahasa atau dialek yang digunakan sebagai wahana untuk berhubung oleh orang Melayu sesama mereka; dan
- (3) bahasa Melayu basahan Negeri-Negeri Selat, yakni bahasa atau dialek Melayu (termasuk kreol Melayu Baba di Melaka dan Pulau Pinang) yang digunakan oleh suku kaum yang berbeza (seperti Eropah, Cina, Tamil, Melayu, dan bangsa-bangsa lain) sewaktu komunikasi kebahasaan berlangsung antara mereka.

Ragam bahasa Melayu yang pertama lebih merupakan ragam yang disebut ragam tulisan. Ragam yang kedua pula merupakan ragam lisan, manakala yang ketiga mungkin terdiri daripada ragam tulisan dan ragam lisan. Bahagian berikut akan menghuraikan ketiga-tiga ragam bahasa Melayu tersebut yang digunakan pada abad ke-18 dan ke-19 di Nusantara, amnya dan di Pulau Pinang khususnya.

5.2.1 Bahasa Melayu tinggi

Pada masa Light menduduki Pulau Pinang, sekiranya disemak sejarah penggunaan bahasa Melayu dari segi bukti penulisan, didapati bahawa bahasa Melayu yang wujud pada waktu itu ialah bahasa Melayu klasik¹⁶ (abad ke-17 hingga abad ke-19). Zaman bahasa Melayu klasik didefinisikan sebagai zaman masyarakat Melayu yang sudah mengenali huruf, kegiatan penulisan/perakaman dalam bentuk tulisan telah bertanggungjawab dalam menstabilkan sebutan bahasa dan sebutan ini menjadi tolok (model) bagi masyarakat penutur pada amnya (Asmah, 1988: 392).

Terdapat dua catatan penting daripada pernyataan di atas. Pertama bahasa Melayu klasik merupakan bahasa yang sudah mempunyai tulisan/huruf sendiri dan kedua, dengan adanya tulisan maka telah wujud usaha untuk mewujudkan ragam bertulis berdasarkan ragam lisan dan bentuk penggunaan bahasa yang seragam dalam masyarakat¹⁷.

¹⁶ Penamaan bahasa Melayu berdasarkan zaman penggunaannya boleh dirujuk dalam Noriah (1999: 36 – 91). Collins (1998: 55-78) merujuk bahasa Melayu pada abad ke-18 sebagai bahasa Melayu moden akhir (*late modern Malay*).

¹⁷ Dalam konteks moden, aktiviti ini disebut sebagai perancangan bahasa atau menghasilkan ragam baku/standard. Pada abad ke-18 dan ke-19 (atau mungkin lebih awal lagi), walaupun usaha pembakuan bahasa Melayu ini tidak dilakukan secara rasmi, kesannya telah mula kelihatan. Misalnya pada abad ke-16 ragam bahasa Melayu yang diiktiraf sebagai bahasa rasmi ialah ragam yang digunakan di Melaka. Menurut Harun (1966: 59) yang ganjilnya surat dari Berunai itu ta'ada menyelitkan bahasa2 pelat daerah atau bahasa daerahnya yang banyak itu. Maka boleh-lah kita katakan jalan menggunakan bahasa Melayu di-seluruh Alam Melayu masa itu sangat baik dan dihormati jalan bahasa-nya mengikut loghat bahasa Melayu Kerajaan Melaka.

Pewujudan ragam bertulis yang dianggap sebagai model telah menghasilkan diglosia¹⁸ dalam bahasa Melayu pada waktu itu. Diglosia bermaksud kewujudan ragam bahasa tinggi (disebut *high language* atau bahasa *H*) dan bahasa rendah (disebut *low language* atau bahasa *L*). Hal ini dapat dibuktikan dengan pernyataan Valentyn (1726 Volume V, Illustration 8)¹⁹ yang berbunyi:-

“Malay is spoken nowhere so correctly and so purely as here, though there is still a great difference between the court language and that of the lower class. The language spoken by the courtiers is so swelling, so speckled with Arabic (to show their erudition in that language), and differs so much from the common pure language (the former being not so pure because every nation that speaks common Malay has mixed some words of their own language with it), that it would not be understood by the common people. For that reason [courtly style] is used only by princes, courtiers and priests, and therefore considered as the language of scholars.”

Bahasa tinggi yang disebut bahasa jawi (bahasa murni) ialah bahasa yang asli, murni, terbaik, muluk dan rumusnya sudah tegar (tidak dapat dibantah lagi). Bahasa ini hanya digunakan dalam tulisan di istana²⁰ tetapi tidak untuk pergaulan sehari-hari

¹⁸ Diglosia atau pemeringkatan dalam bahasa Melayu juga sebenarnya telah berlaku sekian lama, lama sebelum abad ke-17. Hal ini dibuktikan menerusi pernyataan dalam Undang-Undang Melaka (1976: 66) yang menerangkan tentang lima patah perkataan yang tidak boleh digunakan oleh rakyat biasa, hanya boleh digunakan oleh raja-raja sahaja. Pernyataan tersebut berbunyi:- 2.1 Fasal yang kedua pada menyatakan hukum bahasa segala raja-raja itu lima perkara yang tiada dapat kita menurut kata ini melainkan dengan titah tuan kita juga, maka dapat. Pertama titah, kedua patik, dan ketiga murka, keempat kurnia, kelima nugraha. Maka segala kata ini tiada dapat dikatakan oleh kita sekalian. Dan jikalau hamba raja mengatakan dibunuh hukumnya. Dan jikalau orang lain berkata demikian itu digocoh hukumnya. Adapun berpatik dan bertitah dan murka itu dan kurnia itu, tiada dapat kita mengatakan pada seseorang pun melainkan bahasa itu tertentulah kepada raja-raja juga. Adapun jikalau seseorang dinugrahakan, itupun harus berpatik dan bertitah dan murka melainkan dengan titah tuan jua, maka dapat. Adapun jikalau tiada dengan anugraha itu, dibunuh hukumnya.

¹⁹ Di dalam Collins (1996: 33-34).

²⁰ Dalam konteks moden diglosia juga wujud dalam konteks lisan. Misalnya dalam diglosia bahasa Melayu terdapat variasi di raja dan variasi bukan di raja bukan standard yang digunakan sewaktu komunikasi lisan yang melibatkan raja atau kerabat di raja.

walaupun di kalangan raja dan alim ulama. Malahan di pantai Tanah Melayu, Jawa dan Sumatera bahasa ini difahami oleh raja-raja yang beragama Islam dan alim ulama tetapi tidak difahami oleh rakyat biasa (de Hollander, 1984: 236). Manakala bahasa rendah pula ialah ragam bahasa Melayu lisan yang digunakan di kalangan rakyat biasa dan ragam ini bercampur aduk dengan bahasa ibunda penutur yang terdiri daripada pelbagai latar belakang bangsa. Antara contoh ragam bahasa Melayu rendah ialah bahasa pijin Melayu atau bahasa pasar.

Kewujudan ragam tulisan ini telah membolehkan raja-raja Melayu pada waktu itu memanfaatkan sarana ini, selain sarana lisan, untuk berkomunikasi. Seawal abad ke-16,²¹ raja-raja Melayu di Nusantara telah menggunakan sarana ini untuk berkomunikasi dengan orang-orang luar, raja-raja lain atau rakyat biasa menerusi penulisan surat. Pada waktu itu surat-surat emas yang bersampul sutera ditulis untuk menyampaikan teks-teks diplomatik dan perutusan dengan sekutu atau sahabat niaga. Selain pertukaran pujian dan bingkisan kenegaraan, surat Melayu memuatkan juga utusan antara seteru.

Disebabkan penulisan surat termasuk dalam kategori penggunaan bahasa *H* maka tatacara penulisan yang betul (dari segi bahasa, kepala surat, cap mohor, sampul surat, dan sebagainya yang ditentukan oleh hubungan darjat pemeran dan nilai diplomatik) dan seragam amat penting diamalkan. Disebabkan bahasa *H* hanya digunakan di kalangan kerabat di raja maka hal ini telah mewujudkan panduan surat-menyurat Melayu yang dikenali sebagai kitab terasul yang merupakan panduan menulis surat yang khusus untuk golongan darjat tertentu ini (golongan di raja). Walau bagaimanapun, panduan menulis surat di kalangan orang awam mungkin bermula apabila satu bab mengenai surat-menyurat ditulis di dalam *Bustan al-Katibin*

²¹ Dua pucuk surat terawal berbahasa Melayu merupakan dua pucuk surat daripada Sultan Ternate, Sultan Abu Hayat kepada Raja Portugal, John III bertarikh 1521 dan 1522.

karangan Raja Ali Haji yang dicetak di Pulau Penyengat pada tahun 1857. Salah satu terasul awam bertajuk *Surat Terasul dan Kira-Kira* telah ditulis oleh Encik Long di Kampung Gelam, Singapura dan diterbitkan pada tahun 1868. Dalam terasul ini puji-pujian untuk kalangan istana telah dianggap kurang penting, malah sejumlah besar puji-pujian disediakan untuk menulis surat kepada bonda, ayahanda, anakanda, nenda, cucunda, adinda, kekanda, guru, murid, adinda kekasih dan sahabat. Hal ini menunjukkan perubahan masa menyebabkan warkah Melayu beradat semakin terhad penulisannya di kalangan anggota istana sahaja dan penulisan surat di kalangan rakyat biasa menggugurkan sebahagian besar puji-pujian yang panjang lebar dan memperkenalkan penggunaan tandatangan, tarikh Eropah dan tatacara sapaan yang lebih umum (Gallop, 1994: 22-26). Dengan kata lain pada abad ke-18 dan ke-19 bahasa *H* tidak lagi didominasi oleh raja-raja dan ulama tetapi telah berkembang penggunaannya di kalangan rakyat biasa.

Di Pulau Pinang, perkembangan koloni Inggeris dan penulisan surat di kalangan rakyat biasa menghasilkan banyak sekali surat yang ditulis kepada Light dan juga bahan tulisan lain. Koleksi surat Francis Light (1740-1794) mungkin merupakan koleksi surat Melayu paling besar yang masih ada pada hari ini. Surat dalam koleksi ini bermula dari zaman sebelum penempatan British di Pulau Pinang pada tahun 1786, sewaktu penempatan British di Pulau Pinang, sehinggalah kematian Light pada tahun 1794. Koleksi ini mengandungi kira-kira 1,000 buah dokumen yang terdiri daripada surat-surat yang dihantar kepada Light, surat yang dihantar Light kepada rakan lamanya, Scott, surat asal, salinan dan rangka surat yang dihantar oleh Light, surat daripada orang Melayu, dan dokumen lain yang terdiri daripada bil, bil hutang, resit, petisyen, perjanjian perdagangan, senarai barangan, senarai gaji, laporan banci penduduk tempatan, dan lain-lain (Kratz, 1995: 1045-1057). Di samping perbincangan Gallop (1994) dan Kratz (1995) tentang koleksi surat ini, banyak yang dapat diperkatakan mengenai kepelbagaian aspek koleksi ini dari sudut lain,

termasuklah aspek bahasanya. Dengan kata lain surat-surat Light selain membantu kita memahami peristiwa-peristiwa sejarah dengan cara menghidupkan semula tokoh-tokoh yang terlibat dan menjadi sumber utama maklumat yang paling penting bagi peristiwa dan zaman tertentu (Gallop, 1994: 9), juga mewakili penggunaan bahasa Melayu versi tulisan dan dapat membuktikan hal lain berkaitan penggunaan bahasa Melayu di Pulau Pinang pada abad ke-18.

Penggunaan bahasa Melayu oleh Light sendiri membuktikan dengan tepat kedudukan bahasa Melayu pada abad ke-18 sebagai *lingua franca* di Nusantara. Bahasa Melayu bertulisan jawi digunakan oleh Light bukan sahaja untuk berhubung dengan raja-raja Melayu, malah digunakannya sewaktu berhubung dengan bangsa lain. Sebagai contoh surat yang ditulis oleh Enci' Lu Nga dari Perlis (Teks 5.1 di dalam Lampiran 7) bertarikh 5 April 1785 untuk meminta bantuan Light menjual satu muatan barang dagangan Cina, ditulis dalam bahasa Melayu menggunakan tulisan jawi yang begitu teratur menunjukkan si penulis yang bukan orang Melayu bukan sahaja fasih berbahasa Melayu malah bahasa ini telah digunakannya untuk berhubung dengan Light yang ternyata bahasa ibundanya juga bukan bahasa Melayu. Seorang lagi pedagang bukan Melayu, iaitu Saudagar Raja yang berketurunan India, juga menulis beberapa pucuk surat berbahasa Melayu bertulisan jawi kepada Light. Salah satu contoh suratnya kepada Light dapat dirujuk di dalam Lampiran 8 Teks 5.2.

Walaupun dikatakan bahawa Light mendapat bantuan penterjemah (Mahani 2000: 27), jurutulis atau pengajar bahasa Melayu, perihal kebolehan berbahasa Melayu Light sendiri telah diceritakan oleh (Cullin and Zehnder, 1905: 2). seperti berikut:-

“That Captain Light was a linguist of no mean order is evidenced by the fact that shortly after his arrival in the East he became conversant with the Siamese and Malay Languages, on account of which he was held in high esteem by the Siamese and Malay chiefs with whom he traded, the former conferring on him the rank and title of nobility.”

Kebolehan Light berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu ditunjukkan menerusi penulisan surat beliau kepada Datu' Laksmana dan Raja Kedah, dan tulisan surat dari orang Melayu dan sultan atau kerabat di raja Perak, Selangor, Johor, dan Terengganu kepadanya (Gallop, 1994: 136-140). Surat Light dianggap ditulis dalam tradisi Melayu yang terbaik dan mengikut norma dan peraturan penulisan surat Melayu²² seperti yang diterangkan oleh Wilkinson (1914) (Kratz, 1995: 1053). Dikatakan bahawa kebolehan Light ini telah membawa rahmat kepadanya dari segi perdagangan. Beliau telah berjaya mengekalkan hubungan baik dengan saingan peniaga tempatan dalam suasana masyarakat dan ekonomi orang Melayu, termasuk hubungannya dengan pemerintah dan orang paling berpengalaman berkaitan dengan kegiatannya. Ini kerana Light dianggap sebagai orang yang sudah biasa dengan bahasa dan adat mereka serta orang penting yang telah menjadi sebahagian daripada rangkaian perniagaan (Kratz, 1995: 1043-1044).

Sebab itu dapatlah dikatakan bahawa di Pulau Pinang pada abad ke-18 penulisan surat bukan sahaja menunjukkan tahap penggunaan bahasa Melayu, malah perkembangan penggunaan bahasa Melayu di salah sebuah wilayah di Kepulauan Melayu, peserta pelbagai kaum yang terlibat dalam penggunaan bahasa Melayu

²² Misalnya dikatakan bahawa surat Light sering disesuaikan mengikut taraf orang yang dihubungi, umpamanya dari segi penggunaan kata ganti nama diri.

pada masa itu, dan fungsi bahasa Melayu sebagai *lingua franca* dalam hubungan antara kaum.

Sekiranya diteliti hasil-hasil tulisan pada abad ke-18 dan ke-19, didapati bahawa walaupun seawal abad ke-16 bahasa Melayu sudah mula dicetak menggunakan tulisan rumi,²³ tulisan jawi masih digunakan secara meluas. Menurut Gallop (2002), walaupun tidak ditemui manuskrip asal bertulisan jawi yang ditulis di Pulau Pinang, beliau menyatakan kemungkinan wujud bentuk tatahias Islam yang khusus ala Pulau Pinang yang digunakan untuk menghias manuskrip salinan bertulisan jawi pada abad ke-19. Malah agak menakjubkan juga sebab tulisan jawi digunakan untuk menulis bahasa lain. Van Ronkel (1922) membincangkan sebuah manuskrip²⁴ bertarikh 29 Ogos 1767 (4 Sha'ban 1192) yang menunjukkan penggunaan variasi bahasa Melayu yang bercampur aduk dengan Tamil dan Parsi yang mungkin dihasilkan oleh penulis yang berasal dari Pulau Pinang. Manuskrip ini menunjukkan contoh bahasa Tamil ditulis menggunakan tulisan jawi Arab. Walaupun nama penulis manuskrip ini tidak tercatat, van Ronkel (1922: 34-35) merumuskan bahawa penulisnya seorang Muslim yang fasih berbahasa Melayu, Tamil dan Parsi. Individu jenis ini boleh ditemui di Negeri-Negeri Selat. Walau bagaimanapun, menurut van Ronkel (1922: 34-35) lagi:-

“... we cannot fancy the existence of a Tamil who lives long enough in a Malay country to master the Malay language so that it becomes equally easy for him as his own original idiom. It is obvious therefore that not he but a son of his, born in Malaya from a Malay mother, wrote this book. From his father he got his familiarity with Tamil, from his mother his knowledge of Malay, from both his Islamic creed. Such

²³ Semua bahan yang dicetak pada abad keenam belas ditujukan kepada orang Eropah. Kosa kata, buku perbualan dan kamus perdagangan dicetak (diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa orang Eropah, diulang cetak) untuk kegunaan pegawai, pedagang, jurutera perlombongan dan penembak ulung Eropah yang ditugaskan ke Nusantara (Collins, 1996: 393).

²⁴ Manuskrip ini disimpan di Perpustakaan Universiti Leyden dengan rujukan No. 754.

a man would be typical representative of the immigrants who introduced Islam into the Archipelago. These settlers, Dravidians or Gujeratis, married native women in the Peninsula and in the islands, and their sons, so-called peranakan, were familiar with the languages both of their father and of their mother."

Merujuk kepada fungsinya pula, dalam penghasilan manuskrip bercetak pada abad ke-18 dan ke-19, bahasa Melayu masih menjadi *lingua franca* dalam konteks masyarakat majmuk, walaupun pada masa yang sama membayangkan corak pemerintahan kolonial pada waktu itu. Merujuk kepada kewujudan tiga jenis penerbit (penerbit Eropah, penerbit Baba dan penerbit Muslim) bagi bahan-bahan berbahasa Melayu, Proudfoot (1993: 9) menyatakan bahawa;-

"... the high degree of segmentation which characterises Malay-language printing mirrors the plural society of the Straits Settlements under colonial rule – indeed of the colonial order in general. It also reflects the technological dualism upon which that plural social order was erected. Yet in the face of these differences, all three classes of this colonial society produced Malay books, albeit of different kinds and for different purposes, thereby demonstrating the vitality of Malay as a medium of communication in this culturally diverse community."

Walaupun sebagaimana yang dinyatakan, seawal abad ke-16 bahasa Melayu sudah dicetak dalam tulisan rumi di Nusantara, percetakan bahan sebegini dalam bahasa Melayu di Malaysia dan Singapura hanya bermula pada abad ke-19. Percetakan Islam terawal bertarikh 1854 apabila al-Quran dengan pengenalan dan nota dalam bahasa Melayu dicetak di Singapura (Proudfoot, 1993: 27). Kebanyakan percetakan teks Islam berkembang daripada tradisi penulisan manuskrip. Dengan demikian

penerbit Islam menerbitkan bahan-bahan seperti kitab (kadang-kadang disebut surat), hikayat (disebut juga ceritera, kitab dan kadang-kadang surat juga) dan syair. Penerbit kelompok ini bertumpu di Singapura. Di Pulau Pinang penerbit Haji Putih bin Syaikh Abu Basyir memiliki 17 agen pada tahun 1895 untuk memasarkan bahan penerbitan di sebelah pantai barat Tanah Melayu, Aceh, pantai timur Sumatera, Singapura dan Kalimantan dan 26 agen pada tahun 1897 untuk memasarkan bahan penerbitan hingga ke Bangkok.

Percetakan Eropah pula berkembang apabila mubaligh Protestan melancarkan gerakan dakwah secara besar-besaran. Pusat *The London Missionary Society* ditubuhkan di Melaka (1815), Pulau Pinang dan Singapura (1819), dan Jakarta (1822); *The Baptist Mission* di Bengkulu (1818), dan *The American Presbyterians* di Singapura (1834). Semua pusat ini dilengkapi dengan alat cetak. Pusat percetakan mubaligh ini berfungsi mencetak bahan-bahan agama Kristian (dalam bahasa Melayu dan bahasa-bahasa lain)²⁵ dan buku sekolah. Selain kedua-dua bahan ini, percetakan gazet kerajaan dan enakmen dalam bahasa Melayu di Nusantara hanya berleluasa pada abad ke-20 dan dalam hal ini bahasa Melayu hanya merupakan salah satu bahasa daripada tiga bahasa lain yang digunakan, iaitu Inggeris, Cina, dan Tamil (Proudfoot, 1993: 10 -11).

Hasil percetakan mubaligh yang awal telah gagal kerana sukar dibaca atau difahami oleh pembaca Melayu. Hal ini kerana bahan ditaip dalam tulisan jawi yang cemerkap/gabas dan tahap literasi di kalangan orang Melayu yang rendah pada waktu itu. Dengan demikian mubaligh mula mendirikan sekolah untuk mengajarkan literasi dan pengiraan asas. Mubaligh di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang

²⁵ Antara bahasa yang disebutkan ialah bahasa Thai, Bugis, dan di Singapura pada tahun 1890 kitab suci Kristian dicetak dalam bahasa Melayu, Jawa, Bali, Bicol, Melano, Tagalog, Vietnam, dan Khmer (Proudfoot, 1993: 10).

membuka sekolah, mencetak²⁶ teks pengenalan ejaan, membaca dan mengira, dan soal jawab agama yang dapat digunakan sebagai bahan mengajar. Sekolah yang paling berjaya ialah Beighton di Pulau Pinang. Percubaan menyebarkan dakwah Kristian pada abad ke-18 menggunakan bahasa Melayu dan Cina di Pulau Pinang dimulakan dengan mendirikan sekolah yang menggunakan bahasa Melayu dan Cina. Semasa menyelia sekolah dan mempelajari bahasa tempatan, pendakwah ini mengedarkan salinan kitab suci dan risalah agama dan dipercayai bahawa beberapa salinan kitab suci Kristian dalam bahasa Melayu terdapat di Pulau Pinang tetapi bahan ini tidak diedarkan cuma diturunkan di kalangan mubaligh untuk tujuan pengajaran.

Di Bangkahulu, Sumatera, Marsden, W. mengumpul bahan dan mengkaji bahasa Melayu dari tahun 1771 hingga 1779 dan hasilnya ialah pemerian nahu dan penerbitan kamus pada tahun 1812 yang memaparkan buat kali pertamanya entri bahasa Melayu dalam ortografi jawi. Sebelum itu huraian Cornhill et al (1800: tajuk, iii) berkait dengan tatabahasa bahasa Melayu dalam ortografi jawi juga merupakan huraian tatabahasa bahasa Melayu yang digunakan sekitar tahun 1800 dan beliau mengakui bahawa bahasa Melayu yang dimaksudkan ialah *Malay tongue as spoken in the Peninsula of Malacca, the islands of Sumatra, Java, Borneo, Pulo Pinang, &c. &c.*

Akibat Perjanjian Inggeris Belanda pada tahun 1824 dunia bahasa Melayu di Nusantara dipisahkan secara politik dan simbolik. Walaupun demikian, dari sudut

²⁶ Dalam hal ini fungsi percetakan Melayu telah berubah kerana tujuan dan audiennya berubah. Hal ini telah berlaku lebih awal di Ambon apabila Ruyll (1611) menerbitkan buku *Surat ABC* dengan dua tujuan, iaitu mendidik orang Melayu berbahasa Melayu membaca bahasa Melayu dalam huruf rumi dan menyebarkan pelajaran agama Kristian kepada mereka. Buku ini disusuli karangan Ruyll yang kedua (1612) yang mengandungi kumpulan dialog Melayu dengan padanannya dalam bahasa Belanda. Buku ini ditulis sebagai buku pelajaran bahasa Belanda dan pengantar agama Kristian untuk orang Melayu. Sepanjang abad ke-17 banyak buku agama Kristian yang diterbitkan dalam bahasa Melayu beraksara rumi, antaranya buku pelajaran dan terjemahan kitab Kristian dan disebarluaskan secara luas di Nusantara. Hal ini menjadi lebih pesat apabila percetakan bahan berbahasa Melayu yang dikerjakan di Belanda sepanjang abad ke-17, telah mula berfungsi di Batavia pada akhir abad tersebut (Collins, 1996: 393).

sumbangan kedua-dua penjajah ini terhadap perkembangan bahasa Melayu, kedua-duanya dapat bekerjasama dalam membentuk bahasa Melayu. Misalnya nahu dan kamus Marsden 1812 telah diterjemahkan ke bahasa Belanda pada tahun 1824, 1825 dan 1826, dan menjadi bahagian penting dalam tradisi kajian Melayu oleh orang Belanda. Di Singapura pula, bahan-bahan tulisan Abdullah Munshi dicetak di Batavia dan dijadikan bahan bacaan perlu di Hindia Timur Belanda. Kajian saintifik Belanda diterbitkan semula atau dilaporkan dalam *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*. Wilkinson merujuk kepada pelbagai sumber Belanda sewaktu menyediakan kamusnya. Sesetengah buku memperlihatkan teks Melayu menggunakan aksara Latin dan teks setara dalam karektor Cina diterbitkan di Singapura untuk edaran di Hindia Timur Belanda. Pada tahun 1877 New Testament dalam bahasa Melayu *Segala Surat Perjanjian Baharu Maha Besar Tuhan Jesus Christos* ditulis dalam sejenis bahasa Melayu yang digunakan di Hindia Timur Belanda diterbitkan di Haarlem, Holland untuk National Bible Society di Scotland (Collins, 1998: 57-58).

Selanjutnya beberapa tahun kemudian bahasa Inggeris dan bahasa Belanda mulai mempunyai pengaruh yang kuat ke atas perkembangan bahasa Melayu di wilayah masing-masing dari segi tulisan dan pertuturan. Kuasa Barat ini mencipta bahasa Melayu baku yang sesuai mengikut bangsa yang mereka dirikan. Mereka mula mengubah suai dan mencetak sebilangan buku teks. Selepas bertahun-tahun kajian lapangan, tatabahasa, kamus, dan ortografi, bahasa Melayu dibakukan dan penggunaan bahasa Melayu diluaskan ke seluruh penduduk kolonial.

5.2.2 Bahasa Melayu tulen (dialek Melayu Pulau Pinang)

Dalam konteks ini bahasa Melayu tulen ialah bahasa atau dialek Melayu yang dituturkan oleh penutur jati Melayu Pulau Pinang. Sebagaimana dialek Melayu yang

lain, dialek ini, di samping menampilkan ciri-ciri kesamaan dengan dialek Melayu yang lain, menonjolkan juga perbezaan dengan dialek-dialek berkenaan. Bahagian berikut akan membincangkan dialek Melayu Pulau Pinang sebagai salah satu variasi bahasa/dialek/ kelainan/ragam yang terdapat dalam bahasa Melayu.

5.2.2.1 Bahasa dan variasi bahasa/dialek: kawasan pertuturan dialek Melayu Pulau Pinang (DMPP)

Kajian terhadap variasi bahasa bermula daripada kajian sosiolinguistik yang berfokus kepada ketidakseragaman perlakuan berbahasa atau perbezaan penggunaan bahasa di kalangan manusia disebabkan keragaman latar belakang manusia. Dalam hal ini perbezaan penggunaan bahasa mencerminkan kewujudan variasi bahasa. Variasi bahasa lazimnya juga dirujuk sebagai ragam, dialek atau kelainan bahasa²⁷. Dengan perkataan lain sesebuah bahasa secara alamiah tidak seragam dan ketidakseragaman itu digambarkan menerusi kewujudan ragam, dialek atau variasi bahasa. Dari sudut yang sama, pewujudan bahasa boleh disejajarkan dengan sebuah sistem. Dalam hal ini bahasa boleh dianggap sebagai sebuah sistem terbuka. Dalam sistem itu terkandung beberapa bahagian dan bahagian-bahagian dalam sistem bahasa inilah yang dikatakan dialek atau variasi bahasa.

Mengapakah dialek wujud? Umumnya perbezaan ruang atau kawasan geografi disebut-sebut sebagai penyebab kepada perbezaan pertuturan antara individu atau kelompok penutur. Misalnya di Malaysia dapat dilihat dengan jelas perbezaan sebutan kosa kata dialek-dialek Melayu mengikut negeri. Sebagai contoh dikemukakan perbezaan sebutan bunyi [s] bagi lapan dialek Melayu di dalam Jadual 3.3 yang berikut.

²⁷ Istilah variasi bahasa dan dialek akan digunakan silih berganti di dalam buku ini untuk merujuk kepada perkara yang sama.

Jadual 5.2
Perbezaan sebutan /s/ dalam lapan dialek Melayu

BMS	Perak	PPinang	Kedah	NSembilan	Kelantan	Johor	Sarawak	Sabah
kəris	kəReh	kəReh	kəReh	kəɾih	kəɾeh	kəɾes	kəɾis	kəris
tikus	tikoyh	tikuyh	tikuyh	tikuyh	tikuh	tikus	tikus	tikus
bəras	bəReh	bəRayh	bəRayh	bəReh	bəRah	bəɾas	bəɾas	bəras

Sumber: Dipetik daripada Asmah Haji Omar, *Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu*, (1991), 10.

Walaupun contoh yang dikemukakan menunjukkan bahawa perbezaan ruang geografi telah mewujudkan perbezaan sebutan bagi dialek-dialek, namun demikian ruang bukanlah satu-satunya faktor yang menyebabkan wujud perbezaan pertuturan. Hal ini dapat diteliti daripada pernyataan berikut, iaitu dialek ialah suatu ragam bahasa yang dapat dibezakan dengan agak tegas daripada ragam-ragam lain melalui ciri-ciri lafaz, kosa kata atau tatabahasa. Ragam bahasa ini terdapat dalam daerah geografi tertentu atau dalam suasana sosial tertentu (Collins, 1989: xx). Dengan perkataan lain selain faktor ruang geografi, faktor sosial juga boleh mewujudkan dialek dalam masyarakat bahasa. Faktor sosial yang dimaksudkan termasuklah faktor seperti umur, jantina, status sosial, stratifikasi sosial, etnik, dan lain-lain yang lazimnya dikaitkan secara langsung dengan latar belakang pengguna variasi bahasa tertentu. Selain faktor latar belakang pengguna, terdapat juga faktor lain seperti fungsi, prestij, pekerjaan, masa, situasi, topik atau judul, formaliti, dan pertembungan antara bahasa yang berlainan yang juga dikatakan mempengaruhi kewujudan dialek.

Dengan demikian dialek geografi lazimnya didefinisikan dengan cara mengaitkannya dengan ruang tempat dialek berkenaan dituturkan, khususnya ruang geografi, atau menerusi perbezaan ciri-ciri linguistik seperti kosa kata, sebutan dan nahu. Maka secara am dapat dikatakan bahawa sekumpulan manusia yang berasal dari kawasan

geografi yang sama menuturkan dialek yang sama. Kawasan geografi dialek dinamakan kawasan geografi linguistik.

Kawasan geografi linguistik ialah kawasan asal di mana sesuatu dialek geografi dituturkan. Kawasan geografi linguistik kadang-kadang sama dengan kawasan geografi politik, misalnya di Malaysia, ruang geografi linguistik mengikuti ruang geografi politik. Sebab itu nama dialek Melayu lazimnya disejajarkan dengan nama negeri tempat dialek tersebut dituturkan. Dengan demikian wujudlah dialek Melayu Kelantan, Johor, Perak, Terengganu dan sebagainya. Sepatutnya kedua-dua ruang geografi berkenaan tidak boleh disamakan disebabkan tiga faktor. Pertama, walaupun diberi nama mengikut negeri, setiap dialek menempati ruang yang kurang atau lebih, lazimnya lebih, daripada ruang geografi politik. Misalnya ruang geografi linguistik dialek Melayu Kedah tersebar sehingga ke Taiping, iaitu bahagian utara negeri Perak. Kedua, dalam kawasan dialek wujud kawasan subdialek dan kawasan subdialek ini biasanya disempadani oleh kampung atau mukim. Ketiga, sempadan geografi politik agak jelas tetapi sempadan geografi linguistik kadang-kadang jelas kadang-kadang tidak. Hal ini kerana kawasan dialek kadang-kadang mengikut sempadan negeri tetapi boleh juga disela oleh hutan, bukit, gunung, perairan, kawasan bahasa atau dialek lain dan sebagainya.

Berdasarkan kawasan geografi linguistik, terdapat pelbagai cara pembahagian kawasan dialek geografi di Malaysia. Mengikut Asmah (1983: 84), kawasan dialek Melayu di Malaysia dapat dibahagikan kepada tujuh kelompok utama, iaitu kelompok barat daya yang merangkumi dialek Melayu di Kedah, di Perlis, di Pulau Pinang sehingga ke bahagian utara Perak (disebut juga wilayah dialek Kedah); kelompok timur laut, iaitu dialek Melayu di Kelantan; kelompok timur, iaitu dialek Melayu di Terengganu; kelompok selatan, yang merangkumi dialek Melayu di Johor, Melaka, Pahang, Selangor dan di bahagian tengah dan selatan Perak;

dialek Melayu di Negeri Sembilan; dialek Melayu di Sabah, Sarawak dan Brunei; dan dialek Melayu Orang Asli, Jakun dan Temuan (juga dikenali sebagai Beduanda atau Biduanda)²⁸.

Berdasarkan pembahagian Asmah (1983), DMPP dikelaskan sebagai salah satu variasi yang terdapat dalam kelompok barat daya atau dialek Kedah, yang mencakupi juga negeri Perlis, Kedah dan sebahagian Perak. Menurut Ismail (1973) ragam dialek Kedah "... stretched the whole north-western coast of the Peninsula from Perlis down south to Dinding in Perak, including Penang Island." Collins (1988) pula mengutarakan klasifikasi dialek Kedah yang wilayahnya lebih besar dan merangkumi pesisiran dan kepulauan tiga negara, Malaysia, Indonesia dan Thai.

Berdasarkan pembahagian besar dialek Kedah, Shuib (1971) pula membahagikan varian dialek Kedah kepada tiga. Menurutnya di kawasan utara, menghampiri sempadan Thai, dialek Kedah dipengaruhi oleh bahasa Thai, khususnya dari segi sebutan dan dialek ini dikenali sebagai dialek Melayu Kedah pelat Siam. Di bahagian timur pula, terdapat corak pertuturan dialek Melayu Kedah yang mirip kepada dialek Kelantan dan dikenali sebagai dialek Melayu Kedah pelat Pattani atau cakap Pattani. Di kawasan pesisir yang meliputi kawasan pamah, (termasuk Pulau Pinang) merupakan kawasan dialek Melayu Kedah yang kurang dipengaruhi oleh bahasa Thai atau dialek Pattani. Oleh itu jika dibandingkan, bahasa Melayu yang dituturkan oleh orang-orang di kawasan ini lebih bersih daripada bahasa-bahasa Melayu di daerah-daerah lain. Bahasa Melayu di kawasan ini dikenali sebagai bahasa Kedah (Shuib, 1971: 6).

²⁸ Selain dua dialek Melayu Proto ini, Grimes et al. (1996), menyenaraikan juga tiga bahasa orang Asli di Semenanjung Malaysia yang termasuk ke dalam rumpun bahasa Austronesia. Bahasa-bahasa yang dimaksudkan ialah bahasa orang Duano' (sekitar Pontian Kecil), orang Kanaq (sekitar Mawai) dan orang Seletar (sekitar Kuku, Johor Baharu dan Singapura).

Fakta yang lebih penting daripada pemetaan yang dibuat oleh keempat-empat pengkaji ini ialah dialek Melayu Pulau Pinang (pulau) dan kawasan yang bertentangan dengannya termasuk dalam dialek Kedah. Walaupun termasuk dalam pengelasan dan kawasan dialek Kedah, keseragaman dialek Melayu Pulau Pinang tidaklah seratus peratus sama dengan dialek Kedah. Hal ini diakui oleh Asmah (1979: 5) apabila beliau menyatakan:-

“A dialect area need not necessarily be uniform throughout. It is impossible to expect a space covering several thousand square miles to show a uniformity at any single level of the language system. There are bounds to be differences at a lower level of the system, particularly at the level of phonology, between the speech of one district and that of another.”

Bahkan dialek Melayu yang dituturkan di Pulau Pinang sendiri pun tidak seragam disebabkan faktor kewujudan subdialek (berdasarkan mukim/daerah/kampung dan sebagainya) dan faktor idiolek (cara bertutur sendiri).

Di dalam bahagian berikut akan dihuraikan dua kelainan linguistik, iaitu sebutan dan beberapa kosa kata, yang terdapat dalam DMPP dibandingkan dengan bahasa Melayu standard (BMS).

5.2.2.2 Kelainan sebutan dalam DMPP berbanding dengan BMS

5.1.2.2 (a) Kelainan sebutan /s/ di akhir kata

Fonem /s/ dalam dialek Melayu Pulau Pinang disebut sebagai /s/ jika muncul di lingkungan awal perkataan bersuku kata terbuka dan tertutup tetapi fonem ini tidak

wujud sebagai /s/ di akhir perkataan bersuku kata tertutup. Fonem /s/ di akhir kata dalam DMPP wujud sebagai /h/ sekiranya didahului oleh vokal /i/ tetapi muncul sebagai /yh/ (bunyi geluncur) jika vokal yang mendahului bunyi /s/ itu /u/ atau /a/-

Jadual 5.4
Kesepadanan fonem /s/ BMS dalam DMPP

BMS	DMPP	BMS	DMPP	BMS	DMPP
Jika didahului /i/		Jika didahului /u/		Jika didahului /a/	
habis	/habeɦ/	bagus	/baguyɦ/	beras	/beɦRayɦ/
keris	/kəɦeh/	terus	/teɦRuyɦ/	rampas	/ɦampayɦ/
garis	/gəɦeh/	tikus	/tikuyɦ/	atas	/atayɦ/
manis	/maneh/	terjerumus	/teɦeɦRumuyɦ/	jelabas	/ɦelabayɦ/

5.1.2.2 (b) Kelainan sebutan // di akhir kata

Fonem // dalam dialek Melayu Pulau Pinang disebut sebagai // jika muncul di lingkungan awal perkataan bersuku kata terbuka dan tertutup tetapi fonem ini tidak wujud sebagai // di akhir perkataan bersuku kata tertutup. Fonem // di akhir kata dalam DMPP akan digugurkan sekiranya didahului oleh vokal /i/ tetapi muncul sebagai /oy/ atau /ay/ (bunyi geluncur) jika vokal yang mendahului bunyi // itu ialah /u/ atau /a/-

Jadual 5.5
Kesepadanan fonem // BMS dalam DMPP

BMS	DMPP	BMS	DMPP	BMS	DMPP
Jika didahului /i/		Jika didahului /u/		Jika didahului /a/	
batil	/bateɦ/	bakul	/bakoyɦ/	ajal	/ajayɦ/
cungkil	/cuɦgkeɦ/	sanggul	/saɦggoyɦ/	akal	/akayɦ/
panggil	/paɦggeɦ/	jambul	/ɦamboyɦ/	awal	/awayɦ/
sambil	/saɦmbeɦ/	gomol	/gomoyɦ/	asal	/asayɦ/

5.1.2.2 (c) Kelainan sebutan fonem /r/

Fonem /r/ dalam dialek Melayu Pulau Pinang disebut sebagai /R/ jika muncul sebagai anggota pertama suku kata terbuka dan anggota akhir suku kata pertama tertutup. Dalam kes kedua lazimnya vokal pepet /ə/ disisipkan selepas /R/.

Jadual 5.6
Kesepadanan fonem /r/ BMS dalam DMPP (i)

BMS	DMPP	BMS	DMPP
Di awal suku kata terbuka		Di akhir suku kata tertutup	
baru	[baRu]	kerja	[kəRəja]
raja	[Raja]	terbit	[təRəbit ^ʔ]
rakyat	[Raʔyat ^ʔ]	terkam	[təRəkam]
rumah	[Rumāh]	berkas	[bəRəkayh]

/r/ di akhir suku kata pertama dalam perkataan tiga suku kata digugurkan. Suku kata pertama boleh jadi juga imbuhan awalan:-

Jadual 5.7
Kesepadanan fonem /r/ BMS dalam DMPP (ii)

BMS	DMPP
Di akhir kata suku kata pertama	
gergasi	/gəgasi/
merpati	/məpati/
permatang	/pəmataŋ/
bercakap	/bəcakap/
bersilat	/bəsilat/
termakan	/təmakan/
tersilap	/təsilap/
perjalanan	/pəjalanan/

/r/ di akhir perkataan bertukar menjadi [ʔ]. Lazimnya vokal yang mendahului bunyi [ʔ] itu disengaukan:-

Jadual 5.8
Kesepadanan fonem /r/ BMS dalam DMPP (iii)

BMS	DMPP		
	Di akhir kata		
Ejaan	Ejaan	Fonemik	Sebutan
air	ayak	/ayaq/	[ayãʔ]
pasir	pasiak	/pasiyaq/	[pasi ^j ãʔ]
fikir	pikiak	/pikiyaq/	[piki ^j ãʔ]
besar	besak	/besaq/	[bəsãʔ]
hingar	hingak	/hinqaq/	[hiŋãʔ]
setar	setak	/setaq/ ²⁹	[sətãʔ]
tidur	tidok	/tidoq/	[tidõʔ]
nyiur	nyiok	/ɲiyoq/	[ɲi ^j õʔ]
cucur	cucok	/cucoq/	[çuçõʔ]
pancur	pancok	/pancoq/	[paŋçõʔ]

5.1.2.2 (d) Singkatan

Singkatan suku kata dan fonem

Singkatan bermakna kependekan perkataan akibat terpotongnya bahagian-bahagian dalam perkataan itu. Bahagian yang dipotong mungkin suku kata atau fonem. Kebanyakan kata yang terpotong menjadi perkataan ekasuku kata³⁰. Walaupun terdapat hanya sedikit singkatan dalam DMPP, tetapi singkatan ini menggambarkan keunikan dialek ini. Antara singkatan yang dimaksudkan ialah:-

²⁹ Setar dalam perkataan Alor Setar. Sewaktu menyebut nama Alor Setar, Logan (1851: 54) menyatakan "the words in common pronunciation are phonetically united by placing the accent on the o and sometimes omitting the r while the final a receives the abrupt accent with a naso-guttural tone."

³⁰ Selain kecenderungan meringkaskan perkataan, pemendekan kepada kata-kata ekasuku kata (bersuku kata tunggal) mungkin disebabkan pengaruh bahasa Thai yang mempunyai banyak perkataan bersuku kata jenis ini (Shuib, 1971: 61-63; Abdul Karim, 1972: 104-105).

Jadual 5.9
Singkatan dalam DMPP (i)

BMS	Singkatan dalam DMPP
mari	mai
pergi	pi
ini	ni
itu	tu/nu
dia	de
dia ini	de ni
dia itu	de tu
tentang/di	tang
ikut	kot
duduk	dok
sudah	dah
apa buat	awat
tidak	tak/dak
hendak	nak
abang	bang
kakak	kak
bapa	pak
datok	tok
pelihara	plera

Singkatan juga boleh berlaku terhadap rangkap vokal, terutamanya rangkap vokal yang memiliki hiatus³¹, apabila salah satu vokal di dalam rangkap vokal tersebut digugurkan dan vokal yang tinggal mengalami perubahan sebutan. Antara contoh singkatan akibat proses yang dimaksudkan diberikan di dalam contoh berikut:-

Jadual 5.10
Singkatan dalam DMPP (ii)

BMS		DMPP	
Ejaan	Fonetik	Ejaan	Fonetik
kuala	[ku ^w ala]	kola	[kola]
kuasa	[ku ^w asa]	kosa	[kosa]
biawak	[bi ^j awa [?]]	bewak	[bewa [?]]
siapa	[si ^j apa]	sapa	[sapa]
biasa	[bi ^j asa]	besa	[besa]

³¹ Pisahan antara dua monoftong dampingan yang menjadikannya dua suku kata berturutan, berbeza dengan diftong yang melibatkan perubahan kualiti bunyi di dalam satu suku kata (*Kamus Linguistik*, 1997: 92).

Singkatan juga berlaku terhadap nama khas dalam DMPP. Sehubungan dengan hal ini Logan (1851: 60) menyatakan:-

“... words are much compressed, the syllables being pronounced in a short abrupt manner, and the same habit appears in the contraction of polysyllabic Mahomedan names, Ma for Mahamed, Mot for Mahmud, Sme’ for Ismail &c.”

Beberapa contoh singkatan nama khas dicatatkan di dalam jadual berikut:-

Jadual 5.11
Singkatan dalam DMPP (iii)

BMS	DMPP
ahmad	mat
esah	cah
ismail	me’/mail
jaafar	pa
kalsom bibi	combi

5.2.2.3 Kelainan kosa kata DMPP berbanding dengan BMS

5.1.2.3 (a) Perkataan khusus dalam DMPP

Terdapat perkataan khusus dalam dialek Melayu Kedah yang mungkin tidak terdapat dalam dialek-dialek Melayu yang lain. Di sini dicatatkan perkataan yang dimaksudkan dan contoh penggunaannya.

(1) **Awat:** mengapa atau sebab apa

Awat hang kena buang kerja? (Mengapa awak dibuang kerja?)

Awat keretapi ni lambat? (Mengapa kereta api ini lambat?)

Awat tak buat? (Mengapa tidak dibuat?)

- (2) **Dok:** merupakan singkatan kepada duduk dan boleh membawa makna duduk, menetap, sedang, dalam aksi atau kedudukan
Hang **dok** tang mana? (Awak tinggal di mana? (menetap))
Mailah **dok** tang ni. (Marilah duduk di sini (duduk)).
Saya **dok** makan masa dia mai. (Saya sedang makan sewaktu dia datang (dalam aksi)).
Pi mai pi mai **dok** tang tu jugak. (Pergi balik, pergi balik di situ juga (dalam kedudukan)).
- (3) **Dan:** bermakna sempat/ada masa dan jika digandakan menjadi 'dan-dan' bermakna masa itu juga.
Saya tak **dan** nak balik hari ni kot. (Saya tidak sempat pulang hari ini agaknya).
Kalau ikut hati **dan-dan** tu jugak aku nak balik. (Kalau ikutkan hati masa itu juga aku hendak balik).
- (4) **La:** bermakna sekarang.
Kalau boleh saya mau benda tu **la** ni jugak. (Sekiranya dapat saya mahukan benda itu sekarang juga).
- (5) **Sat** bermakna sekejap, sekejap-sekejap (berulang kali), sekejap tadi.
Tunggu **sat** no. (Tunggu sekejap ya).
Sat-sat dia mai. (Sekejap-sekejap dia datang).
Dia baru pi **sat-sat** ni. (Dia baru pergi sekejap tadi).
- (6) **Kot:** bermakna barang kali.
Dia jatuh **sat** ni **kot**. (Barang kali dia jatuh sekejap tadi).

Manalah tau kot-kot ada orang suka kat cek. (Manalah tahu mungkin ada orang yang sukakan saya).

(7) **Lagu:** bermakna macam/seperti.

Hang buat lagu ni. (Awak buat macam ini).

Lagu ni tak syoklah. (Kalau macam ini tidak seronoklah).

Berdasarkan huraian kosa kata dan sebutan dialek Melayu Pulau Pinang di dalam bahagian ini maka dapatlah dikatakan bahawa ragam dialek Melayu Pulau Pinang merupakan salah satu ragam bahasa yang wujud di Pulau Pinang pada masa dulu dan sekarang. Walaupun ragam ini kelihatan berbeza dengan bahasa Melayu baku, ragam ini bertaraf dialek kerana penutur ragam ini masih mengongsi ciri saling kefahaman dengan penutur dialek Melayu lain yang ada di Malaysia.

5.2.3 Bahasa Melayu basahan Negeri-negeri Selat

Sebagaimana yang dinyatakan bahasa Melayu basahan ialah bahasa atau dialek Melayu yang digunakan secara lisan atau bertulis oleh suku kaum yang berbeza sewaktu komunikasi kebahasaan. Bahasa atau dialek Melayu ini memperlihatkan pengaruh sosial (dalam hal ini latar belakang etnik) penutur yang menggunakannya. Ragam ini wujud disebabkan kedatangan imigran ke Pulau Pinang.

Kedatangan orang Barat ke Nusantara mewujudkan bahasa Melayu lisan atau bertulis yang dipengaruhi (sekurang-kurangnya dari segi sebutan) seawal abad ke-17. Misalnya dalam buku yang ditulisnya, Ruyll (1612) (Collins, 1998: 42-43) mengutarakan contoh kolum sejajar ayat bahasa Belanda dengan bahasa Melayu (bahan ini digunakan sebagai bahan pembelajaran di kalangan pegawai Belanda yang datang bertugas ke Nusantara). Antara contoh ayat bahasa Melayu yang

memperlihatkan pengaruh sebutan Belanda dengan terjemahannya dalam bahasa Inggris ialah:-

- (1) *"bang-on la budak , dag-an bismi Allah"*
"wake up, boys, in the name of God"

- (2) *"baick plahang, d'jangan pitsiakan pintu karna de upan ja draham"*
"knock gently; don't break the door down or you'll be fined in cash"

Disertasi Low (1826) juga menunjukkan pengaruh yang sama. Misalnya untuk nama padi pulut Low (1826: 94) menyatakan bahawa:-

"... pooloot etam, pooloot galah, ripen in 5 months. Pooloot gharoo, pooloot kilah, pooloot santan, pooloot salambar nibong, pooloot kooching likat, pooloot gading, pooloot guntongalo, pooloot naga bilei, pooloot kajang, pooloot sippat, pooloot indan, pooloot sekuppal, ripen in 7 months."

Dalam laporan Logan mengenai Pulau Pinang dalam *The Journal of the Indian Archipelago* sepanjang abad ke-18 terdapat banyak sekali perkataan Melayu, khususnya nama tempat, dieja mengikut sebutan Inggeris, contohnya Kuala Muda dieja *Qualla Moodoo*, Kedah dieja *Queda, Kidah*, Sungai Dua dieja *Soonghy Dua*, Teluk Bahang dieja *Taloo Bohang*, dan sebagainya.

Selain pengaruh Inggeris, pada abad ke-18 dan ke-19 bahasa Melayu juga dipengaruhi oleh orang India. Menurut pemerhati awal, umpamanya Leith

(1804) hampir semua pendatang India terdiri daripada kaum Chulia.³² Sekiranya diteliti didapati bahawa terdapat satu lagi istilah, yakni Kling yang digunakan merujuk kepada orang India Selatan Islam yang datang dari Madras dan Pantai Coromandel ini. Istilah Kling berasal daripada istilah *kalinga* yang pernah disebut dalam Sejarah Melayu dan telah digunakan untuk merujuk kepada orang India Selatan secara umum pada zaman Melaka. Istilah Chulia pula berasal daripada istilah Chola dan merujuk kepada orang India Selatan Islam yang datang dari Pantai Coromandel. Walau bagaimanapun, disebabkan kebanyakan orang India Selatan yang awal datang dari Pantai Coromandel maka istilah Chulia telah digunakan untuk merujuk kepada semua orang India Islam. Walau bagaimanapun, apabila semakin ramai orang India datang dari bahagian tengah dan pantai barat India, maka istilah Kling digunakan menggantikan Chulia dalam konteks rasmi bermula dari tahun 1871 sehingga 1881. Kedatangan orang India Hindu kemudian menyebabkan istilah Kling juga digantikan dengan istilah Tamil untuk merujuk kepada orang India Islam dan Hindu (Fujimoto, 1988: 30-31).

Pedagang Tamil Islam dari Pantai Coromandel dikenali sebagai *Illapai* atau *Labbai*. Golongan *Labbai* yang kaya ialah orang *Marakayar* yang ramai terdapat di Aceh, Melaka dan Kedah. Apabila Pulau Pinang dibuka, ramai orang *Marakayar* berpindah dari Kedah dan Melaka ke pulau ini. Golongan ini yang berkahwin dengan wanita Melayu tempatan atau anak-anak mereka yang dilahirkan di Malaya digolongkan

³² Terdapat juga pendatang dari India Utara yang disebut Benggali. Menurut Sandhu (1969: 236) walaupun pembahagian kepada India Selatan dan Utara ini nampak mudah, sebenarnya pembahagian etnolinguistik penduduk India di Malaya lebih kompleks. Hal ini kerana hampir semua kumpulan etnolinguistik dari India terdapat di Malaya. Antara kumpulan etnolinguistik India yang terdapat di Malaya pada tahun 1921 hingga 1957 ialah orang India Selatan (Tamil, Telugu, Malayali, dan lain-lain), dan orang India Utara (Sikh, Punjabi, Pathan, Benggali, Gujarati, Mahratta, Sindhi, Rajput dan Marwari, dan Parsi), dan kumpulan orang India yang lain. Pada awal abad ke-20, orang India di Pulau Pinang juga terdiri daripada dua kategori lain, iaitu askar/sepoi yang dihantar untuk berkhidmat di Negeri-Negeri Selat dan banduan yang didatangkan dari Bangkokulu selepas Perjanjian Inggeris Belanda pada tahun 1824. Askar dan banduan ini sudah pasti tidak terdiri daripada satu kumpulan etnolinguistik sahaja. Kumpulan banduan ini juga mempercepatkan kadar pertumbuhan Jawi Peranakan apabila mereka mengambil keputusan menetap di Pulau Pinang selepas mendapat keampunan daripada kerajaan India.

sebagai Jawi³³ Bukan, Jawi Pukan/Pekan atau Peranakan. Jawi Bukan atau Jawi Pukan/Pekan bermaksud orang Islam asing/bukan Melayu yang menetap di bandar. Istilah ini digunakan oleh orang Melayu untuk merujuk kepada orang Islam yang lahir hasil perkahwinan orang India Islam dengan wanita Melayu atau orang Islam yang dilahirkan di Malaya oleh ibu bapa India Islam. Istilah Jawi Peranakan kemudiannya mengambil tempat Jawi Pukan apabila generasi ketiga golongan ini muncul. Peranakan bermaksud lahir tempatan dan berdarah campuran Melayu (Fujimoto, 1988: 41- 42). Orang India Islam yang mengahwini orang Jawi Peranakan atau orang Melayu lazimnya mendaftarkan anak-anak mereka sebagai Jawi Peranakan, manakala generasi ketiga pula didaftarkan sebagai Melayu.

Walaupun Tamil merupakan bahasa ibunda pengungsi India Selatan ini, kebanyakan mereka boleh berbahasa Melayu.³⁴ Di kalangan Jawi Peranakan, bahasa Melayu dituturkan sebagai bahasa ibunda bermula daripada generasi pertama. Walaupun anak-anak Jawi Peranakan boleh berbahasa (memahami atau menuturkan) Tamil, disebabkan bahasa ibunda mereka ialah bahasa Melayu dan sistem pendidikan rendah mereka berlangsung di sekolah vernakular Melayu maka generasi kemudian Jawi Peranakan kebanyakannya semakin kurang memahami bahasa Tamil.

³³ Istilah Jawi secara khusus dalam bahasa Melayu bersangkut paut dengan agama Islam. Misalnya di kalangan orang Melayu terdapat ungkapan masuk jawi yang bermakna berkhitan dan aktiviti ini merupakan salah satu aktiviti yang wajib/mesti dilaksanakan apabila seseorang memeluk agama Islam. Secara khusus istilah jawi bermaksud aksara yang digunakan untuk menulis bahasa Melayu di Malaysia, Singapura, Brunei dan Thailand Selatan. Istilah ini kemudian diluaskan maknanya untuk merujuk kepada dua perkara. Pertama, istilah ini dikaitkan dengan bahasa yang menggunakan aksara jawi dan dengan demikian wujudlah istilah bahasa Jawi. Kedua, istilah ini juga digunakan untuk merujuk kepada agama penutur ibunda bahasa yang menggunakan aksara berkenaan, iaitu agama Islam dan dengan demikian wujud pula istilah masuk jawi atau dalam kata lain masuk Islam. Berdasarkan kedua-dua perkaitan di atas dan disebabkan agama Islam sudah dijadikan sebagai jati diri penutur bahasa tersebut, maka tidak salah jika orang Islam (termasuk Melayu) dirujuk sebagai orang Jawi (Noriah, 1999: 85-86).

³⁴ Kewujudan penterjemah Tamil untuk menterjemahkan surat berbahasa Inggeris ke bahasa Melayu telah diceritakan oleh Peter Floris pada abad ke-17. Menurutnya sewaktu kapal-kapal pertama *E.I.C.* tiba di Patani pada tahun 1612 beberapa orang naik ke kapal sekali lagi, antara mereka ada orang Chatti [Ceti] untuk menterjemahkan surat Raja ke dalam bahasa Malusia [Melayu]; dan selepas perbincangan mengenai pembukaan surat itu, dipersetujui bahawa mereka patut membukanya, dan, selepas menterjemahkannya dan menerima beberapa hadiah, mereka pulang ke pantai (Gallop, 1994: 28).

Di sebalik penggunaan bahasa Melayu di kalangan Jawi Peranakan, pengaruh India terhadap penggunaan bahasa Melayu juga tidak boleh dinafikan. Menurut Fujimoto (1988: 169):-

“Georgetown Malay was strongly influenced by Tamil speakers, and the Malay spoken in Penang and in the northern states of Malaya remains distinctly different from the Malay of the southern region, where Indian influence has been relatively slight. Particularly in Georgetown, Malay was spoken with a strong Tamil accent, and there has been a greater admixture of Tamil words in the Malay language.”

Pengaruh bahasa Tamil terhadap bahasa Melayu dari segi linguistik melahirkan sejenis bahasa kacukan yang disebut bahasa pijin. Bahasa pijin ialah sejenis bahasa yang digunakan dalam konteks pertembungan manusia yang datang daripada latar belakang kaum atau keturunan yang berbeza, terutama di pasar atau pusat perniagaan. Dikatakan bahawa pengguna bahasa pijin lazimnya mempunyai latar belakang pendidikan sekolah yang agak rendah. Bahasa jenis ini memperlihatkan campur aduk sistem, sekurang-kurangnya dua bahasa. Misalnya di Malaysia, bahasa Melayu pasar merupakan bahasa pijin yang mengacukkan bahasa Melayu dengan bahasa Tamil atau bahasa Cina dan mempamerkan campur aduk kosa kata dan struktur bahasa-bahasa yang terlibat. Bahasa pijin Melayu Tamil memperlihatkan pengaruh sebutan bunyi-bunyi retrofleks [δ8] dan [τ8] dalam sebutan penggunaannya (Mashudi, 1971). Walaupun bahasa pijin merupakan bahasa yang tidak stabil, statusnya boleh berubah jika bahasa ini sudah mempunyai penutur ibundanya sendiri. Sekiranya keadaan ini berlaku maka bahasa pijin dianggap telah menjadi bahasa kreol.

Rosmaliza (2002: 47-60) pula mengemukakan contoh pengaruh bahasa Tamil dalam kosa kata panggilan kekeluargaan di kalangan masyarakat Jawi Peranakan di Pulau Pinang. Antara contoh kosa kata yang dimaksudkan ialah *atta* dan *ba* untuk bapa, *tok atta*, *tok ba*, *dada*, *tok caca*, *appa*, *nana*, *radhak*, *mama*, *atta*, dan *nana marikan* untuk datuk, *nani*, *mamak*, dan *nana* untuk nenek, *aci*, *na*, dan *akka* untuk kakak, *nana*, *ane*, dan *anen* untuk abang, *tambi* untuk adik, *khala*, *caci*, *perima*, dan *cenimma* untuk ibu saudara sebelah ibu dan bapa, *caca*, *mamu*, dan *mamak* untuk bapa saudara sebelah ibu, *periatta*, *cinatta*, *caca*, *mamu*, *mamak* dan *nana* untuk bapa saudara sebelah bapa, *marzhi*, *ma'ci*, *maini*, *aci* untuk kakak ipar, *macan*, *maca* dan *nana* untuk abang ipar, dan sebagainya.

Selain orang India Islam, kewujudan orang Arab dan peranakan Arab juga telah mempengaruhi bahasa Melayu di Pulau Pinang. Orang Arab datang ke Pulau Pinang secara langsung atau tidak langsung. Pada abad ke-19 hingga abad ke-20 terdapat orang Arab yang datang secara langsung ke Pulau Pinang dari Mekah, Hadramaut, Iraq, dan Yaman. Di samping itu terdapat juga orang Arab yang datang ke pulau ini secara tidak langsung menerusi Aceh, Singapura dan India, khususnya Gujerat (Omar, 1978: 2).

Berbeza dengan orang India Islam, orang Arab yang lahir di negara Arab dikenali sebagai Arab Negeri, bukan peranakan. Yang dikenali sebagai peranakan Arab ialah keturunan Arab yang lahir di sini (tempatan). Walaupun di kalangan orang Arab yang konservatif, anak perempuan disekat daripada berkahwin dengan orang bukan Arab, di Pulau Pinang komunitinya lebih liberal apabila perkahwinan di kalangan mereka bukan sahaja berlaku dengan wanita Melayu tempatan malah dengan wanita Cina dan bangsa lain. Malah di kalangan orang-orang tua Arab juga cenderung mengamalkan poligami (Omar, 1978: 12).

Berbeza dengan orang India Islam juga, orang Arab di Pulau Pinang sangat kuat mengekalkan identiti Arab mereka. Misalnya dari segi bahasa, orang Arab secara umum dan orang lelaki Arab yang berumur secara khusus, dapat bertutur dalam bahasa Arab. Anak lelaki mereka kebanyakannya dihantar pulang ke negeri Arab untuk mendapat pendidikan. Bahasa Arab akan digunakan sepenuhnya apabila terdapat kesempatan berbuat demikian. Pengekalan dan penggunaan bahasa Arab dalam domain seharian dilakukan untuk menjamin pengekalan identiti Arab. Walau bagaimanapun, disebabkan bahasa Melayu merupakan bahasa pertama yang dituturkan secara tabii di rumah, maka secara umum orang Arab di Pulau Pinang juga bersifat dwibahasa. Bahasa Melayu pertuturan di kalangan mereka ialah dialek Melayu Pulau Pinang dengan pengaruh Arab. Contoh berikut memperlihatkan kosa kata bahasa Melayu yang mendapat pengaruh bahasa Arab (Omar, 1978: 12-13):-

Jadual 5.12
Contoh kosa kata BMS yang mendapat pengaruh Arab

BMS	Bahasa Melayu pengaruh Arab
bapa	walid/babah
emak	ummi
kakak	ukhti
abang	akhoya
bapa saudara/pak cik	ami
emak saudara/ makcik	amati
baik/sihat	khir
duit/wang	fulus
teh	shahie
kopi	ghahawa
saya/aku	ana
awak	anta/ente
selamat datang	ahlan
silalah	fadzal
datuk lelaki	jiddi
datuk perempuan	jiddah

Sumber: dipetik dan diubah suai daripada Omar Farouk Shaeik Ahmad, 1978, "The Arabs in Penang," di dalam *Malaysia in History*, (Vol. XXI, No. 2, December 1978), 13.

Jika orang India dan orang Arab telah mewarnai dialek Melayu Pulau Pinang dengan bahasa mereka, kedatangan orang Cina ke Pulau Pinang juga meninggalkan kesan yang mendalam terhadap bahasa Melayu. Hal ini kerana komuniti ini telah melahirkan sejenis kreol bahasa Melayu yang disebut kreol³⁵ Melayu Baba.

Menurut Purcell (1997: 66-67) golongan Baba merupakan orang Cina yang dilahirkan di Negeri-Negeri Selat dan dianggap bukan orang Cina tulen. Mereka dikatakan beribukan orang Melayu³⁶ atau ibu kacukan. Anak-anak mereka dibesarkan mengikut cara kehidupan sebelah ayah (Cina). Golongan ini menganggap mereka bukan orang Cina tulen dan ada sebahagiannya enggan mengakui mereka orang Cina tetapi sebaliknya mendakwa mereka orang putih atau rakyat British. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama mereka mentaati sepenuhnya tanda-tanda luaran seorang Cina. Di Melaka misalnya, keturunan Baba mengamalkan hidup cara orang Cina yang disesuaikan dengan unsur Melayu dan tempatan yang lain.

Bahasa kreol Melayu Baba merupakan variasi bahasa Melayu kerana bahasa substratum atau bahasa dominannya ialah bahasa Melayu. Walaupun kreol ini merupakan kreol Melayu, bukan semudah itu orang Melayu dapat memahami bahasa ini. Menurut Shellabear (1913) perbezaan bahasa ini dengan bahasa Melayu berlaku disebabkan:-

³⁵ Bahasa kreol ialah sejenis bahasa yang berkembang daripada bahasa pijin. Kedua-dua jenis bahasa ini merupakan bahasa kacukan, yakni bahasa yang memperlihatkan campur aduk dua bahasa (terutama kosa kata dan struktur). Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini bahasa pijin dianggap sebagai bahasa kacukan yang belum mantap sementara bahasa kreol pula bahasa kacukan yang sudah mantap kerana kreol sudah mempunyai komuniti penutur tetap yang menjadikannya sebagai bahasa ibunda (Noriah, 2003: 58).

³⁶ Mungkin ya mungkin juga bukan wanita Melayu sebab kebanyakan orang Melayu telah memeluk agama Islam dan dalam kebanyakan kes kahwin campur di Malaysia menunjukkan bahawa pengaruh sebelah ibu lebih kuat daripada sebelah ayah. Mungkin yang dimaksudkan dengan Melayu dalam hal ini ialah salah satu bangsa Austronesia. Menurut Abdur-Razzaq (2001: 3) pada abad ke-18 Pulau Pinang menjadi pusat perdagangan hamba abdi dan hamba abdi dari seluruh Nusantara, termasuk Melayu, Batak, Jawa dan bangsa lain dijual-beli di pulau ini. Hamba abdi yang paling laku atau digemari ialah gadis dan pemuda dari Pulau Nias, pantai barat Sumatera. Gadis-gadis Nias mempunyai pasaran yang tinggi kerana kecantikan dan kecerahan kulit mereka. Sebahagian besar gadis ini dibeli dan dikahwini oleh pedagang Cina. Dapatlah dikatakan dalam tubuh banyak orang Cina Melayu di pesisir timur Sumatera dan Malaya mengalir juga darah Batak dan Nias, sekali pun sukar meneliti salasilahnya. Sesetengah keturunan Cina Selat atau Baba Nyonya ialah hasil perkahwinan campur ini. Hal ini diperkuat dengan perpindahan sesetengah keluarga Cina Peranakan dari Medan ke Pulau Pinang.

- (1) terdapat perkataan Cina yang tidak diketahui oleh orang Melayu,
- (2) disebabkan Baba tidak boleh menyebut perkataan Melayu dengan betul, dalam sesetengah kes mereka mengubah sebutan tersebut sehingga menjadi perkataan asing kepada orang Melayu,
- (3) peribahasa Cina diguna secara meluas, dan
- (4) pembentukan ayatnya berbeza dengan ayat bahasa Melayu.

Sebagai contoh dikemukakan beberapa ayat mudah bahasa kreol Melayu Baba³⁷ dengan padanan ayat di dalam bahasa Inggeris:-

- (1) *Ee suka lai sembang.*
He likes to come here and gossip.
- (2) *Keliap-keliap, ee naik angin.*
Slightly provoked, he gets angry.
- (3) *Gua tan ee sampai gua k'ee geram.*
I waited for him till I got angry.
- (4) *Oo-wa! kinajeet, ee pasang kuat.*
Wow, today he dresses stylishly!

Jelas bahawa walaupun kreol Baba merupakan sejenis ragam bahasa Melayu, kita terpaksa mengamati bahasa ini dengan teliti untuk memahami makna ujarannya.

³⁷ Contoh dipetik daripada <http://thepenangfile.mybravenet.com/nyonya%2021.htm>

Hal ini semakin sukar kerana kosa kata dalam bahasa ini mempunyai banyak makna disebabkan jumlah kosa katanya yang terhad.

Dalam bahasa kreol Melayu Baba, perkataan Cina yang digunakan diambil daripada bahasa Hokkien. Sebagai contoh perkataan kata ganti nama diri pertama dan kedua menggunakan perkataan Cina, iaitu *goa* untuk saya dan *lu* untuk awak, manakala kata ganti nama diri ketiga menggunakan perkataan Melayu, iaitu *dia*. Selain contoh di atas, perkataan Cina yang masih dikekalkan dalam bahasa ini ialah perkataan-perkataan untuk merujuk kepada hubungan sanak (kebanyakannya tidak betul sebutannya, seperti datuk disebut *ngkong* (sepatutnya *kong*), kakak disebut *tachi* (sepatutnya *toa-chi*), bapa saudara disebut *impek* (sepatutnya *peh*), adik bapa disebut *inchek* (sepatutnya *chek*) dan suami kakak disebut *chau* (sepatutnya *chia-hu*)), peralatan rumah tangga (seperti *loteng* (daripada *lau-teng*), *tanglung* (daripada *teng-liong*), *teko* (daripada *te-ko*)), upacara keagamaan, dan idea-idea abstrak. Dari segi ayat pula, terdapat kecenderungan ke arah sintaksis Cina, misalnya adaptasi penggunaan perkataan *punya* untuk *e* dalam bahasa Hokkien telah membentuk ayat seperti “*Dia punya mak-bapa ada dudok makan do sblah punya mejah*” (ibu dan bapanya sedang duduk makan di meja sebelah).

Daripada huraian di atas jelaslah bahawa kreol Melayu Baba, sama seperti ragam lain yang terhasil akibat percampuran antara dua bahasa. Ragam-ragam ini semuanya telah mengakibatkan kewujudan pelbagai variasi dalam bahasa Melayu yang digunakan di Pulau Pinang dari segi sinkronik/diakronik dan lisan/bertulis.

Daripada huraian di atas juga dapatlah dirumuskan bahawa akibat kedatangan orang luar, khususnya orang India, Cina dan Arab, wujud kelompok Melayu Pulau Pinang hasil perkahwinan campur antara orang Melayu dengan kelompok-kelompok

tersebut. Hal ini sesuai dengan pandangan Harvey (1946: 22) yang menyatakan bahawa orang Melayu moden:-

“ ... are very far from being of pure blood. There is a marked physical range from the taller people of Kelantan to those of the south; the cephalic indices differ widely. There has been an inbreeding with the Arabs from the Hadramaut, The Achinese, the Siamese, the Gujeratis, and the Tamils – with the latter especially in old Malacca and modern Penang. In Kedah and the north generally there is an infusion from Siam. There are several settlements from Sumatra, which is the traditional place of origin of their people according to the Malays themselves.”

5.3 Rumusan

Berdasarkan huraian di dalam bab ini maka dapatlah dibuat rumusan bahawa pada abad ke-18 dan ke-19 terdapat banyak ragam bahasa Melayu yang wujud di Pulau Pinang. Di samping ragam tulen yang sedia ada dalam bahasa Melayu, ragam-ragam ini terhasil akibat kedatangan imigran dari negeri lain di Malaysia atau dari negara luar lain. Sebagaimana lazimnya dalam sebuah negara multibahasa, kewujudan fenomena akibat pertembungan bahasa sukar dielakkan. Dengan demikian wujudlah juga ragam-ragam bahasa hasil percampuran bahasa-bahasa yang berlainan.

Faktor utama yang mewujudkan ragam bahasa kacukan dalam sesebuah masyarakat ialah pertembungan antara bahasa yang berbeza. Pertembungan bahasa bukan sahaja berlaku akibat kewujudan bahasa-bahasa yang berbeza dalam sesebuah kawasan malah digalakkan lagi oleh perkahwinan campur di kalangan

penduduk. Bauran penduduk mengakibatkan pembentukan budaya yang kompleks tetapi disebabkan latar belakang penduduk yang pelbagai, masyarakat kompleks ini terpaksa bertoleransi dalam amalan budaya. Menurut Mahani (2002: 28-31) wujud fenomena mencampuradukkan perayaan agama dan juga perlakuan jenayah di kalangan pelbagai kaum di Pulau Pinang pada abad ke-19. Hal yang sama tidak terkecuali kepada amalan berbahasa. Dengan demikian di samping penggunaan dialek Melayu Pulau Pinang yang tulen lahirlah pelbagai ragam bahasa Melayu berdasarkan latar belakang etnik dan sosial penutur berkenaan.

BAB 6

SENI MUZIK AWAL: GHAZAL PARTI SEBAGAI SENI MUZIK MELAYU TRADISIONAL PULAU PINANG

6.1 Pengenalan

Bab 6 ini akan menceritakan secara ringkas sejenis seni muzik tradisi yang telah berakar umbi dalam masyarakat Melayu Pulau Pinang sejak dahulu, iaitu ghazal. Dengan kata lain, ghazal membawa kita kepada satu penataran muzik yang mencerminkan satu dimensi seni budaya Melayu tradisional. Ghazal membawa lembaran pengaruh luar ke dalam seni muzik Melayu tradisional. Pertapakannya di Semenanjung Tanah Melayu membentuk dua jalur perkembangan seni muzik Melayu tradisional, iaitu di sebelah utara dan di selatan Semenanjung. Dua jalur yang berbeza ini menerbitkan identiti yang berlainan tetapi membentuk sebahagian pelangi dunia muzik Melayu tradisional. Ghazal Parti ialah sejenis muzik Melayu tradisional yang berasal dari Pulau Pinang. Asal-usul seni muzik ini boleh dijejaki dari Timur Tengah.

6.2 Asal-usul Ghazal

Ghazal ialah satu istilah Arab dan kemudian menyusup ke dalam bahasa Parsi, Urdu, Turki, dan Melayu dengan makna-makna yang berbeza. Namun, mengikut sejarahnya, perkataan ghazal berasal daripada kata Arab *gazl* yang bermaksud memintal (*to spin, spinning*). Namun, ghazal bukan bermaksud wanita memintal sesuatu seperti benang, tetapi bermaksud nyanyian lelaki yang ditujukan kepada wanita (Lewis, 1970: 1028, lihat juga Rosiah Salim, 1992/1993: 42). Mengikut Muhammad Bukhari Lubis (1996:1), ghazal dari segi bahasa bermaksud mainan cinta, ungkapan cinta atau ucapan yang diluahkan kepada wanita atau berkata-kata

dengan wanita. Ghazal juga dikenali sebagai satu bentuk "puisi nasib" iaitu puisi yang menukikan kisah percintaan penyair dengan kekasihnya. Menurut Ismail Hamid (1982: 16), "puisi nasib" ialah satu bentuk syair atau puisi Arab yang menjadi prolog kepada *Qasidah*, iaitu satu bentuk puisi Arab. Tambah beliau lagi, memang menjadi kebiasaan bagi penyair Arab menulis prolog *Qasidah* yang mengandungi ciri-ciri khusus iaitu; menulis kesan perasaan ditinggalkan kekasih kerana berpindah mengikut sukunya dan memaparkan rasa rindu yang membara dan kesedihan yang mencengkam rasa. Maka tidak keterlaluan jika ghazal dikata sebagai "*the erotico-elegiac genre*" (Lewis, 1965: 1028). Berikut ialah contoh puisi nasib karya Tarfah yang dipetik oleh Ismail Hamid (1982: 16-17):

Ada kesan-kesan kholah
di batu, di dataran pasir Thamud,
nampaknya seperti tato di belakang
tapak tangan.

Wahai kawan mari berhenti
unta-untamu dekatku,
katakanlah kepadaku jangan mati
kerana penderitaan, tapi
hadapilah dengan penuh keberanian.

"Puisi nasib" ini kemudiannya mempengaruhi perkembangan ghazal di tempat lain, seperti di Parsi. Dengan kata lain, daripada segi sejarah, ghazal bukan sahaja satu bentuk puisi tetapi juga menjadi lirik lagu-lagu cinta Arab yang mempunyai ciri-ciri yang tertentu.

Pada asalnya, ghazal terdiri daripada 4 hingga 12 bait atau *bayt*, kemudian jumlah baitnya bertambah. Menurut Muhammad Bukhari Lubis (1996: 2), ghazal yang mempunyai kurang daripada 3 bait dianggap bukan ghazal. Bait-bait ini mempunyai *metre* dan rima yang sama. Bait pertama dikenali sebagai *matla'* dan terakhir dikenali sebagai *maqta'*. Setiap bait itu selalunya dapat membawa ide dan maksud yang sempurna. Maka setiap bait itu dapat berdiri sendiri (Prusek, 1974: 58). Ada juga yang mengatakan bahawa sungguhpun bait-bait itu kelihatan dapat berdiri sendiri sebenarnya secara psikologi bait-bait ini berhubungan.

Semenjak zaman pral-Islam, ghazal telah mula diminati oleh masyarakat Arab. Ghazal menjadi lirik lagu-lagu rakyat yang popular. Populariti ini berlanjutan pada zaman Rasulullah (s.a.w). Mengikut Hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas (r.a), di dalam satu majlis perkahwinan, Baginda pernah menyuruh Syaidah Aisyah untuk mengantar seorang penyanyi ghazal ke rumah pengantin lelaki dari kaum Ansar untuk menyanyi di sana kerana kaum Ansar suka akan ghazal (Ghazal Melayu Johor, 1998: 19-20). Bermula dari Arab, ghazal tersebar ke beberapa tempat seperti di Parsi, Turki, India, dan Semenanjung Tanah Melayu.

6.3 Ghazal Melayu

Ghazal Melayu juga mendapat pengaruh luar, iaitu India dan Arab. Ghazal yang tiba di Semenanjung Tanah Melayu ialah satu cara permainan bunyi-bunyian dan nyanyian untuk tujuan hiburan (Mohd Ishak Abdul Aziz 1978: 4). Pengaruh India itu boleh dilihat, antaranya melalui peralatan muzik yang dipakai dan pengaruh Arab pula boleh dilihat pada lagu yang dinyanyikan.

Apakah maksud ghazal dalam bahasa Melayu? Menurut Abdullah Mohamed (1972: 64):

Dalam bahasa Melayu, ghazal bukannya sejenis syair atau suatu bentuk muzik: malah ia merupakan nama yang diberi kepada suatu permainan muzik, seperti suatu pancaragam muzik salun yang memainkan lagu-lagu Melayu secara teratur dengan menggunakan beberapa buah sahaja alat muzik kebanyakannya berasal dari negeri-negeri asing – dengan harmonium menjadi alat utama.

Bagi Abdullah Mohamed, ghazal dalam bahasa atau masyarakat Melayu merujuk kepada satu permainan muzik yang menggunakan peralatan muzik dari luar seperti harmonium dan permainan muzik yang dimaksudkan dimainkan oleh kumpulan muzik yang dikenali sebagai kumpulan ghazal Melayu Johor. Beliau juga menegaskan tentang adanya pengaruh luar berdasarkan kepada peralatan muzik yang digunakan.

Manakala mengikut *Kamus Dewan* (1994: 403), ghazal ialah:

... sejenis muzik yang dimainkan dengan menggunakan alat muzik seperti gambus (arkodion, marakas, marwas, dsb) dan biasanya diiringi oleh nyanyian.

Pengertian ghazal seperti yang dijelaskan di dalam *Kamus Dewan* ini tidak jauh bezanya dengan yang dikemukakan oleh Abdullah Mohamed. Di sini, ghazal diletakkan sebagai sejenis muzik. Ghazal dalam masyarakat Melayu ialah sejenis muzik, lagu, dan persembahannya. Hakikat ini nyata benarnya apabila dirujuk kepada ghazal yang terdapat di selatan dan utara Semenanjung Tanah Melayu. Dengan kata lain, ghazal yang dimaksudkan di Semenanjung Tanah Melayu ialah sejenis muzik dan nyanyian yang dimainkan oleh sekumpulan pemain muzik dengan

peralatan muzik yang tertentu serta dipersembahkan dengan cara yang tersendiri. Kemudian seni muzik ini diangkat sebagai muzik Melayu tradisional.

Di Semenanjung Tanah Melayu terdapat dua jenis ghazal yang dipersembahkan oleh dua jenis kumpulan ghazal yang berbeza. Jenis yang pertama ialah daripada kumpulan ghazal Melayu Johor atau ghazal Johor. Manakala jenis yang kedua ialah daripada kumpulan ghazal parti Ghazal Melayu Johor terdapat di negeri Johor iaitu negeri paling selatan. Kumpulan ghazal parti pula berada di beberapa buah negeri di utara Semenanjung, seperti di Pulau Pinang, Kedah, dan Perak.

6.4 Ghazal Melayu Johor

Terdapat pelbagai pendapat yang cuba menjelaskan waktu kemunculan muzik ghazal di Semenanjung Tanah Melayu, khususnya di Johor. Mengikut Rahmah Bujang (1975: 18), ghazal mungkin berkembang apabila adanya pengaruh persembahan wang bangsawan yang dikenali sebagai wayang Parsi atau wayang Mandu yang sampai ke Semenanjung disekitar tahun 1886. Lagu-lagu ghazal menjadi "extra-turn" dalam persembahan bangsawan ini dan persembahan ini menerbitkan minat untuk mengembangkan muzik ghazal. Hal ini dapat dikonkritkan apabila Mohd Salleh bin Perang atau Datuk Bentara Luar telah mendirikan wayang bangsawan Johor Bahru. Dengan tindakan ini, pasti akan mempopularkan lagi ghazal di Johor. Tambahan lagi Mohd Salleh dikatakan seorang yang gemar kepada pelbagai jenis muzik termasuk muzik Cina (Abdullah Mohamed, 1972: 71). Apabila beliau mendapat titah daripada Sultan Johor untuk membuka daerah-daerah di Johor maka kesempatan ini digunakan untuk meluaskan sayap ghazal di Johor.

Penglibatan orang kenamaan Johor dalam bidang ghazal ini memberi satu lagi faktor kepada perkembangan ghazal di Johor. Di Istana Riau-Lingga pada kurun ke-18

hingga ke-19, ghazal telah menjadi satu aktiviti penting di majlis keramaian di raja. Para pembesar Johor sering berulang alik ke Riau telah mempelajari kesenian ghazal dan membawanya pulang ke istana Sultan Johor di Teluk Belanga, Singapura. Apabila berlaku perpindahan pentadbiran Sultan Johor ke Tanjung Puteri (Johor Bahru) maka ghazal juga turut berpindah ke Johor Bahru (Rosiah Salim, 1992/93: 81). Perkembangan ghazal di istana telah mempengaruhi perkembangan ghazal dalam kalangan rakyat biasa dan perkembangan ini dikongkritkan oleh Mohd Salleh bin Perang. Pada hari ini, ghazal Melayu Johor terus dipelihara dan dikembangkan di Johor.

Lagu ghazal Melayu Johor memperlihatkan pengaruh lagu Hindustan dan Parsi. Lirik dan alunan lagunya mencerminkan pengaruh lagu Hindustan dan Parsi. Cuma liriknya sahaja dalam bahasa Melayu. Lirik lagu ghazal berbentuk pantun yang mempunyai pelbagai tema seperti memuji keindahan alam, percintaan, nasihat, kesedihan, dan sebagainya (Mohd Ishak Abdul Aziz, 1978: 10). Lagu yang dicipta tidak menggunakan notasi muzik kerana penciptanya tidak pandai membaca notasi muzik. Manakala alat muzik yang digunakan pada peringkat awal ialah sharinggi, sitar, harmoniam, dan tabla. Peralatan ini ialah warisan daripada tradisi Hindustan. Kemudian sharinggi digantikan dengan biola dan sitar digantikan dengan gambus. Harmoniam dan tabla dikekalkan hingga ke hari ini. Tegasnya, harmoniam, tabla, biola, dan gambus menjadi peralatan muzik yang wajib dalam persembahan ghazal Melayu Johor (Mohd Ishak Abdul Aziz, 1978: 8). Ghazal Melayu Johor dipersembahkan di majlis kenduri kahwin dan majlis rasmi yang lain.

6.5 Ghazal Parti

Ghazal parti berkembang di negeri-negeri di utara Semenanjung seperti di Pulau Pinang, Kedah, dan Perak. Ghazal parti mendapat pengaruh daripada Timur

Tengah. Lagu ghazal parti ialah lagu yang berirama padang pasir. Sama ada liriknya dalam bahasa Arab atau Melayu, irama lagu yang didendangkan ialah irama padang pasir. Perkataan parti itu ditambah kepada perkataan ghazal untuk memberitahu betapa meriahnya permainan ghazal yang berkembang di utara Semenanjung ini. Kemeriahan itu menonjol apabila persembahan itu diserikan dengan penari-penari jelita yang menari tarian gelek ala Timur Tengah atau tarian ala Samia Gamaal, iaitu penari gelek dan pelakon filem yang terkenal dari Mesir. Selain tarian, ghazal parti juga dimeriahkan lagi dengan adanya lawak jenaka. Dengan kata lain, ghazal parti di utara Semenanjung berbeza sangat dengan ghazal Melayu Johor.

Di Pulau Pinang, muzik ghazal telah wujud selewat-lewatnya pada tahun 1870 berdasarkan kepada catatan Munshi Ibrahim di dalam karyanya *Kisah Pelayaran Ibrahim Munshi* (1980: 114). Di dalam satu persinggah di sebuah rumah kepunyaan Tuan Haji Muhammad Nor, Munshi Ibrahim melihat masyarakat India Peranakan bersuka ria. Mereka bernyanyi, memukul dol, iaitu sejenis gendang dan menggesek biola. Lagu-lagu yang dinyanyikan pula ialah lagu-lagu Hindustan. Walau bagaimanapun, catatan Munshi Ibrahim ini tidak menyatakan bahawa ghazal di Pulau Pinang ini ialah ghazal daripada nyanyian lagu padang pasir yang menjadi identiti ghazal parti.

Pada suatu ketika dahulu, kira-kira pada tahun 1950-an dan 1960-an, di utara Semenanjung khususnya di Seberang Prai, selatan Kedah dan utara Perak terdapat banyak kumpulan ghazal parti. Hampir disetiap mukim terdapat kumpulan ghazal parti. Kemunculan kumpulan ghazal parti di merata tempat di Pulau Pinang (Seberang Prai), Kedah, dan Perak menunjukkan populariti kumpulan ini dalam kalangan peminat muzik. Sebagaimana yang telah dijelaskan, irama padang pasir atau lagu Arab/Mesir menjadi identiti penting muzik ghazal parti.

Mengapakah lagu-lagu berirama padang pasir ini menjadi identiti kepada kumpulan ghazal parti? Terdapat beberapa faktor yang berhubungan secara langsung dan tidak langsung yang menyebabkan lagu berirama padang pasir menjadi identiti kepada muzik ghazal parti. Faktor-faktor itu ialah perkembangan bangsawan, filem, kemunculan taman atau pusat hiburan, peranan tokoh agama/ulama dan muzik, dan sistem pendidikan sekolah agama rakyat.

Bangsawan ialah sejenis teater Melayu tradisional yang berasal daripada wayang Parsi atau mendu. Wayang Parsi ini dibawa oleh pedagang India yang berdagang dengan Syarikat Hindia Timur pada tahun 1870-an. Wayang Parsi menjadi popular di Pulau Pinang kerana corak permainannya belum pernah dilihat sebelum ini dan membawa penonton ke alam khayal, iaitu alam dewa-dewi. Tambahan pula wayang Parsi menjalinkan lakonan, tarian, dan nyanyian dan jalinan ini amat menghiburkan. Cerita dari India dan Timur Tengah menjadi cerita wayang Parsi dan disampaikan dalam bahasa Hindustan. Dalam wayang Parsi ini, lagu Hindustan yang liriknya dalam bahasa Melayu dinyanyikan. The Pushi Indera Bangsawan dari Pulau Pinang ialah kumpulan bangsawan profesional yang pertama (Mohamed Ghouse Nasuruddin, 2000: 91. Lihat juga Rahmah Bujang, 1975: 18). Menjelang awal abad ke-20, bangsawan menjadi satu bentuk hiburan yang popular di bandar besar dan kecil di Malaya. Antara syarikat yang mengurus bangsawan ini ialah Wayang Kassim, Wayang Yap Chow Thong, Wayang Inche Puteh, dan Nooran Opera. Menurut Tan Soi Beng (1997: 18):

By the 1920s and 1930s, bangsawan had become so popular that its "culture" was widespread.

Budaya bangsawan yang dimaksudkan yang tersebar luas pada awal abad ke-20 itu, ialah nyanyian dan tarian. Bangsawan menjalinkan tarian, muzik, dan dialog dalam

struktur persembahannya (Mohamed Ghouse Nasruddin, 2000: 93). Teater bangsawan membawa pelbagai cerita daripada pelbagai tradisi seperti Barat, Melayu, Jawa, dan Arab. Antara cerita dari Arab yang terkenal ialah *Leila Majnun*. Bersama-sama dengan cerita *Leila Majnun* muncul lagu dan tarian padang pasir yang menjadi ciri-ciri cerita dari Arab ini. Misalnya, lagu berentak masri seperti "Nasib Pandan" menjadi lagu dalam cerita *Leila Majnun* dan tarian zapin telah diperkenalkan melalui cerita Arab ini. Zapin dan alat muzik gambus selalu digunakan dalam cerita yang berasal dari Timur Tengah kerana alatan ini mempunyai ciri-ciri Timur Tengah (Tan Sooi Beng, 153). Rentak masri juga dikatakan sebagai rentak ghazal (Tan Sooi Beng, 164). Dengan kata lain, lagu dan tarian Arab daripada bangsawan ini menjadi popular dalam kalangan masyarakat seperti di Pulau Pinang dan Seberang Perai.

Kepopularitan lagu/muzik padang pasir, khususnya tarian melimpah hingga ke taman hiburan yang tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan. Di taman hiburan ini muncul juga acara tarian ronggeng asli yang sangat popular dan tarian zapin ialah antara tarian berkenaan. Kegiatan menari ini mendapat sambutan yang hebat daripada para pengunjung. Pengaruhnya nyata apabila kegiatan menari ini diadakan juga di majlis perkahwinan dan keramaian yang lain. Sehubungan itu juga, permainan alat muzik seperti biola, gendang, akordion, dan gambus semakin memancing minat masyarakat. Dengan kata lain, budaya tarian dan muzik Arab telah tersebar dalam kalangan masyarakat kota dan desa di Pulau Pinang melalui bangsawan dan di pusat hiburan rakyat ini serta di majlis perkahwinan.

Seterusnya pada tahun 1930-an muncul pula filem Melayu. Antara filem Melayu yang berhubungan dengan dunia nyanyian dan tarian Arab ialah filem *Leila Majnun* (1934) arahan B. S. Rajan dari India. Filem ini mengetengahkan tarian dan nyanyian Mesir dan Arab yang mengasyikkan dan berlatarkan persekitaran

tempatan (Tan Sooi Beng, 10). Filem seperti *Leila Majnun* pasti meninggalkan pengaruh lagu dan tarian padang pasir kepada masyarakat di kawasan bandar dan pekan yang mempunyai panggung wayang, seperti di Kepala Batas.

Pada awal abad ke-20 juga muncul syarikat rakaman seperti "The gramophone and Typewriter Ltd" dan lagu yang dihasilkan ada yang mempunyai unsur irama padang pasir, seperti "Gambos Bunga Tanjung" (Tan Sooi Beng, 10). Sungguhpun, pengaruh budaya piring hitam ini belum begitu meluas pada waktu itu, namun pengaruhnya kepada masyarakat tidak dapat dinafikan.

Selain lagu dan tarian Padang Pasir, unsur jenaka juga menjadi satu aspek penting dalam bangsawan. Ada kisah lucu yang dipentaskan oleh pasangan pelawak seperti Encik K. Dean dan Mat Noor dan Opera Dean. Seterusnya, ada antara syarikat bangsawan seperti Wayang Kassim yang membawa bersama pelawak atau badut daripada sarkas untuk menghiburkan penonton (Tan Sooi Beng, 39-40).

Menjelang dan semasa Perang Dunia Kedua, kepopularitian bangsawan mula merosot kerana kurang mendapat sambutan orang ramai dan pelbagai sekatan dikenakan oleh tentera Jepun. Selepas perang, berkembang pula industri perfileman serta masalah politik dan ekonomi. Seterusnya muncul pula bentuk teater yang lebih segar, seperti sandiwara dan drama moden yang meminggirkan unsur melodrama. Kemerosotan bangsawan telah memberi ruang kepada kemunculan ghazal parti yang mengambil sebahagian unsurnya, seperti nyanyian dan tarian padang pasir serta lawak jenaka. Dengan kata lain, kemerosotan bangsawan dan adanya pusat hiburan memberi tapak kepada kemunculan ghazal parti sebagai satu bentuk seni muzik Melayu tradisional yang mewarisi sebahagian unsur bangsawan.

Jika faktor perkembangan bangsawan ialah satu faktor umum kepada perkembangan ghazal parti, maka faktor khusus, iaitu berhubungan dengan Kepala Batas, Seberang Perai ialah pengaruh ulama atau tok guru. Kepala Batas ialah sebuah pekan kecil yang sinonim dengan kelahiran ulama tersohor. Antaranya ialah Haji Abdullah Ibrahim atau lebih dikenali sebagai Haji Abdullah Fahim (datuk kepada perdana menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi). Tempat lahirnya tidak begitu jelas. Ada yang mengatakan beliau telah dilahirkan di kota Mekah pada tahun 1870 dan ada juga mengatakan beliau dilahirkan di Padang Terap, Kedah pada tahun 1869 dan bapanya telah membawanya ke Mekah. Pengaruh Haji Abdullah Fahim dan anaknya Haji Ahmad Badawi dalam memancing minat masyarakat di Kepala Batas terhadap lagu-lagu berirama padang pasir ini telah diperkatakan oleh pemuzik-pemuzik lama ghazal parti di utara.

Di Mekah, Haji Abdullah Fahim telah membesar dan mendapat pendidikan agama yang tuntas dalam pelbagai ilmu Islam seperti ilmu falak, usuluddin, dan tafsir al-Quran dan Hadis. Beliau kembali ke Malaya pada tahun 1916 (Fadhullah Jamil, 1996: 80-82). Pengalaman beliau yang begitu lama di Mekah pasti menyebabkan beliau bukan sahaja menguasai ilmu Islam tetapi juga merasai dan menyelami budaya masyarakat Arab di sana. Hal ini juga membawa kepada pendedahan beliau terhadap kesusasteraan dan muziknya.

Gambar Foto 6.1
Haji Abdullah Fahim



Menurut Abdul Halim B. Ahmad¹, Haji Abdullah Fahim telah memperkenalkan lagu-lagu Arab dalam kalangan mereka yang berada di sekelilingnya serta gerak dan irama zapin yang menjadi tarian penting dalam kalangan masyarakat Arab. Pada tahun 1930-an telah wujud kegiatan seni muzik Arab di Pulau Pinang dan fenomena ini dikongkritkan melalui kegiatan petikan gambus dan paluan gendang satu kumpulan kecil peminat muzik ini yang mengiringi tarian zapin. Dikatakan Haji Abdullah Fahim menceritakan cara tarian zapin itu ditarikan di negara Arab. Menurut Abdul Halim lagi, terdapat satu acara tahunan, iaitu Perhimpunan Ulama-ulama Pulau Pinang dan Kedah dan di dalam perhimpunan ini diadakan persembahan permainan gambus. Dengan kata lain, Kepala Batas dan Seberang Perai menjadi medan perkembangan seni muzik Arab melalui mereka yang mendapat pendedahan terus dari Timur Tengah dan hal ini dikongkritkan dengan kegiatan seni muzik seperti permainan gambus dan gendang.

Selain Kepala Batas terdapat beberapa buah daerah di Kedah dan Perak yang dibangunkan dengan madrasah dan sekolah agama rakyat. Institusi pendidikan agama ini mengajar bahasa Arab kepada pelajarannya. Sekembalinya ke Malaya, Haji Abdullah Fahim melanjutkan tradisi mengajar ilmu Islam seperti tafsir al-Quran dan Hadis di Mekah. Beliau membuka kelas agama di rumahnya. Beberapa tahun kemudian, beliau telah mendirikan sebuah madrasah yang terkenal, iaitu Dairat al-Ma'arif al-Wataniyyah. Madrasah ini terus berkembang dan jumlah pelajarannya terus bertambah dari setahun ke setahun yang datang dari dekat dan jauh. Madrasah ini menjadi terkenal dan kewujudannya di Kepala Batas telah mencipta satu ruang untuk perkembangan lagu Arab di situ dan kawasan sekitarnya. Mengikut Abdul Halim bin

¹ Temu bual dengan En. Abdul Halim Bin Ahmad pada 26 April 2006 di Universiti Sains Malaysia (ketika sedang berfatih untuk membuat rakaman di USM pada esoknya). Beliau berkecimpung dalam nyanyian lagu-lagu ghazal parti dan bermain flut semenjak tahun 1960an. En. Halim Ahmad mula bermain ghazal dengan Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas semenjak tahun 1970. Antara kumpulan ghazal parti yang beliau pernah bermain ialah Ghazal Parti Bukit Raya, Pendang, Kedah. Kini beliau sudah berumur 67 tahun dan masih bermain ghazal parti apabila ada undangan.

Ahmad lagi, sekolah pondok memberi saham kepada perkembangan ghazal parti. Penuntutnya ialah antara peminat ghazal parti. Tambah beliau lagi, apabila ada permainan ghazal parti ada antara mereka secara senyap-senyap pergi menontonnya dan ada yang ponteng kelas kerana minat kepada ghazal parti.

Oleh yang demikian terdapat ramai orang yang tahu berbahasa Arab walaupun tidak mendalam dan mereka faham sedikit sebanyak maksudnya. Ekoran itu, tidak menjadi masalah untuk lagu Arab berkembang dan mendapatkan penyanyi yang boleh menyanyi lagu Arab. Seterusnya, penontonnya pula yang tidak asing dengan bahasa Arab dan mudah menerima lagu Arab. Perkembangan ini dikonkritkan dengan muncul Kombo Ghazal Kepala Batas dan kemudian dikenali sebagai Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas.

Yan ialah antara daerah di Kedah yang pernah aktif dengan kumpulan ghazal parti. Di Yan terdapat sebuah sekolah pondok yang terkenal, iaitu Pondok Pak Ya (Taufikiyah Batu 16, Padang Lumat, Yan) bermula pada tahun 1950-an. Hubungan sekolah ini dengan perkembangan ghazal parti di Yan sukar dinafikan. Di Perak pula perkembangan ghazal parti seperti di Kuala Kurau ada kaitannya dengan masyarakat sekolah pondok yang berada di Bagan Serai yang tidak jauh dari Kuala Kurau. Bahagian Pulau di Pulau Pinang juga mempunyai madrasah yang terkenal iaitu madrasah al-Mashoor. Namun masyarakat di bahagian pulau bersifat kosmopolitan dan terpisah dengan Seberang Perai yang masih ramai orang Melayu Islam. Sehubungan itu, bahagian pulau tidak menyediakan ruang yang sesuai untuk perkembangan lagu Arab dan kelahiran ghazal parti. Tambahan pula, bahagian pulau sudah ada sejenis lagi bentuk persembahan seni yang popular, iaitu boria. Maka ghazal parti tidak berkembang di sini. Dengan kata lain, pemimpin agama dan tokoh agama Islam yang berpengaruh seperti Haji Abdullah Fahim di Kepala Batas memainkan peranan kepada pertapakan kumpulan ghazal parti di

Kepala Batas dan kawasan yang berhampiran dengannya, termasuk di Kedah dan Perak.

Selain peranan dan pengaruh golongan agama, tokoh pemuzik juga memberi saham kepada kemunculan Kepala Batas sebagai pusat perkembangan ghazal parti. Tokoh pemuzik yang tidak asing lagi di utara ini ialah Idrus Saidi atau Darus bin Saidin (1929-1982). Idrus Saidi berasal dari Permatang Bertam, Kepala Batas, Seberang Perai. Beliau datang daripada keluarga yang berminat dengan muzik. Bapanya seorang pemain harmonium. Idrus Saidi boleh bermain alat muzik seperti trompet, seruling, dan akordion. Beliau juga boleh membaca notasi muzik. Beliau pandai membaca notasi muzik hasil bimbingan seorang guru bernama Master Kamaruddin yang berasal dari Mesir dan mengajar di Madrasah al-Mashoor. Beliau telah dijemput oleh Haji Abdullah Fahim ke Kepala Batas. Kemampuannya membaca notasi muzik memberi kelebihan kepada Idrus Saidi untuk bergiat cergas dalam mempopularkan lagu berirama Arab. Sehubungan itu, beliau menjadi pemuzik dan mengubah lagu berirama padang pasir yang tidak asing lagi di Kepala Batas.

Perkembangan ghazal parti di Kepala Batas dan di utara Semenanjung disebabkan adanya inisiatif tokoh muzik seperti Idrus Saidi. Sebelum terlibat dengan ghazal parti, Idrus Saidi bermain trompet dengan kumpulan ronggeng asli atau rambung. Sebagaimana yang telah dijelaskan, minat Idrus Saidi kepada muzik Arab ada kaitannya dengan pengaruh daripada Haji Abdullah Fahim dan Haji Ahmad Badawi. Seterusnya menurut Kasim Saidin² (lebih dikenali sebagai Pak Kasim), Haji Abdullah Fahim telah berusaha merakamkan lagu Mesir yang berkumandang di siaran radio

² Temu bual dengan En. Kasim Saidin atau Pak Kasim pada 10 Mac 2006 di Paya Keladi Hujung, Kepala Batas, Seberang Prai, Pulau Pinang. Beliau telah bermain ghazal dengan Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas semenjak awal tahun 1960an. En. Kasim Saidin adalah pemimpin Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas semenjak tahun 1982 hingga hari ini. Selain boleh bermain akordion, beliau juga boleh menyanyi lagu-lagu Arab. Sekarang En. Kasim Saidin telah berumur 60 tahun dan masih aktif memimpin Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas.

Arab pada tiga pagi dan diberikan kepada Idrus Saidi untuk berlatih bersama-sama kumpulan ghazalnya. Idrus Saidi juga mencipta seni kata dalam bahasa Melayu bagi melodi Arab yang dipelajari. Mengikuti Kasim Saidin lagi, seni kata yang diciptanya itu disemak antaranya oleh Haji Ahmad Badawi (bapa kepada perdana menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi) tentang kesesuaian sebelum dimainkan oleh Ajinda Ghazal Parti.

6.6 Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas

Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas sangat sinonim dengan perkembangan seni muzik ghazal parti sebagai seni muzik Melayu tradisional di negeri-negeri utara Semenanjung. Nama dan peranannya sangat besar sekali. Beliau dan rakan-rakannya telah menubuhkan kumpulan Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas pada tahun 1950-an. Menurut isterinya Aminah Haji Mokhtar (*Utusan Malaysia*, 1982: 8), nama Idrus Saidi dan Ajinda Ghazal Parti, Kepala Batas begitu sinonim sehingga terkenal bukan sahaja di utara Semenanjung tetapi juga di Pantai Timur. Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas ialah raja ghazal parti yang sukar ditandingi sehingga hari ini. Asal usul perkataan "ajinda" membawa pancaran kepada kedudukan kumpulan ini dalam perkembangan ghazal parti di negeri-negeri utara Semenanjung. Perkataan "ajinda" tidak terdapat di dalam *Kamus Dewan* (Edisi Ketiga). Namun ada perkataan daripada bahasa Jawa, iaitu "aji." Barangkali perkataan "ajinda" berasal daripada kata dasar "aji" yang bermaksud raja, ratu, harga, nilai (*Kamus Dewan*, 18). Maka tidak keterlaluan jika perkataan "ajinda" boleh membawa maksud seperti yang dinyatakan kepada kumpulan ghazal Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas. Kenyataan ini menyerlah dalam konteks perkembangan Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas di negeri-negeri di utara Semenanjung. Kumpulan ini boleh dianggap sebagai raja ghazal parti di utara Semenanjung kerana kumpulan ghazal parti ini telah menjadi induk atau model

kepada semua kumpulan ghazal parti di utara ini. Semua pemuzik, penyanyi, penari dan pelawak ghazal parti yang terkenal lahir daripada kumpulan ini. Manakala ratu pula merujuk kepada penari-penari jelita yang sangat menarik perhatian penonton dan kenyataan ini juga tidak boleh diketepikan. Dengan kata lain perkataan “ajinda” yang terdapat pada nama Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas membawa makna yang tersendiri dan mempunyai dimensi yang bercabang tetapi berhubung.


6.7 Kumpulan-kumpulan ghazal parti

Ghazal parti sangat popular di utara Semenanjung antara tahun 1950-an, 1960-an, dan 1970-an. Selain lagu Arab, lagu Hindustan, Melayu asli, dan sedikit Cina juga dipersembahkan oleh kumpulan ghazal di atas permintaan penonton atau penganjur. Namun, lagu Arab masih dominan dalam persembahan kumpulan ghazal parti. Antara kumpulan ghazal parti yang terdapat di Pulau Pinang, Kedah, dan Perak ialah:

1. Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas, Seberang Perai.
2. Ghazal Parti Bukit Tengah, Seberang Perai.
3. Ghazal Parti Sungai Bakau, Parit Buntar, Perak.
4. Ghazal Parti Puspa Kencana, Yan, Kedah
5. Ghazal Parti Irama Baru, Sik, Kedah
6. Ghazal Parti Sungai Petani, Kedah.
7. Ghazal Parti Mergong, Alor Setar, Kedah
8. Ghazal Parti Kampung Pisang, Kota Setar, Kedah
9. Ghazal Parti Batu 5, Sik, Kedah.
10. Ghazal Parti Bukit Raya, Pendang, Kedah.
11. Ghazal Parti Sungai Baru, Kuala Kurau, Perak.

Kebanyakan kumpulan ghazal parti yang disenaraikan telah berkubur. Mereka menghadapi pelbagai masalah dalaman dan luaran. Akhirnya mencekik leher seni muzik mereka sehingga terpaksa menghembuskan nafas terakhir. Hari ini hanya ada beberapa kumpulan ghazal parti yang masih bernafas walaupun sering tercungap kelelahan oleh keadaan dan masa.

Gambar Foto 6.2
Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas pada tahun 1950-an di Kerteh, Trengganu.



Berdiri dari kiri:

Idrus Saidi (pemimpin), Jamaludin Amini (penyanyi), Bakar Hashim (biola), Din Tok Arab (pelawak), Ghaffar Abdullah (penyanyi), Said (pengacara) dan Hassan Tuk Yu (trompet)

Duduk dari kiri:

Tuan rumah (nama tidak diketahui), Ismail (penari), Abdul Rahman Ahmad (biola dan gambus), Salleh Ahmad (penari), Abdul Abdullah (Pak Dun) (drum)

Kumpulan ghazal parti yang paling terkenal dari dahulu sehingga ke hari ini ialah Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas. Sesetengah orang menyebutnya sebagai Orkestra

Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas. Menurut Abdul Abdullah³ (lebih dikenali sebagai Pak Dun) yang telah bermain ghazal parti semenjak tahun 1943, nama asal Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas ialah Kombo Ghazal Kepala Batas. Hanya pada tahun 1950-an, barulah lahir nama Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas. Sebelum bermain dengan ghazal parti, Abdul Abdullah mula bermain gendang bersama-sama kumpulan yang mengiringi ronggeng asli, iaitu belum wujudnya ghazal parti. Mengikut Kasim Saidin pula, pada peringkat awal, Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas dikenali sebagai Okestra Ajinda Parti yang merupakan satu pancaragam yang memainkan lagu Melayu asli dan keroncong. Dengan kata lain, tidak keterlaluan dikatakan bahawa kumpulan pertama ghazal parti telah wujud di Kepala Batas seawal-awalnya pada tahun 1940-an lagi. Hanya pada tahun 1950-an lahir nama Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas. Kemunculan Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas telah membawa satu bentuk seni muzik yang sangat digemari oleh masyarakat Melayu di utara Semenanjung. Mengikut Ustaz Jamaluddin Amini yang menjadi pernah penyanyi Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas (*Bintang Timur*, 1982: 14), kumpulan ini diminati kerana beberapa sebab. Pertama; lagu-lagu Arab diminati oleh golongan muda dan tua. Kedua; adanya tarian gelek ala Samia Gamaal yang menggunakan pemuda kakak yang berpakaian seperti wanita. Perlu ditambah di sini satu lagi sebab Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas sangat diminati, yakni kerana adanya lawak jenaka daripada pelawak yang berbakat seperti Hasan Putu Mayong.

Kumpulan-kumpulan ghazal parti ini tidak mempunyai pemuzik, penyanyi, penari, dan pelawak yang tetap. Keadaan ini terjadi kerana pada suatu ketika dahulu banyak kumpulan ghazal parti yang telah ditubuhkan di atas permintaan orang ramai sebagai

³ Temu bual dengan En. Abdul Abdullah atau Pak Dun pada 22 April 2006 di , Sungai Petani Kedah. Beliau adalah pemain Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas yang paling lama dan masih hidup. Beliau telah bermain ghazal parti semenjak awal tahun 1940an. Mula-mula beliau adalah pemain gendang. Kemudian beliau beralih kepada pemain drum di dalam Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas di atas pelawaan Idrus Saidi. Pada hari ini En. Abdul Abdullah bertugas melatih pasukan nasyid sekolah-sekolah berdekatan dan bermian dengan kumpulan lagu asli dan sesekali bermain ghazal parti apabila ada undangan. Umurnya sudah menjangkau 86 tahun pada hari ini.

satu sumber hiburan yang popular. Namun kumpulan-kumpulan ini menghadapi kekurangan pemuzik, penyanyi, penari, dan pelawak. Maka permintaan terhadap pemuzik, penyanyi, penari, dan pelawak ghazal parti sangat tinggi. Sehubungan itu, mereka bermain daripada satu kumpulan ke kumpulan yang lain. Misalnya, malam ini bermain dengan Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas, Seberang Perai, esok bermain dengan Ghazal Parti Batu 5, Sik, Kedah. Keadaan yang sama berlaku pada hari ini. Tambahan pula mereka yang terlibat dengan ghazal parti semakin berkurangan.

6.8 Pemuzik

Di dalam sebuah kumpulan ghazal parti terdapat lebih kurang 8 hingga 12 orang pemuzik. Jumlah pemain muzik bergantung kepada peralatan muzik yang ada. Pemain akordion dan biola penting untuk memulakan dan mengakhiri lagu. Kebanyakan mereka tidak pandai membaca notasi muzik. Maka mereka belajar melalui hafalan dan ingatan. Hanya Idrus Saidi yang pandai membaca notasi muzik. Idrus Saidi ialah pemimpin pertama Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas. Kemudian selepas beliau meninggal dunia pada tahun 1982, maka Kasim Saidin mengambil alih mengetuai kumpulan ini. Sebagaimana dengan Idrus Saidi, Kasim Saidin juga mengajar muzik ghazal parti dan memimpin kumpulan ghazal parti di merata-rata tempat di Kedah dan Pulau Pinang (Seberang Perai). Beliau pernah mengajar 17 kumpulan ghazal parti baru dan lama.

Ada antara pemuzik ghazal parti juga penyanyi seperti Abdul Halim Ahmad yang bermain flut dan Yusoff Saidi yang boleh bermain akordion. Kebanyakan pemain muzik ghazal parti yang ada sekarang sudah berumur dan ramai daripada mereka itu ialah anak didik Idrus Saidi, termasuklah Pak Kasim yang kini memimpin Ajinda Ghazal Parti.

Idrus Saidi (1929-1982) ialah pemuzik handalan ghazal parti. Beliau boleh bermain alat-alat muzik seperti akordion, trompet, seruling, dan membaca notasi muzik. Beliau juga mengubah dan menyanyi lagu berirama padang pasir. Beliau mula terlibat dengan muzik secara serius apabila beliau terlibat dengan pancaragam Pemuda UMNO Kepala Batas pada tahun 1948. Namun, hayat kumpulan ini tidak lama, hanya beberapa tahun sahaja (*Bintang Timur*, 1982: 14). Kemudian, Idrus bersama-sama dengan sahabat-sahabatnya telah menubuhkan kumpulan Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas. Antara mereka yang sama-sama menubuhkan kumpulan ini ialah Ustaz Ramli Shariff (penyanyi), Ustaz Khalid Hassan, Abdul Rahman (pemain gambus) dan Abu Bakar Hasim (pemain biola) (*Bintang Timur*, 14). Pada tahun 1970-an, beliau bergiat dalam penciptaan lagu-lagu nasyid untuk kumpulan nasyid. Maka Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas mengiringi pula kumpulan dalam rakaman di televisyen.

Kebanyakan pemain muzik dan penyanyi ghazal parti mempunyai latar belakang bahasa Arab. Ada antara mereka yang belajar di madrasah atau pondok agama Islam atau sekolah agama rakyat yang terdapat di Pulau Pinang, Kedah, dan Perak. Ada juga yang belajar di luar negara seperti di Mesir, seperti Ustaz Ramli Shariff.

6.9 Peralatan muzik

Mengikut Pak Dun, pada permulaannya iaitu kira-kira pada tahun 1940-an, peralatan muzik ghazal parti ialah:

- i. biola
- ii. gambus
- iii. arkodian
- iv. kecapi

v. "double bass"

vi. gendang maruas

vii seruling/flute.

Walau bagaimanapun, pada tahun 1950-an, peralatan muzik ghazal parti telah ditambah seperti drum, gitar, trompet, klerenet, dan saksafon. Kasim Saidin pula menjelaskan bahawa antara peralatan muzik ghazal parti ialah arkordian, dua buah biola, gambus, flut, "double bass" (sekarang gitar bass), drum (di majlis kenduri kahwin), rebana, bongo, tambrin, rumba, dan marakas.

6.10 Penyanyi dan lagu

Penyanyi-penyanyi ghazal parti mempunyai latar belakang pendidikan bahasa Arab. Ada antara mereka yang belajar di madrasah atau di pondok agama. Antara penyanyi Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas ialah Ustaz Jamaluddin Amini, Ustaz Ramli Shariff, Ustaz Yusoff Saidi, Abdul Halim Ahmad, Rodalle Hushin, Fauziah Harun dan Putih Hashim. Penyanyi Arab yang diminati mereka ialah Umi Kalthum, Fairus, Halim Hafiz, Farid al-Atrache, dan Muhammad Abdul Wahab. Antara lagu Arab yang sering dipersembahkan ialah Anwintal Wahdina, Uliamal Lak, Ana Winta, Ahba Bina Ya Aini, Yas, Sama a', Hubbina, Maal Liul Tilu, Alabaladin, Ya Ghamil Ya Ghamil, Wa Hiya Wa Ghafar, Ghanila Su Maiya, Hulu Li Nak, Syaal Ti Haihina dan banyak lagi. Lagu Arab mempunyai irama seperti masri, sika, rokbi, yamal hijat, ras, nahwan, syoba, dan bayati. Walau bagaimanapun, lagu Arab yang dipersembahkan dan diminati oleh masyarakat Melayu di utara ini ialah irama masri dan sika yang berasal dari Mesir. Lagu-lagu berirama masri ialah Ana Winta dan Ahba Bina. Manakala lagu-lagu yang berirama sika-masri antaranya ialah Maal Liul Tilu dan Ya Sama a' Ya.

Abdul Rahman Che Lah atau Abdullah ⁴ ialah penyanyi ghazal parti yang terkenal. Beliau telah bernyanyi dengan Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas semenjak tahun 1960-an. Abdullah mula berminat dengan lagu irama padang pasir semenjak zaman remaja lagi melalui pemerhatiannya kepada persembahan Ajinda Ghazal Parti. Selain itu, latar belakang bahasa Arab yang dipelajarinya sedikit-sedikit semasa di sekolah agama rakyat telah menambah minatnya untuk mengetahui lenggang-lenggok muzik padang pasir dan menyanyi lagu-lagu Arab. Beliau ialah penyanyi Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas yang masih menyanyi dari tahun 1960-an hingga ke hari ini. Pada zaman kemuncak Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas, beliau ialah penyanyi kedua di samping penyanyi utamanya Idrus Saidi. Tunjuk ajar daripada Idrus Saidi telah menjadikannya penyanyi ghazal parti yang terkenal sehingga hari ini. Selain suaranya yang merdu, beliau juga dapat menghafal seni kata beberapa lagu dan mengalunkan renek lagu-lagu Arab dengan baik. Mengikut Abdullah, renek lagu Arab berbeza dengan renek lagu Hindustan dan Melayu asli. Renek lagu Hindustan bergetar-getar, lagu Melayu asli pula mendatar, manakala renek lagu Arab beralum lembut. Selain Abdullah, Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas juga mempunyai penyanyi yang berbakat, iaitu Rodalle Hushin.⁵ Sebelum terlibat dengan Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas, beliau menyanyi dengan kumpulan Ghazal Parti Sungai Petani. Kumpulan ghazal parti ini telah berkubur. Beliau juga berpendapat bahawa latar belakang sekolah agama rakyat yang tidak seberapa itu telah membantunya menghayati lagu-lagu Arab yang dibawanya.

⁴ Temu bual dengan En. Abdul Rahman Che Lah atau Abdullah telah berlangsung pada 6 Mei 2006 di Tikam Batu, Sungai Petani. Beliau masih bernyanyi dengan Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas. Suara dan cara penyampaiannya yang baik telah menyebabkan nyanyiannya tidak berbeza daripada penyanyi Arab yang sebenar. Tidak hairanlah beliau masih mempunyai peminat yang ramai yang kebanyakannya adalah golongan tua.

⁵ Temu bual dengan En. Rodalle Hushin telah diadakan pada 6 Mei 2006 di rumahnya di Tikam Batu, Sungai Petani, Kedah. Beliau aktif dengan kumpulan Ghazal Parti Sungai Petani pada tahun 1960an hingga 1970an. Minatnya yang mendalam telah menyebabkan beliau telah menubuhkan kumpulan Ghazal Parti Tikam Batu pada tahun 1970an tetapi hanya beberapa tahun sahaja kumpulan ini hanya dapat menghiburkan peminat-peminatnya. Krisis dalaman telah menyebabkan kumpulan ini berpecah dan berkubur. Namun minatnya yang mendalam kepada ghazal parti menyebabkan beliau terus menyanyi dan memainkan alat muzik seperti bongo, tamborin dan akordion. Pada tahun 1996, En. Rodalle mula bergiat dengan Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas sebagai penyanyi.

Mengikut Kasim Saidin, sepanjang penglibatannya dengan Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas lebih kurang 200 buah lagu irama padang pasir telah dimainkan. Kebanyakan lagunya ialah lagu Arab/Mesir. Perkembangan lagu berirama padang pasir yang dipopularkan oleh Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas di utara Semenanjung ada kaitannya dengan usaha seorang penyanyi Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas, iaitu Ustaz Ramli Shariff. Beliau telah menghasilkan antologi seni kata lagu Arab yang sering dinyanyikan oleh kumpulan ghazal parti. Antologi yang dimaksudkan ialah *Irama Padang Pasir* (1983-85). Antologi ini mengandungi lagu-lagu dari Mesir dan nasyid daripada beberapa penyanyi terkenal, seperti Umi Kalthum dan Muhammad Abdul Wahab. Antologi ini ialah Bahagian Pertama dan mungkin ada Bahagian seterusnya yang tidak dapat dijejaki dalam kajian ini. Pembukuan seni kata lagu-lagu Mesir ini memperlihatkan satu usaha yang serius kepada pengembangan ghazal parti. Kasim Saidin menjelaskan bahawa antologi ini dijual oleh Ustaz Ramli Shariff dan sambutanannya sangat mengalakkan.

6.11 Penari

Pada mulanya, kumpulan ghazal parti tidak mempunyai tarian, hanya lawak jenaka. Namun apabila persembahan kumpulan ghazal parti semakin popular maka peminat mula naik ke pentas untuk menari mengikut rentak irama padang pasir yang mengasyikkan itu. Keadaan ini mengganggu ahli muzik dan orang ramai yang ingin menyaksikan persembahan. Mengikut Pak Dun, pada akhir tahun 1940-an, seorang penari telah diambil untuk menari dengan kumpulan ghazal ini. Penari ini lelaki tetapi berpakaian wanita. Beliau menambah lagi, pakaian wanita yang dipakai ialah tudung, kain batik, dan baju kurung. Solekannya sekadar sahaja. Kemudian jumlah penari ditambah. Dengan kata lain, pada peringkat awal, penari ghazal parti ialah lelaki yang dipakaikan pakaian wanita dan mereka bukannya mak nyah atau pondan. Hanya pada tahun 1950-an, muncul penari mak nyah atau pondan menjadi

penari ghazal parti. Dalam ghazal parti wanita tidak dibenarkan menjadi penari. Maka lelaki mengambil alih tempat yang dikosongkan oleh wanita menjadi penari gelek yang seksi. Tegas Abdul Abdullah, Haji Ahmad Badawi berpesan jangan ada wanita menjadi penari. Biar lelaki sahaja yang menjadi penari tetapi dipakaikan pakaian wanita. Mungkin Haji Ahmad Badawi tidak terfikir pada masa depan golongan mak nyah atau pondon pula menjadi penari ghazal parti. Tujuan diadakan tarian dan ditarikan oleh “wanita” adalah untuk menarik perhatian penonton bagi meramaikan dan memeriahkan setiap persembahan ghazal parti. Mengikut Kasim Saidin dan teman-temannya, penari ghazal parti yang paling cantik ialah Bujang Rahman atau nama wanitanya Dores dari Sarawak yang pernah menjadi penari ghazal parti pada tahun 1970-an.

Salah seorang bekas penari gelek yang masih hidup yang dapat ditemu bual ialah Ismail bin Din⁶ yang menetap di Mengkuang Titi, Bukit Mertajam. Beliau telah mula menari semenjak berumur 13 tahun. Mengikut Ismail, kehadiran penari gelek dalam persembahan Ghazal Parti menjadi satu tarikan yang cukup kuat kepada penonton untuk menonton persembahan mereka. Beliau lebih dikenali dalam kalangan peminatnya sebagai “Sarimah Mengkuang” kerana gemar mengikuti fesyen baju dan gaya dandanan rambut seniwati Sarimah yang terkenal pada ketika itu. Tambah Ismail lagi, beliau ialah penari bebas yang tidak terikat dengan mana-mana kumpulan ghazal parti. Sebab itu beliau menari dengan pelbagai kumpulan ghazal parti, seperti Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas, Ghazal Parti Guar Perahu, Seberang Perai, Ghazal Parti Puspa Kencana, Yan Kedah, dan Perak.

⁶ Temu bual dengan En Ismail Din telah berlangsung pada 13 Mac 2006 di rumahnya di Mengkuang Titi, Bukit Mertajam, Seberang Prai. Beliau telah dilahirkan pada tahun 1943 di Mengkuang Titi. Semasa zaman kepopularitiannya sebagai penari ghazal parti, beliau dikenali sebagai Sarimah Mengkuang dan menjadi pujaan ramai lelaki. Katanya, beliau pernah mempunyai “sugar daddy.”

Mengikuti Ismail lagi, majlis kenduri kahwin dan *funfair* menjadi tempat beliau menari bersama-sama dengan kumpulan ghazal parti. Pendapatannya semalam lebih kurang dua puluh ringgit dan masanya bermula dari pukul 8.30 malam hingga mencecah 1.00 pagi. Di alam persembahan ghazal parti, terdapat lebih kurang dua dan tiga orang penari yang bergilir-gilir menari dan pakaian mereka ialah pakaian Arab, Hindustan, dan Melayu (kebaya). Seterusnya mengikuti Ismail lagi, pada zamannya beliau mempunyai hampir seratus pasang pakaian yang dipakai berganti-ganti. Solekannya pula berdasarkan pemerhatiannya terhadap solekan wanita yang lain. Tarian yang ditarikan kebanyakannya tarian gelek ala Samia Gamaal dan zapin. Bagi Ismail, menjadi penari ghazal parti bukan sahaja mendatangkan pendapatan yang lumayan tetapi juga keseronokan. Bagi menjaga bentuk badan supaya kelihatan ramping dan manis dipandang, Ismail menjaga badan dengan mengawal pemakanannya seperti tidak makan nasi pada waktu malam dan menggunakan ilmu pemanis. Menurut Kasim Saidin pula, ada juga pemuzik ghazal parti yang menggunakan jampi pemanis muka. Bukan itu sahaja, ada juga yang menggunakan jampi untuk menambat hati pendengar mendengar alunan muzik daripada alat muzik yang dimainkan. Tambah beliau lagi, antara jampi yang digunakan sebagai pemanis muka adalah seperti berikut:

"Jampi Pemanis Muka."

Cara mengamalkannya:

Sediakan sehelai sirih bersama kapur dan pinang.

Dimulai dengan membaca Selawat dan membaca Fatihah 3X. Kemudian dibaca jampi ini sebanyak 3X:

Heyku buat pinang
Kubuat pinang sumi bulan
Bunga seraya
Kembang manis
Tujuh hari sembilan bulan
Aku seornng dipandang manis
Manis aku lebih daripada orang yang banyak
Berkat doa laillahailallah, Muhammad Rasulullah.

Selepas membaca jampi ini, makan sirih bersama kapur dan pinang yang telah disediakan.

Walau bagaimanapun, bukan semua pemain ghazal parti menggunakan jampi pemanis muka. Begitu juga, bukan semua penari ghazal parti mengamalkan jampi pemanis muka. Seorang lagi bekas penari ghazal parti yang dapat ditemu bual ialah Encik Mohd Nor bin Din⁷ yang berasal dari Penaga, Seberang Perai. Beliau telah menjadi penari ghazal parti selama lebih kurang 20 tahun. Beliau mula terlibat dengan kumpulan ghazal parti pada tahun 1957. Bagi Mohd Nor, beliau tidak mengamalkan sebarang ilmu atau pantang larang untuk kelihatan menarik bagi memikat penonton. Menurut Mohd Nor, di mana-mana sahaja beliau menari, sambutannya sangat memberangsangkan. Ghazal parti dan penari-penarinya sangat diminat kerana beberapa sebab. Antaranya ialah, rupa paras penari yang menarik dan kelembutan tariannya yang kadang kala menghairahkan. Selain itu, pada ketika itu, tidak ada hiburan yang lebih menarik. Antara hiburan yang ada ialah pancaragam, keroncong, wayang kulit, dan bangsawan.

⁷ Temu bual dengan En. Mod Nor Din telah diadakan di rumahnya di Lahar Tabut, Penaga, Seberang Prai. Beliau mula menjadi penari Ajinda Ghazal Parti pada tahun 1957. Sebagaimana dengan penari-penari ghazal parti yang lain, beliau menari dengan banyak kumpulan ghazal parti kerana penari ghazal parti tidak ramai tetapi permintaan untuk melihat mereka menari sentiasa ada.

Menurut Mohd Nor, lagu Arab dan Hindustan ialah lagu yang sesuai untuk tarian gelek ala Timur Tengah itu. Tambah beliau lagi, dalam satu pertunjukan terdapat enam hingga tujuh tarian dan disesuaikan dengan baju tertentu. Beliau tertarik untuk menjadi penari ghazal parti kerana minat dan minat ini timbul apabila beliau menonton tarian penari ghazal parti terdahulu, seperti Mohd Leh Penanti dan Mohd Salleh pada tahun-tahun 1940-an dan 1950-an. Selain minat dan wang, kepuasan juga memainkan peranan yang penting bagi beliau terlibat sebagai penari ghazal parti. Tambahan lagi, mengikut Mohd Nor, pada ketika itu terdapat filem-filem Mesir dan Hindustan yang memaparkan tarian gelek yang ditayangkan di pawagam di Kepala Batas. Filem ini bukan sahaja memberi ilham dan cara menari tarian gelek tetapi juga menambahkan minatnya untuk menjadi penari ghazal parti.

Gambar Foto 6.3
Encik Mohd Nor Din



Populariti penari seperti Mohd Nor telah menyebabkan beliau tidak putus-putus dijemput oleh pelbagai kumpulan ghazal parti untuk menari dengan kumpulan mereka. Berbulan-bulan beliau terus menari dan menari. Hanya pada hari Jumaat sahaja beliau dapat berehat. Seperti juga dengan Ismail, Mohd Nor juga menjadi rebutan peminat lelaki. Menurut Mohd Nor, terdapat semacam rasa malu kepada masyarakat setempat dan sedar tentang nasihat ibu bapanya. Sehubungan itu, Mohd Nor tidak akan menari apabila kumpulan ghazal parti bermain di kampungnya.

Beliau mengatakan ada anggota masyarakat yang memandang serong kepada penari seperti ini. Lagi pun ibu bapanya tidak suka Mohd Nor menjadi penari gelek ghazal parti. Walau bagaimanapun, demi minatnya yang mendalam kepada tarian seperti tarian gelek ini, wang dan kepuasan maka Mohd Nor terus berkecimpung menari bersama dengan kumpulan ghazal parti selama lebih kurang 20 tahun.

Pada tahun 1970-an, terdapat semacam gelombang dakwah yang melanda kumpulan ghazal parti sehingga kegiatan menari tidak lagi digalakkan. Pada masa sekarang, persembahan ghazal parti bersama-sama dengan penari gelek sangat berkurangan.

6.12 Pelawak

Satu lagi komponen penting dalam ghazal parti ialah lawak jenaka. Pelawak terkenal dalam kalangan kumpulan ghazal parti ialah Hassan Putu Mayong, Husin Kacong, dan Din Tok Arab. Mereka ialah pelawak tahun 1950-an yang sangat terkenal. Peminat ghazal parti akan merasa sangat hampa jika pelawak ini tidak bersama-sama dalam persembahan ghazal parti yang mereka tonton. Para peminat akan menjadi marah terhadap kumpulan ghazal parti berkenaan. Mengikut Abdul Abdullah, pada awal permainan ghazal parti tidak ada penari tetapi yang ada ialah pelawak sahaja. Dengan kata lain, penari datang kemudian dalam permainan ghazal parti selepas pelawak.

Lawak jenaka yang dipersembahkan tidak terikat kepada isu tertentu. Pelawak bebas untuk mengemukakan bahan jenakanya. Sering kali perkara-perkara setempat dan semasa dijenakakan. Apabila penari masuk ke dalam kumpulan ghazal parti maka penari ini menjadi bahan usikan para pelawak dan usikan ini sangat digemari oleh para peminat ghazal parti. Kewujudan lawak jenaka dalam

kumpulan ghazal berfungsi untuk mengisi masa rehat bagi pemuzik dan penyanyi. Dalam persembahan ghazal parti pemuzik dan penyanyi berehat sebanyak dua hingga tiga kali dan setiap kali berehat maka ruang itu akan diisi dengan lawak jenaka.

6.13 Persembahan Ghazal Parti


Persembahan ghazal parti sering diadakan di majlis perkahwinan di kampung dan majlis rasmi di bandar kecil dan besar. Mengikut Pak Kasim, hanya Johor dan Singapura sahaja yang belum menjemput Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas untuk membuat persembahan. Mereka juga mengadakan persembahan di radio, di televisyen, dan di hotel bertaraf lima bintang serta di majlis kenamaan. Kumpulan Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas pernah mengadakan persembahan di luar negara seperti di Medan, di Indonesia, dan di Kuwait.

Persembahan mereka di majlis perkahwinan menjangkau dari awal malam sehingga ke tengah malam dan ada yang sampai awal pagi. Pada asalnya pemain-pemain muzik ghazal parti berdiri apabila membuat persembahan mereka. Selalunya di majlis kenduri kahwin diadakan satu balai untuk kumpulan ghazal parti bermain. Sebenarnya balai ini digunakan untuk jamuan pada sebelah siangnya. Pada sebelah malamnya pula digunakan untuk persembahan ghazal parti. Balai ini didirikan menghadap anjung rumah pengantin supaya keluarga pengantin dan orang ramai dapat melihat persembahan mereka.

Pemain-pemain ghazal parti berdiri melingkungi mikrofon. Menghadap mikrofon ialah pemain akordion, paling kanan dan kiri ialah sama ada pemain drum atau pemain double bass atau gitar bass. Drum dan double bass terletak jauh sedikit daripada pemain akordion kerana alat-alat muzik ini kuat bunyinya dan boleh mengganggu

bunyi akordion. Manakala pemain flut, gambus, dan biola berada berdekatan. Pemain flut, gambus, dan biola berada di kiri atau di kanan pemain akordion. Manakala pemain tamborin, maracas, dan gendang di sebelah kiri atau kanan pemain akordion. Penari-penari akan berada antara dua pelawak di depan sekali. Penyanyi akan berada berdekatan dengan mikrofon. Berikut dirajahkan kedudukan pemuzik, penari, pelawak dan penyanyi ghazal parti.

Rajah 6.1
Kedudukan pemuzik, penyanyi, penari dan pelawak dalam persembahan ghazal parti.



Pada masa ini, persembahan ghazal parti tidak lagi berdiri tetapi duduk di atas kerusi. Namun kedudukan ahli-ahli kumpulan muzik ini tidak banyak berubah. Walau bagaimanapun, kebanyakan pemain muzik Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas ialah

orang lama. Sukar untuk mendapat pemain baru kerana generasi sekarang tidak berminat dengan ghazal parti. Bermain ghazal parti ialah kegiatan sampingan bagi semua ahli ghazal parti. Mereka tidak bermain ghazal parti untuk menyara hidup. Maka masing-masing mempunyai perkerjaan lain untuk menyara hidup mereka dan keluarga. Mengikut Pak Kasim, Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas sedang menuju ke penghujungnya kerana tonggakanya semakin tua dan peminat baru tidak kelihatan sementara peminat lama banyak yang telah meninggal dunia.

Gambar Foto 6.4
Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas, 2006.



Dari Kiri:

En. Abdul Rahman Md Noor (rebana/bongo), En. Kasim Saidin (Pak Kasim), pemimpin dan bermain akordion, En Abdul Halim Ahmad (bermain flut dan menyanyi), En. Zainal Ishak (tamborin/marakas), En. Rodalle Hushin (penyanyi dan bermain gendang Turki) dan En. Zakaria Hashim (gambus).

Gambar Foto 6.5
Penari dan pelawak beraksi bersama Ajinda Ghazal Parti
Kepala Batas, 2006.



Dari Kiri:

En. Mohd Asmadi Thalib atau Sal (penari), En Mohd Nor Othman atau Pak Man Telo (pelawak) dan En. Hanis Che Hanafi atau Anis (penari).

6.14 Rumusan

Kesimpulannya, Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas telah meletakkan asas perkembangan muzik ghazal di utara Semenanjung yang berbeza daripada ghazal Melayu Johor. Raja ghazal parti ini telah melakar sejarah yang penting di atas peta muzik Melayu tradisional. Sudah puluhan tahun sumbangannya di arena pentas muzik tanah air khususnya di utara.. Perkembangan teater bangsawan pada awal abad ke-20, peranan ulama, pemuzik berbakat, dan sistem pendidikan sekolah agama rakyat menjadi faktor-faktor yang berjalanan yang membina pentas untuk ghazal parti beraksi bermula di Kepala Batas, Seberang Perai. Namun, hayatnya semakin lemah kerana dirinya semakin tua. Pentasnya beraksi semakin mereput. Jari-jari yang bergerak-gerak di lurah-lurah akordion semakin menghilang dan tapak-tapak tangan yang memalu gendang semakin kurang bertenaga. Zuriatnya juga

semakin lemah dan ada yang telah meninggal dunia sebelum sempat mekar mewangi di perkebunan muzik Melayu tradisional. Kini wajar suntikan ubat yang lebih berkuasa diberikan kepada Ajinda Ghazal Parti Kepala Batas supaya kumpulan ini terus hidup dan melahirkan zuriat lagi yang lebih perkasa. Ajinda Ghazal Parti menyedari bahawa kumpulan ini tidak boleh berjuang sendiri untuk melanjutkan kelangsungan hidupnya. Kumpulan ini memerlukan sokongan daripada mereka yang prihatin kepada keindahan muziknya dan kemeriahan suasananya. Tidak boleh dinafikan, Ajinda Ghazal Parti juga bersedia untuk berubah dengan perubahan keadaan. Namun, perubahan yang akan berlaku tidak akan mengugat atau menghilangkan identitinya. Sudah tiba masanya satu pelan jangka panjang untuk memantapkan semula Ajinda Ghazal Parti dan membanyakkan zuriatnya diusahakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.

BAB 7

PULAU PINANG SEBAGAI PUSAT ILMU DAN PERKEMBANGAN INTELEKTUAL

7.1 Pengenalan

Di dalam bab akhir laporan ini, Muhammad Haji Salleh mengimbas peranan Pulau Pinang sebagai pusat ilmu dan perkembangan intelektual yang berlangsung dari dulu sehingga sekarang. Beliau mengupas peranan surat khabar, majalah, penerbit, penulis individu, dan pendidikan di Pulau Pinang yang memberi sumbangan besar kepada perkembangan intelektual di Pulau Pinang.

Memulakan bicara, beliau menyatakan bahawa sejarah merenung kita dari jauh, menilai kita dan secara tidak langsung juga menghukum kita. Kita dapat cuba merancang untuk mengubah masa depan, tetapi masa silam, sudah tersimpul mati, dan tidak dapat dirungkai. Sejarah Pulau Pinang juga sama, tersimpul dan sehingga sekarang menitiskan air mata.

Pulau Pinang bandar baru

Kapten Light menjadi raja

Bila terkenang zaman dahulu

Jatuh berlinang air mata

Kedah mungkin ditipu British, tetapi tragedinya yang bermula pada 1786 menjadi kenyataan yang mencucuk kita sehingga sekarang. Kita tidak dapat mengelak hunjaman sejarah. Menoleh ke belakang dan menyalahkan seseorang, tidak akan menjawab masalah yang kita hadapi pada hari ini.

Budaya feudal Kedah pada kurun ke-18 dan sebelumnya, ditegakkan dalam suatu sistem dengan raja dan bangsawan berada di puncak pemerintahan, dan raja ini mempunyai kuasa mutlak. Kumpulan bangsawan menunjang raja, sementara alim ulama membarisi belakang mereka, secara menyokong atau pun agak bebas dalam pendapat mereka berkenaan dengan Islam.

Apabila Light membeli Pulau Pinang dan Seberang Perai, negeri ini dapat diibaratkan seperti dipotong daripada ibu yang membesarkan dan memberikan bentuk budayanya, bangsanya dan maruahnya.

Sekiranya kita memantau sejarah, kita akan menemui beberapa sudut keluarbiasaannya, yang juga telah menjadi titik-titik penarik kepada ramai pendatang yang datang sebagai pekerja, soldadu, pedagang, pengungsi, pemikir, penulis, dan sebagainya. Kota dan keadaan, bakat dan usaha menjadikan mereka besar, bukan saja di sini tetapi di seluruh Malaysia.

Pulau Pinang menarik ramai orang dari seluruh Nusantara, dari Aceh, Minangkabau, Bugis, Jawa, Melaka, Riau, dan tak lupa negeri-negeri tetangganya, Kedah, Perak, Kelantan, dan Terengganu. Mereka mencari dunia dan bentuk kejayaan yang lain.

Negeri yang cepat membangun, cepat juga membangunkan sejumlah paradoks dan ironi buat dirinya. Di sebalik penduduknya yang ramai, kita saksikan dengan sedihnya cukup ramai penagih dadah; penunggang gila motosikal di pagi buta yang bergelimpangan; jumlah penceraian dan ibu tunggal yang tinggi; keciciran pendidikan dan sosial yang menyayat masa depan kita; kemiskinan Melayu yang terpamer senget di pantai dan hujung perumahan baru; dan eksodus keluar dari pulau dan negeri ke Kedah, Perak dan Perlis.

Sebagai pusat sosial dan politik, Pulau Pinang juga membawa kontras dan menyumbang cara dan fikiran alternatif. Terasa ketidaksetujuan berbunga di sini, disiramkan oleh laut dua selat, dan angin yang cepat menyegarkan dan membawa udara baru. Demikianlah *CAP*, *Aliran* dan *Just World* berbenih dan membesar di sini; *DAP*, Barisan Sosialis, PAS dan Keadilan juga mendapat tempat di sini.

Dalam diri negeri ini ada daratan dan pulau, ada bukit dan lembah, ada kekayaan dan kemiskinan luar biasa. Dengan paradoks ini, Pulau Pinang mencipta dilema dalam diri penduduknya, terutamanya orang Melayu. Namun, perlu disebutkan walau dari mana asal mereka, Aceh, Minangkabau, Brunei, Patani, Kelantan, Terengganu dan lain-lain, antara mereka telah terbina sebuah teras dan perasaan etnik sepunya. Ramai mereka yang bergerak dari landasan ini.

Sewaktu semua ini sedang berlaku sejak 1980-an, suatu arus perkembangan baru melanda, pembaratan yang keras dan saingan bangsa yang amat tajam. Sementara ramai yang selesa dalam dunia Melayu, mereka juga memahami bahawa mereka tinggal dalam zaman sebelum 1957, dalam sebuah koloni, yang mahu tidak mahu memperkenalkan (dan malah kadang-kadang memaksa) suatu wajah lain, (yang sering menarik), yang membebaskan dan membenarkan orang Melayu menjadi warga moden yang menyedari akan dunia yang luas. Tetapi di suatu pihak, manusia moden dan warga global dan globalisasi terputus dari akar awal yang membesarkan mereka, yang memberi jati diri dan tanah pejal kepada adat dan bahasa. Ramai yang dilontarkan pilihan antara cara tradisional, konservatif dan tidak banyak berubah sementara di sebelah kampung mereka, kota berkembang agak gemilang.

Antara pemikir mereka ada yang terpanggil untuk bergelut dalam usaha mereka memberikan Melayu wajah yang lebih positif, moden, dan tidak takut kepada perubahan atau saingan. Di sini orang Melayu tidak dimanjakan oleh British yang

memilih bangsa yang dapat menambah labanya untuk dibawa pulang ke England. British lebih memanjakan peniagaanya. Oleh yang demikian, mungkin hal ini menyebabkan manusia Melayu Pulau Pinang lebih gelisah, lebih sedar akan saingan, jati diri dan perlunya berusaha, pertama untuk kelangsungan hidup, dan keduanya di sini manusianya harus mencari jalan mentakrifkan kembali rupa dan jiwa bangsanya pada zaman dan masyarakat baru. Semua ini mencipta manusia Melayu yang agak berlainan, pada umumnya, keadaan dan pandangan hidupnya berbanding dengan penduduk negeri-negeri Melayu lain.

7.2 Sastera awal

Sejarah juga menghadiahkan Pulau Pinang beberapa orang pemula. Antara mereka ada yang menyerlah dalam bidang sastera, termasuk pemula catatan perjalanan (*travelogue*) yang juga dalam maksud umumnya boleh digolongkan sebagai autobiografi, novel saduran, novel awal, dan surat khabar di sini. Seterusnya dalam seni pentas, muzik dan nyanyian, tidak banyak negeri yang mencipta dua buah genre pada zaman awal moden, tetapi Pulau Pinang memulakan bangsawan dan boria yang mencantumkan berbagai-bagai unsur daripada berbagai-bagai bangsa di sini, dan diteruskan dengan sumbangan daripada berbagai-bagai kumpulan etnik. Dalam bidang pendidikan agama atau tradisional, Pulau Pinang juga banyak memulakan sekolah dan pondok yang menjadi ruang perkembangan ilmu yang dinamis.

Walaupun terdapat juga bukti perniagaan yang dilakukan oleh orang Kedah, terutama sekali bangsawannya, namun begitu, Kedah bukanlah negeri perniagaan tradisional atau moden seperti Pulau Pinang. Kedah juga tidak menjadi terlalu penting kepada pemerintahannya kerana banyak cara lain yang dapat digunakan untuk mengumpul wang untuk negeri itu. Di suatu pihak, Pulau Pinang tidak

dianggap penting atau perlu dipertahankan oleh Sultan Abdullah, dan dengan demikian baginda boleh dianggap dibuang, dengan rakyatnya sekali, terutama yang sudah ramai di Seberang Perai dan beberapa kelompok, ke pulau cantik ini.

Penulis dapat membayangkan trauma yang amat mengganggu yang dideritai oleh penduduk di kedua-dua bahagian Kedah yang akan dipindahkan ini dan akhir sekali harus menyesuaikan diri dengan sekumpulan pegawai, peniaga British dan lain-lainnya. Walau apa-apa pun peringkat sengsaranya, berpisah daripada raja yang berbangsa, beragama dan berbahasa sendiri, dan dipindahkan kepada pemerintahan kerajaan asing (yang sebenarnya ialah sebuah syarikat yang mencari keuntungan) yang berlainan bangsa dan beragama Kristian, amatlah perit.

Sharikat Hindia Timur Inggeris ialah organisasi perniagaan yang khusus dibina untuk menjana keuntungan daripada perniagaan Timur Jauh, yang dapat membawa untung yang tinggi. Dengan bantuan pekerja tempatan dan asing, maka Pulau Pinang bergerak ke arah tujuannya. Seberang Perai pula dijadikan semacam kepek padi dan dusun yang menyediakan beras dan rempah ratus untuk perniagaan mereka. Dengan tujuan ini juga Pulau Pinang cepat dikembangkan sebagai pelabuhan yang selesa dan mudah didatangi, yang dapat menampung keperluan pelayaran dan perniagaan.

Pertembungan dengan budaya Barat dan kedatangan pekerja berbangsa China, India, Sri Lanka, dan Burma, mengubah rasa selesa kaum Melayu. Pendatang ini juga datang dengan hasrat besar untuk bekerja dan mengumpul untung besar. Di sebaliknya pula, tujuan ini bukanlah hasrat orang Melayu kerana mereka biasa dikerah oleh sultan dan diatur hidup oleh bangsawan.

Pertembungan ini menimbulkan banyak masalah dan dilema. Satu, rasa ingin lari dari pusat pertembungan ini, dan keduanya pula ingin memasuki kancah persaingan yang kasar dan ganas ini, dan mendapatkan apa-apa yang baik daripadanya. Inilah latar budaya yang menjadi tapak bertindak orang Melayu sejak awal lagi.

Sebuah kota pelabuhan dan perdagangan membawa juga budayanya sendiri dan perniagaan ini memerlukan jurutulis untuk menghubungkan pedagang Pulau Pinang dengan mereka yang berada di tempat dan negeri lain atau dengan raja dan penghulu di sana.

Oleh sebab tarikan cara hidup, rezeki atau kebebasan daripada raja dan kerajaan Melayu, ada yang berhijrah dari Kedah ke Pulau Pinang, misalnya keluarga Ahmad Rijaluddin Hakim Long Kandu. Mereka berasal daripada keluarga peniaga dan melihat peluang perniagaan yang lebih besar wujud di pulau ini. Dari sinilah Ahmad Rijaluddin belayar ke Benggala dengan anak Robert Scott, seorang peniaga penting Sharikat dan sementara itu menulis sebuah karya, *Hikayat Perintah Negeri Benggala* (1811), yang dapat dianggap catatan perjalanan yang berunsur autobiografi. Harap diperhatikan bahawa Ahmad Rijaluddin mendahului Abdullah Munshi Abdul Kadir selama 27 tahun.

Pada zaman itu juga sudah terkumpul beberapa orang penulis atau penyalin di Pulau Pinang dan Seberang Perai. Mereka bekerja di Sharikat Inggeris atau dengan pedagang lain kerana khidmat mereka diperlukan untuk mengarang surat, dalam bahasa tempatan dan Inggeris, yang ditujukan kepada peniaga di Kepulauan Melayu.

Salah seorang penyalin itu (kita tidak mendapat maklumat tentang pekerjaannya) ialah Muhammad Omar yang telah menyalin kitab *Taj al-Salatin*, karangan Bukhari

al-Jauhari pada tahun 1824 dengan tulisan tangan dan seni tatahias yang indah. Naskhah ini dianggap yang tercantik antara semua naskhah Melayu sehingga ini.

Oleh yang demikian, sebelum Abdullah Munshi lagi Pulau Pinang sudah pun memiliki autobiografi catatan perjalanan terawal, dan nampaknya tradisi penulisannya juga sudah cukup matang dan canggih. Sememangnya tradisi penyalinan ini menjadi sebahagian tradisi Melayu Kedah atau Tanah Melayu, tetapi nampaknya, melalui bukti yang kita lihat, salah satu kuntum bunga yang terindah telah berkembang di Pulau Pinang.

Penulis ingin menggalurkan sejarah intelektual Melayu Pulau Pinang dan melihat perkembangannya dari segi:-

- (1) persuratkhabaran dan majalah,
- (2) penerbitan,
- (3) sastera,
- (4) perkembangan ilmu agama melalui madrasah, dan
- (5) perkembangan ilmu mutakhir melalui Universiti Sains Malaysia (USM).

7.2.1 Persuratkhabaran dan majalah

Sejarah persuratkhabaran Melayu di Pulau Pinang yang bermula pada tahun 1900, memperlihatkan dua buah akhbar terbit sekali gus. Pertamanya, *Bintang Timor*, yang terbit pada 1 Mac 1900 di bawah pimpinan Abdul Ghani bin Mohd. Kassim. *Bintang Timor* ini diterbitkan secara mingguan dan berakhir pada September 1900.

Abdul Ghani juga menerbitkan *Cahaya Pulau Pinang*. Contoh awalnya mungkin ditunjukkan oleh *The Prince of Wales Gazette* dan akhbar Melayu yang diterbitkan di Singapura, termasuk *Jawi Peranakan*. Seterusnya sebuah surat khabar lagi terbit pada tahun yang sama, iaitu *Lengkongan Bulan*. Pengarangnya ialah Ali bin Harun al-Hindi. Akhbar ini juga diterbitkan secara mingguan dan terhenti pada tahun yang sama.

Ada suatu desakan kemajuan, desakan wacana, dan pasti juga desakan untuk berbincang tentang keadaan orang Melayu, masa depan mereka, *viv-a-vis* pendatang baru yang rajin dan dinamis ekonominya. Surat khabar yang baik ialah suara jujur bangsanya, kegelisahan dan mimpinya. Semua ini dihamburkan di halaman-halaman ini pada zaman yang agak awal dan dibentangkan dalam tulisan Jawi untuk menemui khalayak yang terbesar mungkin.

Surat khabar dan majalah digerakkan oleh beberapa gagasan yang muncul akibat keadaan, biasanya yang rumit dan menuntut penyelesaian, seperti keadaan ekonomi orang Melayu yang masih terkebelakang dan ditinggalkan oleh ekonomi kaum lain, dan beberapa masalah sosial, seperti kahwin paksa, status wanita Melayu Islam yang rendah, penceraian, perjudian, dan pelacuran yang seterusnya menyebabkan keruntuhan keluarga.

Mereka yang memulakan akhbar biasanya agak jelas dalam hal hasrat mereka. Selain maklumat yang ingin disampaikan, terdapat tujuan bangsa, kelompok atau ideologi di belakangnya. Ramai yang inginkan suatu wajah dan kemajuan baru untuk bangsa Melayu dan Nusantara ini, yang pada waktu itu terjajah atau di bawah sistem kerajaan yang amat feodal dan statik. Yang diinginkan juga ialah mewujudkan manusia Melayu yang berfikir, berpelajaran dan tidak terus kalah kepada bangsa-bangsa pendatang yang tinggi kejayaannya. Ideologi kesemua surat khabar dan

majalah ini dapat di katakan relatif maju, yakni untuk menggerakkan bangsa Melayu ke depan, membangunkan dan menyedarkan mereka bukan saja kepada keadaan mereka yang daif tetapi juga kepada dunia luar yang jarang dikenali.

Oleh yang demikian, walaupun maklumat diberikan, maklumat itu juga terpilih, antaranya yang dapat memberikan contoh kemajuan, cara menyelesaikan masalah, semangat bangsa, dan tamadun di negara yang berjaya.

Pada tahun-tahun 1920-an, manusia Melayu sudah mula memperlihatkan sudut individunya, dan mengetahui beberapa haknya, di mahkamah atau dalam masyarakatnya. Di Negeri-Negeri Selat tanpa kuasa raja Melayu yang keras atau meluas, penduduk Melayu perlu mengetahui kepentingan diri, bangsa dan agamanya. Dia harus berfikir untuk dirinya. Kemunculan bibit individu ini menampung surat khabar dan majalah yang memerlukan pendapat, dan pada masa yang sama memberi ruang kepada orang-orang sebegini untuk berkata dan berfikir. Banyak lidah pengarang, surat peribadi, syair dan pantun yang melukis liku pendapat dan perasaan manusia ini.

Surat khabar ini membantu mengumpul pendapat dan sementara itu juga menjadi rerumah jati diri orang Melayu, walaupun ideologi setiap surat khabar itu mungkin berlainan. Dapat kita katakan bahawa semuanya secara kolektif melukiskan cara berfikir, mendefinisi masalah, dan berfikir serta bertindak pada zaman itu.

Walaupun terdapat banyak terbitan yang agak hitam putih pemikirannya, ada juga yang menjadi pewaris kepada cara berfikir yang membawakan kias ibarat, dan dengan itu juga mempergunakan cara tradisional yang kaya dan amat merangsang. Keinginan untuk menjadi bangsa yang mulia dan bermaruah secara tidak langsung bermakna ingin bebas daripada penjajah, dan penekanan kepada Islam yang moden

juga menyarankan bahawa manusia Melayu bebas daripada penjajah yang berlainan agama itu yang dalam sejarah diperlihatkan jahat dan kejam.

Di sini juga bahasa yang lama dikesampingkan dan diberikan kehidupan baru. Oleh sebab bahasa ini harus menyampaikan maklumat baru, yang sering juga bersifat antarabangsa, maka bahasa itu sama berkembang, sama moden, bersama-sama dengan keperluan zaman.

Setelah karya bertulis tangan menipis dan sastera lisan semakin perlahan suaranya, tugas sastera ini sebahagiannya diambil alih oleh surat khabar dan majalah ini. Ada pantun, syair, cerita terjemahan, dan karangan baru. Siri cerita Syed Sheikh dan Ahmad Rashid Talu memenuhi keperluan sastera di suatu pihak, dan di suatu pihak yang lain, tumbuh akibat keperluan, bahasa dan medium baru.

Persuratkhabaran juga memulakan dunia bergambar seperti yang dibincangkan oleh Ahmad Suhaimi (2003). Iklan, sketsa dan coretan komik merupakan wajah berbentuk visual yang baru.

Tradisi diteruskan, tetapi keperluan semasa menerusi medium dan cara baru juga mendapat ruang dan suaranya. Semua penerbitan ini mengumpulkan pemikir yang baik sementara membenarkan pembaca biasa menyampaikan pendapatnya. Penulis melihat sewaktu mereka menulis, sudah ada semacam rasa kebebasan, rasa keyakinan terhadap pendapat sendiri.

Pada dekad 1920-an dan 1930-an, persuratkhabaran dan majalah sebenarnya ialah perpustakaan, ilmu dan pemikiran, wacana bangsa, sastera, dan medium berita. Tugas yang dilaksanakan ini besar dan diperlukan.

Berikut ialah deretan majalah dan akhbar yang diterbitkan tanpa jemu. Kebanyakannya menggambarkan keadaan orang Melayu, masalah ekonomi yang dihadapi, kekuasaan dan penghakisan adat dan cara hidup, dan tidak lupa juga mazhab dan tafsiran agama yang berlainan. Tajuk-tajuk ini telah mengundang ramai pemikir menyumbangkan karya mereka.

Walaupun mereka tidak lama bertahan, tetapi semarak mula telah dinyalakan. Mungkin pada waktu ini semangatnya yang lebih kuat berbanding dengan pengetahuan pengurusan persurakhabaran yang cukup rumit dan khalayak yang masih belum dikenali dengan baik. Dua buah surat khabar ini menjadi pemula dan walaupun tidak berjaya bertahan lama, tetapi berjaya melahirkan dirinya, dan bakal pengarang lainnya.

Hanya dua puluh enam tahun setelah akhbar pertama itu terbit barulah terbit pula dua buah akhbar lagi. Pertama, pada 12 Januari 1926 terbitlah *Suara Melayu*, yang amat jelas tujuan dan penegasan suaranya, pemikiran dan pandangan Melayunya, vis-a-vis pandangan Inggeris, Cina dan Indianya. Orang Melayu sedang belajar menyatakan pendapatnya, memberi sudut pandangannya dan belajar berdiri sebagai manusia moden. Pengarangnya ialah Rahman bin Jamaluddin, dan pemimpinnya ialah Abdul Latif al-Hamidi. Mingguan ini juga bertahan sekitar setahun. Lapan bulan setelah itu, terbit pula majalah bulanan *Al-Ikhwān* yang lebih tersusun dan jelas tujuannya. *Al-Ikhwān* ialah alat pemikiran kumpulan yang diketuai oleh Syed Sheikh, yang membawakan perspektif Islam yang baru, sebahagiannya daripada pengaruh Muhammad Abduh, pemikir Mesir, dan guru kepada Syed Sheikh sendiri. Secara relatif usia hayat majalah ini agak panjang, iaitu lima tahun. Tujuan yang dimaktubkan ialah 'menggemarkan kepada menuntut ilmu,' selain membawa berita dan hiburan bercorak cerita yang juga 'membawa kiasan bagi kehidupan yang

sempurna.' Oleh yang demikian, tugas majalah memberat kepada menyebarkan ilmu dan memberikan contoh yang baik.

Dua tahun setelah itu, pada 20 Disember 1928, terbit pula *Dunia Melayu*, sekali lagi judulnya menyatakan hasrat untuk membawakan sudut pandangan orang Melayu dan perkara yang berlaku dalam dunianya, yakni dunia Nusantara. Pengarangnya ialah Dibat Haji Muhammad Salleh. Majalah ini bertahan sehingga tahun 1930.

Apabila *Al-Ikhwan* menghadapi masalah pengeluaran dan kewangan, majalah itu dengan cepat digantikan dengan *Saudara*, pada tahun 1928, di bawah sidang pengarangnya Syed Alwi, Mohd Yunus A. Hamid, dan Sheikh Mohd. Tahir Jalaluddin, serta Rahim Kajai, yang kemudiannya mengetuai penerbitan majalah ini. *Semangat Islam* pula muncul pada tahun 1929 dan berakhir pada tahun 1931. *Cahaya Timor* diterbitkan di Pulau Pinang secara mingguan sejak 4 Januari 1930. Pengarangnya ialah Othman Kalam dan Haji Abdul Aziz. Keluaran terakhirnya menandakan bahawa mingguan ini berusia dua belas tahun setelah permulaannya, iaitu pada 27 Februari 1942.

Cerita, (tiada bertarikh), dicetak di Jelutong Press, yakni penerbit yang dipimpin oleh Mohd. Ariffin Ishak dengan Aminah Jalal selaku Penolong Pengurus. Seterusnya pada 19 Oktober 1931, bulanan *Dewasa* pula diterbitkan dan dicetak di Persama Press. Pengarangnya ialah Mohd. Yunus Abdul Hamid dan penolongnya Haji Abdul Ghani Haji Hassan. Dua tahun setelah itu, pada tahun 1933, *Pemimpin Melayu* di bawah pimpinan Omar Khan, menemui pembacanya. Perlu disebutkan di sini bahawa pada tahun 1948 telah dicetak *Dunia Baru*, tetapi berakhir terbitannya pada tahun 1950. *Majalah Murid* pula di bawah pimpinan A. Jalani, diedarkan pertama kalinya pada Disember, 1952 tetapi berakhir pada tahun 1954.

Setelah tahun 1950-an, terutama 1957, banyak pejabat surat khabar dan majalah berpindah ke Kuala Lumpur. Kemudian, penerbit majalah dan surat khabar baru juga memilih Kuala Lumpur, kerana kedudukannya yang strategik dan pasarannya yang lebih luas. Setelah tiga puluh tahun berlalu barulah *Bintang Timor* kedua terbit pada tahun 1981. *Warta Negara*, sebuah surat khabar nasional juga berpusat di sini.

Tahun-tahun 1920-an dan 1930-an ialah suatu zaman kebangkitan sastera dan pemikiran Melayu di Pulau Pinang dan Nusantara. Suara dan apinya disediakan oleh akhbar dan majalah yang diterbitkan di Singapura dan Pulau Pinang, malah Pulau Pinang berada di depan dalam kebangkitan ini. Di sini kehairahan dan keterlibatan mengiringi pemikiran dan semangat masyarakat yang baru.

Surat khabar dan majalah menjadi media penting pada tahun-tahun ini kerana inilah satu-satunya saluran yang wujud sebelum radio dan televisyen. Saluran lainnya ialah sekolah, madrasah dan pondok, serta masjid. Syed Sheikh yang mengenali kepentingan dan kemungkinannya telah cuba mempergunakan sebaik-baiknya saluran ini. Beliau cukup berjaya. Surat khabar dapat membentuk jiwa pembacanya kerana di dalamnya bukan saja tersiar berita tetapi juga banyak cerita, syarahan agama dan sosial, dan rencana yang menjurus kepada tafsiran baru terhadap masyarakat Muslim. Syed Sheikh dan kawan-kawannya inginkan supaya manusia Melayu Muslim di Nusantara tidak tercicir dalam dunia yang cepat berkembang.

Di suatu pihak, beliau mengutip dan menghebahkan berita kemajuan di Eropah dan negara-negara Islam, termasuk di Afghanistan dan Mesir, dan di suatu pihak yang lain, beliau meneruskan projeknya menentang kelompok konservatif, yang terkenal dengan gelaran Kaum Tua. Tafsir al-Qurannya dijadikan rubrik wajib bulanan. Di dalamnya dibentangkan julat pandangan yang lebih luas dalam suatu penghayatan agama yang moden pula.

7.2.2 Penerbit

Terbitan akhbar dan majalah di Pulau Pinang juga menumbuhkan sejumlah penerbit, bukan saja untuk kedua-dua media ini tetapi juga buku dan kitab. Walaupun tujuan mereka mungkin dikaitkan dengan perkiraan keuntungan, tetapi kita juga harus mentaksir sumbangan mereka terhadap berbagai-bagai sudut kehidupan orang Melayu di Malaysia dan Nusantara. Pada umumnya buku-buku yang diterbitkan itu boleh digolongkan sebagai:-

- (1) buku sekolah agama,
- (2) buku sekolah kebangsaan,
- (3) buku umum agama,
- (4) cereka, syair dan bentuk lain sastera, dan
- (5) buku umum pengetahuan.

Kita dapat mengesan beberapa penerbit Melayu sejak awal penubuhan Pulau Pinang. Penulis catatkan senarainya seperti berikut:-

- (1) Maktabah Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi,
55, Acheen Street, Pulau Pinang.
- (2) Pustaka Islam,
279 I, Tanjung Tokong, Pulau Pinang.

- (3) Muhammad Haji Hashim
Da'iratul – Ma'arifil – Wataniyyah,
Kepala Batas, Pulau Pinang.
- (4) S. A. Bajunid,
41, Jalan Kelawai, Pulau Pinang.
- (5) Suasana Baru,
293 V, Jalan Perak, Pulau Pinang.
- (6) Sinaran Bros Sdn. Bhd.,
389, Chulia Street, Pulau Pinang.
- (7) The United Press,
No. 3 dan 29-E, Jalan Dato' Keramat,
Pulau Pinang.
- (8) Maktabah Matabaat Darul Muammait,
173-C, Jalan Sungai Pinang,
Pulau Pinang.

Penerbitan buku-buku Noordin Arrawi dan Sinaran Bros pula dapat dilihat di dalam Jadual 13.1 dan 13.2 di dalam Lampiran 13.1 dan 13.2. Jumlahnya cukup besar dan jangka waktunya cukup panjang, terutama Noordin Arrawi yang sudah mula menerbitkan buku agama pada tahun 1899. Perlu disebutkan bahawa buku yang diterbitkannya bukan saja buku sekolah agama atau pondok, tetapi beliau telah meneroka ke dalam bidang yang agak luas dan terbuka, termasuk bidang sosialisme Islam, bidang sains politik, kamus, akhbar dan radio, yang pasti amat terbatas

pasaran dan pembelinya, dan buku belajar bahasa Inggeris yang kita tidak menyangka menarik minatnya.

Banyak yang harus dipersiapkan untuk Pilihan Raya pertama, bahasa Melayu dan ilmu dalam bahasa itu. Buku menjadi bahan penting. Dalam hal ini antara pelopor terpentingnya ialah Sinaran Bros, yang bukan saja menerbitkan buku baru tetapi juga memberi ruang kepada pengarang Melayu, malah membantu membina semangat mereka. Penerbitan ini diketuai oleh Jaldin dan Mansor Sanusi, yang juga menulis buku-buku yang diperlukan. Mansor sering menulis buku panduan bahasa Melayu, termasuk *Bahasa Melayu*, *The Way to Malay*, dan *Gong Garam*. Jaldin pula menulis *Kiasan: Makanan Arif Kiasan Ibarat = Malay Adage – Old Sayings*.

7.2.3 Sastera

Sastera berkait rapat dengan persuratkhabaran, saling menunjang dan memperkayakan. Ramai orang yang bekerja dengan penerbitan surat khabar dan majalah juga terlibat secara serius dalam penulisan sastera. Antara mereka yang dimaksudkan ialah al-Syed Syeikh Ahmad al-Hadi, Ahmad Rashid Talu dan A. Rahim Kajai.

7.2.3.1 Al-Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi

Seratus empat belas tahun setelah Ahmad Rijaluddin, muncul pula al-Syed Sheikh Ahmad al-Hadi dengan *Faridah Hanom* dan dua buah majalahnya, *Al-Imam* dan *Al-Ikhwan*.

Syed Sheikh juga mempertegaskan tugas penulis sebagai pengkritik sosial dan manusia yang terlibat dalam masalah masyarakatnya serta

bersedia pula menyumbang fikiran dan penyelesaian untuk masalah masyarakat itu.

Al-Syed Sheikh Ahmad al-Hadi berpindah dari Melaka, di mana beliau telah mendirikan sebuah madrasah baru yang membawa pandangan moden agama dalam keadaan ajarannya yang tidak begitu diterima. Yang dibawanya ialah pandangan baru Islam, sebagai kesinambungan pohon pemikiran Muhammad Abduh, gurunya di Mesir. Yang tidak dapat diajarkannya di Melaka diteruskannya di Pulau Pinang.

Syed Sheikh masuk ke Pulau Pinang selepas beliau menghadapi masalah di Melaka. Di sini beliau menubuhkan madrasah Al-Mashoor pada tahun 1919, sebuah institusi moden yang mengajarkan agama Islam dan berada di tengah-tengah perkembangan dunia. Kerja ini digandingkan dengan penerbitan sebuah majalah. Demikianlah pada tahun 1926 dimulakan majalah *Al-Ikhwān* sebagai saluran tambahan untuk sampai kepada hati dan jiwa pembaca di seluruh Nusantara, terutama di Malaya.

Beliau memiliki bakat cereka, dan mendapati bahawa sastera juga dapat dijadikan alat untuk pemikiran barunya. Oleh yang demikian, dimulakannyalah *Hikayat Faridah Hanom*, sebuah karya yang berlatakarbelakangkan Kaherah dan Mesir, tetapi boleh dibaca dalam keadaan di Malaysia. Wanita diberi kebebasan untuk memilih suami, cara hidup dan corak pendidikannya. Dalam masyarakat Melayu 1920-an, pandangan ini amat terbuka dan menggoncang akar kebiasaan orang Melayu. Syed Sheikh juga mencadangkan supaya anak-anak perempuan Muslim diberikan pendidikan kerana hanya ibu yang terpelajar dapat membimbing anaknya menjadi manusia yang terbuka dan berjaya.

Faridah Hanom ialah pembawa gagasan Syed Sheikh, yakni bentuk masyarakat masa depan Melayu Muslim yang diinginkannya. Inilah novel Melayu pertama yang paling laris dijual (*bestseller*) pada kurun ke-20.

Keuntungan yang diperoleh daripada penjualan buku ini cukup lumayan sehingga beliau dapat memulakan sebuah penerbitan, Jelutong Press dan meneruskan perjuangannya melalui majalah pula. Tujuan majalah beliau adalah untuk 'menggemarkan kepada menuntut ilmu,' selain tujuan membawa berita dan hiburan bercorak cerita yang juga 'membawa kiasan bagi kehidupan yang sempurna.' Sudah pasti Syed Sheikh tidak bergerak bersendirian. Beliau disokong oleh Sheikh Tahir Jalaluddin yang menyebarkan pendapatnya melalui syarahan agama di Pulau Pinang, Seberang Perai dan negeri-negeri lain.

Beliau terus menyadur karya-karya penulis sastera Islam dalam bentuk novel kerana cara ini dianggap sebagai jalan yang baik untuk mendekati pembaca yang agak biasa dengan karya cereka yang meresapkan pelajarannya. Antara karyanya ialah *Hikayat Taman Cinta Berahi*, *Hikayat Anak Dara Ghassan*, *Hikayat Cermin Kehidupan*, dan *Hikayat Puteri Nurul Ain*. Sementara itu beliau menyadur beberapa cerita mata-mata gelap yang diterjemahkan dari bahasa Perancis ke bahasa Arab. Siri ini menjadi popular. Walau bagaimanapun, sebagai pemikir Islamlah beliau lebih terkenal. Antara karya pentingnya ialah *Al-Tarikh Al-Islami*, *Alam Perempuan*, kitab *Agama Islam dan Akal*, dan *Hadiah Kebangsaan*.

Talib Samad (1992:34) menyebutkan bahawa Syed Sheikh ialah:-

“ ... tokoh intelektual awal bangsa Melayu yang mencetus era pembangunan intelektual. Pengaruhnya begitu berkesan terhadap pemikiran bangsa Melayu sehingga ke hari ini masih dirasakan.”

Pada hari ini kita menerima beliau sebagai pendorong kepada kebangkitan gerakan intelektual.

7.2.3.2 Ahmad Rashid Talu

Salah seorang penyambung gagasan dan visi bangsa Melayu Syed Sheikh ialah Ahmad Rashid Talu, kelahiran Lorong Lane, tahun 1889 dan meninggal pada tahun 1939. Beliau pernah membantu Syed Sheikh dan pemikiran sosial Syed Sheikh jelas disambung dalam karya Ahmad, terutamanya, *lakah Salmah?* dalam memperjuangkan sebuah masyarakat Melayu yang maju tetapi bermaruah. Melalui watak Salmah dalam *lakah Salmah?*, kita lihat perbincangan yang tidak tipis atau ringan tentang masalah wanita Melayu dan cara memberikan tempat dan status yang sesuai kepadanya pada zaman moden. Seperti Faridah Hanom, Salmah ialah wanita moden yang berpelajaran Junior Cambridge pada tahun 1930-an, suatu pencapaian yang cukup tinggi, berpandangan hidup multibudaya, memakai baju Shanghai dan skirt sebagai tanda kebebasannya, dan berani memilih kekasihnya. Sekiranya Syed Sheikh masih memberikan latar belakang di Mesir, Ahmad Rashid sudah membawanya ke pintu pembacaan kita, ke dapur rumah kita, ke kampung masalah kita.

Mungkin menimbulkan sedikit keraguan kepada kita apabila Salmah yang berusia 15 tahun begitu fasih dan tajam dalam mengemukakan cadangannya untuk mengubati keadaan jiwa, budaya dan ekonomi orang Melayu. Orang dulu lebih pandai daripada kita pada abad 21! Beliau telah mencadangkan pembaikan dalam enam bidang berikut, yang menjadi penghalang kemajuan Melayu:-

- (1) Pendidikan.

- (2) Kemajuan orang Melayu.
- (3) Perkahwinan berdasarkan pilihan sendiri.
- (4) Penyakit sosial.
- (5) Agama.
- (6) Pakaian.

Wanita dijadikan pusat persoalan baru, dibawa oleh Ahmad ke tengah pentas dunia. Mereka diberikan peranan terpenting dalam beberapa novelnya. Dalam jaring cerita wanita ini dijalinan kemunduran Melayu, secara relatifnya agak mendalam.

Masalah seterusnya ialah arus hidonisme yang melanda kampung Melayu yang dipentaskan di kelab hiburan, dibintangi wanita pelayan dan pelacur serta wang yang berlimpahan, malah diberikan ruang mabuknya dalam *Perangkap Hitam*. Namun akhirnya, sebagai watak novel yang didaktik, watak utamanya kembali kepada kesedaran diri, keluarganya dan sumpah awalnya untuk membantu membina masyarakat Pulau Pinang.

Pengarang pada zaman ini ialah pemikir di tengah-tengah rakyat yang terlibat dan sedar akan fungsi mereka. Mereka menulis untuk memimpin dan menunjuk jalan kepada yang kurang berdaya berbuat demikian. Tetapi kita harus tidak melupakan hakikat bahawa Pulau Pinang membinanya sebagai pengarang Melayu pertama yang menulis tentang masalah Melayu pada zaman moden, dan dalam bentuk novel, yang lebih asli dan lebih tajam daripada Syed Sheikh.

Oleh yang demikian, Ahmad bin Abdul Rashid Talu membawa penegasan terhadap pandangan hidup Muslim moden yang diasaskan Syed Sheikh, Sheikh Tahir Jalaluddin, Mohd. Abbas dan lain-lainnya. Beliau diasuh oleh konteks zaman dan pemikiran demikian, kerana beliau juga pernah bekerja bersama-sama mereka. Sebelum ini penulis cuba mentakrifkan usaha sastera Ahmad (Sohaimi (ed.), 2003: 18) sebagai:-

Bukan saja hubungan perasaan, nafsu jasmaniah, tetapi juga bentuk hubungan yang unggul dan berdasarkan nilai masyarakat dibincangkan berulang kali. Maka timbullah tema kasih sayang dan mencari wanita dan lelaki yang sesuai untuk dijadikan teman hidup. Pencarian begini, kita maklum benar, bukan saja berlaku kepada Ahmad Rashid Talu, tetapi juga kepada pengarang sezaman dengannya, Marah Rusli, Syed Sheikh al-Hadi dan juga Ahmad Kotot. Ini tema bersifat sejagat yang dialami ramai manusia, serta disukai ramai pembaca.

Ahmad memang terkenal kerana cerekanya. Selain karya yang disebutkan di atas, pembaca dihidangkan *Rahmah binti Abdullah*, *Dua Belas Kali Sengsara*, *Siapa Jahat?*, *Datuk Cencano Perompak yang Termasyhur*, *Silap* atau *Ciu yang Taat*.

Perang Dunia Kedua mengendurkan minat penulis untuk membincangkan masalah-masalah sosial ini. Hidup kembali ke dasar dan lumpur, untuk tujuan terus hidup dan mendapatkan rezeki. Ramai yang mengungsi ke kampung untuk mengelak bahang perang dan karenah pemerintahan tentera Jepun.

Kemerdekaan di Asia dan Asia Tenggara setelah Perang Pasifik, terutama di India, Indonesia dan Filipina menggerakkan lagi hasrat ingin bebas orang Melayu dan

untuk mendapatkan kemerdekaan. Dato' Onn dan setelah itu Tengku Abdul Rahman, selalu memberi ceramah di kampung-kampung di Pulau Pinang dan Seberang Perai. Itulah pengenalan Pulau Pinang kepada politik awal, terutamanya politik Melayu.

7.2.3.3 Pengarang pascamerdeka

Dunia kepengarangan pascamerdeka menyaksikan kemunculan beberapa orang penulis di negeri ini. Antara yang terkenal ialah Darus Ahmad, yang kita maklum amat produktif. Hasilnya berjulat panjang, daripada buku belajar bahasa Melayu hinggalah kepada kumpulan pantun dan novel serta drama, termasuk *Hang Jebat* dan *Raja Haji: Pahlawan Terbilang*. Zakaria Salleh pula muncul sebagai pengarang novel. Yang paling popular ialah *Ahad*, walaupun beliau menulis beberapa buah novel lainnya.

Beberapa tahun setelah itu, seorang anak Tanjung sebenar, yang dilahirkan dan dibesarkan di Hatim Road, mula menulis. Ayahnya ialah pendiri sebuah kumpulan boria awal. Noordin Hassan mula mementaskan dramanya yang cuba mengumpulkan teknik dan tradisi pementasan tradisional untuk zaman baru dan media yang berbagai-bagai. Antara karya pentingnya ialah *Bukan Lalang ditiup Angin*, *1400*, *Anak Tanjung*, *Sirih Bertepuk Pinang Menari*, dan *Cindai*. Kerana eksperimen dan sumbangannya terhadap drama Malaysia, Noordin mendapat Anugerah Sasterawan Negara pada tahun 1993, setelah berpuluh-puluh tahun meneroka bidang yang agak sepi ini.

Antara karya mutakhir beliau yang mendapat sanjungan ialah *Cindai*. Karya ini mengajak khalayak berfikir dan merasa bersama-sama, sementara cukup menghibur pula. Berteraskan kain cindai yang halus sebagai simbol cerita, metaforanya ditenun

dengan teliti untuk kain ceritanya yang melukiskan kehalusan dan sifat sebaliknya peribadi bangsa Melayu.

Pengarang berikutnya, Shahnnon Ahmad, dibesarkan bersama-sama kontroversi dan sering berubah. Walaupun kita semua menyedari bahawa beliau lahir di Kedah, namun banyak karya beliau ditulis di Pulau Pinang, di mana beliau bermastautin tidak kurang daripada 30 tahun. Sik, Kedah, memberikan bahan awal untuk *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Tunggul-Tunggul Gerigis* dan *Srengenge* tetapi *Tok Guru* dan *TV* bergema dengan kenyataan tentang Pulau Pinang. Pulau Pinang menyumbang suasana, kebebasan, ruang, dan faktor-faktor ini bercantum dengan bakatnya untuk melahirkan novel-novelnya. Shahnnon bergerak dengan masalah semasa, daripada masalah politik, nasionalisme, pengaruh media massa, hingga kepada aliran baru agama, dan amat akrab dengannya.

Antara kejayaan beliau ialah menangkap manusia Melayu di pinggir hutan atau belukar kewujudan, melukis masalah dan daya hidup purba mereka. Bahasanya yang dijalin daripada dialek Pulau Pinang dan Kedah menghidangkan kelainan.

Dewasa ini Shahnnon memilih untuk menjadi pengkritik sosial dan politik, dan menulis dengan tujuan ini, bukan sangat dari sudut pembangkang, tetapi dari sudut seorang manusia yang melihat masyarakatnya sedang membusuk dan merosak. Ini bukanlah suatu pendirian baru, kerana beliau sering berdiri di luar atau masuk ke dalam untuk melihat keadaan dan memberikan pendapatnya. Antara karya terakhir Shahnnon termasuklah *Anjing*, *Muntah* dan *Pararuhi*.

Zakry Abadi (Zakaria bin Ahmad) lahir di Kepala Batas dan menulis dua buah novel, *Peristiwa* dan *Gempar dalam Gempa*. Beliau mungkin lebih terkenal sebagai penulis buku yang bersifat sensasi dan semasa sifatnya.

Kassim Ahmad, yang cukup penting sebagai pemula puisi dan kritikan yang lebih rasional sifatnya, juga sudah lama tinggal dan menulis di sini. Beliau terkenal kerana puisi, kritikan dan buku-buku kemasyarakatannya.

Begitu juga halnya dengan pengagum Shanon, Azizi Haji Abdullah, yang berasal dari Kedah, tetapi menulis dengan suburnya di Pulau Pinang, dan Fatimah Busu yang berasal dari Kelantan yang juga dibina oleh pulau ini. Zurinah Hassan, seorang penyair yang baik, terbuka, jujur dan kontemporari mendapat inspirasi awalnya di USM.

Zakaria Ali, novelis penting dewasa ini juga menulis dari Pulau Pinang, dan dapat dianggap penulis Pulau Pinang. Dua buah karyanya, *Ampang* dan *Villa Maya* ternyata ditulis di negeri ini, di Bagan Tuan Kecil. Dari asal Terengganunya pula, Ismail Abdullah mendapati Pulau Pinang sesuai dengan karya pascamodenismenya. Beliau tinggal di pulau ini tidak kurang daripada 20 tahun. Sekali lagi dari Kelantan Salleh Yaakob yang sudah lama bermastautin di Bukit Mertajam, juga dapat dianggap penyair Pulau Pinang. Dua orang penyair muda, Baharuddin MZ dan Rahimidin juga digerakkan oleh suasana dan masalah Pulau Pinang.

Sekiranya kita mundur ke belakang sedikit kita akan menemui Keris Mas, yang bekerja dengan *Warta Negara*, Abdullah Hussain dan A. Latiff Mohidin yang menjadi seniman tamu USM. Pulau Pinang sedikit sebanyak telah menyumbang kepada penciptaan mereka.

Seterusnya penulis (Muhammad Haji Salleh) sendiri juga membesar di Seberang Perai dan menulis berbagai-bagai karya. Dewasa ini beliau kembali ke negeri asalnya dan banyak menulis esei dan puisi.

Sudah pasti Pulau Pinang ialah negeri sastera, dari zaman awal lagi. Walaupun kelihatan generasi muda menyisihkannya, tetapi sejak 1811 inilah kota megah sastera yang menumbuhkan penulis penting. Ada sesuatu milik Pulau Pinang yang menjadikan kota dan negeri ini ruang menarik buat penulis. Seterusnya, mungkin rasa terbuang, atau keinginan menyatakan rasa merajuk kepada negeri asal mereka, seperti yang berlaku kepada Pangeran Muhammad Jaafar dari Brunei, rasa perlu menyatakan diri di tengah masyarakat multibudaya, dan rasa ingin menegaskan sejarah pendudukan lama, telah melancarkan aliran dakwat mereka di pulau dan tanah seberang.

7.2.4 Sistem pelajaran tradisional

Pulau Pinang memiliki sebuah sejarah yang panjang dan dinamik dalam perkembangan ilmu tradisional dan agamanya. Walaupun berada agak ke luar daripada arus perdagangan Melayu dan hidup baru di bawah naungan Inggeris tetapi dari segi gerakan penegasan agama dan tradisi pendidikan Melayu, pondok-pondok di Pokok Sena, Penanti, Bukit Mertajam, Sungai Rambai, Sungai Bakap dan Sungai Aceh, terus berkembang dengan rentak dalamannya sendiri. Berikut ialah senarai terpilih pondok-pondok tersebut yang diringkaskan daripada Wan Zahidi (1988):-

(1) **Madrasah Al-Ahmadiyah al-Ijtimiah, Padang Lalang.**

Madrasah ini ditubuhkan di sekitar tahun 1906 oleh Tuan Guru Haji Muhammad. Pada tahun 1920 hingga 1940 terdapat antara 100 hingga 200 pondok dan lebih 200 pelajar. Pada tahun 1988 yang tinggal hanya 16 orang pelajar dan dua orang guru.

(2) **Sementara itu Al-Madrasah al-Masriyah, Bukit Mertajam, diasaskan oleh Haji**

Muhammad Soleh bin Baqi al-Masry (1971). Beliau ialah antara pelajar Malaysia terawal di Al-Azhar dan mendapat ijazah Al-Aliyah.

- (3) Pada tahun 1939 hingga 1941 terdapat 800 pondok dan pelajarnya datang dari Malaysia, Thailand, Kampuchea, Indonesia, dan Singapura. Pada tahun 1953 sistemnya diubah kepada sistem sekolah, sewaktu Ahmad Fuad menjadi muridnya.
- (4) Madrasah Manabiul 'Ulum, Penanti. Diasaskan pada tahun 1932 oleh Sheikh Othman Jalaluddin (1952). Bertukar sistem sekolah sewaktu Haji Soleh Sheikh Othman. 10 orang guru mengajar pada tahun 1988 dan mendapat pengiktirafan Al-Azhar, Universiti Islam Madinah dan Universiti Islam Um Dyrman, Sudan.
- (5) Al-Madrasah al-Khairiah al-Islamiah, Pokok Sena, diasaskan pada tahun 1933 oleh Haji Husin bin Mohd Nasir. Bermula sebagai pondok kemudian berubah menjadi sekolah.
- (6) Madrasah Irshad al-Asyraf al-Wataniah, Sungai Bakap. Diasaskan pada tahun 1953 oleh Tuan Guru Haji Yusof Haji Saad. Madrasah ini menggunakan cara pondok sehingga tahun 1957.
- (7) Madrasah Al-Mashoor. Didirikan oleh al-Syed Sheikh Ahmad al-Hadi pada tahun 1918, di Tanjung, Pulau Pinang sebagai langkah konkrit mempraktikkan reformasi pemikiran Islam. Pelajarnya datang dari seluruh Nusantara.

Pondok-pondok di Penanti dan Bukit Mertajam diubah atau digandingkan dengan sistem pendidikan baru. Yang amat menarik ialah sistem ini muncul dari akar

masyarakat Melayu tradisional, berpuncakan cara hidup mereka dan dengan demikian amat mendukung nilai-nilai bersamanya. Kehidupan kolektif, bekerja secara bergotong royong, dan selalu menyumbang tenaga untuk tok guru yang tidak mengumpul yuran, menjadi antara nilai dan sumbangan penting pelajar. Mengikut Wan Zahidi Wan Teh, dalam kertasnya "Pengemaskinian Sistem Pengajian Pondok di Pulau Pinang" (1988):-

... dari segi melahirkan seorang alim yang mampu memahami agama menerusi kitab-kitab Luh, sama ada dalam bahasa Melayu atau Arab, mata pelajaran yang diajarkan dalam sistem pondok boleh dikatakan lengkap. Ia meliputi bidang ilmu syarak dan juga ilmu alat. Bahagian ilmu syarak meliputi bidang-bidang seperti fiqh, usul al-fiqh, tafsir, hadis, mustalah hadis, tauhid, tajwid sirah dan tasauf, manakala dalam bahagian alat pula meliputi bidang-bidang nahu, saraf, balaghah, ilmu `aruf dan qaurafi, dan juga ilmu falak.

Di beberapa buah pondok, mata pelajaran sastera Arab ditambah untuk memberi wajah lain kepada bahasa Arab dan memperkenalkan pelajar kepada bahasa yang lebih canggih dan indah. Madrasah menjadi pusat, tempat pelajar dan sering juga mengumpulkan penduduk setempat dan luar yang berminat pagi dan petang untuk mendengar syarahan atau ajaran guru terpilih. Mereka membawa kitab sendiri. Di sinilah guru akan membaca kitabnya, memberi tafsiran dan penerangan dalam bahasa Melayu, daripada bahasa Arab asli atau terjemahan Melayunya.

Walaupun di permukaannya ilmu yang diajarkan agak dasar tetapi pengajian ini meningkat melalui waktu, dan pelajar yang lebih berjaya mendapat tempat di Al-Azhar di Mesir, atau institusi pengajian tinggi lainnya di Saudi, Yemen, Jordan, Patani, dan Indonesia, yang juga menggunakan sistem madrasah.

Dari sudut perkembangan intelektual masyarakat Melayu, guru-guru di madrasah ini ialah cendekiawan tradisional Melayu yang sering diletak di puncak dan diberi penghormatan. Walaupun ramai yang hanya mengajar dan berjaya sebagai tuan guru, namun terdapat juga beberapa orang yang menulis kitab sendiri, seperti Tuan Guru Haji Ahmad Tuan Hussein.

Ada semacam kebebasan dalaman dalam sistem ini dan kebanggaan bahawa mereka tidak bergantung kepada sistem pendidikan kolonial yang mengikat dan mungkin tidak tertarik terhadap bahan yang diajarkan. Dengan penerusan sistem madrasah ini, mereka meneruskan sistem yang berlatardepankan cara dan nilai Melayu Islam, dan mengasingkan diri daripada pengaruh kolonial seberapa yang boleh.

Pondok-pondok di Pulau Pinang terkenal di seluruh Nusantara kerana guru-guru terkenal sering memilih negeri ini sebagai pusat pengajaran mereka. Mereka mungkin datang dari Kelantan, Terengganu dan Negeri Sembilan. Di sini orang Melayu lebih merdeka dan lebih dekat kepada teras peribadinya. Jadi mereka menjadi semacam simbol untuk kebebasan dan kemandirian, yang hampir sudah terhapus kini, dan sistem yang menjadikan kita pengharap dana dan ehsan kerajaan.

7.2.5 Perkembangan ilmu melalui USM

USM yang ditubuhkan pada tahun 1969, sepuluh tahun setelah Universiti Malaya, memulakan banyak bidang pengajian. Di samping bidang-bidang tradisional Sastera, seperti Kemanusiaan, Sains Kemasyarakatan, Seni, Perumahan, Bangunan dan Perancangan, bidang-bidang sains yang dasar dan canggih juga cepat berkembang. Dewasa ini banyak sekali kajian dan penyelidikan yang membawakan nama baru dan antarabangsa kepada penyelidikannya di bidang perubatan, kejuruteraan, sains

lautan, racun, fizik, kimia dan puluhan yang lain. Penulis tidak akan menggalurkan kerja-kerja penting setiap pusat di USM ini tetapi hanya akan menyentuh bidang Kemanusiaan yang juga sebenarnya cukup besar cakupannya.

Mengikut Norizan Md. Nor, Pulau Pinang dan USM dilihat sebagai wilayah ilmu (menggunakan istilah geografi), dan inilah juga pusat pembangunan bagi daerah utara. Seterusnya *IMTGT* berpusat di Pulau Pinang kerana di sinilah kita dapati lapangan terbang antarabangsa, universiti bertaraf antarabangsa, bahasa-bahasa antarabangsa, dan industri elektroniknya yang dianggap global. USM ialah sebuah institusi yang menghasilkan pekerja dan produk. Antara produk ini ialah beberapa alatan perubatan, kejuruteraan, gagasan/ idea, dan buku.

7.2.5.1 Geografi

Bidang geografi diperkuatkan dari awal lagi oleh Hamzah Sendut, yang terkenal sebagai seorang ahli urbanisasi di Malaysia, walaupun tidak mengkhusus kepada Pulau Pinang. Kamal Salih yang menggabungkan geografi dan sains sosial banyak menyelidik dan menulis dalam bidang perancangan wilayah dalam konteks pusat pertumbuhan.

Dewasa ini lebih ramai ahli akademik menumpukan kajian kepada Pulau Pinang. Misalnya Wan Ruslan memantau persekitaran, manakala Norizan, Hassan, Mohar dan Suriati mengkaji *SMI*. Morshidi Sirat dan kumpulannya memusatkan perhatian kepada perkhidmatan, kargo udara dan sebagainya. Ruslan Rainis cukup langka dengan projek pemetaan digital Pulau Pinang. Beberapa persoalan berkaitan jenayah, tanah wakaf, hospital, dan pencemaran pantai juga mendapat perhatian ahli geografi Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.

7.2.5.2 Sejarah

Bidang sejarah juga menumbuhkan sarjana tempatan yang cukup prihatin terhadap masalah tempatan atau negara. Ariffin Omar sering membentangkan dan menganalisis masalah tanah wakaf dan dengan lebih luas lagi nasionalisme Melayu dan Nusantara. Abu Talib Ahmad pula menyelidik sejarah pendudukan Jepun di Malaysia dan Burma manakala Mahani Musa ghairah dengan penyelidikan sudut sejarah Melayu Pulau Pinang. A. Rahman Ismail ialah ahli sejarah China yang selalu mengkaji persoalan di Tanah Besar dan dunia Melayu, termasuk mentranskripsikan *Sejarah Melayu*.

7.2.5.3 Sastera

Bahagian Sastera USM diiktiraf sebagai yang terkuat. Walaupun kajian sastera Nusantara menjadi terasnya tetapi pengajaran dan minatnya lebih meluas dan komparatif sifatnya. Antara yang terpenting ialah Shahnnon Ahmad, sebagaimana yang telah diperkenalkan, yang bukan saja seorang penulis novel dan cerpen yang kontroversial, malah seorang pengkritik yang cukup subur dan rajin. Antara hasil kajian awalnya ialah sebuah buku yang memperlihatkan perkembangan penyair semasa yang penting. Karya ini cukup asli, baru dan mendalam. Seterusnya beliau juga terlibat dalam sebuah polemik yang membincangkan bentuk sastera Islam dengan Kassim Ahmad. Selain itu beliau memasuki jiwa pengarang, dirinya tidak terkecuali, dalam proses penciptaan dan tugasnya sebagai pengarang yang berada di tengah-tengah zaman.

Yahaya Ismail, yang menjadi ahli yang produktif Bahagian Sastera pula, sama ghairah dan subur. Beliau banyak menggunakan peluang di Pulau Pinang untuk mengkaji beberapa pengarang Pulau Pinang, antaranya Ahmad Rashid Talu. Kajian

beliau ini menjadi tapak awal untuk kajian seterusnya. Yahaya juga selalu terlibat dalam berbagai-bagai persoalan sejarah sastera Melayu dan banyak menulis dalam bidang ini. Kajian beliau tentang Lekra juga merupakan antara dokumentasi yang lengkap.

Ali Haji Ahmad memulakan tulisannya dengan persoalan puisi Melayu mutakhir di Malaysia. Dalam bidang ini juga beliau terlibat membantu pelajar memahami puisi yang biasanya dielakkan pelajar dan menulis buku tentang penikmatannya. Karya-karya mutakhirnya lebih bertumpu kepada sastera Islam Melayu. Beliau telah mengkaji peranan cerita-cerita Nabi Yusuf dan dengan Siti Hajar Che Man telah mengumpulkan karya-karya Melayu bercorak Islam.

Salleh Yaapar, yang mempunyai latar belakang sastera Nusantara dan Filipina, menyumbang sudut pandang komparatif yang jarang kita temui di Malaysia. Kajian komparatif *Perang Sabil* Filipina dan Malaysia cukup menarik dan memperlihatkan konteks budaya sastera antara kedua-dua buah negara ini secara lebih dekat. Setelah itu beliau juga menyeberang ke Jepun dan sastera Eropah dalam perkembangan kajiannya, tetapi yang terakhirnya menumpu kepada Amir Hamzah dan *Ziarah ke Timur*.

Mohd. Khalid Taib ialah sarjana sastera lisan yang terkenal, pada awalnya menumpukan perhatiannya kepada sastera sejarah, tetapi setelah itu lebih melebar dalam bidang metodologi kajian sastera lisan, kalendar Islam, dan rancangan universiti terbuka serta luar kampus.

Noriah Taslim pula mendapat ijazahnya dalam bidang budaya rakyat (*folklore*) dan meneruskan kajian ini dalam epik Melayu dan cerita-cerita lisan. Kajian beliau

biasanya padat dan tajam. Kajiannya yang mutakhir berfokus kepada pantun dan jenaka Melayu.

Hampir sama bidang dengan Noriah Taslim ialah Haron Daun. Haron memilih mantera, persembahan, jenaka Melayu, dan dunia ghaib sebagai bidang kajiannya. Oleh yang demikian, kajian beliau cukup langka dan menyerlahkan sudut-sudut sastera yang jarang dimasuki pengkaji lainnya.

Sohaimi Abdul Aziz juga seorang yang amat produktif. Bermula dengan kajian teori timur dan barat, beliau turun kepada karya-karya Shahnnon dan A. Samad Said dan juga persoalan-persoalan semasa penulisan. Persoalan ini dibentangkan dalam surat khabar dan majalah. Antara sumbangannya yang terbesar ialah mengaturkan siri Seminar Kefahaman Budaya yang mengumpul pembicara tentang penulis-penulis Pulau Pinang, termasuk al-Syed Sheikh Ahmad al-Hadi, Ahmad Rashid Talu, Muhammad Haji Salleh dan Noordin Hassan.

Siti Hajar Che Man memasuki bidang teori feminisme dan menulis sebuah tesis yang baik yang mengungkap cara wanita diperkasakan dalam sastera Melayu. Beliau meneruskan kajian ini terhadap beberapa karya yang lebih moden di Malaysia, Indonesia dan Afrika.

Akhir sekali dengan senyap tetapi tekun dan teliti Jelani Harun mengkaji teks-teks Melayu, seperti *Bustan al-Salatin* dan berbagai-bagai manuskrip lainnya tentang adab dan pentadbiran tradisional Nusantara.

7.2.5.4 Bahasa

Bidang bahasa Melayu juga ialah sebuah bidang yang tua. Antara yang ternama dalam bidang ini ialah Abdullah Hassan dan Mashudi A. Kader. Abdullah terlibat dalam masalah status bahasa Melayu di Malaysia dan sering membuat perbandingan antara bahasa Melayu dengan bahasa-bahasa lain, seperti Cina, Jerman dan Perancis sebagai bahasa kebangsaan di negara-negara tersebut.

Abdullah Hassan amat produktif. Beliau bermula dengan tatabahasa tetapi juga mengkaji dialek dan dewasa ini melihat dinamika bahasa dan komunikasi. Sementara itu Mashudi Kader mendalami sintaksis, terutama ayat Melayu. Zaharah Abd. Ghaffur agak langka kemahirannya. Beliau mengkhusus dalam penggunaan komputer dalam kajian bahasa, terutamanya terjemahan.

Norah Mohamed ialah seorang sarjana yang diiktiraf usahanya dalam bidang sosiolinguistik. Kajian-kajiannya juga melebar dari asasnya, dialektologi, merangkumi bahasa-bahasa bumiputera di Sarawak dan di Semenanjung Malaysia, hinggalah kepada sejarah bahasa.

6.2.5.5 Islam

Mohd. Radzi Othman ialah pakar hadith yang ternama di Malaysia, manakala Syed Muhammad Dawilah al-Edrus pula menyelidik bidang keadilan dan tamadun Islam.

7.3 Rumusan

Demikianlah sebuah lakaran ringkas perkembangan intelektual dan ilmu di Pulau Pinang. Pulau Pinang, melalui kedudukan dan perkembangannya, berjaya menarik

orang dari Bugis, Jawa, Melaka, Riau, dan negeri tetangganya, Kedah, Perak, Kelantan dan Terengganu. Mereka mencari dunia dan bentuk kejayaan yang lain di sini. Negeri yang cepat membangun cepat juga membangunkan sejumlah paradoks dan ironi buat dirinya. Di sebalik kejayaan menambahkan bilangan penduduknya, kita saksikan juga sejumlah kegagalannya.

Negeri ini juga negeri ilmu, budaya dan pusat kepada perkembangan ilmu. Sastera awal Melayu bermula di sini, begitu juga tradisi penulisan diperteguhkan di sini. Ahmad Rijaluddin memulakan autobiografi terawal Malaysia pada tahun 1811, dan Muhammad Umar menulis manuskrip terindah. Sastera tempatan dibina. Bangsawan dan boria yang kosmopolitan jiwanya bermula dan berkembang dari negeri ini. Di sini pula dua tahap awal novel Melayu mendapat tapaknya melalui karya-karya al-Syed Sheikh Ahmad al-Hadi dan Ahmad bin Abdul Rashid Talu. Lama setelah itu jejak mereka diikuti oleh Zakaria Salleh, Darus Ahmad, Noordin Hassan, Shahnnon Ahmad, Fatimah Busu, dan Azizi Haji Abdullah.

Negeri ini juga negeri ilmu agama atau ilmu tradisional. Sekolah agama bersistem madrasah dan pondok tumbuh subur sesuai dengan sifatnya sebagai sebuah negeri yang dinamis ilmunya. Gurunya terkenal dan sering pula mengarang kitab, sementara pelajarnya berasal dari seluruh Nusantara. Antara yang terkenal ialah Al-Masriyah, Bukit Mertajam dan Al-Madarasah al-Khairiah al-Islamiah, Pokok Sena.

Inilah juga negeri pemikir, penerbit, dan surat khabar serta majalah. Sejak akhir kurun kesembilan belas, berpuluh-puluh majalah dan surat khabar muncul di sini, berjaya atau gagal, tetapi ternyata aktiviti persuratkhabaran pesat di sini. *Al-Ikhwan*, *Saudara*, *Dunia Melayu*, *Pemimpin Melayu*, dan *Warta Negara* menjadi pembawa pemikiran moden Nusantara. Akhir sekali penubuhan USM merasmikan Pulau Pinang sebagai pusat ilmu moden. Hampir semua bidang mendapat perhatian dan

penyelidikan, dan dewasa ini universiti ini menjadi universiti pendidikan dengan pelajar dari banyak benua. Penyelidikan yang berbagai-bagai, dalam bidang sastera dan sains, sedang mendapat nama yang harum.

Namun dewasa ini bidang sastera dan penerbitan Melayu amat menipis dan malah hampir menghilang. Pengarang muda yang berasal dari Pulau Pinang amat kecil jumlahnya, dan belum terlihat yang kuat dan menyerlah. Penerbit yang masih wujud, tetapi sebenarnya lebih mendekati pencetak yang masih tinggal, hanyalah Noordin Arrawi dan Sinaran Bros. Tetapi yang membawakan nama ialah USM dengan sejumlah sarjananya yang giat menyelidik dan menulis.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Aziz Ishak (1983) *Mencari Bako*. Kuala Lumpur: Penerbit Adabi.
- Abdul Aziz Ishak (1987) *Katak Keluar dari Bawah Tempurung*. Kuala Lumpur: Karya Bistari.
- Abdullah Hussain (1984) *Sebuah Perjalanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Mohamed (1972) "Ghazal dalam Kesusasteraan Arab dan Muzik Melayu." *Malaysia dari Segi Sejarah*, No.7 Disember 1972, hlm. 64-74.
- Abdullah Zakari (1996) "Kedah 1821-1842: Perjuangan Orang Melayu Menentang Siam." Di dalam Badriyah Haji Salleh dan Tan Liok Ee (peny.), 1996, *Alam Pensejarahan: dari Pelbagai Perspektif*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Karim Ismail (1972) *Dialek Baling (Sifat-Sifat Umum dan Kumpulan Teks)*. Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdullah Hassan (1966) *Perbandingan Tatabunyi Antara Dialek Kedah dengan Dialek Perak*. Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdul Wahab Othman (1974) *Kajian Ringkas Sejarah Sosial Pulau Pinang 1786 – 1867*. Historical Practicum HHR 301, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Abdur-Razzaq (2001) "Orang-Orang Indonesia di Pulau Pinang." *Kertas kerja yang dibentangkan di Pengkisahan Melayu Pulau Pinang*, anjuran Penang Heritage Trust dan The Star pada 25 Ogos 2001 di Hotel City Bayview, Pulau Pinang.
- Ahmad Hakimi Khairuddin (1994) "Tapak Prasejarah Guar Kepah – Satu Catatan." *Jurnal Arkeologi Malaysia* 7, 1994, hlm. 81-84.
- Ahmad Rijaluddin (1982) *Hikayat Perintah Negeri Benggala*. Skinner, C. (ed.). The Hague: Nijhoff.

- Ahmad Suhaimi bin Mohd. Noor (2003) *Sejarah Kesedaran Visual di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah, Pusat Seni, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Amin Sweeney (1968) "Silsilah Raja-Raja Brunei." *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*, Jil. 41, Bah. 2.
- Anuar Ahmad (1997) "Pulau Pinang: Dunia Kewartawanan dan Kepengarangan Melayu." *Kertas kerja ceramah anjuran PACE*, 28 Februari, 1997.
- Arkib Negara Malaysia (1987) *Katalog Surat Khabar dan Majalah Bahasa Malaysia dalam Koleksi Surat-Surat Persendirian*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Asmah Haji Omar (1979) *Darulaman. Essays on Linguistic, Cultural and Socio-Economic Aspects of the Malaysian State of Kedah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar (1983) *The Malay Peoples of Malaysia and Their Languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (1988) *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (1991) *Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bonney, R. (1971) *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Braddell, T. (1861) *Statistics of the British Possessions in the Straits of Malacca*. Penang: Penang Gazette Printing Office.
- Braddell, R. (1980) "Most Ancient Kedah." *Ikatan Arkeologi Malaysia*, 1980, hlm. 32-54.
- Bukhari al-Jauhari (2002) (Pengenalan oleh Muhammad Haji Salleh) *Taj al-Salatin*. Johor Bharu: Yayasan Warisan Johor.
- Bullbeck, F. D. (2003) "Hunter-gatherer Occupation of the Malay Peninsula from the Ice Age to the Iron Age." Di dalam Mercader, J. (ed.), *The Archaeology of Tropical Rain Forest*, Rutgers University Press, hlm. 19-160.

- Bullbeck, F. D. (2005) "The Guar Kepah Human Remains." Di dalam Zuraina Majid (ed.), *The Perak Man and Other Prehistoric Skeletons of Malaysia*, Universiti Sains Malaysia Press, hlm.383-424.
- Callenfels, P. V. (1935) "An Advance in Far-Eastern Prehistory: Prehistoric Kitchen Middens in the Straits Settlements – Ancient Shell-Heaps at Guar Kepah, Containing Relics of an Australomelanesoid Culture in Malay Peninsula." *The Illustrated London News*, Jan 5, 1935, pp.13-15.
- Callenfels, P. V. 1938. "An Excavation of Three Kitchen Middens at Guar Kepah, Province Wellesley, Straits Settlements." *Bulletin of the Raffles Museum*, B, 1(1), 1935, pp. 27-37.
- Cheah Boon Kheng (1988) *The Peasant Robbers of Kedah 1900-1929: Historical and Folk Perceptions*. Singapore: Oxford University Press.
- Chia, S. dan Zolkurnian Hassan (2005) "Gua Harimau, A Prehistoric Cemetery in Lenggong, Perak." Di dalam Zuraina Majid (ed.) *The Perak Man and Other Prehistoric Skeletons of Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Choo Keng Kun (1983) "Population Growth and Development of Penang: A Demographic History." *Review of Southeast Asian Studies (Nanyang Quarterly)*, Vol. XIII, June 1983, hlm. 27-55.
- Collins, J.T. (1988) "Wilayah Dialek Kedah: Bukti dari Sumatera Utara." *Dewan Bahasa*, Julai 1988, hlm. 494-522.
- Collins, J.T. (1996) "Bahasa Melayu Abad ke-17: Ciri-Ciri Sociolinguistik." *Jurnal Dewan Bahasa*, Mei 1996, hlm. 386-388.
- Collins, J.T. (1998) *Malay, World Language, A Short History*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cornhill, et al. (1800) *Grammar of the Malay Tongue as Spoken in the Peninsula of Malacca, the Islands of Sumatra, Java, Borneo, Pulo Pinang, &c. &c.* London: Arabic and Persian Press.
- Cullin, E.G. and Zehnder, W.F. (1905) *The Early History of Penang 1592-1827*. Reprinted from The Straits Echo. Penang: The Criterion Press Ltd.
- Dafford, G.P. (1956) *A Short History of Malaya*. London: Longmans, Green.

- de Hollander (1984) *Pedoman Bahasa dan Sastra Melayu*. Jakarta: PN Balai Pustaka.
- Earl, G. W. (1861) *Topography and Itinerary of Province Wellesley*. Penang: Penang Gazette Printing Office.
- Earl, G W. (1861) "On the Shell Mounds of Province Wellesley." *Transactions of the Ethnological Society*, 11, pp. 119-124.
- Evans, I. H. N. (1930) "On Ancient Kitchen Middens in Province Wellesley." *Journal of the Federated Malay States Museums*, 15(1), 1930, pp. 15-18.
- Fadhullah Jamil (1996) "Tuan Haji Abdullah Fahim: Riwayat Hidup dan Sumbangannya Terhadap Masyarakat." Di dalam Fadhullah Jamil dan Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (penyunting), *Sejarah Islam Pulau Pinang. Tokoh dan Sumbangannya Jilid 11. Jurnal Penyelidikan Sejarah Islam Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Jabatan Agama Islam Pulau Pinang.
- Favre, R.P. (1848) *An Account of the Wild Tribes Inhabiting the Malay Peninsula, Sumatra and a Few Neighbouring Islands*. Singapore: Mission Press.
- Ferguson, C.A. (1966) "National Sociolinguistic Profile Formulas." Di dalam Bright, W. (ed.), 1966, *Sociolinguistics: Proceedings of the UCLA Sociolinguistics Conference 1964*, The Hague: Mouton, hlm. 309-324.
- Fuady Yusof (1982) "Idrus Saidi dalam Kenangan." *Bintang Timur*, 8 Julai 1982, hlm. 14.
- Fuady Yusof (1982) "Bapa Lagu2 Nasyid Malaysia dalam Kenangan." *Utusan Malaysia*, 6 Julai 1982, hlm. 8.
- Fujimoto, H. (1988) *The South Indian Muslim Community and the Evolution of the Jawi Peranakan in Penang up to 1948*. ILCAA Tokyo Gaikokugo Daigaku.
- Gallop, A.T. (1994) *The Legacy of the Malay Letter/Warisan Warkah Melayu*. London: The British Library.
- Gallop, A.T. (2002) "Is There a 'Penang-Style' of Malay Manuscript Illumination? Some Preliminary Comments on the Art of the Malay Book, With Special Reference to Manuscripts in the Muzium Negeri Pulau Pinang." *Kertas kerja yang dibentangkan di Pengkisahan Melayu Pulau Pinang*, anjuran Penang Heritage Trust dan The Star, pada 18-21 April 2002, di Hotel City Bayview, Pulau Pinang.

Ghazal Melayu Johor (1998) Koleksi Yayasan Warisan Johor.

Grimes, B.F. (ed.), Pittman, R.S. & Grimes, J.E. (consulting editors) (1996) *Ethnologue: Languages of the World, SIL International, 13th Edition 1996 – 1999*. Versi internet di alamat <http://www.sil.org/ethnologue/ethnologue.html>

Hamilton, A.W. (1922) "Penang Malay." *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, No. 85, 1922, pp. 67-96.

Harun Aminurrashid (1966) *Kajian Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu*. Singapura: Pustaka Melayu.

Harvey, R.J. (1946) *Malaya: Outline of a Colony*. Great Britain: The Press of the Publishers.

Hill, R. D. (1977) *Rice in Malaya: A Study in Historical Geography*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Historical Survey of the Mosques and Kramats on Penang Island (1974) Penang: Malayan Teachers College.

Hoyt, S.H. (1991) *Old Penang*. Singapore: Oxford University Press.

Huxley, F. W. (1863) "Letter on the Human Remains Found in the Shell Mounds." *Transactions of the Ethnological Society, New Series*, 2 (265), 1863, pp. 265-266.

Ismail Hamid (1982) *Pengantar Kesusasteraan Arab Klasik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Ismail Hussein (1973) "Malay Dialects in the Malay Peninsula." *Nusantara* Vol. 3, 1973, pp. 69-79.

Jacob, T. (1967) *Some Problems Pertaining to the Racial History of the Indonesian Region*. Netherlands Bureau for Technical Assistance, Utrecht.

Jocelin Tan Poh Choo (1991) *History of Penang: A Selected and Annotated Bibliography*. Pulau Pinang: Pengajian Pembangunan dan Perpustakaan Pulau Pinang.

Jocelin Tan Poh Choo (2002) "Manusia Zaman Batu Tengah di Aceh Masa Berburu dan Mengumpulkan Makanan Tingkat Lanjut." *Makalah Diskusi Bukit Kerang Aceh Timur*.

Kamus Dewan (Edisi Ketiga) (1994) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Linguistik (1997) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khoo Su Nin (1993) *Streets of George Town, Penang*. Penang: Janus Print.

Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi. 1980. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kratz, U. (1995) "Francis Light dan Surat-Suratnya." Di dalam Ismail Hussein, A. Aziz Deraman dan Abd. Rahman al-Ahmadi (penyelenggara), 1995, *Tamadun Melayu Jilid Tiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1043-1060.

Leith, G. (1804) *A Short Account of the Settlement, Produce, and Commerce of Prince of Wales Island in the Straits of Malacca*. London: J. Barfield.

Lewis, B., CH. Palat and J. Schacht (eds.) (1965) *The Encyclopaedia of Islam. Vol. 11*. Leiden: E. J. Brill.

Liaw Yock Fang (1976) *Undang-Undang Melaka*. The Hague: Martinus Nijhoff.

Logan, J. R. (ed.) (1850) "Notices of Pinang." *The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, Vol. IV. Singapore: Kraus Reprint.

Logan, J. R. (ed.) (1851a) "Notices of Pinang." *The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, Vol. V, 1851, Singapore: Kraus Reprint, pp. 1-14, 93-119, 155-210, 292-305, 354-366, 400-429.

Logan, J. R. (ed.) (1851b) "Notes at Pinang, Kidah &c." *The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, Vol. V, 1851, Singapore: Kraus Reprint, pp. 53-65.

Logan, J. R. (ed.) (1859) "The Law of England in Pinang, Malacca and Singapore." Singapore: Kraus Reprint, hlm. 26-55.

- Logan, J. R. (1885) "Plan for Volunteer Police in the Muda Districts, Province Wellesley." *JSBRAS*, December, No. 16.
- Low, J. (1849) "An Account of the Origin and Progress of the British Colonies in the Straits of Malacca." *The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, Vol. III. Singapore: Kraus Reprint.
- Low, J. (1959) "An Account of the Origin and Progress of the British Colonies in the Straits of Malacca," *The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, Vol. 4.
- Low, J. (1826) *Dissertation on the Soil & Agriculture of the British Settlement of Penang or Prince of Wales Island, in the Straits of Malacca; Including Province Wellesley on the Malayan Peninsula*. Singapore: Singapore Free Press Office.
- Macalister, N. (1802) *Historical Memoir Relative to Prince of Wales Island, in the Straits of Malacca, and Its Important, Political and Commercial*. London: Warwick Square.
- Mahani Musa (2000) "Bahasa Melayu dan Imperialisme British." *Jurnal Ilmu Kemanusiaan*, Vol. 7, Oktober 2000, hlm. 23-43.
- Mahani Musa (2002) "Perkembangan Masyarakat Islam di Pulau Pinang, Abad ke-18 Hingga Abad ke-19". *Kertas kerja yang dibentangkan di Diskusi Sejarah Islam Pulau Pinang*, anjuran Arkib Negara Malaysia Cawangan Pulau Pinang, pada 13 April 2002, di Auditorium Kompleks Pustaka Warisan Seni Jalan P.Ramlee, Pulau Pinang.
- Mahani Musa (2003) *Kongsi Gelap Melayu di Negeri-negeri Utara Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu, 1821-1940-an*. MBRAS, Monograph No. 36.
- Malay Echoes, Raymond Kwok Examines the Baba's Past Links*. Bahan internet di alamat <http://thepenangfile.mybravenet.com/nyonya%2021.htm>
- Mashudi Kader (1971) *Satu Kajian Pertembungan di Antara Bahasa Melayu Umum dengan Bahasa Tamil di Kuala Lumpur*. Tesis untuk Ijazah Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mijsberg, W. A. (1940) "On a Neolithic Palae-Melanesian Jaw Found in a Kitchen Midden at Guar Kepah, Province Wellesley, Straits Settlements." Di dalam Chasen, F. N. dan Tweedie, M.W.F. (eds.), *Proceedings of the Third Congress of Prehistorians of the Far East 1938*, Singapore, pp. 100-118.

- Mills, L. A. (1961) *British Malaya 1824-67 (edited for reprinting, with a bibliography of writings in English on British Malaya, 1786-1897 by Turnbull, C. M. and a new introductory chapter on European influence in the Malay Peninsula, 1511-1786, by Bassett, K.D.)*. Malayan Branch Royal Asiatic Society.
- Mohamed Ghouse Nasaruddin (2000) *Teater Tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Isa Othman (1990) *Politik Tradisional Kedah, 1681-1942*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Ishak Abdul Aziz (1978) "Ghazal." Siri Stensilan Am Kebudayaan Bil. 7, Malaysia: Bahagian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Mohd Supian Sabtu (2002) *Tamadun Awal Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Bukhari Lubis (1996) "Ghazal dalam Sastera Parsi Klasik: Satu Tinjauan Awal." *Kertas kerja Seminar Antarabangsa Teori Sastera, Anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2 Ogos 1996*.
- Muhammad Hassan bin To' Kerani Mohd. Arshad (1968) *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh (2003) "Berfikir Bersama Perubahan: Beberapa Pandangan Ahmad Rashid Talu." Di dalam Sohaimi Abdul Aziz (penyunting), 2003, *Ahmad Rashid Talu: Sasterawan Mendahului Zaman*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nabir bin Haji Abdullah (1993) *Dasar Tanah Kerajaan di Pulau Pinang, 1786-1840-an: Perkembangan dan Masalah Pentadbirannya*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.
- Neil Khor Jin Keong and Malini Das (2002) *Glimpses of Old Penang*. Petaling Jaya: Star Publications.
- Newbold, T. J. (1971) *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca, with an introduction by C. M. Turnbull (terbit pertama kali pada 1831)*, London: Oxford University Press.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (1999) "Kuala Linsing: Mangrove Settlement." In Hassan, 1999, *The Encyclopedia of Malaysia: Early History*, pp. 70-71.


- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (1999) *The Encyclopedia of Malaysia Early History*, 4. Archipelago Press.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman and Othman Mohd Yatim (1990) *Antiquities of Bujang Valley*. Museum Association of Malaysia.
- Noor Ein Mohd. Noor (1967) *Fonologi Loghat Pulau Pinang*. Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noor Ein Mohd. Noor (1973) *Morfologi Dialek Pulau Pinang Seperti yang dituturkan di Daerah Genting, Balik Pulau*. Tesis untuk Ijazah Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noriah Mohamed (1999) *Sejarah Sociolinguistik Bahasa Melayu Lama*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Noriah Mohamed (2003) *Beberapa Topik Asas Sociolinguistik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Omar Farouk Shaeik Ahmad (1978) "The Arabs in Penang." *Malaysia in History*, Vol. XXI, No. 2, December 1978, hlm. 1-16.
- Ong Ju Lynn (2001) "Roots of Penang Malay." Bahan internet di alamat <http://www.mandailing.org/mandailing/mroots.htm>
- "Penang Description of the Island; Population, &c; Christian Missions, Their Establishment, Progress, and Present State." *The Chinese Repository* Vol. 3, July 6, 1834, pp. 221-230.
- Penang Past and Present 1786-1963* (1965) Penang: Penang Historical Society.
- Popham, H. (1805) *A Description of Prince of Wales Island in the Straits of Malacca: With Its Real and Probable Advantages and Sources to Recommend It as a Marine Establishment*. London: John Stockdale.
- Proudfoot, I. (1993) *Early Malay Printed Books. A Provisional Account of Materials Published in the Singapore-Malaysia Area up to 1920, Noting Holdings in Major Public Collections*. Kuala Lumpur: Academy of Malay Studies and The Library, University of Malaya.

- Prusek, J. (editor umum) (1974) *Dictionary of Oriental Literature. Volume 111. West Asia and North Africa*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Purcell, V. (1997) Terjemahan. *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Quaritch Wales, D. C. and Quaritch Wales, H.G. (1947) "Further Work on Indian Sites in Malaya." *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 20(1), 1947, pp.1-11.
- Rahmah Bujang (1975) *Sejarah Perkembangan Drama Bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Shariff (penyusun) (1983-85) (Bahagian Pertama) *Irama Padang Pasir*. Pulau Pinang: Persama Press, Acheh Street.
- Ramly Mat Zin (1980) "Bagan Jermal: Sejarah Ringkas." *Malaysia dari Segi Sejarah*, No. 9.
- Ratna, M. S. (1994) "Sekitar Bukit Kerang Prasejarah di Langsa Waspada, 5." Soekmono, R., 1988, *Pengantar Sejarah Kebudayaan Indonesia*, Kanisius Press.
- Rosiah Binti Salim (1992/93) "Sejarah Kesenian Muzik Ghazal di Muar, Johor." Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan.
- Rosmaliza binti Hassim (2002) *Kata Panggilan Kekeluargaan dalam Masyarakat Jawi Peranakan: Satu Kajian Kes di Kedah Road dan Chulia Street, Pulau Pinang*. Kertas Projek untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sahbullah Darwi (2004) "Ajinda Ghazal Parti. 84 Tahun Berghazal." *Utusan Malaysia*, 20 Dis. 2004. hlm. 2.
- Salleh bin Hussain (1990) *A History of Early Penang 1786 to 1867. Important Events and Developments*. Penang: Malaysian German Society.
- Sandhu, K.S. (1969) *Indians in Malaya*. London: Cambridge University Press.
- Sarah Sardon (1996) *Pengalaman, Sikap dan Pemikiran Ahmad Rashid Talu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.


- Shellabear, W.G. (1913) "Baba Malay. An Introduction to the Language of the Straits-Born Chinese." *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, No. 65, 1913, pp. 36-46.
- Shuib Ismail (1971) *Dialek Kedah Pesisiran: Satu Kumpulan Teks serta Pembicharaan Linguistik*. Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Singam, S.D.R. (ed.) (1940) *Munshi Abdullah to Anak Singapura (Word Glimpses of Malaya by Malaysians)*. Kuala Lumpur: The Malayan Printers.
- Sohaimi Abdul Aziz (ed.) (2003) *Ahmad Rashid Talu: Sasterawan Mendahului Zaman*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Stevens, F. G. (1929) "A Contribution to the Early History of Prince of Wales Island." *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*, Jil. 7, Bah. 3.
- Swettenham, F. (1906) *British Malaya*, London: John Lane the Bodley Head
- Talib Samat (1992) *Syed Syeikh Al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan Sooi Beng (1997) *Bangsawan. A Social And Stylistic History of Popular Malay Opera*. Penang and Malaysia: The Asian Centre.
- The Burney Papers* (1912) Vol. 1, Part 1.
- Tjia, H. D. (1991) "Pertukaran Garisan Tepi Laut Perak Selama Sembilan Ribu Tahun Terakhir." *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 4, 1991, hlm.1-15.
- Tjia, H. D., Fujii, S., Kigoshi, K., Sugimura, A., and Zakaria (1972) "Radiocarbon Dates of Elevated Shorelines, Indonesia and Malaysia." *Quaternary Research*, 2(1), 1972, pp. 487-495.
- Ton binti Ibrahim (1974) *Morfologi Dialek Kedah*. Tesis untuk Ijazah Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Tregonning, K. G. (1964) *A History of Modern Malaya*, Singapore: Eastern Universities Press.

- Turnbull, M. (1972) *The Straits Settlements 1826-1867: Indian Presidency to Crown Colony*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tweedie, M.W.F. (1953) "The Stone Age in Malaya." *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*, Vol. XXVI, Part 2.
- van Ronkell. (1922) "A Tamil Malay Manuscript." *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, No. 85, 1922, pp. 29-35.
- Vaughan, J. D. (1857) "Notes on the Malays of Pinang and Seberang Perai." *The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, Vol. II, No. 2.
- Vergis, M. (ed.) (1994) *Penerbitan Kakitangan Kumulatif, USM. Jil. I dan II. Pulau Pinang*: Perpustakaan Universiti Sains Malaysia.
- Wan Yahya Wan Mohamad Taib (1911) *Salasilah atau Tarekh Kerjaan Kedah*, Alor Setar.
- Wan Zahidi Wan Teh (1988) *Seminar Pendidikan Islam Malaysia Kelima (P. Pinang). 14-15 Nov 1988*. Anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan FPI, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Wheatley, P. (1961) *The golden Khersonese*. University of Malaya Press.
- Wiradnyana, K. (1998) "Bukit Kerang di Mesjid Bendahara, Aceh Timur." *Berkala Arkeologi*, 3.
- Wheeler, L.R. (1928) *The Modern Malay*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Winstedt, R. O. (1986) *A History of Malaya* (first published as part 1, Vol. XIII, March 1933, JMBRAS). Kuala Lumpur: Merican & Sons.
- Yahaya Ismail (1970) *Suatu Kajian Mengenai Karya-Karya Ahmad Rashid Talu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharah Mahmud (1966) "Changes in a Malay Sultanate: An Historical Geography of Kedah Before 1939."
- Zulkifli Khair dan Badrol Hisham Ibrahim (1994) "Sejarah Awal Masyarakat Islam di Pulau Pinang dan Masjid Jamik Batu Uban." *Jurnal Sejarah Islam di Pulau Pinang*, Pulau Pinang: Jabatan Agama Islam Pulau Pinang

Peta 1.1
PETA 1: Paleoalam Pulau Pinang-Perak (Selepas Tjia, 1991)



Peta 1.2
Lokasi Batu Nisan Aceh Teluk Duyung



Teks 3.2
Surat penghargaan ketua-ketua Melayu Pulau Pinang
kepada Gabenor George Leith, 1803

The Malay Captain Mahomet Sally, and all the Merchants and Inhabitants of Penang, humbly present this Address to SIR GEORGE LEITH, Lieutenant Governor, who, with Clemency and Justice, has governed us for Four Years; and under whom we have experienced every Content and Happiness. We now learn that we are to have the Misfortune of being deprived of our Governor, who leaves us soon to return Home: we therefore request his Acceptance of grateful Remembrance and Prayers, for every Happiness which God can bestow on him.

Mahomet Sally, Malay Capt.	Po Lebby,
Noq. Kitchee,	Surraja Deen
Cassim,	Chu Cader,
Inchy Hamet,	Ly. Shiek Mydeen Shutance,
Noq. Geual,	Oosman Nina
Chu Blet,	Abdul Hamet,
Noq. Po Banksa,	Mahomet Sally,
Inchy Akul,	Shiek Mahomet.
Shiek Alladin,	

Pulo Penang,
 11th Day of Ramzan, (26th Dec. 1803.)

(A true Translation.) T. HUTTON, Malay Translator.

Sumber: Leith, G. *A Short Account of the Settlement, Produce, and Commerce of Prince of Wales Island in the Starits of Malacca*, (1804).

Jadual 7.1
Buku-buku terbitan Haji Abdullah b. Muhammad Noordin Arrawi, Pulau Pinang
(Rujukan: Perpustakaan)

Bil.	Judul buku	Pengarang	Tahun diterbitkan
1.	Inilah Kitab yang dinamakan dia Qatharil Ghaisyiyah fii allima al Sufiyah (Jawi)	Al-Banjari, Husin Nasir b. Mohd. Taib al-Masudi	1899
2.	Teman Haji = Rafiq al-Haj/ Karangan al- Sheikh Ahmad bin Osman Bajunid (Jawi)	S. Ahmad b. Osman Bajunid	1966
3.	Ringkasan Sejarah Kerajaan (daulat) Bani Umaiyah	Mustafa Abd. Rahman	1961
4.	Ringkasan Sejarah Khulafa Arrashidin Abu Bakar, Umar, Osman dan Ali r.a	Mustafa Abd. Rahman	1961
5.	Rengkasan Sejarah Perjalanan Hidup Nabi Muhammad: Bahagian Pertama dari Mula Hingga Berhijrah.	Ahmad Mahdi b. Mihad	1966
6.	Kursus Bahasa Kebangsaan	Abdul Razak Noordin/ Asiah Abu Samah/ Zainul Arifin.	1963
7.	Sosialism Islam	Hassan Saleh	1965
8.	Khulafa ar-Rashidin (Abu Bakar, Omar, Othman, Ali); Rengkasan Sejarah; di-tashehkan oleh Hassan Salleh; di-susun mengikut Sukatan Pelajaran Federal untuk Tingkatan III Sekolah Menengah Persekolahan Tanah Melayu.	Ahmad Mahdi b. Mihad	1964

9.	Sistem Baru Mengajar Ugama di Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan.	Ahmad Azzam	1967
10.	Rengkasan Sejarah Tamadun Islam dan Perpechahan Mazhab-Mazhab dalam Sejarah Perundangan Islam.	Ahmad Mahdi b. Mihad	1964
11.	Suloh Ugama: Pelajaran Ugama Islam untuk Sekolah-Sekolah Bahagian Menengah dan dihujungi dengan Contoh-Contoh Soalan Pengetahuan Ugama Islam bagi Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran –L.C.E., Sijil Persekolahan Seberang Laut, Cambridge @ F.M.C.	Ghazali al-Rashid al-Hiraki, Haji.	1965
12.	Nota Kimia untuk Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran.	Mustapha Haji Muda	1968

Jadual 7.2

**Buku-buku terbitan Sinaran Bros Sdn. Bhd., Pulau Pinang
(Rujukan: Perpustakaan)**

Bil.	Judul Buku	Pengarang	Tahun Diterbitkan
1.	Bacaan Jawi (Jawi)	Mansor Sanusi	1959
2.	Raja Haji, Pahlawan Terbilang (Cetakan ke-2)	Darus b. Ahmad (1922)	1960
3.	Gunong Garam	Mansor Sanusi (1919-1974)	1970
4.	Belajar Kesehatan: Penggal II	Jaldin Sanusi	1899
5.	Soal2an Tawarikh	Rashid Ngah/ Muhammad b. Omar	1958
6.	Cherita Roman Sejarah: Panglima Hitam	Mansor Abdullah	1959
7.	Hang Jebat	Darus b. Ahmad	1922
8.	Kesan Sejarah Tanah Ayer	Mashhor Malaya	1956
9.	Malaysia's Shores and Singapore's: A Book of Poems and Comprehension Exercises for Senior Students of English	Burhe, John. C.	1967
10.	Bahasa Melayu: The New Method Malay Course for Beginners (Permulaan)	Mansor Sanusi (1919-1974)	1969
11.	Perak Menuju Kema'moran: Keluaran Istimewa 1969.	Perak Jawatankuasa	1969

		Pembangunan Negara dan Luar Bandar	
12.	Memaham Dan Merengkaskan Karangan: Kesusasteraan Melayu.	Shaharom Husain	1959
13.	Contoh Surat-Surat Perjanjian Jual Putus dan Wasiat.	Muhammad Noor b. Haji Syamsuddin	1960
14.	Keluarga Haiwan	Muhammad Noor b. Mohamed	1957
15.	Hantu dengan Kerjanya	Ahmad b. Embun	1899
16.	Buku Rengkesan Ilmu Alam	Zainul Abidin Sutan Maideen	1962
17.	Kiasan: Makanan Arif Kiasan Ibarat = Malay Adage – Old Saying Jest: Witty similes that are food of the wise Malay adage – old saying jest: Witty is miles that are the food of the wise.	Jaldin Sanusi	1958

Jadual 7.3
Buku-buku lama Pulau Pinang
(Dalam koleksi peribadi MHS)

Bil	Judul Buku	Penerbit/ Tahun Diterbit	Jumlah Buku
1.	Mengapa dilarang? -Haji Abdul Rashid Hashim	Maktabah Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang.	2
2.	Pengantar Kursus Islamism -Abu Bakar	Maktabah Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang.	1
3.	Kedudukan Perempuan dalam Islam	Maktabah Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang. -Cetakan ke-2	1
4.	Pelajaran Agama Islam: Bahagian Ayat-Ayat Al-Quran.	Pustaka Islam, 279 I, Tanjung Tokong, P. Pinang. -1959	2
5.	(Syair) Nazam 25 Rasul dan Mengarak Pengantin....	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang.	2
6.	Pelajaran Uagama Islam: Budi Perangai	Muhammad Haji Hashim Da'iratul – Ma'arifil – Wataniyah, Kepala Batas, P. Pinang.	2
7.	Suluhan Rukun Islam yang ke-5 dan Haji di Tanah Jawi. -Abdullah Mohammad	The United Press, 3, Jalan Dato' Keramat, P. Pinang.	3
8.	Perisai Ancaman -Abu Amir Al-Faruk	S. A. Bajunid, 41, Jalan Kelawai, P. Pinang.	3

9.	Perintis Ilmu Ekonomi -Amir Taat Nasution	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang.	2
10.	Syair Mengarak Pengantin	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 59, Acheen Street, P. Pinang. -Cetakan pertama	7
11.	Malay Grammar for Beginners (Book 1)	The United Press, 29-E, Jalan Dato Keramat, P. Pinang.	2
12.	Malay for Beginners (In Jawi and Roman Scripts) (Book 1) -Hj. Shamsuddin M. Joonoo	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang. -Cetakan ke-2 -1956	1
13.	Malay for Beginners (In Jawi and Roman Scripts) (Book 2) -Haji Shamsuddin M. Joonoo	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang. -1972	1
14.	Malay Grammars for Beginners (In English) (Book 1) -Mohammad b. Haniff	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang. -Edisi ke-3 -1959	1
15.	Bohong di Dunia -Hamka	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang. -1910	4
16.	Al-Ad'iyat ul- Mukhtarat ul- Ma'thurah (Kumpulan Doa-Doa yang Terpilih) -susunan: Ust. Hassan Zaki b. Salleh	Maktabah Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang. -1969 -Cetakan Pertama	2
17.	Kamus Akhbar dan Radio -susunan: Mohammad b.	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi,	3

	Haniff	55, Acheen Street, P. Pinang. -1961	
18.	Ujian Berfikir -Mohammad Shahid b. Hj. Abdullah	Suasana Baru, 293 V, Jalan Perak, P. Pinang. -Edisi ke-3 -1954	4
19.	Ilmu Ekonomi	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang.	1
20.	Memilih Isteri (Idaman Berahi)	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang. -Cetakan ke-2	1
21.	Sejarah Perundangan Islam -Hassan b. Mansur, B.A.	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang. -1968	1
22.	Contoh Karangan untuk SC dan FMC -Disusun: Syed Ibrahim b. Syed Mohammad al Idrus.	Sinaran Bros Sdn. Bhd., 389, Chulia Street, P. Pinang. (Penerbit, pencetak dan penjilid) -Cetakan ke-3 -1971	1
23.	Jalan Bahasa Melayu Penggai 1 -Disusun: Mansur Sanusi	Sinaran Bros Sdn. Bhd., 389, Chulia Street, P. Pinang. (Penerbit dan pencetak)	1
24.	Sinaran Bahasa Melayu -Mansur Sanusi	Sinaran Bros Sdn. Bhd., 389, Chulia Street, P. Pinang.	1
25.	Nahu Ingeris (Dengan Bahasa Melayu yang Mudah) -Mohammad b. Haniff	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55 Acheen Street, P. Pinang. -Edisi Pertama -1954	1
26.	Rahsia-rahsia Syariat	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang.	3

27.	Kitab Kesopanan Hidup	97, Malacca Street, P. Pinang.	4
28.	Peribadi	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang. -Cetakan ke-2	1
29.	Mendidik dan Mengajar	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang.	1
30.	Masyarakat dan Syariat	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang.	1
31.	Madah Sukma (Impian Nafsu dan Kesedaran)	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang.	1
32.	Tiga Hikayat: I (Soal Jawab Menteri Islam dengan Paderi Yahudi) II (Cerita Empat Orang Miskin yang Terlalu Bodoh Sekali) III (Syair Nasihat Bagi Sekalian.....)	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang.	1
33.	Perintis Ilmu Munatik (Logik)	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55 Acheen Street, P. Pinang.	1
34.	"Ashab ul-Kahaf" (Manusia Ajaib)	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang.	3
35.	Senjata Podium (Pentas) -Budiman Radhi	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang. -Cetakan ke-2	1

36.	Risalah "Akhlaq ul-Iman" (Simpulan Iman) Osman Hj. Tahir	The United Press, 29-E, Jalan Dato' Keramat, P. Pinang.	1
37.	Ta'bir Mimpi -Abu Bakar Yasin	Maktabah Matabaat Darul Muammait, 173-C, Jalan Sungai Pinang, P. Pinang.	1
38.	Ta'bir Kehidupan -Dikarang/disusun: Abd. Rahman b. Hj. Abd. Hamid b. Hj. M. Razak	-Cetakan Pertama -1935	1
39. Insaniah	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang.	2
40.	Falsafah Keamanan dalam Islam -Ust. Abu Bakar Hamzah	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang.	1
41.	Tafsir Arrawi Bahagian I -Disusun: Ibnu Arrawi	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang.	1
42.	Tafsir Arrawi Bahagian II -Disusun: Ibnu Arrawi	Haji Abdullah b. M. Noordin Arrawi, 55, Acheen Street, P. Pinang	1

Cukup menarik untuk dinyatakan bahawa selain penerbitan akhbar dan majalah, Pulau Pinang juga, secara logikal, ialah pusat penerbitan.

Dalam kajian yang sedang berjalan ini penulis ingin menegaskan bahawa penerbit yang terbesar dan terlama yang masih berniaga hingga hari ini, mula menerbit pada tahun 1899, 104 tahun ialah Noordin Arrawi. Beliau terkenal kerana buku agama yang diterbitkannya digunakan di seluruh Malaysia, Indonesia dan Selatan Thailand.

Inilah sumbangan terbesarnya. Teks-teks penting fiqh, tauhid, tafsir al-Quran ialah karya yang sering diulang terbit. Antara contohnya ialah:-

CAP dan ALIRAN

Barisan Sosialis, Partai Buruh, DAP, Keadilan kuat.

Bebas dari aliran perdana.

di P. Pinang Darus Ahmad, Zakaria Salleh

meneroka bahasa, drama, sastera, sejarah. darus banyak buku tentang beberapa hal dan bidang.

disokong oleh penerbit Sinaran Bros - yang memerlukan manuskrip untuk sekolah. jalinan kerjasama.

ilmu untuk sekolah – sambungan moden kepada Pejabat Karang mengarang.

Khususnya pelajar Za'ba dan yang menggantikannya.

buku apa:

bahasa untuk kurikulum btu:

bacaan sastera

kajian tentang pantun bukan ilmu baru tetapi mengolah kembali buku lama.